MenerajuiAsia

Maybank

LAPORAN TAHUNAN 2013
PENYATA KEWANGAN

Menghubungkan Dunia di Asia

LAPORAN TAHUNAN
Maybank

Pencapaian Terbaik

RM6.55 bilion
Keuntungan boleh diagih kepada pemegang-pemegang ekuiti Bank

RM560 bilion
Jumlah Aset

14.0%
Pertumbuhan Pembiayaan Kumpulan

MENGHUBUNGKAN DUNIA DI ASIA

MERAIH MANFAAT ALIRAN PERNIAGAAN DI SELURUH DUNIA KE ASIA MENERUSI RANGKAIAN KAMI

KANDUNGAN

PRESTASI KAMI

2 Ulasan 2013
4 Ringkasan Lima Tahun Kewangan Kumpulan
6 Ringkasan Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan
7 Prestasi Suku Tahunan Kewangan Kumpulan
7 Faedah Utama berkaitan Aset dan Liabiliti
8 Penyata Nilai Tambah
9 Maklumat Segmen

KEWANGAN

11 Kenyataan Tanggungjawab Penyata Pengarah
12 Analisis Penyata Kewangan
14 Penyata Kewangan

BASEL II TUNGGAK 3

209 Pendedahan Basel II Tunggak 3

Nota: Laporan Tahunan Penyata Kewangan Malayan Banking Berhad 2013 ini adalah terjemahan dari laporan asal yang telah disediakan dalam Bahasa Inggeris. Para pembaca dinasihatkan supaya merujuk kepada versi Bahasa Inggeris untuk laporan tahunan penyata kewangan yang telah disahkan, jika perlu.

ULASAN 2013

PATAMI
RM6.55 bilion

Mencatatkan rekod keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (PATAMI) yang meningkat 14.0% kepada RM6.55 bilion didorong oleh pendapatan bersih yang tinggi yang disokong oleh kecekapan kos yang semakin baik.

(Sila rujuk pada muka surat 66 bagi Ulasan Kewangan Kumpulan)

Dividen Sesaham
53.5 sen

Dividen bersih sesaham 53.5 sen (TK2012: 52.5 sen) dengan jumlah dividen bersih pada tahun kewangan 2013 sebanyak RM4.71 bilion.

(Sila rujuk pada muka surat 66 bagi Ulasan Kewangan Kumpulan)

Nisbah Kos kepada Pendapatan
47.8%

Nisbah kos kepada pendapatan bertambah baik kepada 47.8% berbanding 48.6% pada tahun kewangan 2012, disebabkan oleh pertumbuhan overhed yang lebih perlahan sebanyak 8.4% berbanding pertumbuhan pendapatan bersih sebanyak 10.5%.

(Sila rujuk pada muka surat 66 bagi Ulasan Kewangan Kumpulan)

Pelantikan Pengurusan

- Kumpulan Maybank
- Bank Internasional Indonesia
- Insurans & Takaful
- Perbankan Pelaburan

Pelantikan Datuk Abdul Farid Alias sebagai PCEO Kumpulan dan Pengurusan bagi tiga entiti, termasuk struktur organisasi yang disusun semula untuk menyokong pertumbuhan serantau.

(Sila rujuk pada muka surat 8 bagi Penyata Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan)

Pembangunan Tenaga Mahir

- Pemenang bagi Anugerah Peneraju 100 Majikan Graduan Terbaik 2013

Maybank muncul sebagai Pemenang kategori Perkhidmatan Perbankan dan Kewangan untuk tempoh tiga tahun berturut-turut bagi Anugerah Peneraju 100 Majikan Graduan Terbaik 2013.

(Sila rujuk pada muka surat 110 bagi Ulasan Modal Insan Kumpulan)

Tanggungjawab Korporat

- Lebih daripada 119,000 jam bekerja untuk program sukarela komuniti

Lebih daripada 23,000 kakitangan Maybank menyumbang lebih daripada 119,000 jam bekerja untuk program sukarela komuniti. Menerusi acara tahunan utama kami, Cahaya Kasih, kami menyusun, memantau dan menilai impak sukarelawan kakitangan kami.

(Sila rujuk pada muka surat 122 bagi Ulasan Tanggungjawab Korporat)

Nota: PATAMI didefinisikan sebagai Keuntungan Selepas Cukai dan Kepentingan Minoriti dan ia bersamaan dengan Keuntungan boleh diagih kepada pemegang-pemegang ekuiti Bank seperti yang dinyatakan dalam penyata kewangan yang telah diaudit.

Tinjauan Kewangan

Keuntungan boleh diagih kepada pemegang-pemegang ekuiti Bank
RM6.55 bilion



Pendapatan Sesaham
75.8 sen



Pulangan atas Ekuiti
15.1 %



Jumlah Aset
RM560.4 bilion



Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan
RM355.6 bilion



Nisbah Kecukupan Modal
Jumlah Nisbah Modal: 15.664%@



Dividen Kasar Sesaham
53.5 sen



Pemodalan Pasaran
RM88.1 bilion



Harga Saham
RM9.94



** Tempoh kewangan enam bulan yang berakhir pada 31 Disember 2011 berikutan perubahan tahun kewangan (TK) dari 30 Jun kepada 31 Disember.*
 # Dikira berdasarkan kepada peruntukan semula wajaran tambahan modal RM3.66 bilion yang diraih pada Oktober 2012.
^ RWCR dan mengandaikan bahawa semua DRP dilabur semula.
@ Jumlah nisbah modal (TCR) dikira sejajar dengan Rangka Kerja Kecukupan Modal (Komponen Modal) yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia pada 28 November 2012.

Ulasan Bukan Kewangan

MODAL INSAN
Lebih 47,000 warga kerja Maybank di seluruh dunia

RANGKAIAN GLOBAL
Lebih 2,200 pejabat di 20 negara

PELANGGAN
22 juta di seluruh dunia

RINGKASAN LIMA TAHUN KEWANGAN KUMPULAN

	KUMPULAN				
	TK 30 JUN		FP 31 DIS		TK 31 DIS
	2010	2011	2011 [1]	2012	2013
KEPUTUSAN OPERASI (RM' juta)[2]					
Hasil operasi	18,560	21,040	12,892	31,227	**33,251**
Keuntungan operasi	5,249	6,135	3,497	7,744	**8,730**
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	5,370	6,270	3,571	7,896	**8,870**
Keuntungan boleh diagih kepada pemegang-pemegang ekuiti Bank	3,818	4,450	2,587	5,746	**6,552**
PENYATA UTAMA MAKLUMAT KEDUDUKAN KEWANGAN (RM' juta)[2]					
Jumlah aset	336,700	411,254	451,632	494,911	**560,443**
Portfolio pelaburan kewangan[3]	68,885	76,871	84,669	92,820	**107,672**
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	205,894	255,018	276,253	311,825	**355,618**
Jumlah liabiliti	308,035	377,522	415,747	451,096	**512,701**
Deposit-deposit daripada pelanggan-pelanggan	236,910	282,797	314,692	347,156	**395,611**
Komitmen dan tanggungan luar jangkaan	232,273	292,109	369,792	379,695	**433,829**
Modal berbayar	7,078	7,478	7,639	8,440	**8,862**
Ekuiti pemegang-pemegang saham	27,877	32,395	34,337	42,095	**45,997**
MAKLUMAT SAHAM[2]					
Sesaham (sen)					
Pendapatan asas	53.9	61.4	34.5	72.7	**75.8**
Pendapatan dicairkan	53.9	61.4	34.5	72.7	**75.7**
Dividen kasar	55.0	60.0	36.0	65.0	**53.5**
Aset bersih (sen)	393.9	433.2	449.5	498.8	**519.0**
Harga saham pada 31 Dis/30 Jun (RM)	7.56	8.94	8.58	9.20	**9.94**
Pemodalan pasaran (RM' juta)	53,510	66,855	65,546	77,648	**88,088**
NISBAH KEWANGAN (%)[2]					
Nisbah Keuntungan/Penguasaan Pasaran					
Margin faedah bersih atas aset pendapatan faedah purata	2.9	2.6	2.5 [6]	2.6	**2.5**
Faedah bersih atas aset wajaran risiko purata	3.5	3.6	4.0 [6]	4.2	**4.2**
Pulangan bersih dana pemegang saham purata	14.5	14.5	15.2 [6]	16.0	**15.1**
Pulangan bersih aset purata	1.2	1.2	1.2 [6]	1.2	**1.2**
Pulangan bersih aset berwajaran risiko purata	1.6	1.8	2.0 [6]	2.1	**2.2**
Nisbah kos kepada pendapatan[4]	46.5	49.2	49.7	48.6	**47.8**
Penguasaan pasaran domestik dalam :					
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	17.6	18.1	17.9	18.2	**18.4**
Deposit daripada pelanggan - Akaun Simpanan	27.7	27.9	27.6	27.7	**27.7**
Deposit daripada pelanggan - Akaun Semasa	20.5	20.7	19.5	20.2	**20.4**
NISBAH KECUKUPAN MODAL (%)					
Nisbah Modal CET 1	-	-	-	-	**11.253**
Nisbah Modal Tahap 1	-	-	-	-	**13.059**
Jumlah Nisbah Modal	-	-	-	-	**15.664**
Nisbah Modal Teras[5] (selepas ditolak cadangan dividen akhir)	10.1 - 11.0	11.2 - 11.8	11.0 - 11.7	12.8 - 13.5	**-**
Nisbah Modal Berwajaran Risiko[5] (selepas ditolak cadangan dividen akhir)	13.7 - 14.6	14.7 - 15.4	15.7 - 16.4	16.6 - 17.4	**-**
NISBAH KUALITI ASET[2]					
Nisbah pinjaman rosot nilai bersih/pinjaman tidak berbayar bersih (%)	1.22	2.25	1.86	1.09	**0.95**
Liputan kerugian pinjaman (%)	124.5	82.3	86.9	105.6	**107.5**
Pinjaman bersih kepada nisbah deposit (%)	86.8	90.2	87.8	89.8	**89.9**
Deposit kepada dana pemegang saham (gandaan)	8.5	8.7	9.2	8.2	**8.6**
PENILAIAN ATAS SAHAM[2]					
Hasil dividen kasar (%)	7.3	6.7	4.2	7.1	**5.4**
Nisbah pembayaran dividen (%)	76.5	74.9	79.9	74.7	**71.9**
Harga kepada pendapatan berganda (gandaan)	14.0	14.6	24.9	12.7	**13.1**
Harga kepada penyata berganda (gandaan)	1.9	2.1	1.9	1.8	**1.9**

1 Keputusan kewangan meliputi tempoh kewangan selama enam bulan berakhir pada 31 Disember 2011 berikutan perubahan berakhirnya tahun kewangan dari 30 Jun ke 31 Disember.

2 Keputusan TK2012 dinyatakan semula berikutan perubahan dalam dasar perakaunan.

3 Portfolio pelaburan kewangan mengandungi aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi, pelaburan kewangan tersedia untuk dijual dan pelaburan kewangan dipegang hingga matang.

4 Nisbah kos kepada pendapatan dikira menggunakan jumlah kos berbanding pendapatan bersih. Jumlah kos Kumpulan adalah jumlah perbelanjaan overhed tidak termasuk pelunasan aset tidak ketara bagi PT Bank Internasional Indonesia Tbk dan Maybank Kim Eng Holdings Limited.

5 Nisbah kecukupan modal bagi bulan Disember 2012, Disember 2011, Jun 2011 dan Jun 2010 mempamerkan dua kemungkinan besar, iaitu
(i) apabila bahagian boleh pilih penuh tidak dilabur semula; dan
(ii) apabila bahagian boleh pilih penuh dilabur semula dalam saham biasa baru menurut Pelan Pelaburan Semula Dividen.

6 Secara tahunan.

BANK	
TK 31 DIS	
2012	2013
17,079	**18,723**
5,498	**6,127**
5,498	**6,127**
4,306	**4,886**
342,557	**397,779**
60,643	**75,433**
214,852	**237,971**
305,661	**357,279**
237,402	**273,670**
338,799	**399,786**
8,440	**8,862**
36,895	**40,500**
54.5	**56.5**
54.5	**56.5**
65.0	**53.5**
437.1	**457.0**
-	**-**
-	**-**
2.1	**2.0**
3.1	**3.1**
13.8	**12.9**
1.3	**1.3**
2.2	**2.3**
43.3	**40.5**
18.2	**18.4**
27.7	**27.7**
20.2	**20.4**
-	**15.925**
-	**15.925**
-	**15.925**
16.3 - 17.3	**-**
16.3 - 17.3	**-**
1.12	**0.94**
106.8	**116.2**
90.5	**87.0**
6.4	**6.8**
-	**-**
-	**-**
-	**-**
-	**-**

Keuntungan sebelum Cukai dan Zakat

RM8.87 bilion



Keuntungan boleh Diagih kepada Pemegang-pemegang Ekuiti Bank

RM6.55 bilion



Jumlah Aset

RM560.4 bilion



Jumlah Liabiliti

RM512.7 bilion



Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan

RM355.6 bilion



Deposit-deposit daripada Pelanggan-pelanggan

RM395.6 bilion



Ekuiti Pemegang-pemegang Saham

RM46.0 bilion



Modal Berbayar

RM8.9 bilion

RINGKASAN PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN KUMPULAN

ASET

RM560.4 BILION



Pada 31 Disember 2013

ASET

RM494.9 BILION



Pada 31 Disember 2012 [1]

LIABILITI & EKUITI PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM

RM560.4 BILION



Pada 31 Disember 2013

LIABILITI & EKUITI PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM

RM494.9 BILION



Pada 31 Disember 2012 [1]

[1] *Angka-angka TK2012 dinyatakan semula berikutan perubahan dalam dasar perakaunan.*

PRESTASI SUKU TAHUNAN KEWANGAN KUMPULAN

RM' juta	TK 31 Dis 2013 S1	S2	S3	S4	TAHUN
Hasil operasi	**8,117**	**8,589**	**8,276**	**8,269**	**33,251**
Pendapatan faedah bersih (termasuk pendapatan daripada perniagaan perbankan Islam)	**3,047**	**3,048**	**3,127**	**3,173**	**12,395**
(Kerugian)/pendapatan bersih daripada perniagaan insurans/takaful	**(78)**	**(55)**	**209**	**185**	**261**
Keuntungan operasi	**2,091**	**2,047**	**2,308**	**2,284**	**8,730**
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	**2,127**	**2,089**	**2,352**	**2,302**	**8,870**
Keuntungan boleh diagih kepada pemegang-pemegang ekuiti Bank	**1,506**	**1,568**	**1,746**	**1,732**	**6,552**
Pendapatan sesaham (sen)	**17.89**	**18.25**	**20.07**	**19.58**	**75.79**
Dividen sesaham (sen)	**-**	**22.50**	**-**	**31.00**	**53.50**

RM' juta	TK 31 Dis 2012 [1] S1	S2	S3	S4	TAHUN
Hasil operasi	7,782	7,846	7,796	7,803	31,227
Pendapatan faedah bersih (termasuk pendapatan daripada perniagaan perbankan Islam)	2,759	2,874	2,931	2,929	11,493
(Kerugian)/pendapatan bersih daripada perniagaan insurans/takaful	(253)	21	(8)	192	(48)
Keuntungan operasi	1,860	1,979	1,989	1,916	7,744
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	1,895	2,026	2,025	1,950	7,896
Keuntungan boleh diagih kepada pemegang ekuiti Bank	1,347	1,438	1,501	1,460	5,746
Pendapatan sesaham (sen)	17.62	18.64	19.13	17.30	72.69
Dividen sesaham (sen)	-	32.00	-	33.00	65.00

[1] *Keputusan dinyatakan semula berikutan perubahan dalam dasar perakaunan.*

FAEDAH UTAMA BERKAITAN ASET DAN LIABILITI

	TK 31 Dis 2012 [1] Pada 31 Disember RM' juta	Kadar Hasil Efektif %	Faedah Pendapatan / Perbelanjaan RM' juta	TK 31 Dis 2013 Pada 31 Disember RM' juta	Kadar Hasil Efektif %	Faedah Pendapatan / Perbelanjaan RM' juta
Faedah aset pendapatan						
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	311,825	6.38	15,199	**355,618**	**5.09**	**16,556**
Tunai dan dana jangka pendek & deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan	51,968	1.79	824	**55,224**	**2.18**	**961**
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	29,157	3.89	688	**19,167**	**3.95**	**681**
Pelaburan kewangan tersedia untuk dijual	60,792	3.38	1,804	**82,837**	**3.76**	**2,306**
Pelaburan kewangan dipegang hingga matang	2,871	3.56	327	**5,668**	**5.23**	**141**
Faedah berkaitan liabiliti						
Deposit-deposit daripada pelanggan-pelanggan	347,156	1.78	5,946	**395,611**	**1.96**	**6,909**
Deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan	33,887	2.03	861	**42,139**	**1.60**	**900**
Pinjaman	10,714	3.29	389	**13,322**	**3.24**	**432**
Tanggungan subordinat	13,510	4.46	562	**12,645**	**5.36**	**561**
Sekuriti modal	6,150	6.54	401	**5,921**	**6.54**	**385**

[1] *Angka-angka TK2012 dinyatakan semula berikutan perubahan dalam dasar perakaunan.*

PENYATA NILAI TAMBAH

NILAI TAMBAH	TK 31 Dis 2012 [1] RM'000	TK 31 Dis 2013 RM'000
Pendapatan faedah bersih	9,296,685	**9,585,280**
Pendapatan daripada operasi Skim Perbankan Islam	2,196,259	**2,810,182**
(Kerugian)/pendapatan bersih daripada perniagaan insurans/takaful	(48,336)	**260,836**
Pendapatan bukan faedah	5,328,710	**5,882,062**
Perbelanjaan operasi tidak termasuk kos kakitangan, susut nilai dan pelunasan	(3,153,664)	**(3,508,866)**
Peruntukan bagi kerugian rosot nilai atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan, bersih	(679,247)	**(729,586)**
Peruntukan bagi kerugian rosot nilai atas pelaburan kewangan, bersih	(117,826)	**(150,522)**
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama	152,476	**139,267**
Nilai tambah sedia ada untuk pengagihan	12,975,057	**14,288,653**

PENGAGIHAN NILAI TAMBAH	TK 31 Dis 2012[1] RM'000	TK 31 Dis 2013 RM'000
Kepada kakitangan:		
Perbelanjaan kakitangan	4,708,888	**4,943,884**
Kepada kerajaan:		
Percukaian	1,977,618	**2,098,261**
Kepada penyedia modal:		
Dividen dibayar kepada pemegang saham	3,944,958	**4,365,481**
Kepentingan tidak dikawal	172,764	**218,942**
Untuk dilabur semula di dalam Kumpulan:		
Susut nilai dan pelunasan	369,867	**475,175**
Keuntungan terkumpul	1,800,962	**2,186,910**
Nilai tambah sedia ada untuk pengagihan	12,975,057	**14,288,653**



Kepada kakitangan
Perbelanjaan kakitangan

Kepada kerajaan
Percukaian

Kepada penyedia modal
Dividen dibayar kepada pemegang saham
Kepentingan tidak dikawal

Untuk dilabur semula di dalam Kumpulan
Susut nilai dan pelunasan
Keuntungan terkumpul



TK 31 Disember 2012 [1]

TK 31 Disember 2013

[1] Keputusan dinyatakan semula berikutan perubahan dalam dasar perakaunan.

MAKLUMAT SEGMEN

ANALISIS MENGIKUT KEDUDUKAN GEOGRAFI

		TK 31 Dis 2012 [1]		TK 31 Dis 2013	
	PENDAPATAN BERSIH	**RM'000**	**Komposisi**	**RM'000**	**Komposisi**
1	Malaysia	10,868,696	64.8%	**12,162,821**	**65.6%**
2	Singapura	2,463,826	14.7%	**2,732,243**	**14.7%**
3	Indonesia	2,526,750	15.1%	**2,511,268**	**13.5%**
4	Lokasi-lokasi lain	914,046	5.4%	**1,132,028**	**6.2%**
		16,773,318	100.0%	**18,538,360**	**100.0%**
	KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI DAN ZAKAT				
1	Malaysia	5,510,254	69.8%	**6,179,546**	**69.7%**
2	Singapura	1,139,771	14.4%	**1,251,904**	**14.1%**
3	Indonesia	554,199	7.0%	**658,575**	**7.4%**
4	Lokasi-lokasi lain	692,078	8.8%	**779,569**	**8.8%**
		7,896,302	100.0%	**8,869,594**	**100.0%**

ANALISIS MENGIKUT AKTIVITI

		TK 31 Dis 2012 [1]	TK 31 Dis 2013
	PENDAPATAN BERSIH	**RM'000**	**RM'000**
1	Perkhidmatan Kewangan Komuniti	6,870,524	**7,318,023**
2	Perbankan Global	5,291,516	**5,502,215**
3	Perbankan Antarabangsa	5,137,066	**5,330,225**
4	Insurans, Takaful dan Pengurusan Aset	1,402,501	**1,551,759**
5	Ibu pejabat dan lain-lain	(1,928,289)	**(1,163,862)**
		16,773,318	**18,538,360**
	KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI DAN ZAKAT		
1	Perkhidmatan Kewangan Komuniti	3,024,238	**3,224,468**
2	Perbankan Global	3,809,147	**3,472,527**
3	Perbankan Antarabangsa	2,293,605	**2,536,707**
4	Insurans, Takaful dan Pengurusan Aset	697,601	**799,754**
5	Ibu pejabat dan lain-lain	(1,928,289)	**(1,163,862)**
		7,896,302	**8,869,594**

[1] *Keputusan dinyatakan semula berikutan perubahan dalam dasar perakaunan.*

PENYATA KEWANGAN

11 Kenyataan Tanggungjawab Penyata Pengarah
12 Analisis Penyata Kewangan
14 Laporan Para Pengarah
21 Penyata Pengarah
21 Akuan Berkanun
22 Laporan Juruaudit Bebas
23 Indeks Penyata Kewangan
24 Penyata Kedudukan Kewangan yang Disatukan
25 Penyata Kedudukan Kewangan
26 Penyata-penyata Pendapatan
27 Penyata-penyata Pendapatan Komprehensif
28 Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Yang Disatukan
29 Penyata Perubahan Dalam Ekuiti
30 Penyata-penyata Aliran Tunai
32 Nota-Nota Penyata Kewangan

KENYATAAN TANGGUNGJAWAB PENYATA PENGARAH

terhadap Penyata Kewangan Yang Telah Diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2013

Para pengarah bertanggungjawab memastikan bahawa penyata kewangan tahunan Kumpulan dan Bank yang diaudit telah disediakan mengikut keperluan-keperluan yang diterima pakai oleh Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Antarabangsa, keperluan-keperluan Akta Syarikat, 1965, Garis Panduan Bank Negara Malaysia dan Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad.

Para pengarah juga bertanggungjawab memastikan penyata kewangan tahunan Kumpulan dan Bank yang diaudit disediakan dengan ketepatan munasabah berdasarkan rekod-rekod perakaunan dalam memberikan gambaran yang betul dan saksama tentang kedudukan kewangan Kumpulan dan Bank sehingga pada 31 Disember 2013 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun kewangan yang telah berakhir.

Dalam menyediakan penyata kewangan, para pengarah telah:

- menimbang pemakaian piawaian perakaunan berkenaan yang diluluskan di Malaysia;
- mengamal dan menggunakan secara konsisten polisi perakaunan yang bersesuaian;
- membuat penilaian dan anggaran yang munasabah serta berhemat; dan
- menyediakan penyata kewangan berasaskan secara berterusan memandangkan para pengarah mempunyai jangkaan yang munasabah, telah mengemukakan pertanyaan bahawa Kumpulan dan Bank mempunyai sumber yang mencukupi untuk meneruskan operasinya di masa hadapan yang boleh diramal.

Para pengarah secara amnya juga bertanggungjawab mengambil langkah-langkah munasabah untuk melindungi aset Kumpulan dan Bank bagi mengelak dan mengesan penyelewengan dan ketidaksamaan lain.

ANALISIS PENYATA KEWANGAN

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN YANG DISATUKAN

RM' bilion	Pada 31.12.2013	Pada 31.12.2012 (Dinyatakan semula)	Perbezaan	% Perubahan
ASET-ASET				
Tunai dan dana jangka pendek	**48.07**	40.02	8.05	20.1%
Deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan	**7.16**	11.95	(4.79)	(40.1%)
Aset kewangan dibeli di bawah perjanjian jualan balik	**0.02**	0.80	(0.78)	(97.5%)
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	**19.17**	29.16	(9.99)	(34.3%)
Pelaburan kewangan tersedia untuk dijual	**82.84**	60.79	22.05	36.3%
Pelaburan kewangan dipegang hingga matang	**5.67**	2.87	2.80	97.6%
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	**355.62**	311.82	43.80	14.0%
Aset derivatif	**3.94**	2.88	1.06	36.8%
Aset insurans semula/takaful semula dan lain-lain aset insurans	**2.35**	2.56	(0.21)	(8.2%)
Aset-aset lain	**8.51**	6.68	1.83	27.4%
Hartanah pelaburan	**0.58**	0.57	0.01	1.8%
Deposit-deposit berkanun dengan bank-bank pusat	**13.74**	12.30	1.44	11.7%
Kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama	**2.46**	2.24	0.22	9.8%
Hartanah, loji dan peralatan	**2.61**	2.40	0.21	8.8%
Aset tidak ketara	**6.04**	6.53	(0.49)	(7.5%)
Aset cukai tertunda	**1.66**	1.34	0.32	23.9%
JUMLAH ASET	**560.44**	494.91	65.53	13.2%
LIABILITI-LIABILITI				
Deposit-deposit daripada pelanggan-pelanggan	**395.61**	347.16	48.45	14.0%
Deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan	**42.14**	33.89	8.25	24.3%
Tanggungan ke atas aset kewangan dijual di bawah perjanjian belian balik	**4.30**	-	4.30	N/A
Bil-bil dan penerimaan belum bayar	**1.99**	2.27	(0.28)	(12.3%)
Liabiliti derivatif	**3.94**	2.38	1.56	65.5%
Liabiliti kontrak insurans/takaful dan lain-lain liabiliti insurans	**21.80**	21.93	(0.13)	(0.6%)
Liabiliti-liabiliti lain	**8.28**	9.78	(1.50)	(15.3%)
Kewajipan atas pinjaman dan pembiayaan dijual kepada Cagamas	**1.28**	1.59	(0.31)	(19.5%)
Peruntukan cukai dan zakat	**0.84**	1.05	(0.21)	(20.0%)
Liabiliti cukai tertunda	**0.64**	0.68	(0.04)	(5.9%)
Pinjaman	**13.32**	10.71	2.61	24.4%)
Tanggungan subordinat	**12.64**	13.51	(0.87)	(6.4%)
Sekuriti modal	**5.92**	6.15	(0.23)	(3.7%)
JUMLAH LIABILITI	**512.70**	451.10	61.60	13.7%
Ekuiti pemegang-pemegang saham	**46.00**	42.09	3.91	9.3%
Kepentingan tidak dikawal	**1.74**	1.72	0.02	1.2%
JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM	**560.44**	494.91	65.53	13.2%

ANALISIS PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN YANG DISATUKAN

JUMLAH ASET

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, jumlah aset Kumpulan meningkat sebanyak RM65.53 bilion atau 13.2% kepada RM560.44 bilion berbanding pertumbuhan sebanyak 9.6% bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012. Pertumbuhan jumlah aset Kumpulan disumbangkan terutamanya oleh pertumbuhan dalam pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan sebanyak RM43.80 bilion atau 14.0% dan pertumbuhan portfolio pelaburan kewangan sebanyak RM14.86 bilion atau 16.0% tetapi diimbangi oleh pengurangan dalam deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan sebanyak RM4.79 bilion dari tahun kewangan sebelumnya yang berakhir 31 Disember 2012. Sebahagian besar jumlah aset Kumpulan terdiri daripada 63.5% dalam pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan lebih tinggi sedikit daripada 63.0% pada 31 Disember 2012.

PORTFOLIO PELABURAN KEWANGAN

Portfolio pelaburan kewangan Kumpulan meningkat sebanyak RM14.86 bilion atau 16.0% kepada RM107.68 bilion terutamanya disumbangkan oleh peningkatan dalam portfolio pelaburan kewangan tersedia untuk dijual sebanyak RM22.05 bilion kepada RM82.84 bilion pada 31 Disember 2013. Peningkatan ini bagaimanapun diimbangi oleh penurunan aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi sebanyak RM9.99 bilion kepada RM19.17 bilion daripada RM29.16 bilion pada 31 Disember 2012.

Portfolio pelaburan kewangan terdiri daripada 76.9% pelaburan kewangan tersedia untuk dijual, 17.8% aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi dan selebihnya 5.3% adalah pelaburan kewangan dipegang hingga matang.

PINJAMAN, PENDAHULUAN DAN PEMBIAYAAN

Pertumbuhan pinjaman bersih Kumpulan meningkat sebanyak RM43.80 bilion atau 14.0% kepada RM355.62 bilion, dengan operasi Malaysia dan Singapura masing-masing berkembang sebanyak 11.9% dan 13.6%. Pertumbuhan pinjaman di Indonesia meningkat pada kadar lebih cepat sebanyak 27.9% berikutan pinjaman Perbankan Perniagaan dan Perbankan Runcit yang masing-masing meningkat sebanyak 30.3% dan 26.5%.

Pertumbuhan pinjaman di pasaran antarabangsa lain meningkat sebanyak 27.7% bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 berbanding pertumbuhan 12.9% dalam tahun kewangan sebelumnya yang berakhir pada 31 Disember 2012 terutamanya disumbangkan oleh pertumbuhan pinjaman daripada operasi Wilayah Besar China.

JUMLAH LIABILITI

Jumlah liabiliti Kumpulan meningkat sebanyak RM61.60 bilion atau 13.7% kepada RM512.70 berbanding 8.5% tahun sebelumnya. Sejumlah besar keseluruhan peningkatan ini adalah berikutan pertumbuhan deposit daripada pelanggan diikuti dengan pertumbuhan deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan.

DEPOSIT-DEPOSIT DARIPADA PELANGGAN-PELANGGAN

Deposit-deposit daripada pelanggan-pelanggan Kumpulan meningkat sebanyak RM48.45 bilion atau 14.0% kepada RM395.61 bilion, di mana pertumbuhan paling tinggi datangnya dari Indonesia dengan peningkatan sebanyak 24.8% manakala Malaysia dan Singapura masing-masing mencatatkan kenaikan 14.0% dan 13.7%.

Kumpulan mencatat peningkatan berterusan dalam keseluruhan campuran pembiayaan dengan kos dana lebih rendah terdiri daripada deposit simpanan dan permintaan berkembang pada kadar 16.9% kepada RM142.74 bilion. Hasilnya, nisbah CASA (akaun semasa dan simpanan) bertambah baik kepada 36.1% daripada 35.1% tahun lalu.

DEPOSIT DAN PENEMPATAN DARIPADA INSTITUSI KEWANGAN

Deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan Kumpulan meningkat sebanyak RM8.25 bilion atau 24.3% kepada RM42.14 bilion disebabkan keperluan untuk memasuki pasaran antara bank bagi membiayai pertumbuhan pinjaman yang kukuh.

EKUITI PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM

Ekuiti para pemegang saham Kumpulan berkembang sebanyak RM3.91 bilion atau 9.3% kepada RM46.0 bilion terutamanya disebabkan oleh peningkatan dalam modal saham diterbitkan berikutan dua Pelan Pelaburan Semula Dividen semasa tahun kewangan.

ANALISIS PENYATA PENDAPATAN YANG DISATUKAN

RM' juta	TK2013	TK2012 (Dinyatakan semula)	Perbezaan	% Perubahan
Pendapatan faedah bersih	**9,585.3**	9,296.7	288.6	3.1%
Pendapatan dari operasi Skim Perbankan Islam	**2,810.1**	2,196.2	613.9	28.0%
	12,395.4	11,492.9	902.5	7.9%
Pendapatan/(kerugian) bersih daripada perniagaan Insurans/ takaful	**260.8**	(48.3)	309.1	640.0%
Pendapatan bukan faedah	**5,882.1**	5,328.7	553.4	10.4%
Pendapatan bersih	**18,538.3**	16,773.3	1,765.0	10.5%
Perbelanjaan overhed	**(8,927.9)**	(8,232.4)	695.5	8.4%
Keuntungan operasi sebelum kerugian rosot nilai	**9,610.4**	8,540.9	1,069.5	12.5%
Peruntukan bagi kerugian rosot nilai atas pinjaman, pendahuluan, pembiayaan dan hutang lain, bersih	**(729.6)**	(679.3)	50.3	7.4%
Peruntukan bagi rosot nilai atas pelaburan kewangan, bersih	**(150.5)**	(117.8)	32.7	27.8%
Keuntungan operasi	**8,730.3**	7,743.8	986.5	12.7%
Bahagian keuntungan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama	**139.3**	152.5	(13.2)	(8.7%)
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	**8,869.6**	7,896.3	973.3	12.3%
Cukai dan zakat	**(2,098.3)**	(1,977.6)	120.7	6.1%
Keuntungan bagi tahun kewangan	**6,771.3**	5,918.7	852.6	14.4%
Kepentingan tidak dikawal	**(218.9)**	(172.8)	46.1	26.7%
Keuntungan boleh diagih kepada pemegang-pemegang ekuiti bank	**6,552.4**	5,745.9	806.5	14.0%
Pendapatan asas sesaham (EPS) - asas (sen)	**75.8**	72.7	3.1	4.3%

KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI BOLEH DIAGIHKAN KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG EKUITI

Kumpulan mencatat keuntungan selepas cukai yang boleh diagihkan kepada pemegang-pemegang ekuiti sebanyak RM6,552.4 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, peningkatan sebanyak RM806.5 juta atau 14.0% berbanding tahun yang sama sebelumnya berakhir 31 Disember 2012.

PENDAPATAN FAEDAH BERSIH DAN PENDAPATAN PERBANKAN ISLAM

Pendapatan faedah bersih dan pendapatan Perbankan Islam Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 meningkat sebanyak RM902.5 juta atau 7.9% berbanding tahun kewangan sebelumnya yang berakhir pada 31 Disember 2012. Ini disebabkan oleh peningkatan tahun ke tahun sebanyak 14.0% dalam pinjaman dan pendahulan Kumpulan (termasuk pembiayaan Islam).

PENDAPATAN BERSIH DARIPADA PERNIAGAAN INSURANS DAN TAKAFUL

Pendapatan bersih daripada perniagaan insurans dan takaful Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 meningkat sebanyak RM309.1 juta berbanding tahun kewangan sebelumnya yang berakhir 31 Disember 2012. Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh manfaat dan tuntutan bersih yang lebih rendah sebanyak RM777.9 juta, perbelanjaan yuran dan komisen yang lebih rendah sebanyak RM69.6 juta dan liabiliti perbelanjaan yang lebih rendah sebanyak RM32.5 juta. Penurunan dalam kos walau bagaimanapun dikurangkan oleh premium lebih rendah yang diperolehi sebanyak RM576.6 juta.

PENDAPATAN BUKAN FAEDAH

Pendapatan bukan faedah Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 mencatatkan peningkatan sebanyak RM553.4 juta atau 10.4% kepada RM5,882.1 juta. Peningkatan ini terutamanya disumbangkan oleh hasil tukaran asing bersih yang lebih tinggi sebanyak RM1,153.0 juta, pendapatan yuran lebih tinggi sebanyak RM371.3 juta dan hasil lebih tinggi atas pelupusan pelaburan kewangan tersedia untuk dijual sebanyak RM224.1 juta. Walau bagaimanapun, peningkatan ini dikurangkan oleh kerugian atas penilaian semula aset kewangan tidak dinyatakan yang lebih tinggi pada nilai saksama melalui untung atau rugi dan derivatif sebanyak RM1,021.2 juta.

PERBELANJAAN OVERHED

Perbelanjaan overhed Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 meningkat RM695.5 juta atau 8.4% berbanding tahun kewangan sebelumnya yang berakhir 31 Disember 2012. Penyumbang utama kepada peningkatan perbelanjaan overhed adalah pihak Bank sendiri, Maybank Kim Eng, PT Bank Internasional Indonesia Tbk ("BII"), ETIQA Insurans, dan Maybank Philippines. Perbelanjaan kakitangan Kumpulan meningkat RM235.0 juta dan membentuk 33.8% daripada jumlah peningkatan dalam perbelanjaan overhed Kumpulan. Peningkatan ini selaras dengan pertumbuhan perniagaan Kumpulan.

PERUNTUKAN ROSOT NILAI BAGI PINJAMAN

Peruntukan rosot nilai bagi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan meningkat sebanyak RM50.3 juta kepada RM729.6 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013. Peningkatan itu disebabkan terutamanya oleh peruntukan kolektif lebih tinggi yang dibuat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013. Nisbah pinjaman rosot nilai bersih Kumpulan bertambah baik kepada 0.95% pada 31 Disember 2013, berbanding 1.09% pada 31 Disember 2012.

Peningkatan dalam keuntungan sebelum cukai Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 berbanding tahun kewangan sebelumnya yang berakhir 31 Disember 2012 dianalisis berdasarkan segmen-segmen operasi Kumpulan, seperti berikut:

PERKHIDMATAN KEWANGAN KOMUNITI ("PKK"), MALAYSIA

Keuntungan sebelum cukai PKK bertambah sebanyak RM200.3 juta atau 6.6% kepada RM3,224.5 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 daripada RM3,024.2 juta bagi tahun kewangan sebelumnya yang berakhir 31 Disember 2012. Peningkatan ini adalah disumbangkan oleh pendapatan faedah dan pendapatan Perbankan Islam yang lebih tinggi sebanyak RM433.4 juta atau 8.0% berikutan pertumbuhan kukuh pinjaman tahun ke tahun bagi pinjaman Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) sebanyak 23.1%, pinjaman dana amanah sebanyak 20.5%, dan pembiayaan kenderaan sebanyak 12.0%. Walau bagaimanapun, peningkatan ini dikurangkan oleh perbelanjaan overhed lebih tinggi sebanyak RM153.0 juta dan peruntukan lebih tinggi bagi kerugian rosot nilai pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan sebanyak RM94.2 juta.

PERBANKAN GLOBAL

a) Perbankan korporat, Malaysia

Keuntungan sebelum cukai Perbankan Korporat berkurang sebanyak RM375.3 juta atau 18.9% kepada RM1,614.1 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 daripada RM1,989.4 juta bagi tahun kewangan sebelumnya yang berakhir 31 Disember 2012. Pengurangan ini adalah disebabkan oleh peruntukan lebih tinggi bagi kerugian rosot nilai pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan sebanyak RM330.0 juta, pendapatan bukan faedah lebih rendah sebanyak RM55.2 juta dan perbelanjaan overhed lebih tinggi sebanyak RM14.7 juta. Walau bagaimanapun, penurunan ini dikurangkan oleh pendapatan faedah bersih dan pendapatan Perbankan Islam lebih tinggi sebanyak RM24.6 juta.

b) Pasaran Global, Malaysia

Keuntungan sebelum cukai Pasaran Global berkurang sebanyak RM76.9 juta atau 5.2% kepada RM1,396.6 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 daripada RM1,473.5 juta bagi tahun kewangan sebelumnya yang berakhir 31 Disember 2012. Penurunan ini berikutan pendapatan bukan faedah lebih rendah sebanyak RM131.7 juta terutamanya disebabkan oleh hasil lebih rendah bagi aktiviti dagangan daripada portfolio sekuriti, derivatif kadar faedah dan dagangan kadar, kerugian lebih tinggi bagi rosot nilai pelaburan kewangan sebanyak RM53.9 juta dan perbelanjaan lebih tinggi bagi overhed sebanyak RM7.1 juta. Walau bagaimanapun, penurunan ini dikurangkan oleh pendapatan faedah dan pendapatan Perbankan Islam yang lebih tinggi sebanyak RM115.8 juta.

c) Perbankan Pelaburan (Maybank IB dan Maybank Kim Eng)

Keuntungan sebelum cukai Perbankan Pelaburan meningkat sebanyak RM115.6 juta atau 33.4% kepada RM461.8 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 daripada RM346.2 juta bagi tahun kewangan sebelumnya yang berakhir 31 Disember 2012. Peningkatan ini berpunca daripada pendapatan bukan faedah lebih tinggi sebanyak RM310.2 juta terutamanya daripada pendapatan pembrokeran dan taja jamin yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, jumlah ini dikurangkan oleh perbelanjaan overhed lebih tinggi sebanyak RM131.6 juta dan pendapatan faedah bersih dan pendapatan Perbankan Islam yang lebih rendah sebanyak RM53.0 juta. Maybank Kim Eng mencatat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM191.3 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, terutamanya disumbangkan oleh pendapatan pembrokeran sebanyak RM594.8 juta.

PERBANKAN ANTARABANGSA

Keuntungan sebelum cukai Perbankan Antarabangsa meningkat sebanyak RM243.1 juta atau 10.6% kepada RM2,536.7 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 daripada RM2,293.6 juta bagi tahun kewangan sebelumnya yang berakhir 31 Disember 2012. Peningkatan ini disumbangkan oleh peruntukan lebih rendah bagi kerugian rosot nilai pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan sebanyak RM343.2 juta, pendapatan faedah bersih lebih tinggi sebanyak RM172.2 juta atau 4.9% hasil daripada pertumbuhan pinjaman tahun ke tahun sebanyak 17.6% dan pendapatan bukan faedah lebih tinggi sebanyak RM20.9 juta. Walau bagaimanapun, peningkatan ini dikurangkan oleh perbelanjaan overhed lebih tinggi sebanyak RM254.8 juta.

Peningkatan dalam keuntungan sebelum cukai bagi Perbankan Antarabangsa terutamanya disumbangkan oleh peningkatan dalam keuntungan sebelum cukai PT Bank Internasional Indonesia Tbk ("BII") dan cawangan London, masing-masing sebanyak RM117.0 juta dan RM44.7 juta.

Pendapatan faedah bersih lebih tinggi disokong oleh pertumbuhan kukuh pinjaman tahun ke tahun sebanyak 40.5% di Wilayah Besar China, 31.8% di Labuan, 17.8% di Singapura dan 8.9% di BII.

INSURANS, TAKAFUL DAN PENGURUSAN ASET

Insurans, Takaful dan Pengurusan Aset mencatat peningkatan dalam keuntungan sebelum cukai sebanyak RM102.2 juta atau 14.6% kepada RM799.8 juta bagi tahun kewangan berakhir 31Disember 2013 daripada RM697.6 juta bagi tahun kewangan sebelumnya yang berakhir 31 Disember 2012. Peningkatan ini hasil pendapatan bersih lebih tinggi daripada perniagaan insurans dan takaful sebanyak RM309.1 juta, peruntukan lebih rendah bagi kerugian rosot nilai pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan sebanyak RM37.0 juta, kerugian rosot nilai lebih rendah bagi pelaburan kewangan sebanyak RM49.8 juta dan pendapatan faedah bersih lebih tinggi sebanyak RM61.5 juta. Walau bagaimanapun, peningkatan ini dikurangkan oleh perbelanjaan overhed lebih tinggi sebanyak RM134.3 juta dan pendapatan bukan faedah lebih rendah sebanyak RM221.4 juta.

Nota: Untuk analisis kewangan yang selanjutnya, sila rujuk kepada Ulasan Kewangan Kumpulan (Perbincangan Pengurusan dan Analisis) di halaman 66 hingga 70 Laporan Tahunan ini.

LAPORAN PARA PENGARAH

Para pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka berserta penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Bank adalah menjalankan segala aspek perniagaan perbankan kewangan.

Syarikat-syarikat subsidiarinya terbabit terutamanya dalam perniagaan perbankan dan kewangan, perbankan Islam, perbankan pelaburan termasuk broker saham, insurans am dan hayat, takaful am dan keluarga, pemegang amanah dan perkhidmatan dan penama pengurusan aset. Butiran lanjut syarikat-syarikat subsidiari dinyatakan dalam Nota 58(a) penyata kewangan.

Tiada perubahan ketara dalam kegiatan-kegiatan utama ini sepanjang tahun kewangan.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	Kumpulan RM'000	Bank RM'000
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	8,869,594	6,126,940
Cukai dan zakat	(2,098,261)	(1,241,324)
Keuntungan bagi tahun kewangan	6,771,333	4,885,616
Boleh agih kepada:		
Pemegang-pemegang ekuiti Bank	6,552,391	4,885,616
Kepentingan tidak dikawal	218,942	-
	6,771,333	4,885,616

Tiada sebarang pindahan material kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan selain daripada yang telah dibentangkan dalam Nota-Nota 10, 11, 24, 41 dan 42 dan penyata perubahan dalam ekuiti.

Pada pandangan Lembaga Pengarah, keputusan operasi Kumpulan dan Bank sepanjang tahun kewangan semasa tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urus niaga atau peristiwa penting dan keadaan luar biasa, selain daripada perubahan dalam dasar perakaunan seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.4 penyata kewangan.

DIVIDEN

Jumlah dividen yang telah dibayar oleh Bank sejak 31 Disember 2012 (seperti yang dinyatakan dalam Nota 46(c) penyata kewangan) adalah seperti berikut:

	RM'000
Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 seperti yang dilaporkan dalam laporan para pengarah bagi tahun tersebut:	
Dividen akhir sebanyak 18 sen ditolak 25% cukai dan 15 sen dividen tahap satu terdiri daripada bahagian tunai sebanyak 4 sen dividen tahap satu sesaham biasa dan bahagian boleh pilih sebanyak 29 sen (bersih 24.5 sen) sesaham biasa, di mana bahagian boleh pilih terdiri daripada 11 sen dividen tahap satu dan 18 sen (bersih 13.5 sen) dividen yang dijelaskan sesaham biasa, atas 8,449,810,735 saham biasa, diluluskan pada 28 Mac 2013 dan dibayar pada 29 Mei 2013	2,408,196
Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013:	
Dividen interim tahap satu pertama sebanyak 22.5 sen terdiri daripada bahagian tunai sebanyak 6.5 sen sesaham biasa dan bahagian boleh pilih sebanyak 16.0 sen sesaham biasa, atas 8,725,985,783 saham biasa, diisytihar pada 21 Ogos 2013 dan dibayar pada 25 Oktober 2013	1,963,347
	4,371,543

Pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang, dividen akhir tahap satu bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 sebanyak 31 sen dividen tahap satu sesaham biasa bernilai RM1.00 sesaham, menjadikan jumlah keseluruhan dividen bersih boleh dibayar sebanyak RM2,747,244,515 (berdasarkan 8,862,079,081 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dalam terbitan pada at 31 Disember 2013) akan dicadangkan untuk kelulusan para pemegang saham.

Dividen akhir tahap satu yang dicadangkan merangkumi bahagian tunai sebanyak 4 sen sesaham biasa yang akan dibayar secara tunai berjumlah RM354,483,163 dan bahagian boleh pilih sebanyak 27 sen sesaham biasa berjumlah RM2,392,761,352.

Bahagian boleh pilih boleh dibuat pilihan untuk dilabur semula dalam saham biasa sejajar dengan Pelan Pelaburan Semula Dividen ("DRP") yang dinyatakan dalam Nota 31(b) penyata kewangan ini dan tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa serta kelulusan para pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang.

Penyata kewangan bagi tahun kewangan semasa yang berakhir 31 Disember 2013 tidak mengambil kira cadangan dividen ini. Dividen ini sekiranya diluluskan oleh para pemegang saham, akan diambil kira dalam penyata perubahan dalam ekuiti sebagai pengagihan keuntungan terkumpul dalam tahun kewangan yang akan datang berakhir pada 31 Disember 2014.

SKIM SAHAM KAKITANGAN KUMPULAN MAYBANK ("ESS") DAN SKIM BERASASKAN PRESTASI DIBAYAR TUNAI SECARA BERASINGAN ("CESS")

Skim Saham Kakitangan Kumpulan Maybank ("ESS") diseliakan oleh undang-undang kecil yang diluluskan oleh para pemegang saham di Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diadakan pada 13 Jun 2011. ESS tersebut dilaksanakan pada 23 Jun 2011. Ia dikuatkuasakan bagi tempoh maksimum tujuh (7) tahun dari tarikh efektif dan ditadbir oleh Jawatankuasa ESS. ESS ini terdiri daripada dua (2) jenis kelulusan berasaskan prestasi dalam bentuk Skim Opsyen Saham Kakitangan ("ESOS") dan Unit Saham Terhad ("RSU").

Dari masa ke semasa sepanjang tempoh ESS, Jawatankuasa ESS boleh membuat kelulusan RSU selanjutnya yang dikira sebagai kelulusan RSU Tambahan ("SRSU") kepada kumpulan kakitangan terpilih untuk mengambil bahagian dalam kelulusan RSU. Kumpulan terpilih ini boleh terdiri daripada pengurusan kanan, kakitangan kanan yang meneruskan khidmat, dan kakitangan luaran. Kelulusan SRSU boleh mengandungi terma dan syarat yang mungkin berbeza daripada kelulusan RSU terdahulu yang disediakan untuk pengurusan kanan terpilih.

Skim Berasaskan Prestasi Dibayar Tunai Secara Berasingan ("CESS") diseliakan oleh garis panduan yang diluluskan oleh ahli-ahli Jawatankuasa ESS pada 15 Jun 2011.

CESS terdiri daripada Skim Opsyen Berasaskan Prestasi Dibayar Tunai ("CESOS") dan Skim Unit Saham Terhad Berasaskan Prestasi Dibayar Tunai ("CRSU") dan tesedia pada masa yang bersesuaian kepada kakitangan yang layak di cawangan luar negara dan syarikat-syarikat subsidiari Bank termasuklah PT Bank Internasional Indonesia Tbk, PT Bank Maybank Syariah Indonesia, Maybank Philippines Incorporated dan Maybank (PNG) Limited, tertakluk kepada pencapaian kriteria prestasi yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dan amalan-amalan pasaran dalam negara masing-masing.

Butiran ciri-ciri utama ESS dan CESS dinyatakan dalam Nota 31(c) penyata kewangan.

Butiran opsyen-opsyen saham yang dianugerahkan, diletakkan hak dan dilaksanakan di bawah ESS dan CESS adalah seperti berikut:

(a) ESOS Dianugerahkan

Tarikh Penganugerahan	Bilangan opsyen saham '000	Harga pelaksanaan asal RM/opsyen	Tempoh pelaksanaan
23.6.2011 - Penganugerahan ESOS Pertama	405,309#	8.82*	30.6.2011 - 22.6.2018
30.4.2012 - Penganugerahan ESOS Kedua	62,339#	8.83*	7.5.2012 - 22.6.2018
30.4.2013 - Penganugerahan ESOS Ketiga	53,594#	9.61*	21.5.2013 - 22.6.2018

Agregat peruntukan maksimum ESOS kepada Ketua Pegawai Eksekutif dan pengurusan kanan Kumpulan dan Bank tidak boleh melebihi 50%. Peruntukan sebenar opsyen saham kepada Ketua Pegawai Eksekutif dan pengurusan kanan adalah 16.3% pada 31 Disember 2013.

Bilangan opsyen saham yang dianugerahkan adalah berdasarkan andaian bahawa pekerja yang layak telah mencapai sasaran prestasi purata.

* Jawatankuasa ESS meluluskan pengurangan harga pelaksanaan ESOS berikutan terbitan baru saham biasa bernilai RM1.00 sesaham, sejajar dengan pelaksanaan DRP. Semakan harga pelaksanaan adalah seperti berikut:

SKIM SAHAM KAKITANGAN KUMPULAN MAYBANK ("ESS") DAN SKIM BERASASKAN PRESTASI DIBAYAR TUNAI SECARA BERASINGAN ("CESS") (SAMB.)

(a) ESOS Dianugerahkan (samb.)

Tarik Penganugerahan	Harga pelaksanaan RM/opsyen	Tempoh pelaksanaan
23.6.2011 - Penganugerahan ESOS Pertama	8.82	30.6.2011 - 28.12.2011
	8.78	29.12.2011 - 4.6.2012
	8.76	5.6.2012 - 28.10.2012
	8.75	29.10.2012 - 22.6.2018
30.4.2012 - Penganugerahan ESOS Kedua	8.83	7.5.2012 - 28.10.2012
	8.82	29.10.2012 - 22.6.2018
30.4.2013 - Penganugerahan ESOS Ketiga	9.61	21.5.2013 - 27.6.2013
	9.59	28.6.2013 - 21.11.2013
	9.58	22.11.2013 - 22.6.2018

Dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2013, sejumlah 79,155,600 (31 Disember 2012: 42,136,100) daripada Penganugerahan ESOS Pertama, 13,159,200 (31 Disember 2012: 6,185,800) di bawah Penganugerahan ESOS Kedua dan 9,199,800 di bawah Penganugerahan ESOS Ketiga telah diletakkan hak kepada sekumpulan kakitangan layak yang terpilih.

Pergerakan ESOS yang diletakkan hak berkaitan Penganugerahan ESOS Pertama, Kedua dan Ketiga yang diletak hak adalah seperti berikut:

Penganugerahan ESOS Pertama (diletakkan hak)

Tarikh Letak hak	Baki tertunggak pada 1.1.2013 '000	Pergerakan Dalam Tahun Kewangan					Baki tertunggak pada 31.12.2013 '000	Dilaksanakan pada 31.12.2013 '000
		Pelarasan** '000	Diletakkan hak '000	Dilaksanakan^ '000	Ditarik balik '000	Luput '000		
30.6.2011	76,983	95	-	(39,890)	(731)	-	36,457	36,457
30.4.2012	41,283	176	-	(18,819)	(393)	-	22,247	22,247
30.4.2013	-	-	78,885	(24,573)	(217)	-	54,095	54,095
	118,266	271	78,885	(83,282)	(1,341)	-	112,799	112,799

** Pelarasan berkaitan ESOS diperuntukkan dalam tahun sebelumnya tetapi diterima dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

^ 382,800 opsyen saham yang dilaksanakan dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2013 hanya diterbitkan dan disebut harga di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad dalam tahun kewangan berikutnya selepas 31 Disember 2013.

Penganugerahan ESOS Kedua (diletakkan hak)

Tarikh Letak hak	Baki tertunggak pada 1.1.2013 '000	Pergerakan Dalam Tahun Kewangan					Baki tertunggak pada 31.12.2013 '000	Dilaksanakan pada 31.12.2013 '000
		Pelarasan*** '000	Diletakkan hak '000	Dilaksanakan^^ '000	Ditarik balik '000	Luput '000		
7.5.2012	5,961	289	-	(2,703)	(167)	-	3,380	3,380
30.4.2013	-	-	12,871	(3,958)	(123)	-	8,790	8,790
	5,961	289	12,871	(6,661)	(290)	-	12,170	12,170

*** Pelarasan berkaitan ESOS diperuntukkan dalam tahun sebelumnya tetapi diterima dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

^^ 26,000 opsyen saham yang dilaksanakan dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2013 hanya diterbitkan dan disebut harga di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad dalam tahun kewangan berikutnya selepas 31 Disember 2013.

Penganugerahan ESOS Ketiga (diletakkan hak)

Tarikh Letak hak	Baki tertunggak pada 1.1.2013 '000	Pergerakan Dalam Tahun Kewangan				Baki tertunggak pada 31.12.2013 '000	Dilaksanakan pada 31.12.2013 '000
		Diletakkan hak '000	Dilaksanakan '000	Ditarik balik '000	Luput '000		
21.5.2013	-	9,200	(576)	(249)	-	8,375	8,375

(b) Penganugerahan RSU

Tarikh Penganugerahan	Baki tertunggak pada 1.1.2013 '000	Dianugerahkan pada 30.4.2013 '000	Ditarik balik semasa tahun kewangan '000	Baki tertunggak pada 31.12.2013 '000	Tarikh peletakan hak
23.6.2011 - Penganugerahan RSU Pertama	3,690	-	(540)	3,150	Berdasarkan 3-tahun peletakan hak daripada tarikh pemberian dan prestasi metrik
30.4.2012 - Penganugerahan RSU Kedua	4,355	-	(430)	3,925	
30.4.2013 - Penganugerahan RSU Ketiga	-	4,820	(340)	4,480	

Tiada RSU yang dianugerahkan telah diletakkan hak pada 31 Disember 2013.

LAPORAN PARA PENGARAH

SKIM SAHAM KAKITANGAN KUMPULAN MAYBANK ("ESS") DAN SKIM BERASASKAN PRESTASI DIBAYAR TUNAI SECARA BERASINGAN ("CESS") (SAMB.)

(c) SRSU Dianugerahkan

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, sejumlah 15,000 SRSU (31 Disember 2012: 139,000) dianugerahkan kepada sekumpulan kakitangan yang layak. Sejumlah 121,700 SRSU (31 Disember 2012: 37,500) telah diletakkan hak pada 31 Disember 2013.

Pergerakan SRSU yang dianugerahkan dan diletakkan hak adalah seperti berikut:

SRSU Dianugerahkan

Tarikh Penganugerahan	Baki tertunggak pada 1.1.2013 '000	Pergerakan Dalam Tahun Kewangan			Baki tertunggak pada 31.12.2013 '000
		Pelarasan '000	Dianugerahkan '000	Diletakkan hak '000	
1.3.2011	**209**	**(41)**	**-**	**(84)**	**84**
3.10.2011	**38**	**-**	**-**	**(38)**	**-**
16.4.2012	**15**	**-**	**-**	**-**	**15**
7.5.2012	**15**	**-**	**-**	**-**	**15**
1.6.2012	**39**	**-**	**-**	**-**	**39**
2.7.2012	**30**	**-**	**-**	**-**	**30**
15.12.2012	**20**	**-**	**-**	**-**	**20**
30.10.2012	**-**	**20**	**-**	**-**	**20**
1.3.2013	**-**	**-**	**15**	**-**	**15**
	366	**(21)**	**15**	**(122)**	**238**

(d) CESOS Dianugerahkan

Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, bahagian ketiga CESOS berjumlah 671,600 (31 Disember 2012: bahagian kedua berjumlah 394,800) di bawah Penganugerahan CESOS Pertama telah dianugerahkan kepada sekumpulan kakitangan yang layak daripada cawangan-cawangan luar negara.

Sebagai tambahan, Bank juga telah menganugerahkan CESOS berjumlah 1,262,800 (31 Disember 2012: 554,000) di bawah Penganugerahan CESOS Kedua dan 654,700 (31 Disember 2012: Tiada) di bawah Penganugerahan CESOS Ketiga kepada rekrut baharu yang disahkan jawatan di cawangan-cawangan luar negara dan kakitangan utama terpilih PT Bank Internasional Indonesia Tbk.

Pergerakan CESOS yang dianugerahkan adalah seperti berikut:

Penganugerahan CESOS Pertama

Tarikh Penganugerahan	Baki tertunggak pada 1.1.2013 '000	Pergerakan Dalam Tahun Kewangan				Baki tertunggak pada 31.12.2013 '000
		Dianugerahkan '000	Dilaksanakan '000	Ditarik balik '000	Luput '000	
23.6.2011	653	-	-	(77)	-	**576**
30.4.2012	373	-	-	(45)	-	**328**
30.4.2013	-	672	-	(51)	-	**621**
	1,026	672	-	(173)	-	**1,525**

Penganugerahan CESOS Kedua

Tarikh Penganugerahan	Baki tertunggak pada 1.1.2013 '000	Pergerakan Dalam Tahun Kewangan					Baki tertunggak pada 31.12.2013 '000
		Pelarasan '000	Dianugerahkan '000	Dilaksanakan '000	Ditarik balik '000	Luput '000	
23.2.2012	430	590	-	-	(130)	-	**890**
30.4.2012	114	1	-	-	(18)	-	**97**
30.4.2013	-	-	1,263	-	(93)	-	**1,170**
	544	591	1,263	-	(241)	-	**2,157**

Penganugerahan CESOS Ketiga

Tarikh Penganugerahan	Baki tertunggak pada 1.1.2013 '000	Pergerakan Dalam Tahun Kewangan				Baki tertunggak pada 31.12.2013 '000
		Dianugerahkan '000	Dilaksanakan '000	Ditarik balik '000	Luput '000	
30.4.2013	-	655	-	(39)	-	**616**

Tiada CESOS yang dianugerahkan telah diletakkan hak pada 31 Disember 2013.

SKIM SAHAM KAKITANGAN KUMPULAN MAYBANK ("ESS") DAN SKIM BERASASKAN PRESTASI DIBAYAR TUNAI SECARA BERASINGAN ("CESS") (SAMB.)

(e) CRSU Dianugerahkan

Bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2013, sejumlah 185,000 (31 Disember 2012: 15,000) CRSU telah dianugerahkan untuk pengurusan kanan Kumpulan dan Bank yang layak. Tiada CRSU yang dianugerahkan, telah diletakkan hak pada 31 Disember 2013.

Bank telah diberikan pengecualian oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia untuk tidak mendedahkan nama-nama kakitangan yang diberikan pilihan untuk meletakkan hak untuk melanggan kurang daripada 424,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

Bilangan maksimum saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dalam Bank yang disediakan untuk ESS tidak boleh melebihi 10% jumlah keseluruhan modal terbitan dan berbayar Bank pada bila-bila masa dalam tempoh skim tersebut. Ciri-ciri utama lain ESS dan CESS dinyatakan dalam Nota 31(c) penyata kewangan.

Nama pemegang-pemegang opsyen yang diberikan penganugerahan tersebut dan opsyennya diletakkan hak untuk melanggan sekurang-kurangnya 424,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

Nama	Bilangan Opsyen Saham ESOS			
	Diletakkan hak pada 1.1.2013 '000	Diletakkan hak '000	Dilaksanakan '000	Diletakkan hak pada 31.12.2013 '000
Datuk Abdul Farid bin Alias	325	250	-	575
Datuk Lim Hong Tat	325	250	-	575
John Chong Eng Chuan	325	250	-	575
Sim Sio Hoong	325	200	(325)	200
Normala @ Noraizah binti A. Manaf	300	200	-	500
Geoffrey Michael Stecyk	300	200	-	500
Dr John Lee Hin Hock	174	250	-	424
Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar*	750	625	(1,375)	-
Dato' Khairussaleh bin Ramli*	325	250	(575)	-
Tengku Dato' Zafrul bin Tengku Abdul Aziz*	317	300	(617)	-

* Meletak jawatan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

TERBITAN MODAL SAHAM

Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, Bank telah meningkatkan modal terbitan dan berbayar daripada RM8,440,046,735 kepada RM8,862,079,081 melalui:

(a) Terbitan 90,116,800 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham bagi bayaran tunai, bagi kepada mereka yang layak melaksanakan opsyen di bawah ESS, seperti mana dinyatakan dalam Nota 31(d)(ii) penyata kewangan;

(b) Terbitan 121,700 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham yang wujud daripada Unit Saham Terhad Tambahan ("SRSU"), seperti dinyatakan dalam Nota 31(e)(v) penyata kewangan;

(c) Terbitan 201,462,948 saham biasa baru (termasuk 326,881 saham biasa baru diterbitkan untuk Kumpulan Dana Amanah ESOS ("ETF")) bernilai RM1.00 sesaham timbul daripada Pelan Pelaburan Semula ("DRP") berkaitan bahagian boleh pilih dividen akhir 24.5 sen (bersih) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, seperti mana dinyatakan dalam Nota 46(c)(i) penyata kewangan;

(d) Terbitan 130,326,898 saham biasa baru (termasuk 209,946 saham biasa baru diterbitkan untuk ditempatkan dalam Kumpulan Dana Amanah ESOS ("ETF")) bernilai RM1.00 sesaham yang timbul daripada DRP berkaitan bahagian boleh pilih dividen interim 16.0 sen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, seperti dinyatakan dalam Nota 46(c)(ii) penyata kewangan; dan

(e) Terbitan 4,000 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham untuk dipegang dalam Kumpulan Dana Amanah ESOS ("ETF") menurut ESS semasa, seperti dinyatakan dalam Nota 31(c)(v) penyata kewangan.

Saham-saham biasa baru yang diterbitkan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 adalah sama taranya dalam segala aspek dengan saham-saham biasa Bank yang sedia ada.

PARA PENGARAH

Para pengarah yang memegang jawatan sejak tarikh laporan terakhir dan laporan ini ialah:

Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin bin Megat Mohd Nor (Pengerusi)
Dato' Mohd Salleh bin Hj Harun (Naib Pengerusi)
Datuk Abdul Farid bin Alias (Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan) (dilantik pada 2 Ogos 2013)
Tan Sri Datuk Dr Hadenan bin A. Jalil
Dato' Seri Ismail bin Shahudin
Dato' Dr Tan Tat Wai
Encik Zainal Abidin bin Jamal
Dato' Johan bin Ariffin
Mr Cheah Teik Seng
Datuk Mohaiyani binti Shamsudin
Mr Erry Riyana Hardjapamekas
Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar (meletak jawatan pada 4 Jun 2013)
Mr Alister Maitland (bersara pada 28 Mac 2013)

LAPORAN PARA PENGARAH

MANFAAT PARA PENGARAH

Sepanjang dan sehingga akhir tahun kewangan semasa, tidak terdapat sebarang rancangan dibuat oleh Bank atau mana-mana syarikat subsidiarinya yang membolehkan para pengarahnya mendapat manfaat melalui pemilikan saham atau debentur Bank atau mana-mana badan korporat lain selain daripada yang timbul daripada ESOS dan RSU di bawah ESS.

Sejak akhir tahun kewangan lalu, tiada pengarah menerima atau berhak menerima manfaat (selain manfaat termasuk di dalam jumlah agregat pendapatan yang diterima atau yang terhutang dan belum diterima oleh pengarah-pengarah daripada Bank dan perbadanan berkaitan, atau pekerja Bank yang bergaji tetap sepenuh masa, seperti mana dinyatakan dalam Nota 40 penyata kewangan) berikutan dengan kontrak yang dibuat oleh Bank atau perbadanan yang berkaitan dengan pengarah atau firma yang mana beliau adalah ahlinya atau dengan sebuah syarikat yang mana beliau memegang kepentingan kewangan yang ketara.

KEPENTINGAN PENGARAH

Berdasarkan daftar pegangan saham pengarah, kepentingan yang dimiliki oleh para pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan dalam bentuk saham, ESOS dan RSU dalam Bank sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:

	Bilangan saham biasa bernilai RM1.00 sesaham			
	Pada 1.1.2013	Belian	Diterbitkan menurut DRP	Pada 31.12.2013
Kepentingan Langsung				
Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin bin Megat Mohd Nor	38,048	-	1,739	39,787
Dato' Mohd Salleh bin Hj Harun	322,651	-	14,748	337,399
Dato' Seri Ismail bin Shahudin	23,242	-	1,062	24,304
Dato' Johan bin Ariffin	160,473	50,595	38,858	249,926
Kepentingan Tidak Langsung				
Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin bin Megat Mohd Nor*	28,175	-	1,287	29,462
Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin bin Megat Mohd Nor**	33,484	-	1,530	35,014
Dato' Dr Tan Tat Wai*	5,467	-	152	5,619

* Kepentingan berkenaan saham yang dipegang oleh pasangan.
** Kepentingan berkenaan saham yang dipegang melalui akaun anak-anak.

	Bilangan opsyen saham daripada ESOS berbanding saham biasa bernilai RM1.00 seunit					
	Harga Pelaksanaan (RM)	Dianugerahkan pada 23.6.2011	Diletakkan hak pada 1.1.2013	Diletakkan hak	Pelaksanaan	Diletakkan hak pada 31.12.2013
Datuk Abdul Farid bin Alias	8.82#	1,000,000^	325,000	250,000	-	575,000^
Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar	8.82#	2,500,000	750,000	625,000	(1,375,000)	-

\# Disemak semula kepada RM8.75 pada 29 Oktober 2012 berdasarkan harga pelaksanaan Kelulusan ESOS Pertama.
^ Opsyen saham daripada ESOS yang dianugerahkan dan diletakkan hak sebelum pelantikan sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan.

	Bilangan saham biasa RSU bernilai RM1.00 seunit				
	Tarikh Penganugerahan	Dianugerahkan	Diletakkan hak pada 1.1.2013	Diletakkan hak	Diletakkan hak pada 31.12.2013
Datuk Abdul Farid bin Alias	23.6.2011	75,000^^	-	-	-
	30.4.2012	75,000^^	-	-	-
	30.4.2013	75,000^^	-	-	-

^^ RSU dianugerahkan sebelum pelantikan sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan.

Baki ESOS dan RSU yang dianugerahkan kepada pengarah tetapi belum diletakkan hak pada 31 Disember 2013. Baki ESOS dan RSU akan diletakkan hak dan boleh dilaksanakan selepas syarat-syarat pemberian dipenuhi atau penentuan ukuran prestasi termasuk tempoh perkhidmatan, sasaran prestasi dan tempoh prestasi.

Tiada pengarah lain yang berkhidmat sehingga akhir tahun kewangan ini yang mempunyai sebarang kepentingan dalam saham di dalam Bank atau pertubuhan yang berkaitan Bank dalam tahun kewangan.

PENARAFAN OLEH AGENSI-AGENSI PENARAFAN LUAR

Butir-butir penarafan Bank adalah seperti berikut:

Agensi penarafan	Tarikh	Klasifikasi penarafan	Penarafan diterima
Moody's Investors Service	20 November 2013	Tinjauan	Positif
		Deposit Bank – Matawang Asing	A3/P-2
		Deposit Bank – Matawang Tempatan	A1/P-1
		Deposit Bank Matawang Tempatan Jangka Panjang/Tinjauan	A1
		Penarafan Kekukuhan Kewangan Bank/Tinjauan	C/Positif
		Penilaian Terendah Asas Kredit	(a3)
		Subordinat Jr	Baa2 (hibrid)

PENARAFAN OLEH AGENSI-AGENSI PENARAFAN LUAR (SAMB.)

Butir-butir penarafan Bank adalah seperti berikut (samb.):

Agensi penarafan	Tarikh	Klasifikasi penarafan	Penarafan diterima
Standard & Poor's ("S&P")	20 November 2013	Penarafan Kredit Timbalawan	A-/Stabil/A-2
		Skala Penarafan ASEAN	axAA/-- /axA-1
		Saham Keutamaan (1 Terbitan)	BBB-
		Skala Serantau Wilayah Besar China Tidak Berjamin (1 Terbitan)	cnAA
		Senior Tidak Berjamin (2 Terbitan)	A-/A-2
		Subordinat	BBB+
Fitch Ratings	27 Disember 2013	Penarafan Kemungkiran Terbitan Matawang Asing Jangka Panjang	A-/Negatif
		Penarafan Kemungkiran Terbitan Matawang Tempatan Jangka Panjang	A-/Negatif
		Penarafan Ketampakan	a-
		Penarafan Sokongan	2
		Lantai Penarafan Sokongan	BBB
		Deposit Jangka Panjang	A
		Nota Senior	A-
		Hutang Sub USD dan SGD	BBB+
		Sekuriti Modal SGD Tahap 1 (Tier 1)	BB+
RAM Ratings Services Berhad ("RAM")	23 Disember 2013	Penarafan Institusi Kewangan Jangka Panjang	AAA
		Penarafan Institusi Kewangan Jangka Pendek	P1
		Bon Subordinat	AA1
		Sekuriti Modal Tahap 1 (Tier 1) Inovatif	AA2
		Sekuriti Modal Tahap 1 (Tier 1) Bukan Inovatif	AA2
		Program Nota Subordinat Modal Tahap 2 (Tier 2)	AA1
		Program Nota Subordinat	AA1
		Tinjauan (Jangka Panjang)	Stabil
Malaysian Rating Corporation Bhd	13 Mei 2013	Penarafan Institusi Kewangan Jangka Panjang	AAA
		Penarafan Institusi Kewangan Jangka Pendek	MARC-1
		Tinjauan	Stabil

TINJAUAN PERNIAGAAN

Ekonomi global dijangka berkembang sebanyak 3.5% pada tahun 2014 daripada anggaran 3.1% pada 2013 dengan ekonomi utama negara maju – AS, Eropah dan Jepun – berkembang serentak buat pertama kalinya sejak 2011. Dalam perkembangan berterusan di China dengan pertumbuhan yang kurang daripada 8%, corak peningkatan ekonomi di ASEAN dijangka bercampur dengan Malaysia dan Singapura yang mengalami kesan memuaskan daripada pemulihan permintaan luaran. Sementara itu, Thailand dan Filipina menerima kesan daripada gangguan makro ekonomi, ketidakpastian politik dan tempoh pemulihan selepas bencana alam pada 2013.

Tinjaun ekonomi makro Malaysia adalah lebih baik berikutan momentum pertumbuhan yang stabil (KDNK 2014E: 5%; 2013: 4.7%), dasar fiskal yang jelas dan keupayaannya untuk menangani defisit bajet melalui langkah-langkah perbelanjaan dan percukaian, serta lebihan akaun semasa yang mampan. Walau bagaimanapun, perbelanjaan pengguna domestik terdedah kepada tekanan inflasi yang timbul daripada langkah-langkah Kerajaan untuk menangani defisit fiskal melalui rasionalisasi subsidi dan penyelarasan harga. BNM juga dijangka mengekalkan tanda aras Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 3.00% bagi menyokong pertumbuhan permintaan domestik ketika wujudnya penyatuan fiskal dan risiko penurunan pertumbuhan global. Ini juga mungkin menjejaskan permintaan luaran memandangkan kemudahubahan pasaran kewangan semasa, terutamanya jualan pelaburan dalam pasaran sedang muncul.

Pada 2014, satu daripada keutamaan strategik Kumpulan adalah untuk mempergiatkan langkah regionalisasi. Sejajar dengan ini, struktur organisasi yang dipertingkatkan telah diperkenalkan pada 1 Januari 2014, yang dirangka untuk menambahbaik sinergi di antara entiti perbankan dan bukan-perbankan dalam Kumpulan Maybank melalui pengwujudan peranan perniagaan fungsi global/negara. Rangka kerja tanggungjawab yang dipertingkatkan dalam struktur matriks baru akan dipanjangkan ke peringkat lain dalam organisasi bagi memastikan nilai dan kerjasama yang lebih tinggi dicapai dalam pasaran di mana kami beroperasi. Ia juga akan disokong oleh penyelarasan lebih baik bagi teknologi maklumat serta dasar-dasar dan proses operasi.

Di Malaysia, pertumbuhan pinjaman dalam sistem perbankan negara dianggarkan pada 9% - 10% bersandarkan tinjauan KDNK yang lebih baik tahun ini. Sehubungan ini, operasi Maybank dijangka menjangkaui sistem tersebut disokong oleh aktiviti runcit, PKS, perbankan perniagaan dan pinjaman korporat di seluruh rangkaian kami yang luas.

Di Singapura, pertumbuhan KDNK dianggarkan bertambah baik kepada 4.0% pada 2014 daripada 3.6% pada tahun 2013. Ini adalah berikutan permintaan luaran yang meningkat hasil pemulihan ekonomi global. Pertumbuhan pinjaman industri dijangka sederhana kepada 9%-10% pada 2014 disebabkan oleh pertumbuhan pinjaman perumahan yang lebih perlahan pada 4%-6%. Ini menggambarkan pasaran hartanah yang perlahan, namun akan diimbangkan oleh pertumbuhan pinjaman perniagaan yang agak kukuh sebanyak 12%-14%. Kumpulan akan terus melaksanakan strategi untuk mendapatkan lebih sinergi di seluruh entiti yang berpangkalan di Singapura untuk mengoptimumkan peluang-peluang perniagaan daripada asas pelanggan yang disatukan. Ia akan menumpukan kepada pengembangan linkungan pelanggan domestik dan serantau, serta memulakan perkhidmatan dan penyelesaian kewangan serantau, termasuklah pengurusan kekayaan, pengurusan tunai dan pasaran global.

Di Indonesia, momentum pertumbuhan KDNK dijangka kekal stabil dengan anggaran pertumbuhan 5.6% pada 2014 (2013: 5.8%) memandangkan dasar kewangan kekal ketat, dan para pelabur dan perniagaan menunggu kepastian selepas pilihanraya Parlimen dan Presiden pada April dan Julai 2014. PT Bank Internasional Indonesia Tbk ("BII") akan terus merealisasikan peluang-peluang daripada rangkaian yang dikembangkan dan memacu pertumbuhan pinjaman dan deposit di seluruh segmen perniagaannya.

Memperkasakan portfolio perniagaan Maybank di rantau ini adalah satu lagi keutamaan Kumpulan dalam masa terdekat pada 2014 ini. Ia akan merangkumi penambahbaikan interaksi pelanggan dalam perniagaan Perbankan Global, menyediakan penyelesaian perbankan merentas sempadan melalui perniagaan Islam Maybank dan pengembangan perkhidmatan insurans dan takaful dalam pasaran-pasaran lain. Di samping itu, Kumpulan akan terus menumpukan terhadap produktiviti dan keberkesanan, termasuk mengukuhkan program pengurusan strategik kos, membangunkan budaya prestasi tinggi dan mengoptimumkan buku aset, modal dan penetapan harga.

Kumpulan akan mengekalkan kedudukan modal yang kukuh, melebihi keperluan modal minimum di bawah Rangka Kerja Kecukupan Modal Bank Negara Malaysia (Komponen Modal) yang diterbitkan pada 28 November 2012. Dengan pengekalan modal berterusan daripada Pelan Pelaburan Semula Dividen serta pengurusan modal yang aktif di seluruh Kumpulan, nisbah Modal Ekuiti Biasa Tahap 1 ("CET1") akan dikekalkan melebihi 7% lebih awal daripada keperluan tahap minimum nisbah CET1 (termasuk penampan pemuliharaan modal) menjelang tahun 2019.

Dasar dividen Maybank akan dikekalkan dengan nisbah pembayaran antara 40% hingga 60% daripada keuntungan bersih sempena pelan pelaburan semula dividen.

Tanpa mengambil kira keadaan luar jangkaan, Kumpulan menjangkakan prestasi kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 untuk kekal memuaskan. Kumpulan telah menetapkan dua Petunjuk Prestasi Utama ("KPI"), iaitu Pulangan atas Ekuiti ("ROE") sebanyak 15.0% dan Pertumbuhan Pinjaman Kumpulan sebanyak 13.0%.

LAPORAN PARA PENGARAH

MAKLUMAT BERKANUN LAIN

(a) Sebelum penyata kedudukan kewangan dan penyata pendapatan Kumpulan dan Bank disediakan, pengarah-pengarah telah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk:

(i) memastikan tindakan wajar telah diambil berkaitan dengan penghapuskiraan hutang lapuk dan ketika membuat peruntukan bagi rosot nilai dan berpuas hati bahawa kesemua hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskira dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat bagi pinjaman rosot nilai; dan

(ii) memastikan sebarang aset semasa yang mungkin tidak dapat direalisasikan nilainya sebagaimana dicatat dalam rekod perakaunan dalam urusan perniagaan biasa, telah diturunkan ke nilai yang dijangka boleh diperoleh.

(b) Pada tarikh laporan ini, pengarah-pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan berbangkit yang tidak diperkatakan dalam laporan ini atau penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang boleh menyebabkan:

(i) jumlah hutang lapuk yang dihapus kira atau jumlah peruntukan rosot nilai di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Bank tidak mencukupi sehingga ke tahap yang ketara; dan

(ii) nilai aset semasa yang dinyatakan di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Bank mengelirukan.

(c) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan berbangkit yang boleh menyebabkan kepatuhan kepada kaedah sedia ada mengelirukan atau tidak sesuai atas penilaian aset atau liabiliti Kumpulan dan Bank.

(d) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan berbangkit yang tidak diperkatakan dalam laporan ini dan penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang akan menyebabkan mana-mana jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan mengelirukan.

(e) Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

(i) sebarang cagaran ke atas harta Kumpulan atau Bank yang timbul sejak akhir tahun kewangan yang lalu menjamin liabiliti pihak lain; atau

(ii) sebarang liabiliti luar jangka Kumpulan atau Bank yang timbul sejak akhir tahun kewangan yang lalu selain daripada mana yang wujud dalam urus niaga biasa Kumpulan dan Bank.

(f) Pengarah-pengarah berpendapat:

(i) tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain yang dikuatkuasakan atau mungkin dikuat kuasa dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan akan atau mungkin menjejaskan keupayaan Kumpulan dan Bank untuk memenuhi kewajipan masing-masing apabila ia berlaku; dan

(ii) tiada sebarang perkara, urus niaga atau peristiwa penting dan luar biasa yang berlaku di antara tempoh berakhir tahun kewangan ini sehingga ke tarikh laporan ini yang akan menjejaskan dengan ketara keputusan operasi Kumpulan atau Bank bagi tahun kewangan yang dinyatakan dalam laporan ini.

PEMATUHAN TERHADAP DOKUMEN DASAR PELAPORAN KEWANGAN DAN GARIS PANDUAN BANK NEGARA MALAYSIA BERKAITAN PENGELASAN DAN PERUNTUKAN ROSOT NILAI BAGI PINJAMAN/PEMBIAYAAN

Dalam menyediakan penyata kewangan Kumpulan dan Bank, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan pematuhan terhadap Dokumen Dasar Pelaporan Kewangan dan Garis Panduan Bank Negara Malaysia berkaitan Pengelasan dan Peruntukan Rosot Nilai bagi Pinjaman/Pembiayaan.

PERISTIWA PENTING DAN SETERUSNYA

Peristiwa-peristiwa penting dan seterusnya telah dibentangkan dalam Nota 55 penyata kewangan ini. Tiada sebarang peristiwa yang ketara selepas tarikh penyata kedudukan kewangan dikemas kini (iaitu akhir tahun kewangan) sehingga tarikh penyata kewangan dibenarkan untuk diterbitkan.

JURUAUDIT

Juruaudit bebas, Ernst & Young, telah menyatakan kesanggupannya untuk menerima pelantikan semula.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi pengarah-pengarah bertarikh 27 Februari 2014.

Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin bin Megat Mohd Nor

Datuk Abdul Farid bin Alias

Kuala Lumpur, Malaysia

PENYATA PENGARAH

Menurut Seksyen 169(15) Akta Syarikat, 1965

Kami, Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin bin Megat Mohd Nor dan Datuk Abdul Farid bin Alias, dua daripada pengarah Malayan Banking Berhad menyatakan bahawa pada pendapat para pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan pada halaman 24 hingga 208 disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia untuk memberikan pandangan yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kumpulan dan Bank pada 31 Disember 2013 dan keputusan serta aliran tunai Kumpulan dan Bank bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi para pengarah bertarikh 27 Februari 2014.

Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin bin Megat Mohd Nor

Datuk Abdul Farid bin Alias

Kuala Lumpur, Malaysia

AKUAN BERKANUN

Menurut Seksyen 169(16) Akta Syarikat, 1965

Saya, Mohamed Rafique Merican bin Mohd Wahiduddin Merican, pegawai yang terutamanya bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan Malayan Banking Berhad, dengan tulus ikhlas dan sesungguhnya menyatakan bahawa pada pendapat saya, penyata kewangan yang dibentangkan pada halaman 24 hingga 208 adalah betul dan saya membuat pengakuan ini dengan sesungguhnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh penama dinyatakan
di atas, Mohamed Rafique Merican
bin Mohd Wahiduddin Merican
di Kuala Lumpur dalam Wilayah
Persekutuan pada 27 Februari 2014

Mohamed Rafique Merican bin Mohd Wahiduddin Merican

Di hadapan saya,

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

KEPADA PARA PEMEGANG SAHAM MALAYAN BANKING BERHAD

(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN MENGENAI PENYATA-PENYATA KEWANGAN

Kami telah mengaudit penyata kewangan Malayan Banking Berhad, yang merangkumi penyata-penyata kedudukan kewangan Kumpulan dan Bank pada 31 Disember 2013 dan penyata-penyata pendapatan, penyata-penyata pendapatan komprehensif, penyata-penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata-penyata aliran tunai Kumpulan dan Bank bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut, dan ringkasan dasar-dasar penting perakaunan dan maklumat penjelasan lain, seperti mana disertakan pada halaman 24 hingga 207.

Tanggungjawab Pengarah terhadap penyata-penyata kewangan

Para pengarah Bank bertanggungjawab dalam penyediaan penyata-penyata kewangan bagi memberi pandangan yang benar dan saksama menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia. Pengarah-pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang mereka tentukan sebagai perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada sesuatu salah nyata, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat tentang penyata-penyata kewangan berdasarkan audit yang dilaksanakan. Kami telah melaksanakan audit tersebut menurut piawaian pengauditan mengikut piawaian yang diluluskan untuk audit di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami mematuhi tuntutan etika dan merancang serta melaksanakan audit untuk mendapatkan kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan ini bebas daripada salah nyata yang ketara.

Audit merangkumi pelaksanaan prosedur-prosedur bagi memperoleh bukti audit mengenai jumlah dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih adalah berdasarkan pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko yang salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh salah laku atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko ini, kami telah mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dalam penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang saksama bagi mendapatkan prosedur audit yang sesuai dalam keadaan ini, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat tentang keberkesanan kawalan dalaman Bank. Sesuatu audit juga melibatkan penilaian tentang kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan jangkaan perakaunan yang dibuat oleh pengarah-pengarah, serta penilaian pembentangan keseluruhan penyata kewangan.

Kami percaya bahawa bukti audit yang diperolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah kepada pendapat audit kami.

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata-penyata kewangan ini telah memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Bank pada 31 Disember 2013 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia.

LAPORAN MENGENAI KEPERLUAN UNDANG-UNDANG DAN PENGUATKUASAAN LAIN

Sejajar dengan keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia, kami juga melaporkan yang berikut:

(a) Pada pendapat kami, rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain serta daftar yang wajib disimpan di bawah Akta oleh Bank dan syarikat-syarikat subsidiarinya yang mana kami bertindak sebagai juruaudit, telah disimpan dengan sempurna selaras dengan peruntukan Akta tersebut.

(b) Kami telah mempertimbangkan penyata-penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi semua syarikat subsidiari yang kami tidak bertindak sebagai juruaudit, seperti dinyatakan dalam Nota 58(a) penyata-penyata kewangan, yang mana penyata kewangan mereka telah dimasukkan dalam penyata-penyata kewangan yang disatukan.

(c) Kami berpuas hati bahawa penyata kewangan bagi syarikat-syarikat subsidiarinya yang telah disatukan dengan penyata kewangan Bank adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan disatukan dan kami telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang diperlukan bagi tujuan tersebut.

(d) Laporan juruaudit ke atas penyata kewangan syarikat-syarikat subsidiarinya tidak tertakluk kepada sebarang kelayakan dan bagi syarikat-syarikat subsidiarinya yang diperbadankan di Malaysia, tiada sebarang ulasan perlu dibuat di bawah Seksyen 174(3) Akta tersebut.

TANGGUNGJAWAB PELAPORAN LAIN

Maklumat tambahan yang dibuat dalam Nota 61 di halaman 208 didedahkan sebagai mematuhi keperluan Bursa Malaysia Securities Berhad dan bukan sebahagian daripada penyata kewangan ini. Para pengarah bertanggungjawab bagi penyediaan maklumat tambahan ini selaras dengan Garis Panduan Perkara Khas No. 1, Penentuan Keuntungan atau Kerugian Diperoleh dan Belum Diperoleh dalam konteks pendedahan selaras dengan Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad, seperti yang diterbitkan oleh Institut Akauntan Malaysia ("Garis Panduan MIA") dan arahan daripada Bursa Malaysia Securities Berhad. Pada pendapat kami, maklumat tambahan ini disediakan mengikut Garis Panduan MIA selaras dengan arahan Bursa Malaysia Securities Berhad.

HAL-HAL LAIN

Laporan ini dibuat untuk ahli-ahli Bank, sebagai sebuah badan, sejajar dengan Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak memikul tanggungjawab kepada orang lain bagi kandungan laporan ini.

Ernst & Young
AF: 0039
Akauntan Berkanun

Chan Hooi Lam
No. 2844/02/16(J)
Akauntan Berkanun

Kuala Lumpur, Malaysia
27 Februari 2014

INDEKS PENYATA KEWANGAN

PENYATA KEWANGAN

	Muka surat
Penyata kedudukan kewangan yang disatukan	24
Penyata kedudukan kewangan	25
Penyata-penyata pendapatan	26
Penyata-penyata pendapatan komprehensif	27
Penyata perubahan dalam ekuiti yang disatukan	28
Penyata perubahan dalam ekuiti	29
Penyata-penyata aliran tunai	30

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

1.	Maklumat korporat	32
2.	Dasar-dasar perakaunan	32
3.	Pertimbangan, anggaran dan andaian kritikal perakaunan	51
4.	Piawaian dan pentakrifan yang diterbitkan tetapi belum berkuat kuasa	53
5.	Tunai dan dana jangka pendek	55
6.	Deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan	55
7.	Aset kewangan dibeli di bawah perjanjian jualan balik dan tanggungan ke atas aset kewangan dijual di bawah perjanjian belian balik	55
8.	Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi (“FVTPL”)	55
9.	Pelaburan kewangan tersedia untuk dijual	57
10.	Pelaburan kewangan dipegang hingga matang	58
11.	Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	59
12.	Instrumen kewangan derivatif	63
13.	Aset insurans semula/takaful semula dan lain-lain aset insurans	66
14.	Aset-aset lain	66
15.	Hartanah pelaburan	67
16.	Deposit-deposit berkanun dengan bank-bank pusat	68
17.	Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari	68
18.	Kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama	72
19.	Hartanah, loji dan peralatan	74
20.	Aset tidak ketara	79
21.	Deposit-deposit daripada pelanggan-pelanggan	82
22.	Deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan	82
23.	Liabiliti kontrak insurans/takaful dan lain-lain liabiliti insurans	83
24.	Liabiliti-liabiliti lain	86
25.	Kewajipan atas pinjaman dan pembiayaan dijual kepada Cagamas	89
26.	Peruntukan cukai dan zakat	89
27.	Cukai tertunda	89
28.	Pinjaman	92
29.	Tanggungan subordinat	94
30.	Sekuriti modal	95
31.	Modal saham, pembayaran berasaskan saham dan saham dipegang dalam amanah	97
32.	Keuntungan terkumpul	104
33.	Rizab-rizab lain	105
34.	Hasil operasi	106
35.	Pendapatan faedah	106
36.	Perbelanjaan faedah	106
37.	Pendapatan/(kerugian) bersih daripada perniagaan insurans/takaful	107
38.	Pendapatan bukan faedah	107
39.	Perbelanjaan overhed	108
40.	Yuran dan ganjaran Pengarah	109
41.	Peruntukan bagi kerugian rosot nilai pinjaman, pendahuluan, pembiayaan dan penghutang lain, bersih	111
42.	Peruntukan bagi/(masuk kira semula) kerugian rosot nilai atas pelaburan kewangan, bersih	111
43.	Cukai dan zakat	112
44.	Urus niaga dan baki signifikan dengan pihak berkaitan	113
45.	Pendapatan sesaham (“EPS”)	116
46.	Dividen	116
47.	Komitmen dan tanggungan luar jangkaan	117
48.	Dasar-dasar pengurusan risiko kewangan	121
49.	Pengukuran nilai saksama	160
50.	Komitmen modal dan komitmen lain	167
51.	Pengurusan modal	168
52.	Proses penilaian kecukupan modal dalaman (“ICAAP”)	168
53.	Kecukupan modal	169
54.	Maklumat segmen	174
55.	Peristiwa penting dan berikutnya	177
56.	Penyata pendapatan dan penyata kedudukan kewangan perniagaan insurans dan takaful	179
57.	Operasi Skim Perbankan Islam (“SPI”)	181
58.	Butiran syarikat-syarikat subsidiari, syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama	203
59.	Matawang	207
60.	Perbandingan	207
61.	Maklumat tambahan - butiran keuntungan terkumpul yang diperoleh dan belum diperoleh	208

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN YANG DISATUKAN

pada 31 Disember 2013

Kumpulan	Nota	Pada 31.12.2013 RM'000	Pada 31.12.2012 (Dinyatakan semula) RM'000	Pada 1.1.2012 (Dinyatakan semula) RM'000
Aset-aset				
Tunai dan dana jangka pendek	5	**48,067,358**	40,018,633	49,387,882
Deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan	6	**7,156,749**	11,949,150	7,161,651
Aset kewangan dibeli di bawah perjanjian jualan balik	7(a)	**20,558**	798,180	1,397,235
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	8	**19,166,565**	29,156,692	18,393,752
Pelaburan kewangan tersedia untuk dijual	9	**82,836,922**	60,792,374	63,585,045
Pelaburan kewangan dipegang hingga matang	10	**5,668,174**	2,870,768	2,689,806
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	11	**355,617,527**	311,824,735	276,252,853
Aset derivatif	12	**3,944,692**	2,880,492	1,987,502
Aset insurans semula/takaful semula dan lain-lain aset insurans	13	**2,349,995**	2,555,727	2,173,794
Aset-aset lain	14	**8,505,918**	6,680,257	4,749,820
Hartanah pelaburan	15	**583,257**	572,662	542,477
Deposit-deposit berkanun dengan bank-bank pusat	16	**13,742,874**	12,298,362	10,577,416
Kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama	18	**2,465,341**	2,235,233	2,406,462
Hartanah, loji dan peralatan	19	**2,614,309**	2,402,821	2,217,483
Aset tidak ketara	20	**6,041,056**	6,531,336	6,748,053
Aset cukai tertunda	27	**1,661,931**	1,343,541	1,361,045
Jumlah aset		**560,443,226**	494,910,963	451,632,276
Liabiliti-liabiliti				
Deposit-deposit daripada pelanggan-pelanggan	21	**395,610,810**	347,155,510	314,692,245
Deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan	22	**42,139,081**	33,887,376	36,760,978
Tanggungan ke atas aset kewangan dijual di bawah perjanjian belian balik	7(b)	**4,300,055**	-	267,652
Bil-bil dan penerimaan belum bayar		**1,987,089**	2,269,513	4,472,872
Liabiliti derivatif	12	**3,937,380**	2,376,979	2,162,709
Liabiliti kontrak insurans/takaful dan lain-lain liabiliti insurans	23	**21,800,139**	21,928,872	20,090,908
Liabiliti-liabiliti lain	24	**8,285,702**	9,783,613	6,571,587
Kewajipan atas pinjaman dan pembiayaan dijual kepada Cagamas	25	**1,277,269**	1,592,974	2,214,873
Peruntukan cukai dan zakat	26	**836,527**	1,051,798	382,562
Liabiliti cukai tertunda	27	**639,285**	674,872	670,633
Pinjaman	28	**13,321,805**	10,714,266	7,185,230
Tanggungan subordinat	29	**12,644,576**	13,510,041	14,160,553
Sekuriti modal	30	**5,920,909**	6,150,351	6,113,761
Jumlah liabiliti		**512,700,627**	451,096,165	415,746,563
Ekuiti boleh diagih kepada pemegang-pemegang ekuiti Bank				
Modal saham	31	**8,862,079**	8,440,046	7,639,437
Premium saham		**19,030,227**	15,639,646	9,598,847
Saham dipegang dalam amanah	31(c)(v)	**(107,248)**	(102,405)	-
Keuntungan terkumpul	32(a)	**11,747,484**	11,104,837	10,382,374
Rizab-rizab lain	33	**6,464,865**	7,013,234	6,716,005
		45,997,407	42,095,358	34,336,663
Kepentingan tidak dikawal		**1,745,192**	1,719,440	1,549,050
		47,742,599	43,814,798	35,885,713
Jumlah liabiliti dan ekuiti pemegang-pemegang saham		**560,443,226**	494,910,963	451,632,276
Komitmen dan tanggungan luar jangkaan	47	**433,829,033**	379,695,035	369,791,836

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada asasi penyata kewangan ini.

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

pada 31 Disember 2013

Bank	Nota	Pada 31.12.2013 RM'000	Pada 31.12.2012 RM'000	Pada 1.1.2012 RM'000
Aset-aset				
Tunai dan dana jangka pendek	5	**29,320,984**	23,153,242	35,966,579
Deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan	6	**15,723,864**	10,039,999	6,246,093
Aset kewangan dibeli di bawah perjanjian jualan balik	7(a)	**20,558**	650,314	1,397,235
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	8	**5,546,091**	10,719,937	7,325,466
Pelaburan kewangan tersedia untuk dijual	9	**64,532,797**	47,366,309	46,514,200
Pelaburan kewangan dipegang hingga matang	10	**5,354,097**	2,556,849	2,115,933
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	11	**237,971,279**	214,852,046	194,174,085
Aset derivatif	12	**3,760,133**	2,812,148	1,949,344
Aset-aset lain	14	**5,319,437**	2,713,063	2,240,433
Deposit-deposit berkanun dengan bank-bank pusat	16	**7,327,996**	6,888,916	6,095,129
Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari	17	**19,505,514**	17,634,469	17,230,202
Kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama	18	**451,518**	456,512	456,512
Hartanah, loji dan peralatan	19	**1,363,898**	1,205,788	1,083,279
Aset tidak ketara	20	**527,268**	697,066	389,545
Aset cukai tertunda	27	**1,053,598**	810,015	815,573
Jumlah aset		**397,779,032**	342,556,673	323,999,608
Liabiliti-liabiliti				
Deposit-deposit daripada pelanggan-pelanggan	21	**273,670,380**	237,402,079	222,895,293
Deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan	22	**37,582,577**	29,198,776	35,555,592
Tanggungan ke atas aset kewangan dijual di bawah perjanjian belian balik	7(b)	**4,300,055**	-	267,652
Bil-bil dan penerimaan belum bayar		**1,442,612**	1,553,312	3,610,141
Liabiliti derivatif	12	**3,632,464**	2,243,617	2,072,731
Liabiliti-liabiliti lain	24	**9,485,349**	8,645,423	6,351,178
Kewajipan atas pinjaman dan pembiayaan dijual kepada Cagamas	25	**656,293**	687,793	715,603
Peruntukan cukai dan zakat	26	**578,100**	758,446	-
Pinjaman	28	**9,318,389**	7,382,719	4,208,282
Tanggungan subordinat	29	**10,404,418**	11,638,850	12,574,919
Sekuriti modal	30	**6,208,623**	6,150,351	6,113,761
Jumlah liabiliti		**357,279,260**	305,661,366	294,365,152
Ekuiti boleh diagih kepada pemegang-pemegang ekuiti Bank				
Modal saham	31	**8,862,079**	8,440,046	7,639,437
Premium saham		**19,030,227**	15,639,646	9,598,847
Saham dipegang dalam amanah	31(c)(v)	**(107,248)**	(102,405)	-
Keuntungan terkumpul	32(b)	**3,478,214**	4,179,482	4,895,012
Rizab-rizab lain	33	**9,236,500**	8,738,538	7,501,160
		40,499,772	36,895,307	29,634,456
Jumlah liabiliti dan ekuiti pemegang-pemegang saham		**397,779,032**	342,556,673	323,999,608
Komitmen dan tanggungan luar jangkaan	47	**399,786,232**	338,799,380	336,480,160

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada asasi penyata kewangan ini.

PENYATA-PENYATA PENDAPATAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013

	Nota	Kumpulan		Bank	
		1.1.2013 hingga 31.12.2013	1.1.2012 hingga 31.12.2012 (Dinyatakan semula)	1.1.2013 hingga 31.12.2013	1.1.2012 hingga 31.12.2012
		RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Hasil operasi	34	**33,250,777**	31,227,230	**18,723,034**	17,079,461
Pendapatan faedah	35	**16,306,471**	15,651,709	**11,744,776**	11,194,494
Perbelanjaan faedah	36	**(6,721,191)**	(6,355,024)	**(5,096,985)**	(4,959,002)
Pendapatan faedah bersih		**9,585,280**	9,296,685	**6,647,791**	6,235,492
Pendapatan dari operasi Skim Perbankan Islam	57(b)	**2,810,182**	2,196,259	**-**	-
		12,395,462	11,492,944	**6,647,791**	6,235,492
Pendapatan/(kerugian) bersih daripada perniagaan insurans/takaful	37	**260,836**	(48,336)	**-**	-
		12,656,298	11,444,608	**6,647,791**	6,235,492
Dividen dari syarikat-syarikat subsidiari dan bersekutu		**-**	-	**1,000,075**	856,049
Pendapatan operasi lain		**5,882,062**	5,328,710	**3,684,042**	3,076,166
Pendapatan bukan faedah	38	**5,882,062**	5,328,710	**4,684,117**	3,932,215
Pendapatan bersih		**18,538,360**	16,773,318	**11,331,908**	10,167,707
Perbelanjaan overhed	39	**(8,927,925)**	(8,232,419)	**(4,591,331)**	(4,403,790)
Keuntungan operasi sebelum kerugian rosot nilai		**9,610,435**	8,540,899	**6,740,577**	5,763,917
Peruntukan bagi kerugian rosot nilai atas pinjaman, pendahuluan, pembiayaan, dan penghutang lain, bersih	41	**(729,586)**	(679,247)	**(502,144)**	(268,844)
(Peruntukan bagi)/masuk kira semula kerugian rosot nilai atas pelaburan kewangan, bersih	42	**(150,522)**	(117,826)	**(111,493)**	3,085
Keuntungan operasi		**8,730,327**	7,743,826	**6,126,940**	5,498,158
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama	18	**139,267**	152,476	**-**	-
Keuntungan sebelum cukai dan zakat		**8,869,594**	7,896,302	**6,126,940**	5,498,158
Cukai dan zakat	43	**(2,098,261)**	(1,977,618)	**(1,241,324)**	(1,192,254)
Keuntungan bagi tahun kewangan		**6,771,333**	5,918,684	**4,885,616**	4,305,904
Boleh diagih kepada:					
Pemegang-pemegang ekuiti bank		**6,552,391**	5,745,920	**4,885,616**	4,305,904
Kepentingan tidak dikawal		**218,942**	172,764	**-**	-
		6,771,333	5,918,684	**4,885,616**	4,305,904
Pendapatan sesaham boleh diagih kepada pemegang-pemegang ekuiti Bank					
Asas (sen)	45	**75.8**	72.7		
Dicairkan (sen)	45	**75.7**	72.7		
Dividen bersih sesaham biasa dimiliki oleh pemegang-pemegang ekuiti Bank bagi tahun kewangan (sen)					
Dibayar - Interim Pertama	46			**22.50**	24.00
Dibayar - Akhir bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2011	46			**-**	27.00
- Akhir bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012	46			**28.50**	-
Cadangan - Akhir	46(a)			**31.00**	-
- Akhir				**-**	28.50

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada asasi penyata kewangan ini.

PENYATA-PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013

	Nota	Kumpulan		Bank	
		1.1.2013 hingga 31.12.2013 RM'000	1.1.2012 hingga 31.12.2012 (Dinyatakan Semula) RM'000	1.1.2013 hingga 31.12.2013 RM'000	1.1.2012 hingga 31.12.2012 RM'000
Keuntungan bagi tahun kewangan		**6,771,333**	5,918,684	**4,885,616**	4,305,904
Pendapatan/(kerugian) komprehensif lain:					
Perkara-perkara yang tidak akan diklasifikasikan kepada untung atau rugi:					
Keuntungan/(kerugian) atas penilaian penjelasan pelan manfaat	24	**60,831**	(25,082)	**-**	-
Kesan cukai pendapatan	27	**(18,608)**	7,793	**-**	-
		42,223	(17,289)	**-**	-
Perkara-perkara yang mungkin akan diklasifikasikan kepada untung atau rugi:					
(Kerugian)/Keuntungan bersih atas pelaburan kewangan tersedia untuk dijual		**(1,800,978)**	52,715	**(1,395,968)**	(31,892)
Kesan cukai pendapatan	27	**461,600**	(2,522)	**348,992**	7,973
Terjemahan matawang asing		**(861,523)**	(931,947)	**271,446**	85,996
Perubahan dalam rizab-rizab lain		**3,568**	(547)	**-**	-
		(2,197,333)	(882,301)	**(775,530)**	62,077
(Kerugian)/pendapatan komprehensif lain bagi tahun kewangan, bersih selepas cukai		**(2,155,110)**	(899,590)	**(775,530)**	62,077
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		**4,616,223**	5,019,094	**4,110,086**	4,367,981
Pendapatan/(kerugian) komprehensif lain bagi tahun kewangan, boleh diagih kepada:					
Pemegang-pemegang ekuiti Bank		**(2,116,882)**	(912,212)	**(775,530)**	62,077
Kepentingan tidak dikawal		**(38,228)**	12,622	**-**	-
		(2,155,110)	(899,590)	**(775,530)**	62,077
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan, boleh diagih kepada:					
Pemegang-pemegang ekuiti Bank		**4,435,509**	4,833,708	**4,110,086**	4,367,981
Kepentingan tidak dikawal		**180,714**	185,386	**-**	-
		4,616,223	5,019,094	**4,110,086**	4,367,981

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada asasi penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI YANG DISATUKAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013

Kumpulan	<-- Milik pemegang-pemegang ekuiti Bank --> <-- Tidak boleh diagih --> Modal Saham (Nota 31) RM'000	Premium Saham RM'000	Saham Dipegang Dalam Amanah (Nota 31(c)(v)) RM'000	Rizab Berkanun (Nota 33(a)) RM'000	Rizab Modal (Nota 33(b)) RM'000	Rizab Pegangan Belum Diperoleh (Nota 33) RM'000	Rizab Terjemahan Matawang (Nota 33) RM'000	Rizab Penilaian Semula (Nota 33(c)) RM'000	Rizab ESS (Nota 33) RM'000	Rizab Penyamaan Keuntungan (Nota 33(d)) RM'000	Rizab Pelan Manfaat (Nota 33) RM'000	*Keuntungan Terkumpul (Nota 32) RM'000	Jumlah Ekuiti Pemegang -Pemegang Saham RM'000	Kepentingan Tidak Dikawal RM'000	Jumlah Ekuiti RM'000
Pada 1 Januari 2013															
- seperti dinyatakan sebelum ini	8,440,046	15,639,646	(102,405)	8,023,712	14,254	707,690	(1,877,640)	7,986	226,142	34,456	-	11,115,006	42,228,893	1,725,464	43,954,357
- kesan penggunaan MFRS 119 (Disemak semula 2011) (Nota 2.4(x)(a))	-	-	-	-	-	-	956	-	-	-	(124,322)	(10,169)	(133,535)	(6,024)	(139,559)
Pada 1 Januari 2013, seperti dinyatakan semula	8,440,046	15,639,646	(102,405)	8,023,712	14,254	707,690	(1,876,684)	7,986	226,142	34,456	(124,322)	11,104,837	42,095,358	1,719,440	43,814,798
Keuntungan bagi tahun kewangan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	6,552,391	6,552,391	218,942	6,771,333
(Kerugian)/Pendapatan komprehensif lain	-	-	-	-	-	(1,311,802)	(851,109)	3,740	-	-	42,289	-	(2,116,882)	(38,228)	(2,155,110)
Jumlah (kerugian)/pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	-	-	-	-	-	(1,311,802)	(851,109)	3,740	-	-	42,289	6,552,391	4,435,509	180,714	4,616,223
Pembayaran berasaskan saham di bawah Skim Saham Kakitangan ("ESS") (Nota 31(c))	-	-	-	-	-	-	-	-	104,168	-	-	-	104,168	-	104,168
Kesan perubahan dalam struktur korporat dalam Kumpulan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	(27,839)	(27,839)	(102,670)	(130,509)
Kesan terbitan hak syarikat subsidiari (Nota 55(g))	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	8,159	8,159
Pindahan ke rizab berkanun	-	-	-	1,516,424	-	-	-	-	-	-	-	(1,516,424)	-	-	-
Terbitan saham menurut ESS (Nota 31(a)(i)&(ii))	90,239	750,458	-	-	-	-	-	-	(52,079)	-	-	-	788,618	-	788,618
Terbitan saham menurut pelan Pelaburan Semula Dividen ("DRP") (Nota 31(a)(iii)&(iv))	331,790	2,640,092	(4,808)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	2,967,074	-	2,967,074
Terbitan saham menurut Dana Amanah ESOS ("ETF") (Nota 31(a)(v)&(c)(v))	4	31	(35)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Dividen (Nota 46)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	(4,365,481)	(4,365,481)	(60,451)	(4,425,932)
Jumlah transaksi dengan pemegang saham	422,033	3,390,581	(4,843)	1,516,424	-	-	-	-	52,089	-	-	(5,909,744)	(533,460)	(154,962)	(688,422)
Pada 31 Disember 2013	8,862,079	19,030,227	(107,248)	9,540,136	14,254	(604,112)	(2,727,793)	11,726	278,231	34,456	(82,033)	11,747,484	45,997,407	1,745,192	47,742,599
Pada 1 Januari 2012															
- seperti dinyatakan sebelum ini	7,639,437	9,598,847	-	6,926,383	15,250	681,351	(969,382)	8,817	127,317	34,456	-	10,393,767	34,456,243	1,554,320	36,010,563
- kesan penggunaan MFRS 119 (Disemak semula 2011) (Nota 2.4(x)(a))	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	(108,187)	(11,393)	(119,580)	(5,270)	(124,850)
Pada 1 Januari 2012, seperti dinyatakan semula	7,639,437	9,598,847	-	6,926,383	15,250	681,351	(969,382)	8,817	127,317	34,456	(108,187)	10,382,374	34,336,663	1,549,050	35,885,713
Keuntungan bagi tahun kewangan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	5,745,920	5,745,920	172,764	5,918,684
(Kerugian)/Pendapatan komprehensif lain	-	-	-	(445)	(673)	26,339	(920,467)	(831)	-	-	(16,135)	-	(912,212)	12,622	(899,590)
Jumlah (kerugian)/pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	-	-	-	(445)	(673)	26,339	(920,467)	(831)	-	-	(16,135)	5,745,920	4,833,708	185,386	5,019,094
Pembayaran berasaskan saham di bawah Skim Saham Kakitangan ("ESS") (Nota 31(c))	-	-	-	-	-	-	-	-	99,763	-	-	-	99,763	-	99,763
Kesan perubahan dalam struktur korporat dalam Kumpulan	-	-	-	-	(323)	-	13,165	-	-	-	-	19,275	32,117	27,524	59,641
Pindahan ke rizab berkanun	-	-	-	1,097,774	-	-	-	-	-	-	-	(1,097,774)	-	-	-
Terbitan saham menurut ESS (Nota 31)	1,156	9,659	-	-	-	-	-	-	(938)	-	-	-	9,877	-	9,877
Terbitan saham menurut pelan Perlaburan Semula Dividen ("DRP") (Nota 31)	375,998	2,696,035	(2,405)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	3,069,628	-	3,069,628
Terbitan saham menurut Dana Amanah ESOS ("ETF") (Nota 31(c)(v))	11,455	88,545	(100,000)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Terbitan saham menurut Penempatan Persendirian	412,000	3,246,560	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	3,658,560	-	3,658,560
Dividen (Nota 46)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	(3,944,958)	(3,944,958)	(42,520)	(3,987,478)
Jumlah transaksi dengan pemegang saham	800,609	6,040,799	(102,405)	1,097,774	(323)	-	13,165	-	98,825	-	-	(5,023,457)	2,924,987	(14,996)	2,909,991
Pada 31 Disember 2012, seperti dinyatakan semula	8,440,046	15,639,646	(102,405)	8,023,712	14,254	707,690	(1,876,684)	7,986	226,142	34,456	(124,322)	11,104,837	42,095,358	1,719,440	43,814,798

* Keuntungan terkumpul termasuk keuntungan boleh diagih dan tidak boleh diagih yang timbul daripada lebihan Ciri-ciri Penyertaan berdasarkan Bukan Budi Bicara ("Bukan-DPF") sebuah syarikat subsidiari insurans. Rujuk Nota 32 untuk maklumat lanjut.

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada asasi penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013

Bank	Modal Saham (Nota 31) RM'000	Premium Saham RM'000	Saham Dipegang Dalam Amanah (Nota 31(c)(v)) RM'000	Rizab Berkanun (Nota 33(a)) RM'000	Rizab Pegangan Belum Diperoleh (Nota 33) RM'000	Rizab Terjemahan Matawang (Nota 33) RM'000	Rizab ESS (Nota 33) RM'000	Keuntungan Terkumpul Boleh Diagih (Nota 32) RM'000	Jumlah Ekuiti RM'000
	<---------- Milik pemegang-pemegang ekuiti Bank ---------->								
	<---------- Tidak boleh diagih ---------->								
Pada 1 Januari 2013	**8,440,046**	**15,639,646**	**(102,405)**	**7,805,342**	**393,286**	**313,768**	**226,142**	**4,179,482**	**36,895,307**
Keuntungan bagi tahun kewangan	-	-	-	-	-	-	-	4,885,616	4,885,616
(Kerugian)/pendapatan komprehensif lain	-	-	-	-	(1,046,976)	271,446	-	-	(775,530)
Jumlah (kerugian)/pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	-	-	-	-	(1,046,976)	271,446	-	4,885,616	4,110,086
Pembayaran berasaskan saham di bawah Skim Saham Kakitangan ("ESS") (Nota 31(c))	-	-	-	-	-	-	104,168	-	104,168
Pindahan ke rizab berkanun	-	-	-	1,221,403	-	-	-	(1,221,403)	-
Terbitan saham menurut ESS (Nota 31(a)(i)&(ii))	90,239	750,458	-	-	-	-	(52,079)	-	788,618
Terbitan saham menurut Pelan Pelaburan Semula Dividen ("DRP") (Nota 31(a)(iii)&(iv))	331,790	2,640,092	(4,808)	-	-	-	-	-	2,967,074
Terbitan saham menurut Dana Amanah ESOS ("ETF") (Nota 31(a)(v)&(c)(v))	4	31	(35)	-	-	-	-	-	-
Dividen (Nota 46)	-	-	-	-	-	-	-	(4,365,481)	(4,365,481)
Jumlah transaksi dengan pemegang saham	422,033	3,390,581	(4,843)	1,221,403	-	-	52,089	(5,586,884)	(505,621)
Pada 31 Disember 2013	**8,862,079**	**19,030,227**	**(107,248)**	**9,026,745**	**(653,690)**	**585,214**	**278,231**	**3,478,214**	**40,499,772**
Pada 1 Januari 2012	7,639,437	9,598,847	-	6,728,866	417,205	227,772	127,317	4,895,012	29,634,456
Keuntungan bagi tahun kewangan	-	-	-	-	-	-	-	4,305,904	4,305,904
(Kerugian)/pendapatan komprehensif lain	-	-	-	-	(23,919)	85,996	-	-	62,077
Jumlah (kerugian)/pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	-	-	-	-	(23,919)	85,996	-	4,305,904	4,367,981
Pembayaran berasaskan saham di bawah Skim Saham Kakitangan ("ESS") (Nota 31(c))	-	-	-	-	-	-	99,763	-	99,763
Pindahan ke rizab berkanun	-	-	-	1,076,476	-	-	-	(1,076,476)	-
Terbitan saham menurut ESS (Nota 31)	1,156	9,659	-	-	-	-	(938)	-	9,877
Terbitan saham menurut Pelan Pelaburan Semula Dividen ("DRP") (Nota 31)	375,998	2,696,035	(2,405)	-	-	-	-	-	3,069,628
Terbitan saham menurut Dana Amanah ESOS ("ETF") (Nota 31(c)(v))	11,455	88,545	(100,000)	-	-	-	-	-	-
Terbitan saham menurut Penempatan Swasta	412,000	3,246,560	-	-	-	-	-	-	3,658,560
Dividen (Nota 46)	-	-	-	-	-	-	-	(3,944,958)	(3,944,958)
Jumlah transaksi dengan pemegang saham	800,609	6,040,799	(102,405)	1,076,476	-	-	98,825	(5,021,434)	2,892,870
Pada 31 Disember 2012	8,440,046	15,639,646	(102,405)	7,805,342	393,286	313,768	226,142	4,179,482	36,895,307

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada asasi penyata kewangan ini.

PENYATA-PENYATA ALIRAN TUNAI

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013

	Kumpulan		Bank	
	1.1.2013 hingga 31.12.2013 RM'000	1.1.2012 hingga 31.12.2012 (Dinyatakan semula) RM'000	1.1.2013 hingga 31.12.2013 RM'000	1.1.2012 hingga 31.12.2012 RM'000
Aliran tunai daripada aktiviti-aktiviti operasi				
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	**8,869,594**	7,896,302	**6,126,940**	5,498,158
Penyelarasan:				
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama	**(139,267)**	(152,476)	**-**	-
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan (Nota 39)	**268,692**	223,646	**142,546**	119,155
Pelunasan perisian komputer (Nota 39)	**142,740**	64,715	**100,210**	47,629
Pelunasan perhubungan pelanggan (Nota 39)	**24,308**	28,144	**-**	-
Pelunasan daya agensi (Nota 39)	**11,067**	14,493	**-**	-
Pelunasan deposit teras tidak ketara (Nota 39)	**28,368**	38,869	**-**	-
Keuntungan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan (Nota 38)	**(4,303)**	(7,638)	**(2,499)**	(4,928)
Keuntungan daripada pelupusan hartanah penyelesaian hutang (Nota 38)	**(25,470)**	(2,747)	**-**	(85)
Kerugian/(keuntungan) daripada pembubaran/pencairan syarikat-syarikat subsidiari (Nota 38)	**9,338**	(806)	**(1,184)**	(341)
Keuntungan daripada pelupusan/pencairan syarikat-syarikat bersekutu (Nota 38)	**-**	(8,989)	**(24,667)**	-
Keuntungan bersih daripada pelupusan aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi (Nota 38)	**(281,508)**	(309,153)	**(137,636)**	(135,607)
Keuntungan bersih daripada pelupusan pelaburan kewangan tersedia untuk dijual (Nota 38)	**(917,780)**	(693,719)	**(306,577)**	(372,298)
Kerugian bersih daripada penebusan pelaburan kewangan dipegang hingga matang (Nota 38)	**1**	62	**1**	62
Pelunasan premium ditolak pertambahan diskaun, bersih (Nota 35)	**76,471**	(120,675)	**67,241**	(128,423)
Kerugian/(keuntungan) belum peroleh atas penilaian semula aset kewangan dipegang untuk urus niaga dan derivatif (Nota 38)	**943,004**	(78,237)	**471,495**	(31,100)
Peruntukan bagi/(kira semula) kerugian rosot nilai atas pelaburan kewangan, bersih (Nota 42)	**150,522**	117,826	**111,493**	(3,085)
Peruntukan bagi kerugian rosot nilai pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan, bersih (Nota 41)	**1,550,151**	1,482,738	**1,092,746**	926,589
Peruntukan bagi rosot nilai hutang-hutang lain (Nota 41)	**5,586**	48,231	**2,294**	2,646
Pendapatan dividen (Nota 38)	**(101,790)**	(106,240)	**(1,008,594)**	(867,714)
Perbelanjaan ESS (Nota 39)	**105,584**	99,902	**79,458**	79,274
Hapus kira hartanah, loji dan peralatan (Nota 39)	**810**	227	**644**	85
Hapus kira aset tidak ketara (Nota 39)	**1,007**	-	**998**	-
Pelarasan nilai saksama atas hartanah pelaburan (Nota 39)	**(2,553)**	(48,639)	**-**	-
Peruntukan atas aset tidak ketara (Nota 39)	**1,422**	-	**-**	-
Peruntukan atas hartanah, loji dan peralatan (Nota 39)	**222**	-	**-**	-
Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja	**10,716,216**	8,485,836	**6,714,909**	5,130,017
Perubahan dalam aset kewangan dibeli di bawah perjanjian jualan balik	**777,622**	599,055	**629,756**	746,921
Perubahan dalam deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan	**5,433,987**	(4,261,093)	**(5,055,669)**	(2,378,057)
Perubahan dalam portfolio pelaburan kewangan	**(16,143,229)**	(7,058,485)	**(15,938,134)**	(4,058,243)
Perubahan dalam pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	**(45,342,944)**	(37,055,269)	**(24,211,981)**	(21,604,550)
Perubahan dalam aset-aset lain	**(1,760,010)**	(2,521,038)	**(2,596,836)**	(1,227,250)
Perubahan dalam deposit-deposit berkanun dengan bank-bank pusat	**(1,444,512)**	(1,720,946)	**(439,080)**	(793,787)
Perubahan dalam deposit-deposit daripada pelanggan-pelanggan	**48,455,300**	32,463,265	**36,268,301**	14,506,786
Perubahan dalam deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan	**8,251,705**	(2,873,602)	**8,383,801**	(6,356,816)
Perubahan dalam tanggungan ke atas aset kewangan dijual di bawah perjanjian belian balik	**4,300,055**	(267,652)	**4,300,055**	(267,652)
Perubahan dalam bil-bil dan penerimaan belum bayar	**(282,424)**	(2,203,266)	**(110,700)**	(2,056,829)
Perubahan dalam liabiliti-liabiliti lain	**(1,745,660)**	3,164,587	**834,668**	2,323,890
Perubahan dalam aset insurans semula/takaful semula dan lain-lain aset insurans	**205,732**	(381,933)	**-**	-
Perubahan dalam liabiliti kontrak insurans/takaful dan lain-lain liabiliti insurans	**(128,733)**	1,837,964	**-**	-
Turun naik pertukaran matawang	**(517,433)**	(296,032)	**(38,533)**	450,392
Wang tunai dijana daripada/(digunakan dalam) operasi	**10,775,672**	(12,088,609)	**8,740,557**	(15,585,178)
Cukai dan zakat dibayar	**(2,218,263)**	(1,287,096)	**(1,316,085)**	(323,965)
Wang tunai bersih dijana daripada/(digunakan dalam) aktiviti-aktiviti operasi	**8,557,409**	(13,375,705)	**7,424,472**	(15,909,143)
Aliran tunai daripada aktiviti-aktiviti pelaburan				
Pembelian hartanah, loji dan peralatan (Nota 19)	**(504,313)**	(439,635)	**(331,838)**	(247,028)
Pembelian aset tidak ketara (Nota 20)	**(394,314)**	(391,668)	**(343,641)**	(354,487)
Pembelian hartanah pelaburan (Nota 15)	**(2,042)**	-	**-**	-
Kesan bersih timbul daripada:				
- pembelian syarikat-syarikat subsidiari (Nota 17(e)/Nota 17(l))	**(30,067)**	(47,676)	**-**	-
- pelupusan syarikat-syarikat subsidiari (Nota 17(h)&(i)/Nota 17(m))	**(37,122)**	24,905	**-**	-
- transaksi bagi kepentingan tidak dikawal	**(111,251)**	67,834	**-**	-
Pelaburan tambahan saham biasa dalam syarikat-syarikat subsidiari baru dan sedia ada	**-**	-	**(1,869,860)**	(403,926)
Penebusan bon tidak boleh ditukar dan pembayaran modal dalam syarikat-syarikat bersekutu	**4,994**	-	**29,660**	-
Hasil pelupusan hartanah, loji dan peralatan	**8,138**	18,625	**3,055**	8,830
Dividen yang diterima daripada:				
- Sekuriti	**101,790**	106,240	**8,519**	11,665
- Syarikat-syarikat bersekutu	**84,297**	75,683	**9,641**	7,106
- Syarikat-syarikat subsidiari	**-**	-	**990,434**	848,943
Pemindahan hartanah, loji dan peralatan kepada syarikat subsidiari (Nota 19)	**-**	-	**42,424**	7,363
Pemindahan aset-aset tidak ketara kepada syarikat subsidiari (Nota 20)	**-**	-	**414,096**	-
Wang tunai bersih digunakan dalam aktiviti-aktiviti pelaburan	**(879,890)**	(585,692)	**(1,047,510)**	(121,534)

	Kumpulan		Bank	
	1.1.2013 hingga 31.12.2013 RM'000	1.1.2012 hingga 31.12.2012 (Dinyatakan semula) RM'000	1.1.2013 hingga 31.12.2013 RM'000	1.1.2012 hingga 31.12.2012 RM'000
Aliran tunai daripada aktiviti-aktiviti pembiayaan				
Hasil daripada terbitan saham	**3,755,692**	6,738,065	**3,755,692**	6,738,065
Penggunaan pinjaman, bersih	**2,024,382**	4,308,732	**1,489,144**	3,343,593
Penerbitan kewajipan subordinat	**500,000**	4,832,966	**-**	4,551,634
Penebusan kewajipan subordinat	**(1,500,000)**	(5,517,550)	**(1,500,000)**	(5,517,550)
Pinjaman dan pembiayaan dijual kepada Cagamas, bersih	**(315,705)**	(621,899)	**(31,500)**	(27,810)
Terbitan hak oleh kepentingan tidak dikawal	**8,159**	-	**-**	-
Dividen yang dibayar	**(4,365,481)**	(3,944,958)	**(4,365,481)**	(3,944,958)
Dividen dibayar kepada kepentingan tidak dikawal	**(60,451)**	(42,520)	**-**	-
Wang tunai bersih dijana/(digunakan dalam) aktiviti-aktiviti pembiayaan	**46,596**	5,752,836	**(652,145)**	5,142,974
Peningkatan/(pengurangan) bersih tunai dan kesetaraan tunai	**7,724,115**	(8,208,561)	**5,724,817**	(10,887,703)
Tunai dan kesetaraan tunai pada 1 Januari 2013/2012 *	**43,146,218**	50,388,584	**26,705,536**	36,522,118
Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember	**50,870,333**	42,180,023	**32,430,353**	25,634,415
Tunai dan dana jangka pendek (Nota 5)	**48,067,358**	40,018,633	**29,320,984**	23,153,242
Deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan akan matang dalam tempoh satu bulan (Nota 48(e)(2))	**2,802,975**	2,161,390	**3,109,369**	2,481,173
	50,870,333	42,180,023	**32,430,353**	25,634,415
* Tunai dan kesetaraan tunai pada 1 Januari 2013/2012:				
- Seperti mana dilaporkan sebelum ini	**42,180,023**	51,022,866	**25,634,415**	37,031,903
- Kesan perubahan kadar pertukaran matawang	**966,195**	(634,282)	**1,071,121**	(509,785)
	43,146,218	50,388,584	**26,705,536**	36,522,118

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada asasi penyata kewangan ini.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember 2013

1. MAKLUMAT KORPORAT

Malayan Banking Berhad ("Maybank" atau "Bank") merupakan sebuah syarikat awam dengan liabiliti terhad, diperbadankan dan bermastautin di Malaysia, dan disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad. Pejabat berdaftar Bank terletak di Tingkat 14, Menara Maybank, 100, Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur.

Kegiatan utama Bank adalah menjalankan segala aspek komersil perbankan dan perkhidmatan kewangan yang berkaitan.

Penglibatan syarikat-syarikat subsidiari adalah terutamanya dalam perniagaan perbankan dan kewangan, perbankan Islam, perbankan pelaburan termasuk broker saham, taja jamin insurans am dan hayat, takaful am dan takaful keluarga, pemegang amanah dan perkhidmatan penama serta pengurusan aset. Butiran lanjut tentang syarikat-syarikat subsidiari dinyatakan dalam Nota 58(a).

Tiada sebarang perubahan nyata dalam aktiviti-aktiviti ini sepanjang tahun kewangan.

Penyata-penyata kewangan ini telah diluluskan untuk terbitan oleh Lembaga Pengarah menerusi resolusi para pengarah pada 27 Februari 2014.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

2.1 Asas penyediaan dan pembentangan penyata kewangan

Penyata kewangan Bank dan syarikat-syarikat subsidiari ("Kumpulan Maybank" atau "Kumpulan") dan Bank telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS") dan peruntukan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia.

Penyata kewangan Kumpulan dan Bank telah disediakan berdasarkan kos sejarah melainkan jika dinyatakan sebaliknya dalam ringkasan dasar-dasar perakaunan yang penting seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.3.

Penyata kewangan Kumpulan juga merangkumi pendedahan berasingan tentang perniagaan insurans dan operasi perbankan Islam sebagaimana dinyatakan dalam Nota 56 dan 57. Perniagaan insurans adalah taja jamin perniagaan insurans am dan hayat, pengurusan perniagaan takaful am dan keluarga serta perniagaan berkaitan pelaburan. Perbankan Islam umumnya merujuk kepada kegiatan menerima deposit, penawaran pembiayaan dan urus niaga sekuriti Islam di bawah prinsip-prinsip Shariah.

Kumpulan dan Bank membentangkan penyata kedudukan kewangan mereka mengikut kecairan.

Aset kewangan dan liabiliti kewangan diimbangi dan amaun bersih dilaporkan dalam penyata kedudukan kewangan Kumpulan dan Bank hanya apabila terdapat hak yang sah atau boleh dikuatkuasakan untuk mengimbangi amaun yang diiktiraf dan terdapat hasrat untuk menyelesaikannya pada asas bersih atau untuk merealisasi aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak. Pendapatan dan perbelanjaan tidak diimbangi dalam penyata kewangan Kumpulan dan Bank kecuali diperlukan atau dibenarkan oleh piawaian perakaunan atau interpretasi dan dinyatakan secara khusus dalam dasar-dasar perakaunan Kumpulan dan Bank.

Penyata kewangan yang disatukan memberikan maklumat perbandingan bagi tahun kewangan sebelumnya. Walau bagaimanapun, apabila terdapat penggunaan retrospektif dasar perakaunan, penyataan semula retrospektif atau pengelasan semula butiran dalam penyata kewangan dalam tahun kewangan semasa, Kumpulan membentangkan penyata tambahan bagi kedudukan kewangan pada permulaan tempoh paling awal yang dibentangkan. Dalam tahun kewangan semasa, satu penyata tambahan kedudukan kewangan pada 1 Januari 2012 dibentangkan dalam penyata kewangan yang disatukan berikutan penggunaan piawaian perakaunan yang disemak semula. Ini membawa kepada perubahan dalam dasar-dasar perakaunan tertentu yang memerlukan penggunaan retrospektif. Butiran lebih lanjut dinyatakan dalam Nota 2.4(x).

Bagi memudahkan pengguna penyata kewangan dalam memahami implikasi kewangan hasil perubahan yang dibuat pada tahun kewangan, Kumpulan dengan sukarela menyata dan membentangkan nota-nota berkenaan penyata pembukaan kedudukan kewangan pada 1 Januari 2012 (dalam Nota 24, Nota 27, Nota 33 dan Nota 57).

Di samping itu, Bank juga telah secara sukarela membentangkan penyata tambahan kedudukan kewangan pada 1 Januari 2012 dan nota-nota berkaitan kepada penyata pembukaan kedudukan kewangan pada 1 Januari 2012 (dalam Nota 24 dan Nota 33) untuk ketekalan dalam pembentangan dengan Kumpulan.

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM") dan dibundarkan kepada jumlah ribu ringgit (RM'000) yang terdekat, kecuali dinyatakan sebaliknya.

2.2 Asas penyatuan

Penyata kewangan yang disatukan terdiri daripada penyata kewangan Bank dan syarikat-syarikat subsidiari termasuk perakaunan ekuiti kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama pada 31 Disember 2013. Butiran lanjut dasar-dasar perakaunan bagi kepentingan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama dinyatakan dalam Nota 2.3(ii).

Penyata kewangan syarikat-syarikat subsidiari, syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama disediakan pada tarikh laporan yang sama dengan Bank, menggunakan dasar perakaunan yang konsisten bagi transaksi dan peristiwa-peristiwa yang mempunyai keadaan yang sama.

Syarikat-syarikat subsidiari disatukan dari tarikh perolehan atau perbadanan, iaitu tarikh di mana Bank mendapat kawalan ke atasnya, dan terus disatukan sehingga tarikh hak kawalan tersebut berakhir. Kawalan seumpamanya diperolehi apabila Bank terdedah, atau mempunyai hak, kepada pelbagai pulangan melalui kuasanya ke atas pihak yang dilabur. Secara khususnya, Kumpulan mengawal pihak yang dilabur dan hanya jika Kumpulan mempunyai:

- Kuasa ke atas pihak yang dilabur (iaitu hak-hak sedia ada yang memberinya keupayaan semasa untuk mengarahkan aktiviti bersesuaian bagi pihak yang dilabur);
- Pendedahan, atau hak, ke atas pelbagai pulangan daripada pelaburannya dengan pihak yang dilabur; dan
- Keupayaan menggunakan kuasanya ke atas pihak yang dilabur bagi tujuan menghasilkan pulangannya.

Apabila Kumpulan mempunyai kurang daripada majoriti hak mengundi atau hak yang sama atas pihak dilabur, Kumpulan mempertimbangkan semua fakta dan keadaan bersesuaian dalam menilai sama ada ia mempunyai kuasa ke atas pihak dilabur, termasuklah:

- Perjanjian kontraktual dengan pemegang undi lain pihak yang dilabur;
- Hak-hak yang timbul daripada perancangan kontraktual; dan
- Hak-hak Kumpulan untuk mengundi dan potensi hak mengundi.

Kumpulan menilai semula sama ada ia mengawal atau tidak pihak dilabur sekiranya fakta dan keadaan menandakan bahawa terdapat perubahan kepada satu atau lebih daripada tiga unsur kawalan.

Kesemua aset dan liabiliti intra-kumpulan serta ekuiti, pendapatan, perbelanjaan dan aliran tunai yang berkaitan dengan transaksi antara ahli-ahli Kumpulan dihapuskan secara sepenuhnya pada penyatuan.

Kepentingan tidak dikawal ("NCI") mewakili bahagian keuntungan atau kerugian dan aset bersih dalam syarikat-syarikat subsidiari yang bukannya syarikat milik penuh, secara langsung atau tidak langsung oleh pihak Bank. NCI diwakili secara berasingan dalam penyata pendapatan tergabung, penyata tergabung pendapatan komprehensif dan dalam konteks ekuiti dalam penyata tergabung kedudukan kewangan. Bagaimanapun, ia terasing daripada ekuiti pemegang saham induk. Jumlah pendapatan komprehensif akan diperuntukkan bertentangan dengan kepentingan NCI, walaupun jika keputusan kewangan menunjukkan baki defisit. Pengambilalihan NCI akan diambil kira kerana menggunakan pendekatan pengembangan entiti induk, yang mana perbezaan antara pertimbangan dan nilai saksama bagi saham aset bersih, diambilalih dikira sebagai ekuiti.

Perubahan dalam pemilikan kepentingan syarikat subsidiari, tanpa kehilangan kawalan, diambil kira sebagai transaksi ekuiti. Jika Kumpulan kehilangan kawalan ke atas syarikat subsidiari, ia:

- Nyah iktiraf aset (termasuk muhibah) dan liabiliti syarikat subsidiari pada nilai bawaan mereka;
- Nyah iktiraf nilai bawaan mana-mana kepentingan tidak dikawal dalam bekas syarikat subsidiari;
- Nyah iktiraf pertukaran matawang asing terkumpul yang direkodkan dalam ekuiti;
- Mengiktiraf jumlah nilai saksama bagi pertimbangan yang diterima;

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.2 Asas penyatuan (samb.)

- Mengiktiraf jumlah nilai saksama sebarang pelaburan yang dipegang dalam bekas syarikat subsidiari;
- Mengiktiraf sebarang lebihan atau defisit dalam untung atau rugi; dan
- Pengelasan semula bahagian komponen induk yang dahulunya diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain kepada penyata pendapatan atau perolehan tertahan, sekiranya diperlukan sejajar dengan MFRS lain.

Kesemua di atas akan diambil kira dari tarikh kawalan hilang.

Dasar-dasar perakaunan bagi penggabungan perniagaan dan muhibah dinyatakan dalam Nota 2.3(iii).

2.3 Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting

(i) Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari

Syarikat-syarikat subsidiari adalah entiti, termasuk entiti berstruktur, dikawal oleh Bank, sebagaimana ditakrifkan dalam Nota 2.2.

Dalam penyata kewangan Bank yang berasingan, pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari dinyatakan pada kos ditolak kerugian rosot nilai terkumpul. Dasar pengiktirafan dan pengukuran kerugian rosot nilai sejajar dengan Nota 2.3(xvi) di bawah.Dalam melupuskan pelaburan seumpama itu, perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan nilai bawaan mereka diiktiraf sebagai untung atau rugi dalam penyata pendapatan.

(ii) Kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama

Syarikat-syarikat bersekutu adalah entiti di mana Kumpulan mempunyai pengaruh yang ketara. Pengaruh yang ketara adalah kuasa untuk mengambil bahagian dalam membuat keputusan dasar kewangan dan operasi pihak dilabur, tetapi bukannya kawalan atau kawalan bersama terhadap dasar berkenaan.

Syarikat-syarikat usaha sama adalah jenis perjanjian bersama di mana pihak-pihak yang mempunyai kawalan bersama atas perjanjian tersebut mempunyai hak kepada aset-aset bersih usaha sama. Kawalan bersama adalah perkongsian kawalan terhadap perjanjian yang dipersetujui secara kontraktual, yang hanya wujud apabila keputusan melibatkan aktiviti yang relevan memerlukan persetujuan bersama pihak-pihak yang berkongsi kawalan.

Pertimbangan yang diambil dalam menentukan pengaruh yang ketara atau kawalan bersama adalah sama bagi mereka yang perlu untuk menentukan kawalan ke atas syarikat-syarikat subsidiari.

Kepentingan Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama diambil kira menggunakan kaedah ekuiti. Perakaunan ekuiti dalam syarikat bersekutu dikira mulai tarikh Kumpulan mendapat pengaruh yang ketara atau kawalan bersama sehinggalah tarikh Kumpulan tidak lagi mempunyai pengaruh ketara ke atas syarikat bersekutu atau kawalan bersama ke atas usaha sama.

Di bawah kaedah ekuiti, kepentingan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama pada awalnya diiktiraf pada kos. Jumlah bawaan pelaburan diselaraskan bagi perubahan dalam bahagian aset bersih syarikat bersekutu atau usaha sama yang dimiliki oleh Kumpulan sejak tarikh pemerolehan. Muhibah berkaitan syarikat bersekutu atau usaha sama dimasukkan dalam nilai bawaan pelaburan dan tidak dilunaskan mahupun diuji secara individu bagi rosot nilai. Perincian tentang muhibah dimasukkan dalam nilai bawaan kepentingan syarikat bersekutu dan usaha sama dinyatakan dalam Nota 18(d).

Penyata pendapatan yang disatukan menggambarkan bahagian Kumpulan ke atas keputusan operasi syarikat bersekutu dan usaha sama. Sebarang perubahan dalam pendapatan komprehensif lain bagi pihak yang dilabur dibentangkan sebagai sebahagian daripada penyata pendapatan komprehensif Kumpulan. Bila mana terdapat perubahan yang diiktiraf secara terus dalam ekuiti syarikat bersekutu atau usaha sama, Kumpulan mengiktiraf bahagiannya dalam perubahan dan menyatakannya apabila perlu, dalam penyata perubahan ekuiti yang disatukan. Keuntungan atau kerugian tidak diperoleh berikutan transaksi antara Kumpulan dengan syarikat bersekutu atau usaha sama dihapuskan mengikut tahap kepentingan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama.

Apabila bahagian kerugian yang ditanggung Kumpulan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama menyamai atau melebihi kepentingannya dalam syarikat bersekutu atau usaha sama, termasuk sebarang kepentingan jangka panjang yang membentuk sebahagian kepentingan bersih Kumpulan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama, kerugian seterusnya tidak akan diiktiraf kecuali Kumpulan berkewajipan atau perlu membuat pembayaran bagi pihak syarikat bersekutu atau usaha sama.

Penyata kewangan beraudit syarikat-syarikat bersekutu atau usaha sama yang terkini digunakan oleh Kumpulan dalam menerima pakai kaedah ekuiti. Sekiranya tarikh penyata kewangan beraudit itu tidak sama dengan Kumpulan, keputusan hasil kewangan dikira daripada penyata kewangan terakhir beraudit dan penyata kewangan pengurusan hingga akhir tempoh perakaunan. Sekiranya perlu, penyelarasan dibuat supaya dasar perakaunan selari dengan Kumpulan.

Selepas pelaksanaan kaedah ekuiti, Kumpulan akan menentukan sama ada perlu mengiktiraf sebarang rosot nilai kerugian atas pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama. Kumpulan akan menentukan pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat bukti kepentingan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama mengalami rosot nilai. Sekiranya terbukti, Kumpulan akan mengira jumlah rosot nilai sebagai perbezaan antara jumlah yang boleh diperoleh semula dengan nilai bawaan, kemudian mengiktiraf jumlah dalam 'bahagian keuntungan syarikat bersekutu dan usaha sama' dalam penyata pendapatan disatukan.

Apabila Kumpulan tidak lagi mempunyai pengaruh yang ketara dalam syarikat bersekutu atau usaha sama, Kumpulan akan mengukur dan mengiktiraf sebarang pegangan pelaburannya pada nilai saksama. Sebarang perbezaan antara jumlah bawaan syarikat bersekutu atau usaha sama terhadap kehilangan pengaruh ketara atau kawalan bersama dengan nilai saksama pegangan pelaburan dan hasil daripada pelupusan akan diiktiraf dalam penyata pendapatan disatukan.

Dalam penyata pendapatan berasingan Bank, kepentingan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama dinyatakan pada kos ditolak dengan kerugian rosot nilai terkumpul. Dasar bagi pengiktirafan dan pengukuran kerugian rosot nilai adalah menurut Nota 2.3(xvi). Berhubung pelupusan pelaburan sedemikian, perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan nilai bawaannya diiktiraf sebagai keuntungan atau kerugian pelupusan dalam penyata pendapatan.

(iii) Penyatuan perniagaan dan muhibah

Penyatuan perniagaan dikira menggunakan kaedah pemerolehan. Kos pemerolehan diukur sebagai agregat pertukaran yang diukur pada tarikh pengambilalihan dan jumlah kepentingan tidak dikawal dalam sesuatu yang diperoleh. Bagi setiap penyatuan perniagaan, Kumpulan memilih sama ada untuk mengukur kepentingan itu pada nilai saksama atau bahagian aset bersih yang dikenal pasti oleh sesuatu yang diperoleh. Kos berkaitan pemerolehan dimasukkan dalam perbelanjaan pentadbiran apabila berlaku. Apabila Kumpulan memperoleh suatu perniagaan, ia membuat penilaian ke atas aset kewangan dan liabiliti kewangan dengan mengandaikan pengelasan yang bersesuaian dan penetapan mengikut terma-terma kontrak, keadaan ekonomi dan keadaan berkaitan pada tarikh pemerolehan.

Jika penyatuan perniagaan dicapai secara berperingkat-peringkat, kepentingan ekuiti yang dipegang sebelumnya diukur semula pada nilai saksama tarikh pemerolehan dan sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul akan diiktiraf dalam penyata pendapatan. Ia kemudiannya dipertimbangkan dalam penentuan muhibah. Sebarang pertukaran luar jangka untuk dipindahkan kepada pembeli akan diiktiraf pada nilai saksama tarikh pemerolehan. Pertukaran luar jangka dikelaskan sebagai aset atau liabiliti instrumen kewangan dan berada dalam skop MFRS 139 *Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran* ("MFRS 139") diukur pada nilai saksama dengan perubahannya diiktiraf sama ada dalam penyata pendapatan atau sebagai perubahan kepada pendapatan komprehensif lain. Sekiranya pertukaran luar jangka bukan dalam skop MFRS 139, pengukurannya dibuat mengikut mana-mana MFRS yang sesuai. Pertukaran luar jangka dikelaskan sebagai ekuiti, tidak diukur semula dan penyelesaiannya dikira dalam ekuiti.

Muhibah pada awalnya diukur berasaskan kos, sebagai lebihan kepada kos pembelian dan amaun diiktiraf bagi kepentingan tidak dikawal ke atas aset bersih yang dikenal pasti diperoleh dan liabiliti ditanggung. Sekiranya nilai saksama aset bersih yang dibeli melebihi kos pembelian dipindahkan, keuntungannya diiktiraf dalam penyata pendapatan. Selepas pengiktirafan awal, muhibah diukur pada kos ditolak kerugian rosot nilai terkumpul. Muhibah disemak semula untuk kerosotan nilai pada setiap tahun atau lebih kerap lagi sekiranya terdapat perubahan atau peristiwa tertentu yang membayangkan nilai bawaannya mungkin mengalami rosot nilai.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN
- 31 Disember 2013

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (samb.)

(iii) Penyatuan perniagaan dan muhibah (samb.)

Bagi tujuan pengujian rosot nilai, muhibah yang diperoleh diperuntukkan sejak tarikh pemerolehan kepada setiap unit penjana tunai milik Kumpulan yang dijangka mendapat manfaat daripada sinergi penggabungan, tanpa mengira sama ada aset atau liabiliti lain-lain pemeroleh turut terdapat pada unit berkenaan. Dasar perakaunan bagi rosot nilai aset-aset bukan kewangan (termasuk muhibah) dinyatakan dalam Nota 2.3(xvi).

Jika muhibah diperuntukkan kepada unit penjana tunai dan sebahagian daripada operasi dalam unit penjana tunai itu dilupuskan, muhibah yang berkaitan akan dimasukkan dalam jumlah bawaan operasi itu semasa menentukan keuntungan atau kerugian ke atas pelupusan operasi berkenaan. Muhibah yang dilupuskan dalam keadaan ini diukur berdasarkan kepada nilai yang saksama daripada pelupusan operasi dan bahagian unit penjanaan tunai dikekalkan.

(iv) Aset tidak ketara

Di samping muhibah, aset tidak ketara termasuk deposit teras, hubungan pelanggan dan tenaga kerja agensi yang diperoleh dalam penyatuan perniagaan, perisian komputer dan perisian yang sedang dibangunkan.

Aset tidak ketara diiktiraf hanya apabila kos boleh diukur dengan jelas dan terdapat jangkaan faedah ekonomi masa depan yang boleh disumbangkan kepada Kumpulan dan Bank.

Aset tidak ketara yang diperoleh secara berasingan diukur berdasarkan kos pengiktirafan awal. Kos bagi aset tidak ketara, yang diperoleh daripada penyatuan perniagaan adalah nilai saksama pada tarikh pemerolehan. Selepas pengiktirafan awal, aset tidak ketara dikira pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan juga kerugian rosot nilai terkumpul, kecuali perisian yang sedang dibangunkan yang tidak tertakluk kepada pelunasan.

Tempoh hayat boleh guna aset tidak ketara dinilai sama ada secara terbatas ataupun sebaliknya. Aset tidak ketara dengan hayat tidak terbatas tidak dilunaskan tetapi diuji untuk rosot nilai bila mana terdapat tanda yang aset tidak ketara tersebut mungkin boleh dirosot nilai. Aset tidak ketara dengan hayat terbatas dilunaskan mengikut tempoh boleh guna. Tempoh dan kaedah pelunasan aset tidak ketara dengan hayat terbatas disemak semula sekurang-kurangnya pada setiap akhir tahun kewangan. Perubahan jangkaan tempoh hayat boleh guna atau jangkaan corak penggunaan faedah ekonomi masa akan datang dalam aset dikira dengan mengubah tempoh pelunasan atau kaedah, sebagaimana bersesuaian, dan dianggap sebagai perubahan anggaran perakaunan. Perbelanjaan pelunasan aset tidak ketara dengan hayat terbatas diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam kategori perbelanjaan selari dengan fungsi aset tidak ketara.

Keuntungan atau kerugian daripada penyahiktirafan aset tidak ketara diukur sebagai perbezaan antara hasil pelunasan bersih dan jumlah bawaan aset dan diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila aset itu dinyah iktiraf.

Aset tidak ketara dilunaskan mengikut anggaran batasan hayat boleh guna seperti berikut:

Perisian komputer	3 - 10 tahun
Deposit teras	8 tahun
Hubungan pelanggan	3 - 11 tahun
Tenaga kerja agensi	9 tahun

(v) Aset kewangan

(a) Tarikh pengiktirafan

Kesemua aset kewangan pada awalnya diiktiraf pada tarikh urus niaga, contohnya pada tarikh Kumpulan dan Bank menjadi pihak berkaitan kepada peruntukan kontrak instrumen tertentu. Ini termasuk cara biasa berniaga, belian atau jualan aset kewangan yang memerlukan penyampaian aset dalam kerangka masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di pasaran.

(b) Pengiktirafan awal dan pengukuran berikutnya

Aset kewangan pada awalnya diukur pada nilai saksama mereka dicampur kos-kos transaksi langsung, kecuali bagi aset-aset kewangan yang direkodkan pada nilai saksama melalui untung atau rugi. Aset kewangan dalam skop MFRS 139 dikelaskan sebagai aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi, pinjaman dan belum terima, pelaburan kewangan dipegang hingga matang dan pelaburan kewangan tersedia untuk dijual. Pengelasan aset kewangan pada pengiktirafan awal bergantung kepada tujuan dan hasrat pengurusan terhadap aset kewangan yang diperoleh serta ciri-cirinya. Kumpulan dan Bank menentukan pengelasan aset kewangan pada pengiktirafan awal yang mana perinciannya dinyatakan di bawah ini.

Aset kewangan termasuklah yang berikut:

(1) Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi ("FVTPL")

Aset kewangan pada FVTPL termasuk aset kewangan dipegang untuk urus niaga ("HFT") dari aset kewangan ditetapkan selepas pengiktirafan awal. Aset kewangan dikelaskan sebagai dipegang untuk urus niaga sekiranya ia diperoleh bagi tujuan penjualan atau pembelian balik dalam jangka masa terdekat.

Bagi aset kewangan yang ditetapkan pada FVTPL, kriteria berikut perlu dipenuhi semasa pengiktirafan awal:

- penentuan menghapus atau mengurangkan dengan ketara ketidaktekalan yang boleh timbul daripada pengukuran aset atau liabiliti atau pengiktirafan keuntungan atau kerugian terhadapnya pada asas yang berbeza.
- aset dan liabiliti merupakan sebahagian daripada sekumpulan aset kewangan, liabiliti kewangan atau kedua-duanya, yang diuruskan dan prestasi mereka dinilai pada asas nilai saksama, selaras dengan pengurusan risiko yang didokumenkan atau strategi pelaburan.

Termasuk dalam aset kewangan yang dipegang untuk urus niaga adalah derivatif, sekuriti hutang, ekuiti dan jualan pendek yang diperoleh terutamanya untuk tujuan penjualan atau pembelian balik dalam jangka masa terdekat.

Termasuk dalam aset kewangan ditetapkan pada FVTPL adalah sekuriti hutang dan deposit berstruktur yang diuruskan pada asas nilai saksama dibawah dana insurans hayat dan dana takaful keluarga.

Berikutan pengiktirafan awal, aset kewangan yang dipegang untuk urus niaga dan aset kewangan ditetapkan pada FVTPL direkodkan dalam penyata kedudukan kewangan pada nilai saksama. Perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam untung atau rugi di bawah keterangan 'pendapatan bukan faedah'.

(2) Pinjaman dan belum terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Aset kewangan yang diklasifikasikan dalam kategori ini termasuk wang tunai dan baki dengan bank, perjanjian beli balik berbalik, pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dan belum terima yang lain. Aset kewangan ini pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama, termasuk kos urus niaga langsung dan tokokan dan kemudiannya diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif, ditolak kerugian rosot nilai terkumpul.

(3) Pelaburan kewangan dipegang hingga matang ("HTM")

Pelaburan kewangan HTM adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan dan tempoh matang yang tetap yang mana Kumpulan dan Bank mempunyai niat dan keupayaan untuk memegangnya sehingga mencapai kematangan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (samb.)

(v) Aset kewangan (samb.)

(b) Pengiktirafan awal dan pengukuran berikutnya (samb.)

(3) Pelaburan kewangan dipegang hingga matang ("HTM") (samb.)

Berikutan dengan pengiktirafan awal, pelaburan kewangan HTM diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif ditolak kerugian rosot nilai terkumpul. Kos pelunasan ditentukan dengan mengambil kira sebarang diskaun atau premium atas pemerolehan dan yuran yang menjadi bahagian yang penting pada kadar faedah efektif. Pelunasan, kerugian yang timbul daripada rosot nilai dan keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penyahiktirafan pelaburan seumpama itu diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Sekiranya Kumpulan dan Bank hendak menjual atau mengklasifikasikan semula lebih daripada satu jumlah yang kecil pelaburan kewangan HTM sebelum tempoh matang (selain daripada keadaan khusus yang tertentu), keseluruhan kategori itu akan dicemari dan perlu diklasifikasikan semula sebagai pelaburan kewangan tersedia untuk dijual. Selain itu, Kumpulan dan Bank ditegah daripada mengklasifikasikan sebarang pelaburan kewangan sebagai dipegang hingga matang bagi tempoh dua tahun berikutnya.

(4) Aset kewangan tersedia untuk dijual ("AFS")

Pelaburan kewangan AFS adalah aset kewangan yang tidak diklasifikasikan dalam mana-mana daripada tiga (3) kategori sebelum ini.

Pelaburan kewangan AFS termasuk ekuiti dan sekuriti hutang. Sekuriti hutang dalam kategori ini dirancang untuk dipegang sehingga satu jangka masa yang tidak ditetapkan dan mungkin dijual sebagai reaksi kepada keperluan kecairan atau perubahan dalam keadaan pasaran.

Selepas pengiktirafan awal, pelaburan kewangan AFS diukur pada nilai saksama. Keuntungan atau kerugian yang tidak diperoleh diiktiraf secara terus dalam ekuiti (pendapatan komprehensif lain) dalam 'rizab pegangan belum diperoleh/(defisit)', kecuali bagi kerugian rosot nilai, keuntungan atau kerugian tukaran asing aset kewangan monetari dan pendapatan faedah dikira menggunakan kaedah kadar faedah efektif adalah diiktiraf dalam penyata pendapatan. Dividen pelaburan kewangan AFS diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila terdapat hak Kumpulan dan Bank untuk menerima pembayaran. Apabila pelaburan kewangan AFS dinyahiktiraf oleh Kumpulan dan Bank, keuntungan atau kerugian terkumpul yang sebelumnya diiktiraf dalam ekuiti dan diiktiraf dalam penyata pendapatan di bawah 'pendapatan bukan faedah'.

(c) Penyahiktirafan

Sesuatu aset kewangan dinyahiktiraf apabila:

(1) Hak-hak menerima aliran tunai daripada aset kewangan telah tamat tempoh; dan

(2) Kumpulan dan Bank telah memindahkan hak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan atau telah meneruskan kewajipan membayar sepenuhnya aliran tunai yang diterima tanpa kelewatan ketara kepada pihak ketiga di bawah pengaturan secara "melalui"; dan salah satu daripada berikut:

(i) Kumpulan dan Bank telah memindahkan sebahagian besar kesemua risiko dan ganjaran aset kewangan, atau

(ii) Kumpulan dan Bank tidak memindah mahupun mengekalkan sebahagian besar risiko dan ganjaran aset kewangan, tetapi telah memindahkan kawalan ke atas aset kewangan.

Apabila Kumpulan dan Bank memindahkan hak untuk menerima aliran tunai daripada sesuatu aset kewangan atau membuat pengaturan secara "melalui" dan tidak juga memindah mahupun memegang sebahagian besar risiko dan ganjaran aset serta tidak memindah kawalan, aset kewangan tersebut diiktiraf selagi terdapat penglibatan Kumpulan dan Bank dalam aset kewangan itu. Dalam hal ini, Kumpulan dan Bank juga mengiktiraf liabiliti kewangan bersekutu. Pemindahan aset dan liabiliti kewangan bersekutu diukur pada satu asas yang mencerminkan hak-hak dan kewajipan-kewajipan yang dikekalkan oleh Kumpulan dan Bank.

(d) Rosot nilai aset kewangan

Kumpulan dan Bank menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat bukti jelas bahawa satu aset kewangan termasuk satu atau lebih sekuriti (selain aset kewangan FVTPL) dirosot nilai. Sesuatu atau sekumpulan aset kewangan dianggap dirosot nilai jika dan hanya sekiranya terdapat bukti jelas berlaku kerosakan akibat satu atau lebih peristiwa yang berlaku setelah pengiktirafan awal aset (peristiwa yang mendatangkan kerugian) dan peristiwa berkenaan mengakibatkan impak terhadap jangkaan aliran tunai masa depan oleh aset kewangan atau kumpulan aset kewangan yang boleh dianggarkan dengan pasti.

Bukti rosot nilai termasuk tanda-tanda bahawa peminjam atau sekumpulan peminjam mengalami kesukaran kewangan yang ketara, kemungkinan mereka akan muflis atau penyusunan semula kewangan lain, keingkaran atau kegagalan dalam pembayaran faedah atau prinsipal atau di mana data yang ada menunjukkan pengurangan yang boleh diukur dalam anggaran aliran tunai masa depan, seperti perubahan dalam keadaan ekonomi yang berkait dengan kegagalan.

(1) Pinjaman dan nilai belum terima

(i) Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan

Pengelasan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan sebagai dirosot nilai

Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan diklasifikasikan sebagai dirosot nilai apabila:

- jumlah prinsipal atau faedah/keuntungan atau kedua-duanya tidak berbayar untuk tempoh selama tiga (3) bulan atau lebih; atau
- pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang tertunggak untuk tempoh kurang tiga (3) bulan menunjukkan tanda-tanda kelemahan kredit, tanpa mengira sama ada kerugian rosot nilai telah diambil kira; atau
- pinjaman pendahuluan dan pembiayaan dirosot nilai telah dijadual atau disusun semula, pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan akan terus diklasifikasikan sebagai dirosot nilai sehingga pembayaran balik berdasarkan syarat-syarat yang disemak dan/atau distruktur semula diperhatikan secara berterusan untuk tempoh selama enam (6) bulan; atau
- kemungkiran berlaku bagi pembayaran balik yang dijadualkan semua pada masa di antaranya atau tempoh tiga (3) bukan atau lebih lama.

Proses Rosot nilai – Penilaian individu

Kumpulan dan Bank menilai jika bukti-bukti rosot nilai wujud bagi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang dianggap secara individu sebagai penting.

Jika terdapat bukti yang jelas bahawa kerugian rosot nilai berlaku, jumlah kerugian itu diukur sebagai perbezaan antara jumlah bawaan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan, dan nilai semasa unjuran aliran tunai masa depan yang didiskaun pada kadar faedah efektif asal pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan. Jumlah bawaan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun rosot nilai dan jumlah kerugian rosot nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN
- 31 Disember 2013

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (samb.)

(v) Aset kewangan (samb.)

(d) Rosot nilai aset kewangan (samb.)

(1) Pinjaman dan nilai belum terima (samb.)

(i) Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan (samb.)

Proses Rosot nilai – Penilaian kolektif

Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang secara individunya tidak penting dan telah ditaksir secara individu tanpa ada bukti kerugian rosot nilai dikumpulkan bersama untuk penilaian rosot secara kolektif. Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dikumpulkan dalam kriteria risiko kredit yang sama untuk penilaian kolektif, di mana data daripada portfolio pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan (seperti kualiti kredit, tahap tunggakan, penggunaan kredit, nisbah pinjaman kepada cagaran dan sebagainya) dan penumpuan risiko-risiko (seperti prestasi kumpulan individu yang berbeza) diambil kira.

Aliran tunai masa depan dalam sekumpulan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang secara kolektif dinilai bagi rosot nilai dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian Kumpulan dan Bank. Sejarah pengalaman kerugian diselaraskan berdasarkan data semasa yang mencerminkan keadaan semasa yang tidak menjejaskan tempoh di mana sejarah pengalaman kerugian diasaskan dan untuk menyingkirkan kesan-kesan syarat dalam tempoh sejarah yang kini tidak lagi wujud.

Anggaran perubahan aliran tunai masa depan untuk kumpulan aset perlu mencerminkan dan menjadi konsisten dengan perubahan berkaitan data yang diperhatikan pada setiap tempoh. Untuk mengurangkan sebarang perbezaan di antara jangkaan kerugian dan pengalaman kerugian sebenar, Kumpulan dan Bank sentiasa menyemak semula kaedah dan andaian yang digunakan untuk menganggarkan aliran tunai masa depan.

Proses Rosot nilai – Hapus kira akaun

Apabila pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan tidak boleh dikutip semula, ia dihapus kira berdasarkan elaun rosot nilai pinjaman. Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan sedemikian dihapus kira selepas prosedur-prosedur yang diperlukan telah selesai dan jumlah kerugian telah ditentukan. Pemerolehan semula jumlah yang dahulunya dihapus kira diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(ii) Lain-lain belum terima

Untuk menentukan sama ada terdapat bukti jelas bahawa kerugian rosot nilai aset kewangan telah berlaku, Kumpulan dan Bank mempertimbangkan faktor seperti kemungkinan ketidakmampuan bayar atau masalah kewangan penghutang yang ketara dan terdapat kemungkiran atau penangguhan yang ketara dalam pembayaran.

Jika ada sebarang bukti, jumlah kerugian rosot nilai diukur sebagai perbezaan antara jumlah bawaan aset dan nilai semasa unjuran aliran tunai masa depan didiskaun pada kadar faedah efektif asal aset kewangan. Kerugian rosot nilai itu diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Jumlah bawaan aset kewangan dikurangkan oleh kerugian rosot nilai secara langsung bagi kesemua aset kewangan.

Jika dalam tempoh setahun berikutnya, jumlah kerugian rosot nilai berkurangan dan pengurangan itu boleh dikaitkan secara objektif kepada peristiwa yang berlaku selepas rosot nilai diiktiraf, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya dikembalikan sehingga jumlah bawaan tidak melebihi kos dilunaskan pada tarikh dikembalikan. Jumlah yang dikembalikan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(2) Pelaburan kewangan tersedia untuk dijual ("AFS")

Bagi pelaburan kewangan AFS, Kumpulan dan Bank menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat bukti jelas bahawa pelaburan atau sekumpulan pelaburan mengalami rosot nilai.

Dalam kes instrumen pelaburan yang diklasifikasikan sebagai pelaburan kewangan AFS, bukti yang objektif juga termasuk pengurangan "ketara" atau "berpanjangan" dalam nilai saksama pelaburan di bawah kosnya. Secara umumnya, Kumpulan dan Bank menganggap "ketara" sebagai 25% dan "berpanjangan" sebagai untuk setiap suku tahun yang berturutan. Di mana terdapat bukti rosot nilai, kerugian terkumpul (yang diukur sebagai perbezaan antara kos pemerolehan dan nilai saksama semasa, ditolak sebarang kerugian rosot nilai terkumpul atas pelaburan itu yang diiktiraf sebelumnya dalam penyata pendapatan) dikeluarkan daripada ekuiti dan diiktiraf dalam penyata pendapatan. Kerugian rosot nilai atas pelaburan ekuiti tidak dibalikkan melalui penyata pendapatan; peningkatan dalam nilai saksama selepas rosot nilai diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain.

Dalam kes instrumen hutang diklasifikasikan sebagai pelaburan kewangan AFS, rosot nilai dinilai berdasarkan kriteria yang serupa dengan pelaburan kewangan HTM. Walau bagaimanapun, jumlah yang direkodkan bagi kerugian rosot nilai terkumpul diukur sebagai perbezaan antara kos dilunaskan dan nilai saksama semasa, ditolak sebarang kerugian rosot nilai terkumpul atas pelaburan tersebut yang sebelumnya diikitiraf dalam penyata pendapatan.

Pendapatan faedah masa depan terus diakrukan berdasarkan jumlah bawaan aset yang dikurangkan dengan menggunakan kadar faedah yang digunakan untuk mendiskaunkan aliran tunai masa depan bagi tujuan pengiraan kerugian rosot nilai. Jika dalam tempoh yang berikutnya, nilai saksama instrumen hutang meningkat dan peningkatannya secara objektif boleh dikaitkan dengan peristiwa kredit yang berlaku selepas rosot nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan, kerugian rosot nilai itu dikembalikan melalui penyata pendapatan.

Bagi sekuriti ekuiti yang dinilai pada kos, kerugian rosot nilai diukur sebagai perbezaan antara jumlah bawaan sekuriti dan:

i) nilai semasa anggaran aliran tunai didiskaunkan pada kadar semasa pulangan pasaran bagi sekuriti serupa; atau

ii) aset nyata bersih berdasarkan akaun-akaun diaudit yang terkini.

Jumlah kerugian rosot nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan dan kerugian rosot nilai seumpamanya tidak dibalikkan berikutan pengiktirafannya.

(3) Pelaburan kewangan dipegang hingga matang ("HTM")

Bagi pelaburan kewangan HTM, Kumpulan dan Bank menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa pelaburan atau sekumpulan mengalami rosot nilai. Jika terdapat bukti objektif berlakunya rosot nilai dalam pelaburan kewangan HTM, kerugian rosot nilai diukur sebagai perbezaan di antara jumlah bawaan pelaburan kewangan HTM dan nilai semasa unjuran aliran tunai masa depan didiskaun pada kadar faedah efektif asal pelaburan kewangan HTM. Jumlah bawaan pelaburan kewangan HTM dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun rosot nilai dan jumlah kerugian rosot nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (samb.)

(v) Aset kewangan (samb.)

(d) Rosot nilai aset kewangan (samb.)

(3) Pelaburan kewangan dipegang hingga matang ("HTM") (samb.)

Pengembalian berikutnya dalam kerugian rosot nilai diiktiraf apabila pengurangan boleh dikaitkan secara objektif yang berkaitan dengan satu peristiwa yang berlaku selepas kerugian rosot nilai diiktiraf, sehinggalah jumlah bawaan aset kewangan HTM tidak melebihi kos terlunas pada tarikh dikembalikan. Balikan tersebut diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(e) Pengelasan semula aset kewangan

Kumpulan dan Bank boleh memilih untuk mengklasifikasikan semula aset bukan derivatif daripada aset kewangan dalam kategori FVTPL, dalam keadaan luar biasa, di mana aset kewangan tidak lagi dipegang bagi tujuan penjualan atau pembelian semula dalam tempoh singkat. Selain itu, Kumpulan dan Bank mungkin juga boleh memilih untuk mengklasifikasikan semula aset kewangan yang memenuhi definisi pinjaman dan belum terima daripada aset kewangan pada FVTPL atau pelaburan kewangan AFS sekiranya Kumpulan dan Bank mempunyai hasrat dan keupayaan untuk memegang aset kewangan tersebut bagi satu tempoh terdekat di masa depan atau sehingga tempoh matang.

Pengelasan semula dibuat pada nilai saksama pada tarikh pengelasan semula, di mana nilai saksama itu menjadi kos baru atau kos yang dilunas, sebagaimana bersesuaian.

Bagi aset kewangan yang diklasifikasi semula daripada pelaburan kewangan AFS, sebarang keuntungan atau kerugian sebelumnya atas aset yang telah diiktiraf dalam ekuiti dilunaskan kepada untung atau rugi bagi baki hayat aset yang tinggal menggunakan kaedah faedah efektif. Sebarang perbezaan antara kos terlunas yang baru dan unjuran aliran tunai juga dilunaskan bagi baki hayat aset yang tinggal melalui kaedah faedah efektif. Sekiranya aset itu kemudiannya diputuskan untuk dirosot nilai, jumlah yang dicatatkan dalam ekuiti dimasukkan semula ke dalam penyata pendapatan.

Pengelasan semula adalah mengikut pemilihan pengurusan dan ditentukan pada asas instrumen demi instrumen. Kumpulan dan Bank tidak mengklasifikasikan semula mana-mana instrumen kewangan ke dalam kategori FVTPL selepas pengiktirafan awal.

(vi) Liabiliti kewangan

(a) Tarikh pengiktirafan

Semua liabiliti kewangan pada awalnya diiktiraf pada tarikh urus niaga iaitu tarikh Kumpulan dan Bank menjadi pihak terlibat dengan peruntukan kontrak instrumen berkaitan. Ini termasuk cara biasa perdagangan: belian atau jualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang biasanya ditentukan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran.

(b) Pengiktirafan awal dan pengukuran selanjutnya

Liabiliti kewangan dikelaskan berdasarkan kandungan perjanjian berkontrak yang dimeterai dan definisi liabiliti kewangan tersebut. Kesemua liabiliti kewangan pada awalnya diukur pada nilai saksama termasuk kos transaksi langsung kecuali dalam kes liabiliti kewangan pada FVTPL.

Liabiliti kewangan dikelaskan sama ada sebagai liabiliti kewangan pada FVTPL atau liabiliti kewangan lain.

(1) Liabiliti kewangan pada FVTPL

Liabiliti kewangan pada FVTPL termasuk liabiliti HFT dan liabiliti kewangan ditetapkan pada pengiktirafan awal pada FVTPL.

Liabiliti kewangan HFT termasuk derivatif yang dimeterai oleh Kumpulan dan Bank yang tidak memenuhi kriteria perakaunan lindung nilai.

Kumpulan dan Bank tidak menetapkan sebarang liabiliti kewangan pada FVTPL.

(2) Liabiliti kewangan lain

Liabiliti kewangan lain Kumpulan dan Bank termasuk deposit daripada pelanggan, deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan, sekuriti hutang (termasuk pinjaman), nilai belum bayar, bil-bil dan penerimaan belum bayar dan liabiliti-liabiliti lain.

(i) Deposit daripada pelanggan, deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan

Deposit daripada pelanggan, deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan disebut pada nilai penempatan.

(ii) Sekuriti hutang

Sekuriti hutang yang diterbitkan oleh Kumpulan dan Bank dikelaskan sebagai liabiliti kewangan atau ekuiti berdasarkan kandungan syarat kontrak instrumen itu. Sekuriti hutang terbitan Kumpulan dan Bank terutamnya terdiri daripada nota subordinat, sekuriti modal Inovatif Tahap 1 dan pinjaman.

Sekuriti hutang ini dikelaskan sebagai liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan kerana Kumpulan dan Bank secara kontrak mempunyai kewajipan untuk membuat bayaran tunai sama ada jumlah prinsipal atau faedah atau kedua-duanya kepada pemegang sekuriti hutang. Kumpulan dan Bank juga mempunyai kewajipan untuk melangsaikan pembayaran instrumen kewangan dalam bentuk tunai atau instrumen kewangan lain.

Selepas pengiktirafan awal, sekuriti hutang yang diterbitkan diiktiraf pada kos pelunasan, dengan sebarang perbezaan di antara hasil ditolak kos transaksi dan nilai penebusan akan diiktiraf dalam penyata pendapatan sepanjang tempoh pinjaman dengan kaedah faedah efektif.

(iii) Nilai belum bayar

Pembayaran pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama dan juga termasuk kos transaksi langsung yang seterusnya diukur pada kos pelunasan menggunakan kaedah faedah efektif.

(iv) Bil dan penerimaan belum dibayar

Bil-bil dan penerimaan yang belum dibayar mewakili bil-bil dan penerimaan Kumpulan dan Bank yang didiskaun semula serta yang sedia ada di pasaran. Liabiliti kewangan ini diukur pada kos pelunasan menggunakan kaedah kadar efektif.

(v) Liabiliti-liabiliti lain

Liabiliti-liabiliti lain dinyatakan pada kos yang merupakan nilai saksama jumlah yang dijangka perlu dibayar pada masa depan bagi barangan dan perkhidmatan yang diterima.

(c) Penyahiktirafan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila kewajipan di bawah liabiliti tersebut dilepas, dibatal atau ditamatkan. Apabila liabiliti kewangan sedia ada digantikan dengan yang lain daripada pemberi pinjaman yang sama mengikut syarat-syarat yang berlainan dengan ketara ataupun syarat-syarat liabiliti sedia ada diubah suai dengan ketara, maka tukaran atau pengubahsuaian berkenaan dianggap sebagai penyahiktirafan liabiliti asal dan pengiktirafan liabiliti baru. Perbezaan antara nilai bawaan liabiliti kewangan asal dan pertimbangan jumlah yang dibayar diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(vii) Instrumen derivatif dan perakaunan lindung nilai

(a) Instrumen derivatif

Kumpulan dan Bank mendagangkan derivatif seperti pertukaran (swap) dan niagaan ke depan (futures) kadar faedah, swap kemungkiran kredit, swap matawang bersilang, kontrak hadapan pertukaran asing dan opsyen kadar faedah, matawang asing, ekuiti dan komoditi.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN
- 31 Disember 2013

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (samb.)

(vii) Instrumen derivatif dan perakaunan lindung nilai (samb.)

(a) Instrumen derivatif (samb.)

Instrumen derivatif pada asalnya diiktiraf pada nilai saksama. Bagi derivatif bukan opsyen, nilai saksama biasanya adalah sifar atau terlalu kecil pada masa pembentukannya. Bagi opsyen yang dibeli atau opsyen bertulis, nilai saksamanya bersamaan dengan premium pasaran yang dibayar atau diterima. Derivatif tersebut kemudiannya diukur semula pada nilai saksama. Nilai saksama diperoleh daripada sebut harga di pasaran yang aktif, termasuk dalam transaksi pasaran semasa dan teknik penilaian termasuk model aliran tunai yang didiskaun dan model penetapan harga opsyen, yang mana bersesuaian. Kesemua derivatif dikira sebagai aset apabila nilai saksama adalah positif dan dikira sebagai liabiliti apabila nilai saksama adalah negatif. Perubahan dalam nilai saksama sebarang derivatif yang tidak layak bagi perakaunan lindung nilai akan diiktiraf serta merta dalam penyata pendapatan.

(b) Perakaunan lindung nilai

Kumpulan dan Bank menggunakan instrumen derivatif bagi mengurus pendedahan terhadap risiko kadar faedah, matawang asing dan kredit. Bagi mengurus risiko tertentu, Kumpulan dan Bank mengenakan perakaunan lindung nilai untuk transaksi yang memenuhi kriteria ditetapkan.

Pada permulaan hubungan lindung nilai, Kumpulan dan Bank mendokumentasikan hubungan antara benda yang dilindung nilai dengan instrumen lindung nilai, termasuk sifat risiko, objektif dan strategi untuk menggunakan lindung nilai dan kaedah yang akan digunakan untuk menilai keberkesanan hubungan lindung nilai pada permulaan dan secara berterusan. Pada setiap tarikh penilaian keberkesanan lindung nilai, hubungan lindung nilai mesti dijangka amat berkesan pada asas prospektif dan menunjukkan bahawa ia berkesan (keberkesanan retrospektif) bagi tempoh tertentu untuk melayakkan perakaunan lindung nilai.

Ketidakberkesanan lindung nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan. Bagi keadaan dimana benda yang dilindung nilai adalah transaksi ramalan, Kumpulan dan Bank juga menilai sama ada transaksi tersebut berkemungkinan besar akan membawa satu pendedahan kepada variasi dalam aliran tunai yang akhirnya boleh menjejaskan penyata pendapatan.

(1) Lindung nilai saksama

Untuk lindung nilai saksama yang ditetapkan dan layak, perubahan terkumpul dalam nilai saksama derivatif lindung nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan. Sementara itu, perubahan terkumpul dalam nilai saksama benda yang dilindung nilai berpunca daripada risiko lindung nilai dicatat sebagai sebahagian nilai bawaan benda yang dilindung nilai dalam penyata kedudukan kewangan dan juga diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Sekiranya instrumen lindung nilai telah tamat tempoh atau dijual, dihentikan atau dilaksanakan atau apabila lindung nilai itu tidak lagi memenuhi kriteria untuk perakaunan lindung nilai, hubungan lindung nilai akan ditamatkan. Bagi benda yang dilindung nilai yang dicatatkan pada kos pelunasan, perbezaan antara nilai yang dibawa oleh benda yang dilindung nilai semasa penamatan dengan nilainya yang sebenar akan dilunaskan ke atas baki tempoh lindung nilai asal dengan menggunakan kadar faedah efektif. Jika benda yang dilindung nilai itu dinyahiktiraf, penyelarasan nilai saksama yang tidak dilunaskan akan segera diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(2) Lindung nilai aliran tunai

Untuk lindung nilai aliran tunai yang ditetapkan dan layak, bahagian keuntungan atau kerugian yang efektif ke atas instrumen lindung nilai pada asalnya diiktiraf terus sebagai ekuiti dalam rizab lindung nilai aliran tunai. Bahagian keuntungan atau kerugian tidak efektif ke atas instrumen lindung nilai diiktiraf segera dalam penyata pendapatan.

Apabila aliran tunai yang dilindung nilai menjejaskan penyata pendapatan, keuntungan atau kerugian ke atas instrumen lindung nilai tersebut akan diiktiraf dalam pendapatan yang berkenaan atau barisan perbelanjaan penyata pendapatan.

Apabila instrumen lindung nilai tamat tempoh, atau dijual, ditamatkan, dilaksanakan atau apabila lindung nilai tidak lagi memenuhi kriteria untuk perakaunan lindung nilai, sebarang keuntungan atau kerugian terkumpul sebelumnya yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain akan kekal secara berasingan dalam ekuiti sehingga ramalan transaksi berlaku atau komitmen matawang asing dipenuhi.

Apabila ramalan transaksi dijangka tidak akan berlaku lagi, keuntungan atau kerugian terkumpul yang dilaporkan dalam pendapatan komprehensif lain segera dipindahkan ke penyata pendapatan.

Bank tidak mengguna pakai lindung nilai aliran tunai pada akhir tahun kewangan.

(3) Lindung nilai pelaburan bersih dalam operasi asing

Lindung nilai pelaburan bersih dalam operasi asing diakaunkan seperti lindung nilai aliran tunai. Sebarang keuntungan atau kerugian ke atas instrumen lindung nilai yang berkaitan dengan bahagian lindung nilai yang efektif akan diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain. Keuntungan atau kerugian berkaitan bahagian tidak efektif akan diiktiraf segera dalam penyata pendapatan.

Berkenaan dengan pelupusan operasi asing, jumlah terkumpul apa-apa keuntungan atau kerugian yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dipindahkan ke penyata pendapatan.

Kumpulan dan Bank tidak mengguna pakai lindung nilai pelaburan bersih dalam operasi asing pada akhir tahun kewangan semasa.

(viii) Derivatif terbenam

Derivatif yang disertakan dengan instrumen kewangan lain dianggap sebagai derivatif berasingan dan direkodkan pada nilai saksama jika ciri ekonominya serta risiko tidak berkait rapat dengan kontrak utama dan kontrak utama itu sendiri dipegang untuk urus niaga atau ditentukan pada nilai saksama melalui untung atau rugi. Derivatif terbenam itu diasingkan daripada kontrak utama dibawa pada nilai saksama dalam portfolio urus niaga dengan perubahan nilai saksama yang diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(ix) Aset kewangan dan liabiliti kewangan lain: Perjanjian belian balik

Sekuriti yang dibeli di bawah perjanjian jualan balik adalah sekuriti yang mana Kumpulan dan Bank telah membelinya dengan komitmen untuk menjual balik pada masa hadapan. Komitmen untuk menjual balik sekuriti itu dikira sebagai aset dalam penyata kedudukan kewangan.

Sebaliknya, kewajipan terhadap sekuriti yang dijual di bawah perjanjian belian balik adalah sekuriti yang mana Kumpulan dan Bank telah menjual daripada portfolionya dengan komitmen untuk membeli balik pada masa hadapan. Transaksi kewangan sedemikian serta kewajipan berkaitan membeli balik sekuriti tersebut dikira sebagai liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan.

(x) Hartanah, loji dan peralatan dan susut nilai

Kesemua hartanah, loji dan peralatan pada asalnya direkodkan pada kos. Kos sesuatu item hartanah, loji dan peralatan diiktiraf sebagai aset jika, dan hanya jika, ia berkemungkinan memberi sumbangan ekonomi masa depan kepada Kumpulan dan kosnya boleh dikira secara tepat.

Selepas pengiktirafan awal, hartanah, loji dan peralatan diukur pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul. Apabila bahagian utama hartanah, loji dan peralatan perlu digantikan secara bersela, Kumpulan dan Bank mengiktiraf bahagian-bahagian itu sebagai aset individu dengan hayat kegunaan tertentu dan membuat susut nilai ke atasnya. Begitu juga apabila pemeriksaan utama dijalankan, kosnya diiktiraf dalam nilai bawaan loji dan peralatan sebagai gantian jika kriteria pengiktirafan dipenuhi. Semua kos pembaikan dan penyenggaraan lain diiktiraf dalam untung atau rugi seperti yang dikenakan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (samb.)

(x) Hartanah, loji dan peralatan dan susut nilai (samb.)

Tanah pegangan bebas mempunyai tempoh kegunaan yang tidak terbatas dan dengan itu tidak disusut nilai. Bangunan dalam proses pembinaan juga tidak disusut nilai kerana ia belum sedia untuk digunakan.

Tanah pegangan pajakan disusut nilai sepanjang tempoh pajakan antara 35 hingga 999 tahun.Baki tempoh pajakan adalah antara 4 hingga 904 tahun.

Susut nilai hartanah, loji dan peralatan lain dikira pada asas garis lurus ke atas anggaran hayat penggunaannya pada kadar tahunan seperti berikut:

Bangunan di atas tanah milik bebas	50 tahun
Bangunan di atas tanah pegangan	50 atau baki tempoh pajakan, yang mana lebih awal
Perabot, kelengkapan, peralatan dan ubahsuai pejabat	10% - 25%
Komputer dan perkakasan	14% - 25%
Peralatan elektrik dan keselamatan	8% - 25%
Kenderaan bermotor	20% - 25%

Nilai bawaan hartanah, loji dan peralatan disemak untuk rosot nilai apabila kejadian atau perubahan dalam keadaan menunjukkan nilai bawaan tidak dapat diperoleh semula.

Kaedah nilai sisa, hayat kegunaan dan kaedah susut nilai akan disemak pada setiap akhir tahun kewangan dan diselaraskan sebagaimana patut.

Hartanah, loji dan peralatan dinyahiktiraf apabila dijual atau apabila tiada manfaat ekonomi masa depan dijangka diperoleh daripada penggunaan atau penjualannya. Perbezaan di antara hasil jualan bersih, jika ada, dan jumlah bawaan bersih diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(xi) Hartanah pelaburan

Hartanah pelaburan adalah hartanah yang dipegang sama ada untuk meraih pendapatan sewaan atau peningkatan modal atau kedua-duanya sekali. Hartanah itu pada asalnya diukur pada kos termasuk kos transaksi. Selepas pengiktirafan awal, hartanah pelaburan dinyatakan pada nilai saksama yang menggambarkan keadaan pasaran pada tarikh laporan. Nilai saksama diperoleh dengan membuat rujukan bukti pasaran harga transaksi bagi hartanah yang serupa dalam pasaran dan penilaian dijalankan oleh penilai bebas berdaftar yang berpengalaman tentang lokasi dan kategori hartanah yang dinilai.

Keuntungan atau kerugian daripada perubahan dalam nilai saksama hartanah pelaburan diiktiraf dalam penyata pendapatan pada tahun yang berkaitan.

Kepentingan hartanah di bawah pajakan operasi dikelaskan dan dianggap sebagai hartanah pelaburan pada asas hartanah apabila Kumpulan memegangnya untuk pungutan sewa atau untuk peningkatan modal atau kedua-duanya sekali. Sebarang kepentingan hartanah seumpama itu dikelaskan sebagai hartanah pelaburan yang dikira pada nilai saksama.

Hartanah pelaburan dinyahiktiraf sama ada apabila ia dilupuskan atau apabila ia tidak lagi digunakan dan tiada manfaat ekonomi masa depan dijangka diperoleh daripada pelupusannya. Perbezaan antara hasil jualan bersih dan jumlah bawaan diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam tempoh penyahiktirafan.

Pemindahan akan dibuat ke atas hartanah pelaburan hanya apabila terdapat perubahan dalam kegunaannya. Untuk pemindahan daripada hartanah pelaburan kepada hartanah yang diduduki pemilik, kos yang dianggar untuk perakaunan berikutnya adalah nilai saksama pada tarikh perubahan guna harta.

Untuk pemindahan daripada hartanah yang diduduki pemilik kepada hartanah pelaburan, hartanah berkenaan dikira mengikut dasar perakaunan untuk hartanah, loji dan peralatan seperti mana dinyatakan dalam Nota 2.3(x) sehingga tarikh perubahan guna harta. Sebarang perbezaan yang timbul pada tarikh perubahan guna harta antara jumlah bawaan sebelum sahaja berlaku perubahan dan nilai saksama diiktiraf secara terus dalam ekuiti sebagai rizab penilaian. Apabila keuntungan nilai saksama mengembalikan kerugian rosot nilai sebelumnya, keuntungan ini diiktiraf dalam penyata pendapatan. Setelah pelupusan hartanah pelaburan sedemikian, sebarang lebihan yang sebelumnya direkodkan dalam ekuiti dipindahkan kepada keuntungan terkumpul; pemindahan tidak dibuat melalui penyata pendapatan.

Hartanah pelaburan dalam pembinaan ("IPUC") diukur pada nilai saksama (apabila nilai saksama ditentukan dengan pastinya).

IPUC yang mana nilainya tidak boleh ditentukan mengikut kewajaran, diukur mengikut kos yang ditolak rosot nilai.

Nilai saksama bagi IPUC ditentukan pada akhir tempoh pelaporan berdasarkan pendapat jurunilai bebas yang diiktiraf dan penilaian dilakukan sama ada menerusi pendekatan residual atau pendekatan aliran tunai selepas diskaun, yang mana didapati bersesuaian oleh juru nilai. Setiap IPUC dinilai secara berasingan.

Anggaran nilai aset masa hadapan adalah berdasarkan kepada jangkaan pendapatan masa hadapan daripada projek berkaitan, iaitu menggunakan risiko hasil terselaras yang lebih tinggi daripada hasil semasa bagi hartanah siap yang hampir sama. Baki kos pembinaan dicampur dengan margin akan ditolak daripada anggaran nilai aset masa hadapan.

(xii) Aset-aset lain

Aset-aset lain ditentukan berdasarkan nilai yang boleh diperoleh. Hutang lapuk dihapus kira apabila dikenal pasti. Anggaran dibuat untuk hutang ragu berdasarkan kajian ke atas kesemua baki tertunggak pada tarikh laporan.

Aset-aset lain juga termasuk emas dalam bentuk fizikal yang dipegang oleh Bank hasil daripada kegiatan broker-peniaga. Kesemua ini dikira pada nilai saksama ditolak kos jualan. Perubahan dalam nilai saksama ditolak kos jualan direkodkan dalam penyata pendapatan sebagai 'pendapatan bukan faedah'.

(xiii) Hartanah pembangunan untuk dijual

Hartanah pembangunan adalah hartanah yang dipegang dengan tujuan untuk pembangunan dan perjualan dalam perjalanan perniagaan biasa.

Hartanah pembangunan yang tidak dijual dikira pada nilai yang lebih rendah di antara kos dan nilai perolehan bersih. Nilai perolehan bersih adalah anggaran harga jualan dalam perjalanan perniagaan yang biasa ditolak kos untuk menyelesaikan pembangunan dan perbelanjaan jualan.

Kos hartanah yang dibangunkan merangkumi khususnya, kos dikenal pasti termasuk kos pemilikan, perbelanjaan pembangunan, kos pinjaman dan lain-lain perbelanjaan berkaitan. Kos pinjaman dibayar atas pembiayaan pembangunan hartanah juga dimodalkan mengikut pengenalan khusus, sebagai sebahagian daripada kos hartanah pembangunan sehingga pembangunan selesai.

Hasil daripada jualan hartanah pembangunan diiktiraf semasa pemindahan risiko dan ganjaran pemilikan.

Kumpulan menggunakan kaedah penyelesaian kontrak untuk mengiktiraf hasil daripada jualan hartanah pembangunan.

(xiv) Hartanah penyelesaian

Hartanah penyelesaian adalah hartanah yang dimiliki secara penuh atau sebahagian penyelesaian hutang dan dinyatakan pada nilai yang lebih rendah antara kos dan nilai saksama.

(xv) Tunai dan setara tunai

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan setara tunai termasuk wang tunai dan dana jangka pendek serta deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan, dengan baki tempoh kematangan kurang dari sebulan.

(xvi) Rosot nilai aset bukan kewangan

Jumlah bawaan aset bukan kewangan dikaji pada setiap tarikh laporan untuk memastikan sama ada terdapat tanda-tanda rosot nilai. Sekiranya terdapat tanda sebegitu, atau apabila ujian rosot nilai tahunan bagi aset diperlukan, Kumpulan dan Bank menganggarkan jumlah yang boleh dipulihkan. Jumlah aset yang boleh dipulihkan adalah nilai saksama ditolak kos jualan atau nilai kegunaannya, yang mana lebih tinggi bagi sesuatu aset atau unit penyata tunai ("CGU"). Sekiranya jumlah aset atau CGU melebihi jumlah yang boleh dipulihkan, aset dianggap sebagai rosot nilai dan diturunkan nilainya kepada jumlah yang boleh dipulihkan.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN
- 31 Disember 2013

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (samb.)

(xvi) Rosot nilai aset bukan kewangan (samb.)

Dalam membuat penilaian tentang nilai kegunaan, anggaran aliran tunai masa depan didiskaunkan kepada nilai semasa menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang mencerminkan penilaian pasaran semasa nilai masa wang dan risiko yang khusus kepada aset. Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos jualan, transaksi pasaran semasa diambil kira. Sekiranya tiada transaksi seumpama itu boleh dikenal pasti, model penilaian yang bersesuaian digunakan. Pengiraan ini disokong oleh penilaian berganda, sebut harga saham syarikat awam atau petunjuk nilai saksama lain yang ada.

Kerugian rosot nilai bagi aset selain muhibah tidak dikembalikan. Bagi aset-aset bukan kewangan lain, penilaian dibuat pada setiap tarikh pelaporan, sama ada terdapat sebarang tanda kerugian rosot nilai diiktiraf sebelumnya tidak lagi wujud atau mungkin berkurangan. Sekiranya ada tanda sedemikian, Kumpulan dan Bank menganggarkan jumlah yang boleh dipulihkan bagi aset atau CGU tersebut. Kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya apabila terdapat perubahan andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah aset yang boleh dipulihkan sejak kerugian rosot nilai terakhir diiktiraf. Kembalikan itu adalah terhad supaya jumlah bawaan aset tidak mengatasi jumlah yang boleh dipulihkan, tidak juga melebihi jumlah bawaan yang ditentukan setelah ditolak susut nilai atau pelunasan, seandainya tiada kerugian rosot nilai diiktiraf bagi aset dalam tahun sebelumnya. Balikan seperti itu diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(xvii) Peruntukan untuk liabiliti

Peruntukan untuk liabiliti diiktiraf apabila Kumpulan dan Bank mempunyai kewajipan semasa yang perlu ditunaikan (perundangan atau konstruktif) hasil daripada peristiwa lalu dan ini memungkinkan pengeluaran sumber diperlukan untuk menunaikan kewajipan itu dan jumlah anggaran yang munasabah boleh dibuat.

Peruntukan disemak pada setiap tarikh laporan dan diselaraskan untuk menunjukkan anggaran semasa yang terbaik. Jika kesan nilai masa wang adalah ketara, jumlah peruntukan adalah nilai perbelanjaan semasa yang dijangka diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan itu.

(xviii) Jaminan kewangan

Dalam keadaan perniagaan yang biasa, Kumpulan dan Bank memberi jaminan kewangan, seperti surat kredit, jaminan dan penerimaan.

Jaminan kewangan adalah kontrak yang memerlukan Kumpulan dan Bank membuat pembayaran tertentu kepada pemegangnya bagi kerugian yang berlaku kerana pihak yang tertentu gagal untuk memenuhi kewajipan mengikut terma-terma kontrak.

Jaminan kewangan pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama, iaitu premium yang diterima ketika penerbitan dibuat. Premium yang diterima kemudiannya dilunaskan mengikut tempoh hayat jaminan kewangan itu. Liabiliti jaminan (jumlah nosional) kemudiannya diiktiraf lebih tinggi daripada jumlah yang dilunaskan ini dan nilai semasa bayaran yang dijangkakan, (yang mana lebih tinggi apabila pembayaran di bawah jaminan menjadi berkemungkinan).Premium yang tidak dilunaskan diterima atas jaminan-jaminan kewangan tersebut dimasukkan ke dalam 'liabiliti-liabiliti lain' dalam penyata kedudukan kewangan.

(xix) Rizab Penyamaan Keuntungan ("PER")

Sejak 1 Julai 2012, Kumpulan mengguna pakai Garis Panduan BNM yang Disemak Semula untuk PER ("Garis Panduan Disemak"). Dalam menguruskan risiko komersil yang tidak menentu, Kumpulan akan menggunakan keuntungan semasanya untuk dipindahkan kepada pendeposit pada asas hibah. Ini dibuat dalam keadaan di mana terdapat kekurangan dalam pulangan sebenar deposit Mudharabah berbanding kadar pulangan yang disiarkan. Pembayaran hibah tersebut diiktiraf sebagai kos dalam penyata pendapatan.

(xx) Matawang asing

(a) Matawang fungsi dan pembentangan

Penyata kewangan setiap entiti individu dalam Kumpulan diukur menggunakan matawang persekitaran ekonomi yang utama di mana entiti tersebut beroperasi ("matawang fungsi"). Penyata kewangan yang disatukan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM"), yang juga merupakan matawang fungsi utama bagi Bank.

(b) Transaksi dan baki matawang asing

Transaksi dalam matawang asing dikira bersamaan dengan matawang fungsi masing-masing bagi Bank dan syarikat-syarikat subsidiari dan direkodkan pada pengiktirafan asal matawang fungsi tersebut berdasarkan anggaran kadar tukaran pada tarikh urus niaga tersebut dilaksanakan.

Aset kewangan dan liabiliti yang disebut dalam matawang asing dikira pada kadar tukaran yang berkuat kuasa pada tarikh laporan.

Item-item bukan monetari dengan denominasi matawang asing yang dinilai pada kos sejarah diterjemahkan menggunakan kadar tukaran pada tarikh transaksi asal. Item-item bukan monetari dengan denominasi matawang asing yang dinilai pada nilai saksama diterjemahkan menggunakan kadar tukaran pada tarikh nilai saksama tersebut ditentukan.

Perbezaan tukaran yang terhasil daripada penyelesaian item monetari atau dalam terjemahan item monetari pada tarikh laporan diiktiraf dalam penyata pendapatan kecuali untuk perbezaan tukaran yang terhasil daripada item monetari yang membentuk sebahagian pelaburan bersih Kumpulan dalam operasi asingnya, yang mana telah diiktiraf pada asalnya dalam pendapatan komprehensif lain yang dikumpulkan di bawah rizab terjemahan matawang asing dalam bentuk ekuiti.

Perbezaan tukaran yang terhasil daripada terjemahan item bukan monetari yang dibawa pada nilai saksama dimasukkan dalam penyata pendapatan bagi tahun kewangan tersebut kecuali bagi perbezaan yang timbul daripada terjemahan item bukan kewangan di mana keuntungan dan kerugian diiktiraf terus dalam ekuiti.

(c) Operasi asing

Hasil dan kedudukan kewangan operasi asing yang mempunyai matawang fungsi yang berbeza berbanding matawang yang dibentangkan Ringgit Malaysia ("RM") dalam penyata kewangan disatukan telah diterjemahkan ke dalam RM seperti berikut:

- Aset dan liabiliti bagi setiap operasi asing diterjemahkan pada kadar penutup yang menjadi kelaziman pada tarikh laporan;
- Pendapatan dan perbelanjaan bagi setiap penyata pendapatan diterjemahkan kepada kadar purata tukaran bagi tahun tersebut yang menyamai anggaran kadar tukaran pada tarikh transaksi; dan
- Kesemua perbezaan tukaran yang terhasil dimasukkan terus ke dalam pendapatan komprehensif lain menerusi rizab terjemahan matawang asing.

Apabila berlaku pelupusan operasi asing,jumlah terkumpul perbezaan tukaran yang dikenal pasti dalam pendapatan komprehensif lain dan digabungkan dalam ekuiti, dikelaskan semula daripada ekuiti kepada penyata pendapatan (sebagai pelarasan pengelasan semula) apabila keuntungan dan kerugian pelupusan diiktiraf.

Apabila berlaku pelupusan sebahagian daripada sebuah syarikat subsidiari yang melibatkan operasi asing, Kumpulan akan merujuk semula bahagian perkongsian pada kadar yang sama untuk jumlah terkumpul bagi perbezaan tukaran yang telah dikenal pasti dalam pendapatan komprehensif lain kepada kepentingan tidak dikawal dalam operasi asing tersebut. Dalam pelupusan sebahagian operasi asing lain, Kumpulan akan mengelaskan semula kepada penyata pendapatan hanya bahagian perkongsian pada kadar yang sama bagi jumlah terkumupul bagi perbezaan tukaran yang dikenal pasti dalam pendapatan komprehensif lain.

Penyelarasan muhibah dan nilai saksama yang terbentuk daripada pemilikan operasi asing dikira sebagai aset dan liabiliti syarikat-syarikat subsidiari asing dan direkodkan dalam matawang fungsi operasi asing tersebut dan diterjemahkan pada kadar penutup pada tarikh pelaporan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (samb.)

(xxi) Cukai pendapatan dan zakat

(a) Cukai pendapatan

Aset dan liabiliti cukai dikira pada jumlah yang dijangka akan diperoleh semula daripada ataupun dibayar kepada pihak berkuasa percukaian. Kadar cukai dan undang-undang cukai yang digunakan untuk mengira jumlah tersebut adalah yang mana dikuatkuasakan pada tarikh pelaporan.

Cukai-cukai semasa diiktiraf dalam penyata pendapatan tidak termasuk perkara yang diiktiraf di luar penyata pendapatan, sama ada dalam pendapatan komprehensif lain atau secara terus dalam ekuiti.

(b) Cukai tertunda

Cukai tertunda diperuntukkan dengan menggunakan kaedah liabiliti ke atas semua perbezaan sementara pada tarikh pelaporan antara asas cukai bagi aset dan liabiliti dan jumlah bawaan mereka bagi tujuan laporan kewangan.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara, kecuali:

(i) apabila liabiliti cukai tertunda wujud daripada pengiktirafan awal muhibah atau daripada aset atau liabiliti dalam transaksi yang bukannya penggabungan perniagaan dan pada masa transaksi tersebut tidak memberi kesan terhadap keuntungan perakaunan mahupun keuntungan atau kerugian boleh cukai; dan

(ii) bagi perbezaan sementara boleh cukai yang berkenaan dengan pelaburan dalam syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan kepentingan dalam usaha sama, di mana masa pembalikan bagi perbezaan sementara itu boleh dikawal dan kemungkinan bahawa perbezaan sementara itu tidak akan dikembalikan di masa hadapan yang boleh dijangka.

Aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang boleh ditolak, kredit cukai dibawa ke hadapan dan kerugian cukai tidak digunakan, sehingga ke tahap di mana ia berkemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai akan tersedia berbanding perbezaan sementara boleh ditolak, dan kredit cukai tidak digunakan di bawa ke hadapan dan kerugian cukai tidak digunakan boleh digunakan kecuali:

(i) bila mana aset tertunda berkait dengan perbezaan sementara boleh ditolak yang timbul daripada pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam transaksi yang bukannya penggabungan perniagaan dan pada masa transaksi itu, tidak memberi kesan terhadap keuntungan perakaunan mahupun keuntungan atau kerugian boleh cukai; dan

(ii) bagi perbezaan sementara boleh ditolak yang berkenaan dengan pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari, syarikat dan kepentingan dalam usaha sama, aset cukai tertunda diiktiraf hanya sehingga tahap yang berkemungkinan bahawa perbezaan sementara akan dikembalikan pada masa hadapan yang boleh dijangka dan keuntungan boleh cukai akan tersedia ke atas perbezaan sementara boleh digunakan.

Jumlah bawaan aset cukai tertunda disemak pada setiap tarikh laporan dan ditolak ke tahap sehingga keuntungan boleh cukai yang mencukupi akan tersedia untuk membolehkan kesemua atau sebahagian daripada aset cukai tertunda untuk digunakan. Aset cukai tertunda tidak diiktiraf dinilai semula pada tarikh laporan dan diiktiraf ke tahap di mana ia berkemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai masa depan akan membolehkan aset cukai tertunda untuk digunakan.

Aset cukai tertunda dan liabiliti diukur pada kadar cukai yang dijangka digunakan kepada tahun bila mana aset tersebut diiktiraf atau liabiliti tersebut dilangsaikan, berdasarkan kadar cukai dan undang-undang percukaian yang telah dikuatkuasakan atau seterusnya dikuatkuasakan pada tarikh laporan.

Cukai tertunda berkait dengan item yang diiktiraf di luar penyata pendapatan adalah diiktiraf di luar penyata pendapatan. Item cukai tertunda diiktiraf selari dengan transaksi sama ada dalam pendapatan komprehensif lain atau secara terus dalam ekuiti dan cukai tertunda daripada penggabungan perniagaan diselaraskan akan dimasukkan dalam muhibah atas pemerolehan.

Aset cukai tertunda dan liabiliti cukai tertunda boleh dikurangkan sekiranya hak boleh laksana yang sah wujud untuk mengurangkan aset cukai semasa berbanding liabiliti cukai semasa dan cukai tertunda berkait kepada entiti boleh cukai yang sama dan kuasa percukaian yang sama.

(c) Zakat

Ia mewakili zakat perniagaan dibayar oleh Kumpulan selaras dengan prinsip Shariah dan seperti yang diluluskan oleh Jawatankuasa Shariah Kumpulan.

(xxii) Pajakan

(a) Pengelasan

Pajakan diiktiraf sebagai pajakan kewangan sekiranya ia memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran berkaitan dengan pegangan hak milik kepada Kumpulan dan Bank. Pajakan tanah dan bangunan dikelaskan sebagai pajakan operasi atau kewangan seperti mana pajakan terhadap aset-aset lain serta elemen tanah dan bangunan ke atas sebuah pajakan bagi tanah dan bangunan dikira secara berasingan bagi tujuan pengelasan pajakan. Semua pajakan yang tidak memindahkan sejumlah besar risiko dan ganjaran dikelaskan sebagai pajakan operasi kecuali berikut:

- Hartanah dipegang di bawah pajakan operasi melainkan ia memenuhi definisi hartanah pelaburan, dikelaskan sebagai hartanah pelaburan berasaskan setiap hartanah dan, sekiranya dikelaskan sebagai hartanah pelaburan, maka ia diambil kira di bawah pajakan kewangan; dan
- Tanah bagi kegunaan sendiri di bawah pajakan operasi, nilai saksama yang tidak boleh diukur secara berasingan daripada nilai saksama bangunan yang ada pada permulaan pajakan, dan diambil dikira sebagai pajakan kewangan, melainkan jika bangunan itu ternyata dipegang di bawah pajakan operasi.

(b) Pajakan kewangan – Kumpulan dan Bank sebagai pemajak

Aset-aset yang dimiliki secara sewa beli atau pajakan kewangan dinyatakan pada jumlah setara kepada nilai saksama terendah dan nilai minimum semasa bayaran pajakan pada awal pemajakan ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai. Liabiliti berkaitan dimasukkan sebagai pinjaman dalam penyata kewangan. Dalam mengira nilai semasa pembayaran minimum pajakan, faktor diskaun yang digunakan adalah kadar faedah yang dikenakan dalam pajakan, apabila didapati praktikal untuk ditentukan; jika tidak kadar pinjaman tokokan Bank digunakan. Sebarang kos langsung awal juga ditambah ke dalam jumlah bawaan aset berkenaan.

Bayaran pajakan dibahagikan antara kos kewangan dan pengurangan baki liabiliti. Kos kewangan yang mewakili perbezaan antara jumlah komitmen pajakan dan nilai saksama aset-aset yang dibeli, diiktiraf dalam penyata pendapatan pada tempoh pajakan untuk menghasilkan tempoh berkala kadar caj yang tetap terhadap baki yang diwajibkan bagi setiap tempoh perakaunan.

Polisi penyusutan pajakan aset-aset adalah berdasarkan pada susut nilai hartanah, loji dan peralatan seperti mana dijelaskan dalam Nota 2.3(x).

(c) Pajakan operasi – Kumpulan dan Bank sebagai pemajak

Bayaran pajakan operasi diiktiraf sebagai satu perbelanjaan di atas asas garis lurus terhadap tempoh pajakan yang berkenaan. Agregat faedah insentif yang disediakan oleh pemberi pajakan diiktiraf sebagai pengurangan perbelanjaan sewa ke atas tempoh pajakan pada asas garis lurus.

Bagi pajakan tanah dan bangunan, bayaran pajakan minimum atau bayaran pendahuluan yang dibuat diperuntukkan apabila perlu, antara elemen tanah dan bangunan selari dengan nilai saksama relatif bagi faedah pegangan pajakan dalam elemen tanah dan bangunan pajakan tersebut semasa permulaan pajakan. Bayaran pendahuluan mewakili bayaran pajakan prabayar dan dilunaskan pada asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN
- 31 Disember 2013

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (samb.)

(xxii) Pajakan (samb.)

(d) Pajakan operasi - Kumpulan dan Bank sebagai pemberi pajak

Aset-aset yang diberi pajak di bawah pajakan operasi dilaporkan ke dalam penyata kedudukan kewangan mengikut keadaan semulajadi aset-aset berkenaan. Pendapatan sewa daripada pajakan operasi diiktiraf pada asas garis lurus dalam tempoh pajakan. Kos langsung awal yang ditanggung ketika perundingan dan penyediaan pajakan operasi ditambah kepada jumlah bawaan aset yang dipajak dan diiktiraf pada asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

(xxiii) Insurans

(a) Dana insurans hayat

Dana hayat terdiri daripada liabiliti jangka panjang kepada pemegang polisi yang ditentukan oleh penilaian aktuari tahunan serta lebihan terkumpul. Lebihan ini dipindahkan kepada pemegang saham (dana) dan diiktiraf dalam penyata pendapatan sebagaimana ditentukan oleh Aktuari yang dilantik seperti yang ditetapkan oleh Akta Perkhidmatan Kewangan, 2013 ("FSA") di Malaysia.

(b) Dana Takaful

Dana takaful Kumpulan beroperasi di bawah model Mudharabah dan Wakalah dan dikekalkan menurut keperluan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam, 2013 ("IFSA") dan mematuhi prinsip Shariah.

(c) Liabiliti premium/caruman, rizab premium/caruman tanpa perolehan dan rizab risiko tidak tamat tempoh

(1) Liabiliti premium/caruman

Liabiliti premium/caruman mewakili tanggungan masa depan kontrak insurans/takaful berkaitan penerimaan premium/caruman terhadap risiko yang belum tamat tempoh. Pergerakan liabiliti premium/caruman dilepaskan berdasarkan terma kontrak insurans/takaful dan diiktiraf sebagai pendapatan premium/caruman.

Liabiliti premium insurans am dilaporkan pada agregat lebih tinggi di antara agregat rizab premium tidak diperoleh untuk semua barisan perniagaan atau nilai anggaran terbaik bagi insurans semula risiko tidak tamat tempoh pada akhir tahun kewangan dan peruntukan margin risiko bagi sisihan negatif ("PRAD") sebagaimana yang ditetapkan oleh BNM.

Liabiliti caruman bagi perniagaan takaful dilaporkan pada agregat lebih tinggi antara rizab caruman tanpa perolehan untuk semua barisan perniagaan atau jumlah rizab tidak tamat tempoh bagi dana takaful am di atas 75% paras keyakinan pada akhir tahun kewangan.

(2) Rizab premium tak terperoleh ("UPR") dan rizab sumbangan tidak diperoleh ("UCR")

UPR/UCR mewakili sebahagian pendapatan premium/caruman bersih daripada polisi insurans/sijil takaful bertulis yang berkaitan dengan tempoh belum tamat bagi polisi/sijil pada akhir tahun kewangan. Dalam menentukan UPR/UCR pada tarikh laporan, kaedah paling tepat menggambarkan premium/caruman belum diperoleh sebenar adalah seperti berikut:

- kaedah 25% untuk kargo marin, kargo penerbangan dan perniagaan transit;
- kaedah 1/24 untuk kelas lain polisi perniagaan insurans am Malaysia dan kaedah 1/365 untuk semua kelas lain perniagaan takaful am, dikurangkan oleh peratusan berkenaan bagi komisen perniagaan langsung kasar berkaitan premium/caruman, yang tidak melebihi had ditetapkan oleh BNM;
- Kaedah 1/8 untuk semua kelas perniagaan luar negara dengan pemotongan 20% untuk komisen;
- Kaedah diperoleh pada tempoh matang untuk perniagaan bon bertulis oleh dana takaful am; dan
- Dasar-dasar bukan tahunan dibahagikan mengikut kadar tempoh risiko selepas ditolak komisen, yang berkaitan dengan tempoh tidak tamat polisi pada akhir tahun kewangan.

(3) Rizab risiko tidak tamat tempoh ("URR")

URR adalah anggaran prospektif bagi pembayaran masa hadapan yang dijangka timbul daripada peristiwa masa depan diinsuranskan di bawah polisi/sijil yang berkuatkuasa pada tarikh pelaporan dan turut termasuk adalah peruntukan perbelanjaan meliputi overhed dan kos insurans/takaful semula, yang dijangka dikenakan ketika tempoh belum tamat tempoh bagi menguruskan polisi/sijil berkaitan serta menyelesaikan tuntutan yang sewajarnya, dan pembayaran balik premium/caruman masa depan yang dijangkakan. URR dianggarkan dari penilaian aktuari yang dilaksanakan oleh aktuari berkelayakan.

(d) Dana takaful keluarga

Dana takaful keluarga terdiri daripada jumlah yang dianggap milik para peserta seperti yang ditentukan oleh penilaian aktuari tahunan dan lebihan terkumpul yang dianggap milik para peserta serta rizab AFS berkaitan pelaburan dana takaful keluarga. Sebarang defisit dana takaful keluarga akan sah diterima oleh dana pemegang saham melalui pinjaman amal atau Qardhul Hassan. Lebihan yang boleh diagihkan kepada para peserta dibuat selaras dengan syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan Jawatankuasa Shariah syarikat subsidiari takaful.

(e) Dana takaful am

Dana takaful am terdiri daripada rizab caruman tidak terperoleh, lebihan terkumpul boleh diagih kepada para peserta dan rizab AFS berkaitan dengan pelaburan dana takaful am. Sebarang defisit dalam dana takaful am akan sah diterima oleh dana pemegang saham melalui pinjaman amal atau Qardhul Hassan. Lebihan yang boleh diagihkan kepada para peserta dibuat selaras dengan syarat dan peraturan Jawatankuasa Shariah syarikat subsidiari takaful.

(f) Liabiliti tuntutan dan liabiliti kontrak insurans hayat/takaful keluarga

Liabiliti tuntutan mewakili kewajipan penginsurans, sama ada secara kontraktual atau sebaliknya, untuk membuat pembayaran masa depan bagi semua tuntutan yang telah berlaku pada tarikh pelaporan. Liabiliti tuntutan adalah anggaran peruntukan bagi tuntutan yang dilaporkan, tuntutan yang berlaku tetapi tidak dilaporkan ("IBNR"), tuntutan yang berlaku tetapi tidak dirizabkan secukupnya ("IBNER") dan kos penyenggaraan tuntutan berkaitan. Ia termasuk nilai anggaran terbaik bagi liabiliti tuntutan dan PRAD yang ditetapkan oleh BNM. Liabiliti ke atas baki tuntutan diiktiraf pada masa ia dimaklumkan oleh pemegang polisi/peserta. Liabiliti tuntutan ditentukan berdasarkan analisis yang dilakukan oleh aktuari menggunakan teknik unjuran tuntutan aktuari, berdasarkan corak perkembangan tuntutan sebenar. Liabiliti tuntutan tidak didiskaunkan.

Semua liabiliti insurans hayat/takaful keluarga dinilai menggunakan satu prospektif penilaian aktuari berdasarkan jumlah nilai semasa faedah masa hadapan dan perbelanjaan ditolak pertukaran kasar masa depan yang timbul daripada polisi/sijil-sijil yang didiskaunkan pada kadar diskaun risiko yang bersesuaian. Kaedah ini dikenali sebagai kaedah penilaian premium/caruman kasar yang juga berdasarkan Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko BNM ("RBC").

Liabiliti sijil-sijil takaful keluarga diiktiraf apabila sijil-sijil telah dikuatkuasakan dan caruman dikenakan bayarannya. Liabiliti sijil takaful dinyahiktiraf apabila kontrak tamat, dilepaskan atau dibatalkan. Pada setiap tarikh pelaporan, penilaian dibuat sama ada liabiliti kontrak takaful keluarga yang diiktiraf adalah mencukupi berdasarkan prestasi ujian kecukupan liabiliti.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (samb.)

(xxiv) Ukuran nilai saksama

Kumpulan dan Bank mengukur instrumen-instrumen kewangan seperti aset kewangan pada FVTPL, pelaburan kewangan AFS, derivatif, dan aset bukan kewangan seperti hartanah pelaburan, pada nilai saksama pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan.

Nilai saksama adalah harga yang akan diterima untuk jualan aset atau bayaran untuk memindahkan liabiliti dalam transaksi tersusun antara peserta pada tarikh pengukuran. Ukuran nilai saksama berdasarkan andaian bahawa transaksi untuk menjual atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada:

- dalam pasaran prinsipal untuk aset atau liabiliti; atau
- dalam ketiadaan pasaran prinsipal, dalam pasaran paling baik untuk aset atau liabiliti tersebut.

Pasaran prinsipal atau pasaran yang paling baik mestilah boleh diakses oleh Kumpulan dan Bank.

Nilai saksama aset atau liabiliti diukur menggunakan andaian bahawa peserta pasaran akan menggunakannya apabila menetapkan harga aset atau liabiliti tersebut, dengan andaian bahawa peserta pasaran bertindak dalam kepentingan ekonomi yang terbaik untuk mereka.

Ukuran nilai saksama bagi aset bukan kewangan mengambil kira keupayaan peserta pasaran untuk menjana manfaat ekonomi dengan menggunakan aset itu sebaik mungkin atau dengan menjualnya kepada peserta pasaran lain yang akan menggunakan aset itu untuk kegunaan terbaik.

Kumpulan dan Bank menggunakan teknik penilaian yang bersesuaian dalam keadaan dan untuk mana data tersedia untuk mengukur nilai saksama, memaksimumkan penggunaan input yang boleh dikaji dan meminimumkan penggunaan input yang tidak boleh dikaji.

Kesemua aset dan liabiliti yang mana nilai saksama diukur atau didedahkan dalam penyata pendapatan dikategorikan dalam hierarki nilai saksama, dijelaskan seperti berikut, berdasarkan input tahap paling rendah yang signifikan kepada ukuran nilai saksama secara keseluruhannya:

- Peringkat 1 — Harga pasaran disebut harga (tidak diselaraskan) dalam pasaran aktif untuk aset atau liabiliti serupa.
- Peringkat 2 — Teknik penilaian yang mana input paling rendah yang signifikan kepada ukuran nilai saksama dikaji secara langsung atau tidak langsung.
- Peringkat 3 — Teknik penilaian yang mana input paling rendah yang signifikan kepada ukuran nilai saksama tidak dikaji.

Bagi aset dan liabiliti yang diiktiraf dalam penyata pendapatan pada asas berulang, Kumpulan dan Bank menentukan sama ada pindahan berlaku antara peringkat hierarki nilai saksama dengan menilai semula pengelasan (berdasarkan input paling rendah yang tidak signifikan kepada ukuran nilai saksama secara keseluruhan) pada akhir setiap tempoh laporan.

Nilai saksama instrumen kewangan, instrumen bukan kewangan dan liabiliti dinyatakan dalam Nota 49.

(xxv) Pengiktirafan faedah, pembiayaan dan pendapatan keuntungan dan perbelanjaan

Pendapatan faedah dan perbelanjaan untuk kesemua instrumen kewangan diukur pada kos pelunasan dan aset kewangan yang membawa faedah/keuntungan dikelaskan sebagai pelaburan kewangan tersedia untuk dijual, pelaburan kewangan dipegang untuk urus niaga dan pelaburan kewangan ditetapkan pada nilai saksama melalui untung atau rugi akan diiktiraf dalam 'pendapatan faedah' dan 'perbelanjaan faedah' dalam penyata pendapatan menggunakan kaedah faedah efektif.

Kaedah faedah efektif adalah satu kaedah mengira kos pelunasan aset kewangan atau liabiliti kewangan dan atas peruntukan pendapatan faedah atau perbelanjaan faedah disepanjang tempoh berkaitan. Kadar faedah efektif adalah kadar yang memberi diskaun jangkaan bayaran tunai masa depan dengan tepat atau penerimaan melalui jangkaan hayat instrumen kewangan atau apabila dalam keadaan sesuai, tempoh lebih singkat kepada jumlah bawaan bersih aset kewangan atau liabiliti kewangan. Apabila mengira kadar faedah efektif, Kumpulan dan Bank mengambil kira semua syarat berkontrak instrumen kewangan termasuk sebarang yuran atau kenaikan kos yang secara langsung diagihkan kepada instrumen itu dan menjadi bahagian penting kadar faedah efektif tetapi tidak mempertimbangkan kerugian kredit masa depan.

Sebaik sahaja nilai catatan satu atau sekumpulan aset kewangan yang serupa dikurangkan disebabkan oleh kerugian rosot nilai, pendapatan faedah terus diiktiraf menggunakan kadar faedah yang digunakan untuk mendiskaunkan aliran tunai masa depan bagi tujuan mengukur kerugian rosot nilai.

Pendapatan dan perbelanjaan daripada perniagaan perbankan Islam diiktiraf berasaskan akruan selaras dengan prinsip Shariah.

(xxvi) Pengiktirafan yuran dan pendapatan lain

(a) Yuran dan pendapatan komisen

Kumpulan dan Bank memperolehi yuran dan pendapatan komisen daripada rangkaian luas perkhidmatan yang disediakan kepada para pelanggannya. Pendapatan yuran boleh dibahagikan kepada dua kategori berikut:

(1) Yuran pendapatan diperolehi daripada perkhidmatan yang disediakan untuk satu tempoh jangka masa tertentu

Yuran-yuran yang diperolehi bagi peruntukan perkhidmatan melalui satu tempoh jangka masa diakrukan sepanjang tempoh tersebut. Yuran-yuran tersebut termasuk pendapatan komisen dan pengurusan aset, penjagaan dan pengurusan-pengurusan lain dan yuran khidmat nasihat.

Yuran komitmen pinjaman bagi pinjaman berkemungkinan besar akan dikeluarkan untuk penggunaannya dan yuran berkaitan kredit yang lain ditunda (bersama-sama sebarang kos tokokan) dan diiktiraf sebagai pelarasan kepada EIR pinjaman tersebut. Sekiranya terdapat kemungkinan pengeluaran itu tidak berlaku, yuran komitmen pinjaman akan diiktiraf sepanjang tempohnya pada kaedah sama rata.

(2) Yuran pendapatan daripada perkhidmatan urus niaga

Yuran-yuran yang terhasil daripada perundingan atau menyertai perundingan urus niaga dengan pihak ketiga seperti pembelian saham atau sekuriti-sekuriti lain atau pembelian atau penjualan perniagaan, akan diiktiraf apabila selesainya urus niaga tersebut. Yuran atau komponennya yang berkaitan dengan pencapaian tertentu diiktiraf selepas kriteria yang ditetapkan dipenuhi.

(b) Pendapatan dividen

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak Kumpulan dan Bank untuk menerima dividen wujud. Ini adalah tarikh ex-dividen bagi sekuriti ekuiti disenaraikan, dan biasanya tarikh apabila para pemegang saham telah meluluskan dividen bagi ekuiti tidak disenaraikan.

(c) Pendapatan perniagaan insurans

Premium/sumbangan daripada perniagaan insurans/takaful am diiktiraf sebagai pendapatan dalam tahun kewangan berkaitan risiko yang dipikul dalam tahun kewangan tertentu selepas pengeluaran nota-nota debit. Premium/sumbangan berkaitan dengan risiko terubah yang mana nota-nota debit tidak diterbitkan pada tarikh pelaporan akan diakru pada tarikh tersebut. Perjanjian dalaman premium insurans semula sumbangan takaful semula diiktiraf pada asas nasihat berkala diterima daripada pengendali pengesid insurans/takaful. Premium insurans/sumbangan takaful semula yang disesuaikan secara dalaman diiktiraf dalam tahun kewangan berkaitan risiko yang disesuaikan dalam tahun kewangan tertentu seperti mana dalam kes dasar langsung berikutan tarikh terubah risiko individu.

Premium/sumbangan daripada perniagaan insurans hayat/takaful keluarga diiktiraf sebaik sahaja jumlah premium/sumbangan boleh diukur dengan pasti. Premium/sumbangan awal diiktiraf daripada tarikh terubah dan premium/sumbangan kemudiannya diiktiraf pada tarikh matang. Pada akhir tahun kewangan, semua premium/sumbangan matang dikira sehingga tahap yang boleh diukur dengan pasti.

Premium insurans semula sumbangan takaful semula yang keluar diiktiraf dalam tahun kewangan yang sama dengan polisi/sijil asal kepada insurans/takaful semula berkaitan.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN
- 31 Disember 2013

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (samb.)

(xxvi) Pengiktirafan yuran dan pendapatan lain (samb.)

(d) Program kesetiaan pelanggan

Anugerah kredit di bawah program kesetiaan pelanggan diambil kira sebagai komponen yang dikenal pasti secara berasingan dalam transaksi di mana kredit tersebut diberikan. Nilai saksama pembayaran yang diterima bagi jualan awal dibahagikan antara anugerah kredit dan komponen-komponen lain jualan. Pertimbangan yang diberikan untuk pendapatan daripada program kesetiaan pelanggan diiktiraf dalam penyata pendapatan di bawah 'pendapatan operasi lain'.

(xxvii) Manfaat kakitangan

(a) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan-sumbangan jaminan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun yang berkaitan diterima oleh kakitangan Kumpulan dan Bank. Pampasan bagi ketidakhadiran terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila kakitangan telah berkhidmat sehingga bertambahnya hak kepada pampasan bagi ketidakhadiran pada masa depan. Pampasan bagi ketidakhadiran tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila berlakunya ketidakhadiran.

(b) Pelan sumbangan dijelaskan

Sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang, syarikat-syarikat di Malaysia perlu membuat caruman kepada Kumpulan Simpanan Wang Pekerja ("KWSP"). Cawangan-cawangan bank asing dan syarikat-syarikat subsidiari membuat caruman kepada skim pencen berkanun di negara masing-masing. Caruman tersebut, apabila dibuat, diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan.

(c) Pampasan berasaskan saham

(1) ESOS

Skim Opsyen Saham Pekerja-pekerja Kumpulan Maybank ("ESOS") adalah pelan pampasan berasaskan saham penyelesaian ekuiti yang membenarkan pengarah-pengarah dan kakitangan Kumpulan membeli saham Bank. Jumlah nilai saksama opsyen saham yang dianugerahkan kepada kakitangan diiktiraf sebagai kos pekerja sepadan dengan meningkatnya rizab opsyen saham pada sepanjang tempoh letak hak dan mengambil kira kemungkinan opsyen memberikan hak kepada seseorang. Nilai saksama opsyen saham diukur pada tarikh penganugerahan, selepas mengambil kira, jika ada, syarat-syarat untuk membuat peletakan hak di dalam pasaran sebelum ia dianugerahkan tetapi tidak termasuk kesan syarat-syarat peletakan hak bukan pasaran. Syarat-syarat peletakan hak bukan pasaran termasuk anggaran mengenai bilangan opsyen yang boleh dilaksanakan pada tarikh peletakan hak.

Pada setiap tarikh pelaporan, Kumpulan menyemak semula anggaran bilangan opsyen yang dijangka bakal dilaksanakan pada tarikh peletakan hak.Ia mengiktiraf kesan daripada penyemakan anggaran awal jika ada, dalam penyata pendapatan serta sepadan dengan penyelarasan ekuiti bagi baki tempoh peletakan hak itu. Jumlah ekuiti adalah diiktiraf dalam rizab opsyen saham.

Hasil yang diterima, bersih daripada kos transaksi dikreditkan kepada modal saham apabila opsyen itu dilaksanakan. Rizab opsyen saham dipindahkan kepada pendapatan terkumpul apabila opsyen saham berkenaan tamat tempoh.

(2) Unit saham terhad ("RSU")

Kakitangan pengurusan kanan Kumpulan layak untuk saham terhad berasaskan prestasi sebagai pertimbangan bagi perkhidmatan yang diberikan mereka. RSU ini boleh diselesaikan dengan cara terbitan dan pindahan saham baru Maybank atau secara tunai atas budi bicara mutlak Jawatankuasa ESS. Jumlah nilai saksama RSU yang ditawarkan kepada kakitangan pengurusan kanan dikenal pasti sebagai kos kakitangan dengan peningkatan seiring dalam rizab dalam ekuiti sepanjang tempoh peletakan hak dan mengambil kira kemungkinan bahawa RSU akan dikuatkuasakan. Nilai saksama RSU diukur pada tarikh penganugerahan, selepas mengambil kira syarat-syarat untuk membuat peletakan hak, RSU dianugerahkan tetapi tidak termasuk kesan syarat-syarat peletakan hak bukan pasaran. Syarat-syarat peletakan hak bukan pasaran termasuk anggaran mengenai bilangan opsyen yang boleh dilaksanakan pada tarikh peletakan hak.

Pada setiap tarikh laporan, Bank mengkaji semula ramalan jumlah RSU yang dijangka akan ditawarkan pada tarikh peletakan hak. Ia mengenalpasti kesan kajian semula atas ramalan, jika ada, dalam penyata pendapatan dan penyelarasan yang seiring atas ekuiti sepanjang tempoh peletakan hak. Jumlah ekuiti tersebut dikenal pasti dalam rizab opsyen saham ("ESS").

(3) Skim Berasaskan Prestasi Dibayar Tunai ("CESS")

CESS terdiri daripada Skim Opsyen Berdasarkan Prestasi Dibayar Tunai ("CESOS") dan Skim Unit Saham Terhad Berasaskan Prestasi Dibayar Tunai ("CRSU") sebagai ganti ESOS dan RSU disediakan kepada kakitangan yang layak di cawangan luar negara dan syarikat subsidiari Bank, tertakluk kepada kriteria pencapaian prestasi yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dan amalan pasaran semasa di negara masing-masing.

Kos CESS diukur awalnya pada nilai saksama pada tarikh pemberian menggunakan model binomial, butiran lanjut diberikan dalam Nota 31(f) & (g). Nilai saksama ini dibelanjakan sepanjang tempoh sehingga tarikh penguatkuasaan dengan pengiktirafan liabiliti yang sepadan. Liabiliti tersebut diukur semula kepada nilai saksama pada setiap tarikh pelaporan sehingga dan termasuk tarikh penyelesaian, dengan perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam 'perbelanjaan kakitangan'.

(d) Pelan manfaat pencen dijelaskan

Kumpulan mengendalikan pelan manfaat pencen yang jelas di Indonesia, Filipina dan Thailand. Pengiraan kewajipan manfaat dijelaskan dilaksanakan setiap tahun oleh aktuari yang layak menggunakan kaedah anggaran unit kredit.

Pengukuran semula liabiliti manfaat dijelaskan bersih, terdiri daripada keuntungan dan kerugian aktuari, pulangan atas aset pelan (tidak termasuk faedah) dan kesan ke atas aset siling (jika ada, tidak termasuk faedah), diiktiraf serta merta dalam pendapatan komprehensif lain dalam tempoh bila mana ia berlaku dan direkodkan dalam rizab manfaat dijelaskan. Pengukuran semula tidak dikelaskan semula ke penyata pendapatan dalam tempoh berikutnya.

Kos perkhidmatan lampau diiktiraf dalam penyata pendapatan sebelum:

- Tarikh pindaan atau had pelan; atau
- Tarikh bila mana Kumpulan mengiktiraf kos berkaitan penyusunan semula.

Faedah bersih dan perbelanjaan lain yang berkaitan dengan pelan manfaat dijelaskan dikira dengan mengguna pakai kadar diskaun kepada liabiliti atau manfaat aset dijelaskan dan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(xxviii) Aset bukan semasa dipegang untuk dijual dan operasi tidak diteruskan

Aset bukan semasa diklasifikasikan sebagai dipegang untuk dijual jika sekiranya jumlah bawaan dapat dipulihkan terutamanya dengan urus niaga jualan berbanding penggunaan berterusan. Syaratnya dipenuhi hanya apabila terdapat kemungkinan besar berlaku jualan dan aset tersedia untuk jualan segera berdasarkan keadaan sedia ada, pengurusan telah memutuskan untuk menjual, dan jualan dijangka akan diselesaikan dalam tempoh satu tahun daripada tarikh klasifikasi.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.3 Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (samb.)

(xxviii) Aset bukan semasa dipegang untuk dijual dan operasi tidak diteruskan (samb.)

Sebaik sahaja sebelum diklasifikasikan sebagai dipegang untuk dijual, pengukuran aset bukan semasa dikemas kini mengikut MFRS yang diterima pakai. Kemudian, ketika membuat klasifikasi awal sebagai dipegang untuk dijual, aset bukan semasa (selain hartanah pelaburan, aset cukai tertunda dan aset kewangan) diukur mengikut MFRS 5 *Aset Bukan Semasa Dipegang untuk Dijual dan Operasi Tidak Diteruskan* pada yang mana lebih rendah di antara jumlah bawaan dan nilai saksama ditolak kos untuk dijual. Sebarang perbezaan dimasukkan dalam penyata pendapatan.

Komponen bank diklasifikasikan sebagai tidak diteruskan operasi apabila kriterianya sebagai dipegang untuk dijual dipenuhi atau telah dilupuskan dan komponen berkenaan mewakili barisan utama perniagaan yang berasingan atau kawasan geografi operasi, adalah sebahagian daripada satu barisan perniagaan utama kendalian tunggal atau kawasan geografi operasi atau syarikat subsidiari yang diperoleh untuk tujuan dijual semula.

(xxix) Modal saham dan dividen yang diisytiharkan

Saham biasa diklasifikasikan sebagai ekuiti apabila tidak ada kewajipan diberi untuk memindahkan tunai atau aset kewangan lain. Kos transaksi yang boleh diagihkan secara langsung kepada terbitan saham ekuiti baru ditolak daripada ekuiti sebagai potongan hasil terbitan.

Dividen yang diisytiharkan ke atas saham biasa diiktiraf sebagai liabiliti dan ditolak daripada ekuiti dalam tempoh yang mana semua kelulusan yang berkaitan telah diperoleh.Dividen diisytiharkan kepada Kumpulan Dana Amanah ESOS (“ETF”) akan dihapuskan di peringkat Kumpulan.

(xxx) Aset dan liabiliti luar jangkaan

Bila mana tidak diketahui sejauh mana aliran keluar manfaat ekonomi diperlukan atau jumlahnya tidak boleh diramalkan secara pasti, kewajipannya dinyatakan sebagai liabiliti luar jangka kecuali kemungkinan berlaku aliran keluar manfaat ekonomi itu adalah tipis. Kewajipan tersebut yang mungkin berlaku dengan hanya dapat disahkan keberlakuan atau tidak keberlakuan satu daripada lebih peristiwa masa hadapan, juga dinyatakan sebagai liabiliti luar jangka melainkan kemungkinan aliran keluar manfaat ekonomi adalah tipis.

Aset luar jangka adalah aset yang mungkin wujud daripada kejadian lampau yang mana kewujudan hanya boleh disahkan oleh keberlakuan atau tidak keberlakuan satu atau lebih perkara pada masa depan yang berada di luar kawalan Kumpulan dan Bank. Kumpulan dan Bank tidak mengiktiraf aset-aset luar jangka tetapi menyatakan kewujudannya yang mana aliran masuk manfaat ekonomi adalah suatu kemungkinan, tetapi bukanlah kepastian yang nyata.

(xxxi) Pendapatan sesaham

Kumpulan membentangkan data pendapatan sesaham (“EPS”) asas dan dicairkan (yang mana perlu) bagi saham biasanya. EPS asas dikira secara membahagikan keuntungan bersih yang disumbangkan kepada pemegang saham biasa Bank secara angka purata wajaran atau jumlah saham biasa diterbitkan semasa tempoh tersebut. EPS yang dicairkan dikira dengan membahagikan keuntungan bersih yang disumbangkan kepada pemegang saham biasa Bank secara angka purata wajaran saham biasa yang diterbitkan, yang diselaraskan kepada kesan semua saham biasa dicairkan.Tiada pelarasan diperlukan bagi saham biasa yang tidak boleh dicairkan.

(xxxii) Laporan segmen

Segmen operasi dilaporkan secara konsisten dengan laporan dalaman yang disediakan kepada ketua pembuat keputusan operasi. Ketua pembuat keputusan operasi ialah orang atau kumpulan yang memperuntukkan sumber-sumber dan menilai prestasi segmen-segmen operasi sesebuah entiti. Kumpulan telah melantik Jawatankuasa Ketua Eksekutif sebagai ketua pembuat keputusan bagi operasinya.

Semua transaksi antara segmen-segmen perniagaan berjalan dengan pendapatan dan kos antara segmen dihapuskan di ibu pejabat. Pendapatan dan perbelanjaan yang berkaitan secara langsung dengan setiap segmen disertakan dalam menentukan prestasi segmen perniagaan.

(xxxiii) Penggunaan *Laporan Kewangan Jawatankuasa Pelaksanaan Institut Konsensus 18 Wang diamanahkan kepada Penyertaan Organisasi Bursa Malaysia Securities Berhad (“FRSIC Konsensus 18”)*

FRSIC Konsensus 18 telah diwujudkan oleh Jawatankuasa Pelaksanaan Piawaian Pelaporan Kewangan (“FRSIC”) dan dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia pada 18 September 2012. FRSIC Konsensus 18 telah diterima pakai dalam penyata pendapatan Kumpulan ke atas wang dalam akaun-akaun amanah yang dipegang oleh entiti dalam Kumpulan yang merupakan organisasi yang mengambil bahagian di Bursa Malaysia Securities Berhad atau ahli-ahli yang mengambil bahagian bagi tukaran saham serupa dalam negara masing-masing.

Sejajar dengan FRSIC Konsensus 18, wang dipegang-dalam-amanah oleh organisasi yang mengambil bahagian tidak diiktiraf sebagai sebahagian aset entiti dengan liabiliti yang sepadan. Ini adalah kerana entiti tersebut tidak mempunyai kawalan ke atas wang amanah itu untuk mendapatkan manfaat ekonomi masa depan yang terkandung dalam wang amanah itu dan ia juga tidak mempunyai sebarang kewajipan kontraktual mahupun berkanun terhadap pelanggannya atas wang yang didepositkan dalam akau amanah yang akan menyebabkan aliran keluar sumber manfaat ekonomi daripada entiti tersebut. Pendekatan perakaunan ini konsisten dengan takrifan aset dan liabiliti sepertimana ditaksirkan dalam *Rangka Kerja Konsepsual bagi Pelaporan Kewangan* di bawah Rangka Kerja MFRS.

Kumpulan telah mendedahkan jumlah bawaan wang dipegang-dalam-amanah pada tarikh laporan dalam Nota 5 dan Nota 6.

2.4 Perubahan dalam dasar-dasar perakaunan, pendedahan tambahan dan penyataan semula maklumat perbandingan

Pada 1 Januari 2013, Kumpulan dan Bank menerima pakai Rangka Kerja MFRS dan Interpretasi IC mandatori untuk tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2013.

Keterangan	Berkuat kuasa pada awal atau selepas tempoh tahunan
MFRS 1 *Penerimaan pakai Kali Pertama Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (“MFRS”) - Pinjaman Kerajaan* (Pindaan kepada MFRS 1)	1 Januari 2013
MFRS 3 *Penggabungan Perniagaan (IFRS Penggabungan Perniagaan yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Pelaporan Perakaunan Antarabangsa (“IASB”) pada bulan Mac 2004)*	1 Januari 2013
MFRS 7 *Instrumen Kewangan: Pendedahan* - Pemindahan Aset Kewangan dan Liabiliti Kewangan (Pindaan kepada MFRS 7)	1 Januari 2013
MFRS 10 *Penyata Kewangan yang Disatukan*	1 Januari 2013
MFRS 11 *Pengaturan Bersama*	1 Januari 2013
MFRS 12 *Pendedahan Kepentingan dalam Entiti-entiti Lain*	1 Januari 2013
MFRS 13 *Pengukuran Nilai Saksama*	1 Januari 2013
MFRS 101 *Pembentangan Penyata Kewangan* - Pembentangan Item-item daripada Pendapatan Komprehensif Lain (Pindaan kepada MFRS 101)	1 Julai 2012
MFRS 119 *Manfaat Pekerja* (IAS 19 seperti yang dipinda oleh IASB pada bulan Jun 2011)	1 Januari 2013
MFRS 127 *Penyataan Kewangan Yang Disatukan dan Penyata Kewangan Berasingan* (IAS 27 Penyata Kewangan Disatukan dan Penyata Kewangan Berasingan disemak oleh IASB pada bulan Disember 2003)	1 Januari 2013
MFRS 127 *Penyata Kewangan Berasingan* (IAS 27 seperti pindaan oleh IASB pada bulan Mei 2011)	1 Januari 2013
MFRS 128 *Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama* (IAS 28 seperti pindaan oleh IASB pada bulan Mei 2011)	1 Januari 2013
IC Tafsiran 20 *Kos Pelucutan di dalam Fasa Pengeluaran Lombong Permukaan*	1 Januari 2013
Penambahbaikan Tahunan Kitaran 2009-2011	1 Januari 2013

Penggunaan piawaian dan interpretasi di atas tidak mempunyai sebarang kesan ke atas prestasi atau kedudukan kewangan Kumpulan dan Bank kecuali yang dibincangkan di bawah:

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN
- 31 Disember 2013

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.4 Perubahan dalam dasar-dasar perakaunan, pendedahan tambahan dan penyataan semula maklumat perbandingan (samb.)

(i) MFRS 10 *Penyata Kewangan yang Disatukan* ("MFRS 10")

MFRS 10 menggantikan sebahagian MFRS 127 *Penyata Kewangan yang Disatukan dan Penyata Kewangan Berasingan* yang berhubung dengan penyata kewangan disatukan dan IC Interpretasi 112 *Penyatuan - Entiti Tujuan Khusus*.

Di bawah MFRS 10, seseorang pelabur mengawal pihak dilabur (investee) apabila (a) pelabur itu mempunyai kuasa ke atas pihak dilabur, (b) pelabur mempunyai pendedahan, atau hak, ke atas pelbagai pulangan daripada pelaburannya dengan pihak dilabur, dan (c) pelabur mempunyai keupayaan untuk menggunakan kuasanya ke atas pihak dilabur untuk memberi kesan terhadap pulangan pelabur. Di bawah MFRS 127 *Penyata Kewangan yang Disatukan dan Penyata Kewangan Berasingan*, kawalan ditakrifkan sebagai kuasa mentadbir dasar-dasar kewangan dan operasi sesebuah entiti untuk mendapatkan manfaat daripada aktiviti-aktivitinya.

MFRS 10 termasuk panduan terperinci untuk menjelaskan apabila seseorang pelabur yang memiliki kurang daripada 50% saham mengundi dalam pihak dilabur mempunyai kawalan ke atas pihak dilabur itu. MFRS 10 memerlukan pelabur mengambil kira semua fakta dan keadaan yang relevan, terutamanya saiz pegangan hak mengundi pelabur berbanding saiz dan agihan pegangan pemegang hak mengundi lain.

Perubahan dalam dasar perakaunan telah dibuat secara retrospektif dan menurut peruntukan peralihan MFRS 10. Kumpulan telah menilai bahawa penggunaan MFRS 10 tidak mempunyai sebarang kesan ketara kepada penyata pendapatan Kumpulan.

(ii) MFRS 11 *Pengaturan Bersama*

MFRS 11 menggantikan MFRS 131 *Kepentingan dalam Usaha Sama dan IC Interpretasi 113 Entiti Kawalan Bersama - Sumbangan Bukan Kewangan oleh Usaha Sama*.

Klasifikasi perjanjian bersama di bawah MFRS 11 ditentukan berdasarkan hak dan kewajipan pihak-pihak terlibat dalam usaha sama dengan mempertimbangkan struktur, bentuk perundangan, terma kontrak yang dipersetujui oleh pihak-pihak tersebut dan bila mana sesuai, fakta dan keadaan lain. Di bawah MFRS 11, perjanjian bersama diklasifikasikan sebagai sama ada operasi bersama atau usaha sama.

Operasi bersama adalah perjanjian bersama di mana pihak-pihak yang mempunyai kawalan bersama ke atas perjanjian mempunyai hak ke atas aset, kewajipan terhadap liabiliti, berhubung perjanjian tersebut.

MFRS 11 mengeluarkan pilihan untuk bertanggungjawab terhadap entiti kawalan bersama ("JCE") menggunakan penyatuan berbahagi. Sebaliknya, JCE yang memenuhi definisi usaha sama mesti diambil kira menggunakan kaedah ekuiti.

MFRS 11 telah diterima pakai menurut peruntukan peralihan yang relevan sebagaimana ditetapkan dalam MFRS 11. Pelaburan awal pada 1 Januari 2012 bagi tujuan menggunakan kaedah ekuiti diukur sebagai agregat jumlah bawaan aset dan liabiliti yang mana Kumpulan telah sebelumnya menyatukan mengikut bahagian.

Penggunaan piawaian baharu ini telah dibuat secara retrospektif dan menurut peruntukan peralihan MFRS 11. Kumpulan dan Bank telah menilai bahawa penggunaan MFRS 11 tidak mempunyai sebarang kesan ketara kepada penyata pendapatan Kumpulan dan Bank melainkan bagi penetapan semula salah satu daripada syarikat bersekutu kepada usaha sama.

(iii) MFRS 12 *Pendedahan Kepentingan dalam Entiti-entiti Lain*

MFRS 12 menetapkan semua keperluan pendedahan bagi kepentingan dalam syarikat-syarikat subsidiari, perjanjian bersama, syarikat bersekutu dan entiti berstruktur. Keperluan dalam MFRS 12 adalah lebih komprehensif berbanding keperluan pendedahan sebelumnya bagi syarikat subsidiari. Piawaian ini hanya memberi kesan kepada pendedahan dan tidak mempunyai kesan terhadap kedudukan atau prestasi kewangan Kumpulan dan Bank. Pendedahan baru ini dinyatakan dalam Nota 17 dan Nota 18.

(iv) MFRS 13 *Pengukuran Nilai Saksama*

MFRS 13 menetapkan satu sumber panduan tunggal di bawah MFRS untuk semua ukuran nilai saksama. MFRS 13 tidak mengubah apabila sebuah entiti diperlukan untuk menggunakan nilai saksama, tetapi sebaliknya menyediakan panduan tentang bagaimana mengukur nilai saksama sebagai harga akhir. Hasil panduan dalam MFRS 13, Kumpulan menilai semula dasarnya bagi mengukur nilai saksama, terutamanya input penilaiannya seperti risiko tiada prestasi bagi pengukuran nilai saksama liabiliti. MFRS 13 juga memerlukan pendedahan tambahan.

Penggunaan MFRS 13 tidak memberi kesan ketara terhadap pengukuran nilai saksama Kumpulan dan Bank. Pendedahan tambahan, bila mana diperlukan, dinyatakan dalam Nota 49.

(v) Pindaan kepada MFRS 101 *Pembentangan Penyata Kewangan* - Pembentangan Item daripada Pendapatan Komprehensif Lain

Pindaan kepada MFRS 101 memperkenalkan pengumpulan perkara-perkara yang dibentangkan dalam pendapatan komprehensif lain dalam penyata pendapatan komprehensif. Item yang boleh dikelaskan semula (atau dikitar semula) kepada keuntungan atau kerugian pada satu tempoh masa dalam masa depan (contohnya, keuntungan atau kerugian bersih ke atas pelaburan kewangan AFS) perlu dibentangkan berasingan daripada item yang tidak dikelaskan semula (contohnya penilaian semula tanah dan bangunan). Pindaan ini memberi kesan kepada pembentangan sahaja dan tidak memberi kesan kepada kedudukan atau prestasi kewangan Kumpulan dan Bank.

(vi) MFRS 119 *Manfaat Pekerja* (Disemak 2011)

Kumpulan menerima pakai MFRS 119 (Disemak 2011) secara retrospektif dalam tahun semasa menurut peruntukan peralihan yang ditetapkan dalam piawaian yang disemak semula. Kenyataan pembukaan kedudukan kewangan bagi tempoh perbandingan paling awal dibentangkan pada 1 Januari 2012 dan maklumat perbandingan telah dinyata semula.

MFRS 119 (Disemak 2011) mengubah, antara lainnya, perakaunan bagi pelan manfaat dijelaskan. Beberapa perubahan utama yang memberi kesan kepada Kumpulan termasuk yang berikut:

- Semua kos perkhidmatan lampau yang diiktiraf sebelum mana pindaan/agihan berlaku apabila penyusunan semula yang berkenaan atau kos penghapusan diiktiraf. Hasilnya, kos perkhidmatan lampau yang belum diletak hak tidak boleh lagi ditunda dan diiktiraf dalam tempoh peletak hak akan datang.
- Kos faedah dan jangkaan pulangan atas aset pelan yang digunakan dalam versi terdahulu MFRS 119 digantikan dengan jumlah faedah-bersih di bawah MFRS 119 (Disemak 2011), yang dikira dengan menggunakan kadar diskaun kepada liabiliti atau aset dijelaskan bersih pada permulaan setiap tempoh laporan tahunan.

MFRS 119 (Disemak 2011) juga memerlukan pendedahan yang lebih banyak. Ini dinyatakan dalam Nota 24(a).

MFRS 119 (Disemak 2011) telah digunakan secara retrospektif, dengan pengecualian yang dibenarkan berikut:

- Jumlah bawaan aset-aset lain belum diselaraskan untuk perubahan dalam kos manfaat kakitangan yang dimasukkan sebelum 1 Januari 2012.
- Pendedahan sensitiviti bagi kewajipan manfaat dijelaskan untuk tempoh perbandingan (tahun berakhir 31 Disember 2012) belum disediakan.

Kesan kewangan penggunaan pindaan ini ke atas penyata pendapatan Kumpulan dinyatakan dalam Nota 2.4(x).

(vii) MFRS 127 *Penyata Kewangan Berasingan*

Sebagai kesan daripada MFRS 10 dan MFRS 12 yang baru, piawaian MFRS 127 kini terhad kepada perakaunan syarikat-syarikat subsidiari, entiti kawalan bersama dan syarikat bersekutu dalam penyata kewangan berasingan.

(viii) MFRS 128 *Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha sama*

Berikutan kesan daripada MFRS 11 dan MFRS 12 yang baru, MFRS 128 dinamakan semula sebagai MFRS 128 *Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha sama*. Piawaian baru ini menerangkan pemakaian kaedah ekuiti untuk pelaburan dalam usaha sama sebagai tambahan kepada syarikat bersekutu.

(ix) Perubahan dalam Pembentangan "pendapatan bersih daripada perniagaan insurans dan takaful" dalam penyata pendapatan Kumpulan

Dalam tahun-tahun sebelumnya, Kumpulan melaporkan pendapatan lain (terutamanya terdiri daripada pendapatan pelaburan, keuntungan/kerugian diiktiraf dan keuntungan/kerugian nilai saksama) dan perbelanjaan lain (terutamanya terdiri daripada perbelanjaan pengurusan dan perbelanjaan operasi lain) yang berkaitan dengan perniagaan insurans dan takaful dalam "Pendapatan bersih daripada perniagaan insurans dan takaful", barisan item pada muka penyata pendapatan Kumpulan.

Dengan pemakaian piawaian baru seperti MFRS 10 *Penyata Kewangan yang Disatukan* dan *MFRS 12 Pendedahan Kepentingan dalam Entiti-entiti Lain*, Kumpulan memutuskan untuk menambahbaikkan pembentangan "Pendapatan bersih daripada perniagaan insurans dan takaful" dengan cara mengelaskan semula pendapatan lain (RM3.36 bilion) dan perbelanjaan lain (RM4.06 bilion) yang membentuk sebahagian daripada "Pendapatan bersih daripada perniagaan insurans dan takaful" untuk barisan item masing-masing dalam penyata pendapatan Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012. Kesan pengelasan semula ini dinyatakan dalam Nota 2.4(x).

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.4 Perubahan dalam dasar-dasar perakaunan, pendedahan tambahan dan penyataan semula maklumat perbandingan (samb.)

(x) Kesan kewangan berikutan perubahan dalam dasar-dasar perakaunan dan penyataan semula maklumat perbandingan

(a) Berikut adalah penyesuaian kepada penyata kedudukan kewangan (i) Kumpulan, dan (ii) Operasi Skim Perbankan Islam ("SPI") pada 1 Januari 2012 dan pada 31 Disember 2012:

(i) Kumpulan

	31 Disember 2012 (Seperti dinyatakan sebelum ini) RM'000	Nota 2.4(vi) RM'000	31 Disember 2012 (Dinyatakan semula) RM'000	1 Januari 2012 (Seperti dinyatakan sebelum ini) RM'000	Nota 2.4(vi) RM'000	1 Januari 2012 (Dinyatakan semula) RM'000
Aset-aset						
Tunai dan dana jangka pendek	40,018,633	-	40,018,633	49,387,882	-	49,387,882
Deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan	11,949,150	-	11,949,150	7,161,651	-	7,161,651
Aset kewangan dibeli di bawah perjanjian jualan balik	798,180	-	798,180	1,397,235	-	1,397,235
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	29,156,692	-	29,156,692	18,393,752	-	18,393,752
Pelaburan kewangan tersedia untuk dijual	60,792,374	-	60,792,374	63,585,045	-	63,585,045
Pelaburan kewangan dipegang hingga matang	2,870,768	-	2,870,768	2,689,806	-	2,689,806
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	311,824,735	-	311,824,735	276,252,853	-	276,252,853
Aset derivatif	2,880,492	-	2,880,492	1,987,502	-	1,987,502
Aset insurans semula/takaful semula dan lain-lain aset insurans	2,555,727	-	2,555,727	2,173,794	-	2,173,794
Aset-aset lain	6,680,257	-	6,680,257	4,749,820	-	4,749,820
Hartanah pelaburan	572,662	-	572,662	542,477	-	542,477
Deposit-deposit berkanun dengan bank-bank pusat	12,298,362	-	12,298,362	10,577,416	-	10,577,416
Kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama	2,235,233	-	2,235,233	2,406,462	-	2,406,462
Hartanah, loji dan peralatan	2,402,821	-	2,402,821	2,217,483	-	2,217,483
Aset tidak ketara	6,531,336	-	6,531,336	6,748,053	-	6,748,053
Aset cukai tertunda	1,298,871	44,670	1,343,541	1,323,606	37,439	1,361,045
Jumlah aset	494,866,293	44,670	494,910,963	451,594,837	37,439	451,632,276
Liabiliti-liabiliti						
Deposit-deposit daripada pelanggan-pelanggan	347,155,510	-	347,155,510	314,692,245	-	314,692,245
Deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan	33,887,376	-	33,887,376	36,760,978	-	36,760,978
Tanggungan ke atas aset kewangan dijual dibawah perjanjian belian balik	-	-	-	267,652	-	267,652
Bil-bil dan penerimaan belum bayar	2,269,513	-	2,269,513	4,472,872	-	4,472,872
Liabiliti derivatif	2,376,979	-	2,376,979	2,162,709	-	2,162,709
Liabiliti kontrak insurans/takaful dan lain-lain liabiliti insurans	21,928,872	-	21,928,872	20,090,908	-	20,090,908
Liabiliti-liabiliti lain	9,597,742	185,871	9,783,613	6,407,906	163,681	6,571,587
Kewajipan atas pinjaman dan pembiayaan dijual kepada Cagamas	1,592,974	-	1,592,974	2,214,873	-	2,214,873
Peruntukan cukai dan zakat	1,051,798	-	1,051,798	382,562	-	382,562
Liabiliti cukai tertunda	676,514	(1,642)	674,872	672,025	(1,392)	670,633
Pinjaman	10,714,266	-	10,714,266	7,185,230	-	7,185,230
Tanggungan subordinat	13,510,041	-	13,510,041	14,160,553	-	14,160,553
Sekuriti modal	6,150,351	-	6,150,351	6,113,761	-	6,113,761
Jumlah liabiliti	450,911,936	184,229	451,096,165	415,584,274	162,289	415,746,563
Ekuiti boleh diagih kepada pemegang-pemegang ekuiti Bank						
Modal saham	8,440,046	-	8,440,046	7,639,437	-	7,639,437
Premium saham	15,639,646	-	15,639,646	9,598,847	-	9,598,847
Saham dipegang dalam amanah	(102,405)	-	(102,405)	-	-	-
Keuntungan terkumpul	11,115,006	(10,169)	11,104,837	10,393,767	(11,393)	10,382,374
Rizab-rizab lain	7,136,600	(123,366)	7,013,234	6,824,192	(108,187)	6,716,005
	42,228,893	(133,535)	42,095,358	34,456,243	(119,580)	34,336,663
Kepentingan tidak dikawal	1,725,464	(6,024)	1,719,440	1,554,320	(5,270)	1,549,050
	43,954,357	(139,559)	43,814,798	36,010,563	(124,850)	35,885,713
Jumlah liabiliti dan ekuiti pemegang-pemegang saham	494,866,293	44,670	494,910,963	451,594,837	37,439	451,632,276

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN
- 31 Disember 2013

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.4 Perubahan dalam dasar-dasar perakaunan, pendedahan tambahan dan penyataan semula maklumat perbandingan (samb.)

(x) Kesan kewangan berikutan perubahan dalam dasar-dasar perakaunan dan penyataan semula maklumat perbandingan (samb.)

(a) Berikut adalah penyesuaian kepada penyata kedudukan kewangan (i) Kumpulan, dan (ii) operasi Skim Perbankan Islam ("SPI") pada 1 Januari 2012 dan 31 Disember 2012 (samb.):

(ii) Operasi SPI (Nota 57) (Kumpulan)	31 Disember 2012 (Seperti dinyatakan sebelum ini) RM'000	Nota 2.4(vi) RM'000	31 Disember 2012 (Dinyatakan semula) RM'000	1 Januari 2012 (Seperti dinyatakan sebelum ini) RM'000	Nota 2.4(vi) RM'000	1 Januari 2012 (Dinyatakan semula) RM'000
Aset-aset						
Tunai dan dana jangka pendek	13,026,886	-	13,026,886	8,971,617	-	8,971,617
Deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan	293,552	-	293,552	429,910	-	429,910
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	4,098,406	-	4,098,406	2,360,877	-	2,360,877
Pelaburan kewangan tersedia untuk dijual	5,579,110	-	5,579,110	6,232,746	-	6,232,746
Pelaburan kewangan dipegang hingga matang	132,982	-	132,982	50,424	-	50,424
Pembiayaan dan pendahuluan	62,230,793	-	62,230,793	52,425,274	-	52,425,274
Aset derivatif	48,227	-	48,227	28,198	-	28,198
Aset-aset lain	4,891,200	-	4,891,200	4,492,748	-	4,492,748
Deposit-deposit berkanun dengan bank-bank pusat	2,399,000	-	2,399,000	1,834,800	-	1,834,800
Hartanah, loji dan peralatan	1,808	-	1,808	2,551	-	2,551
Aset tidak ketara	3,117	-	3,117	3,701	-	3,701
Aset cukai tertunda	199,408	67	199,475	177,369	129	177,498
Jumlah aset	92,904,489	67	92,904,556	77,010,215	129	77,010,344
Liabiliti-liabiliti						
Deposit-deposit daripada pelanggan-pelanggan	71,319,635	-	71,319,635	59,090,400	-	59,090,400
Deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan	13,206,242	-	13,206,242	9,449,458	-	9,449,458
Bil-bil dan penerimaan belum bayar	419,749	-	419,749	504,237	-	504,237
Kewajipan atas pinjaman dan pembiayaan dijual kepada Cagamas	905,181	-	905,181	1,499,270	-	1,499,270
Liabiliti derivatif	113,980	-	113,980	96,179	-	96,179
Liabiliti-liabiliti lain	281,481	268	281,749	193,515	518	194,033
Peruntukan cukai dan zakat	162,043	-	162,043	109,256	-	109,256
Sukuk subordinat	1,010,782	-	1,010,782	1,010,723	-	1,010,723
Jumlah liabiliti	87,419,093	268	87,419,361	71,953,038	518	71,953,556
Dana Modal Perbankan Islam						
Dana Perbankan Islam	863,719	-	863,719	943,296	-	943,296
Premium saham	2,687,480	-	2,687,480	2,488,400	-	2,488,400
Keuntungan terkumpul	1,714,988	(11)	1,714,977	1,383,544	(24)	1,383,520
Rizab-rizab lain	219,209	(190)	219,019	241,937	(365)	241,572
	5,485,396	(201)	5,485,195	5,057,177	(389)	5,056,788
Jumlah liabiliti dan Dana Modal Perbankan Islam	92,904,489	67	92,904,556	77,010,215	129	77,010,344

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.4 Perubahan dalam dasar-dasar perakaunan, pendedahan tambahan dan penyataan semula maklumat perbandingan (samb.)

(x) Kesan kewangan berikutan perubahan dalam dasar-dasar perakaunan dan penyataan semula maklumat perbandingan (samb.)

(b) Berikut adalah penyesuaian kepada penyata kedudukan kewangan (i) Kumpulan, dan (ii) operasi Skim Perbankan Islam ("SPI") bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012:

(i)

Kumpulan	1.1.2012 hingga 31.12.2012 (Seperti dinyatakan sebelum ini) RM'000	Nota 2.4(vi) RM'000	Nota 2.4(ix) RM'000	1.1.2012 hingga 31.12.2012 (Dinyatakan semula) RM'000
Pendapatan faedah	14,847,018	-	804,691	15,651,709
Perbelanjaan faedah	(6,366,301)	-	11,277	(6,355,024)
Pendapatan faedah bersih	8,480,717	-	815,968	9,296,685
Pendapatan daripada operasi Skim Perbankan Islam	2,196,259	-	-	2,196,259
	10,676,976	-	815,968	11,492,944
Pendapatan/(kerugian) bersih daripada perniagaan insurans/takaful	652,445	-	(700,781)	(48,336)
	11,329,421	-	115,187	11,444,608
Pendapatan bukan faedah	5,273,749	-	54,961	5,328,710
Pendapatan bersih	16,603,170	-	170,148	16,773,318
Perbelanjaan overhed	(8,158,120)	1,703	(76,002)	(8,232,419)
Keuntungan operasi sebelum kerugian rosot nilai	8,445,050	1,703	94,146	8,540,899
Peruntukan bagi kerugian rosot nilai atas pinjaman, pendahuluan, pembiayaan dan hutang lain, bersih	(642,711)	-	(36,536)	(679,247)
Peruntukan bagi kerugian rosot nilai atas pelaburan kewangan, bersih	(60,216)	-	(57,610)	(117,826)
Keuntungan operasi	7,742,123	1,703	-	7,743,826
Bahagian keuntungan syarikat bersekutu dan usaha sama	152,476	-	-	152,476
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	7,894,599	1,703	-	7,896,302
Cukai dan zakat	(1,977,306)	(312)	-	(1,977,618)
Keuntungan bagi tahun kewangan	5,917,293	1,391	-	5,918,684
Boleh diagih kepada:				
Pemegang-pemegang ekuiti Bank	5,744,696	1,224	-	5,745,920
Kepentingan tidak dikawal	172,597	167	-	172,764
	5,917,293	1,391	-	5,918,684

(ii)

Operasi SPI (Nota 57) (Kumpulan)	1.1.2012 hingga 31.12.2012 (Seperti dinyatakan sebelum ini) RM'000	Nota 2.4(vi) RM'000	1.1.2012 hingga 31.12.2012 (Dinyatakan semula) RM'000
Pendapatan terhasil daripada pelaburan dana pendeposit	3,557,278	-	3,557,278
Perbelanjaan langsung kepada pendeposit dan Dana Perbankan Islam	(69,876)	-	(69,876)
Pendapatan boleh agih kasar	3,487,402	-	3,487,402
Masuk kira semula kerugian rosot nilai atas pembiayaan dan pendahuluan	33,701	-	33,701
Jumlah pendapatan boleh diagih	3,521,103	-	3,521,103
Pendapatan kepada pendeposit	(1,757,225)	-	(1,757,225)
Pendapatan diberikan kepada Kumpulan	1,763,878	-	1,763,878
Pendapatan terhasil daripada pelaburan Dana Perbankan Islam	310,838	-	310,838
	2,074,716	-	2,074,716
Kos kewangan	(41,913)	-	(41,913)
Perbelanjaan overhed	(710,799)	17	(710,782)
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	1,322,004	17	1,322,021
Cukai	(315,846)	(4)	(315,850)
Zakat	(16,613)	-	(16,613)
Keuntungan bagi tahun kewangan	989,545	13	989,558

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN
- 31 Disember 2013

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.4 Perubahan dalam dasar-dasar perakaunan, pendedahan tambahan dan penyataan semula maklumat perbandingan (samb.)

(x) Kesan kewangan berikutan perubahan dalam dasar-dasar perakaunan dan penyataan semula maklumat perbandingan (samb.)

(c) Berikut adalah penyesuaian kepada penyata pendapatan komprehensif (i) Kumpulan, dan (ii) operasi Skim Perbankan Islam ("SPI") bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012:

(i)

Kumpulan	1.1.2012 hingga 31.12.2012 (Seperti dinyatakan sebelum ini) RM'000	Nota 2.4(vi) RM'000	1.1.2012 hingga 31.12.2012 (Dinyatakan semula) RM'000
Keuntungan bagi tahun kewangan	5,917,293	1,391	5,918,684
Pendapatan/(kerugian) komprehensif lain:			
Perkara-perkara yang tidak akan diklasifikasikan kepada untung atau rugi			
Kerugian atas penilaian penjelasan pelan manfaat	-	(25,082)	(25,082)
Kesan pendapatan cukai	-	7,793	7,793
	-	(17,289)	(17,289)
Perkara-perkara yang mungkin akan diklasifikasikan kepada untung atau rugi			
Keuntungan bersih atas pelaburan kewangan tersedia untuk dijual	52,715	-	52,715
Terjemahan matawang asing	(933,136)	1,189	(931,947)
Kesan cukai pendapatan	(2,522)	-	(2,522)
Perubahan dalam rizab-rizab lain	(547)	-	(547)
	(883,490)	1,189	(882,301)
Kerugian komprehensif lain bagi tahun kewangan, bersih selepas cukai	(883,490)	(16,100)	(899,590)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	5,033,803	(14,709)	5,019,094
Kerugian komprehensif lain bagi tahun kewangan, boleh diagih kepada:			
Pemegang-pemegang ekuiti Bank	(897,033)	(15,179)	(912,212)
Kepentingan tidak dikawal	13,543	(921)	12,622
	(883,490)	(16,100)	(899,590)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan, boleh diagih kepada:			
Pemegang-pemegang ekuiti Bank	4,847,663	(13,955)	4,833,708
Kepentingan tidak dikawal	186,140	(754)	185,386
	5,033,803	(14,709)	5,019,094

(ii)

Operasi SPI (Nota 57) (Kumpulan)	1.1.2012 hingga 31.12.2012 (Seperti dinyatakan sebelum ini) RM'000	Nota 2.4(vi) RM'000	1.1.2012 hingga 31.12.2012 (Dinyatakan semula) RM'000
Keuntungan bagi tahun kewangan	989,545	13	989,558
Pendapatan/(kerugian) komprehensif lain:			
Perkara-perkara yang tidak akan diklasifikasikan kepada untung atau rugi			
Kerugian atas penilaian penjelasan pelan manfaat	-	233	233
Kesan pendapatan cukai	-	(58)	(58)
	-	175	175
Perkara-perkara yang mungkin akan diklasifikasikan kepada untung atau rugi			
Kerugian bersih atas pelaburan kewangan tersedia untuk dijual	(27,049)	-	(27,049)
Terjemahan matawang asing	(33,499)	-	(33,499)
Kesan pendapatan cukai	6,148	-	6,148
	(54,400)	-	(54,400)
Kerugian komprehensif lain bagi tahun kewangan, bersih selepas cukai	(54,400)	175	(54,225)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	935,145	188	935,333

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.5 Perubahan ketara dalam keperluan perundangan

(i) Dokumen dasar Pelaporan Kewangan diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM")

Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 ("FSA") dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 ("IFSA") mula berkuat kuasa pada 30 Jun 2013. FSA dan IFSA menggabungkan beberapa undang-undang berasingan untuk mentadbir sektor kewangan di bawah rangka kerja perundangan tunggal bagi kedua-dua sektor kewangan konvensional dan Islam, iaitu Akta Institusi Perbankan dan Kewangan 1989, Akta Perbankan Islam 1983, Akta Insurans 1996, Akta Takaful 1984, Akta Perkhidmatan Pembayaran 2003 dan Akta Kawalan Tukaran 1953 yang dimansuhkan pada 30 Jun 2013.

Menurut FSA dan IFSA, BNM telah menerbitkan dokumen dasar-dasar baharu tentang Pelaporan Kewangan yang menetapkan keperluan pelaporan kewangan bagi kedua-dua institusi perbankan (termasuk konvensional dan Islam), pengendali insurans dan takaful. Institusi-institusi perbankan diperlukan untuk memenuhi dokumen dasar baharu ini berkuat kuasa 30 Jun 2013. Manakala untuk pengendali insurans dan takaful, tarikh penguatkuasaan untuk menggunakan dokumen dasar baharu ini adalah bagi tahun kewangan bermula pada atau selepas 30 Jun 2013, yang mana untuk tahun kewangan bermula pada 1 Januari 2014 bagi entiti perniagaan insurans dan takaful Kumpulan Maybank.

Perubahan utama yang diperkenalkan dan pendedahan tambahan yang perlu dibuat di bawah dokumen dasar baharu ini adalah:

- Penyata kedudukan kewangan dan penyata pendapatan komprehensif untuk perniagaan insurans dan takaful yang perlu didedahkan dalam laporan interim dan laporan tahunan institusi perbankan dengan perniagaan insurans dan takaful, berasingan dengan perniagaan hayat, perniagaan takaful keluarga, perniagaan am dan perniagaan takaful am;
- Pembentangan bagi deposit dan pembiayaan Islam perlu dipecahkan mengikut kontrak Shariah; dan
- Laporan ketidakpatuhan Shariah perlu dimasukkan ke dalam laporan tahunan institusi perbankan Islam.

Kesan terhadap penyata kewangan Kumpulan dan Bank berikutan dokumen dasar baharu adalah terutamanya dari segi pendedahan tambahan yang tidak mempunyai kesan kewangan kepada keputusan kewangan atau kedudukan kewangan Kumpulan dan Bank bagi tahun kewangan semasa. Pendedahan tambahan maklumat berkaitan perniagaan insurans dan takaful dan operasi Skim Perbankan Islam masing-masing dinyatakan dalam Nota 56 dan Nota 57.

(ii) *Rangka Kerja Kecukupan Modal (Komponen Modal)* dan *Rangka Kerja Kecukupan Modal untuk Perbankan Islam (Komponen Modal)* - dikemas kini pada 28 November 2012

BNM telah mengeluarkan garis panduan yang dikemas kini bagi Rangka Kerja Kecukupan Modal (Komponen Modal) dan Rangka Kerja Kecukupan Modal untuk Perbankan Islam (Komponen Modal) ("Garis Panduan") ke atas pengiraan modal dan nisbah kecukupan modal bagi bank konvensional dan bank Islam. Semua institusi perbankan diperlukan untuk mematuhi Garis Panduan tersebut berkuat kuasa dari 1 Januari 2013 dan tertakluk kepada perancangan peralihan, yang mana butirannya dinyatakan dalam Nota 51.

Kumpulan dan Bank telah mengira nisbah kecukupan modal yang baharu untuk tahun kewangan semasa menurut Garis Panduan sebagaimana dinyatakan dalam Nota 53. Kumpulan dan Bank tidak diperlukan untuk menyata semula nisbah kecukupan modal perbandingan mereka. Walau bagaimanapun, bagi tujuan perbandingan, Kumpulan dan Bank dalam Nota 53(f) telah menyatakan kesan-kesan nisbah kecukupan modal Kumpulan dan Bank bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 sekiranya ia telah dikira menurut Garis Panduan ini.

3. PERTIMBANGAN, ANGGARAN DAN ANDAIAN KRITIKAL PERAKAUNAN

Bagi menyediakan penyata kewangan, pihak pengurusan perlu membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada dasar yang diterima pakai dan jumlah yang dilaporkan dalam pendapatan, perbelanjaan, aset-aset, liabiliti-liabiliti, pendedahan iringan dan pendedahan liabiliti luar jangka. Walaupun anggaran dan pertimbangan dibuat berdasarkan pengetahuan terbaik pengurusan tentang peristiwa dan tindakan semasa, keputusan sebenarnya mungkin berbeza. Kegunaan pertimbangan dan anggaran yang paling penting adalah seperti berikut:

3.1 Keupayaan meneruskan perniagaan

Pengurusan Kumpulan dan Bank telah membuat taksiran terhadap keupayaannya untuk meneruskan perniagaan dan berpuas hati dengan sumber-sumber yang ada untuk berbuat demikian dalam tempoh masa depan yang dapat diramalkan. Selain itu, pengurusan tidak menyedari wujudnya sebarang ketidaktentuan yang boleh menimbulkan keraguan ketara terhadap keupayaan Kumpulan dan Bank dalam meneruskan perniagaannya. Oleh itu, penyata kewangan terus disediakan pada asas keupayaan meneruskan perniagaannya.

3.2 Rosot nilai portfolio pelaburan kewangan (Nota-Nota 8, 9, 10 dan 42)

Kumpulan dan Bank mengkaji pelaburan kewangan AFS dan HTM pada setiap tarikh pelaporan untuk menilai sama ada wujudnya bukti yang objektif bahawa pelaburannya mengalami rosot nilai.Sekiranya terdapat petunjuk-petunjuk atau bukti yang objektif, pelaburan itu adalah tertakluk kepada kajian rosot nilai.

Dalam menjalankan kajian rosot nilai, pertimbangan pengurusan yang berikut diperlukan:

(i) Penentuan sama ada pelaburan mengalami rosot nilai adalah berdasarkan petunjuk tertentu seperti, antara lain, penurunan berpanjangan dalam nilai saksama, masalah kewangan yang ketara oleh penerbit atau penanggung terbitan, kehilangan pasaran dagangan yang aktif dan kemerosotan kualiti kredit penerbit atau penanggung terbitan; dan

(ii) Penentuan sama ada "ketara" atau "berpanjangan" memerlukan pertimbangan dan penilaian pengurusan ke atas pelbagai faktor, seperti sejarah pergerakan nilai saksama, tempoh dan tahap pengurangan dalam nilai saksama.

3.3 Anggaran aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi (Nota 8), pelaburan kewangan tersedia untuk dijual (Nota 9) dan instrumen kewangan derivatif (Nota 12)

Nilai saksama aset kewangan dan derivatif yang tidak diniagakan dalam pasaran aktif ditentukan menggunakan teknik penilaian yang sesuai. Teknik penilaian termasuk kaedah aliran tunai terdiskaun, model harga opsyen, model kredit dan model-model penilaian lain yang berkaitan.

3.4 Kerugian rosot nilai atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan (Nota-nota 11 dan 41)

Kumpulan dan Bank mengkaji pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang ketara secara individu pada setiap tarikh pelaporan untuk menilai sama ada kerugian rosot nilai perlu direkodkan dalam penyata pendapatan.

Secara khususnya, pertimbangan pengurusan diperlukan dalam anggaran jumlah dan tempoh aliran tunai masa hadapan apabila menentukan kerugian rosot nilai. Dalam menganggarkan aliran tunai ini, Kumpulan dan Bank membuat pertimbangan mengenai keadaan kewangan peminjam dan kedudukan kewangan pelanggan dan nilai bersih cagaran yang boleh diperoleh. Anggaran-anggaran ini adalah berdasarkan andaian tentang beberapa faktor dan keputusan sebenar mungkin berbeza, menyebabkan perubahan pada masa hadapan ke atas peruntukan.

Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang dinilai secara individu tetapi tidak perlu memberi kerosotan nilai dan semua pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan secara individu yang tidak ketara kemudiannya dinilai secara kolektif dalam kumpulan aset dengan ciri-ciri risiko kredit yang sama untuk menentukan sama ada peruntukan harus dibuat atas kerugian yang ditanggung yang mana terdapat bukti objektif tetapi kesannya masih belum kelihatan. Taksiran kolektif mengambil kira data daripada portfolio pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan (seperti kualiti kredit, tahap tunggakan, penggunaan kredit, nisbah pinjaman kepada cagaran, dsb.) dan pertimbangan atas kesan penumpuan risiko (seperti prestasi kumpulan-kumpulan individu yang berbeza).

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN
- 31 Disember 2013

3. PERTIMBANGAN, ANGGARAN DAN ANDAIAN KRITIKAL PERAKAUNAN (SAMB.)

3.5 Penilaian hartanah pelaburan (Nota 15)

Pengukuran nilai saksama bagi hartanah pelaburan diperoleh dengan merujuk kepada bukti pasaran harga transaksi untuk hartanah yang sama dan dilakukan oleh penilai bebas yang mempunyai kelayakan profesional yang diiktiraf dan berkaitan serta memiliki pengalaman terkini dalam lokasi dan kategori hartanah yang dinilai.

3.6 Rosot nilai pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari (Nota 17) dan kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu (Nota 18)

Kumpulan menilai sama ada terdapat sebarang petunjuk bahawa pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari dan kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan syarikat-syarikat usaha sama mungkin mengalami rosot nilai pada setiap tarikh pelaporan.

Sekiranya tanda-tanda itu wujud, aset-aset tersebut tertakluk kepada semakan rosot nilai. Kajian rosot nilai meliputi perbandingan jumlah bawaan pelaburan dan anggaran jumlah jangkaan pelaburan boleh dipulihkan.

Penilaian yang dibuat oleh pengurusan dalam menggunakan dasar-dasar perakaunan Kumpulan dari segi pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari dan kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu adalah seperti berikut:

(i) Kumpulan menentukan sama ada pelaburannya mengalami rosot nilai berikutan tanda-tanda rosot nilai bawaan seperti, antara lain, kekurangan berpanjangan di antara nilai pasaran dan jumlah bawaan, perubahan ketara dengan kesan yang menjejaskan pelaburan dan prestasi kewangan pelaburan merosot disebabkan oleh perubahan yang diperhatikan dan dalam persekitaran ekonomi; dan

(ii) Bergantung kepada sifat dan lokasi pelaburan, pertimbangan dibuat oleh pihak pengurusan untuk memilih kaedah penilaian sesuai seperti, antara lain, aliran tunai masa depan terdiskaun atau anggaran nilai saksama berdasarkan sebut harga pasaran urus niaga yang paling terkini.

Sebaik sahaja kaedah penilaian yang sesuai dipilih, pengurusan membuat andaian tertentu mengenai masa depan untuk menganggarkan jumlah yang boleh dipulihkan daripada pelaburan secara individu. Andaian ini dan lain-lain sumber ketidakpastian anggaran pada tarikh laporan, mungkin mempunyai risiko yang ketara menyebabkan pelarasan material terhadap jumlah bawaan pelaburan dalam tahun kewangan seterusnya. Bergantung kepada pelaburan individu tersebut, andaian yang dibuat oleh pihak pengurusan termasuk, antara lain, andaian terhadap jangkaan aliran tunai masa depan, pertumbuhan pendapatan, nilai terminal, kadar diskaun yang digunakan untuk mendiskaunkan aliran tunai masa depan yang menggabungkan risiko yang berkaitan dan jangkaan hasil masa depan berdasarkan arah aliran tertentu masa lalu.

Kepekaan terhadap perubahan dalam andaian

Pengurusan percaya bahawa tiada perubahan munasabah dalam andaian utama yang diterangkan diatas boleh menyebabkan jumlah bawaan pelaburan melebihi dengan ketara jumlah boleh dipulihkan.

3.7 Rosot nilai muhibah (Nota 20(a))

Kumpulan menguji setiap tahun sama ada muhibah yang mempunyai tempoh hayat tidak mengalami sebarang rosot nilai dengan mengukur jumlah muhibah yang boleh dipulihkan berdasarkan kaedah nilai dalam penggunaan yang memerlukan penggunaan ramalan aliran tunai masa hadapan, kadar pertumbuhan terminal dan kadar diskaun. Perubahan kepada andaian yang digunakan oleh pihak pengurusan, terutamanya kadar diskaun dan nilai terminal, mungkin menjejaskan keputusan hasil penilaian rosot nilai.

3.8 Pelunasan aset tidak ketara lain (Nota 20(b)-(d))

Aset tidak ketara Kumpulan dan Bank yang boleh diasingkan dan dijual dan mempunyai tempoh hayat terbatas dilunaskan sepanjang anggaran hayat kegunaan. Penentuan anggaran hayat kegunaan aset tidak ketara ini memerlukan pertimbangan pengurusan yang mana termasuk menganalisis keadaan, industri dan amalan pasaran.

3.9 Cukai tertunda (Nota 27) dan cukai pendapatan (Nota 43)

Kumpulan dan Bank adalah tertakluk kepada pelbagai bidang kuasa cukai pendapatan dan pertimbangan yang ketara diperlukan dalam menganggarkan peruntukan cukai berkenaan. Terdapat banyak transaksi dan tafsiran tentang undang-undang cukai yang mana kesudahannya hanya akan diketahui kemudian. Liabiliti cukai diiktiraf berdasarkan anggaran sama ada cukai tambahan akan dibayar. Proses anggaran termasuk mendapatkan nasihat mengenai cara pengendalian cukai, sekiranya perlu. Dalam keadaan di mana liabiliti akhir cukai berbeza dengan jumlah yang dicatat lebih awal, perbezaan itu akan menjejaskan cukai pendapatan dan peruntukan cukai tertunda dalam tempoh kewangan tersebut yang mana taksirannya disemak semula atau liabiliti akhir ditetapkan.

Aset cukai tertunda dikenal pasti berkaitan kerugian cukai sehingga kepada kemungkinan bahawa keuntungan bercukai masa hadapan akan tersedia berbanding kerugian yang boleh digunakan. Pertimbangan diperlukan untuk menentukan jumlah aset cukai tertunda yang boleh diiktiraf, berdasarkan kemungkinan masanya dan tahap keuntungan bercukai masa hadapan, bersama dengan strategi perancangan cukai masa depan.

3.10 Liabiliti perniagaan insurans (Nota 23)

(a) Perniagaan insurans hayat dan takaful keluarga

Terdapat beberapa sumber ketidakpastian yang perlu dipertimbangkan dalam anggaran liabiliti insurans hayat dan takaful keluarga.

Andaian utama yang digunakan berkaitan dengan kematian, morbiditi, jangka hayat, perbelanjaan, kadar pengeluaran dan kadar diskaun.

Anggaran-anggaran ini diselaraskan apabila sesuai untuk menunjukkan pendedahan risiko syarikat subsidiari yang unik, menyediakan asas bagi penilaian manfaat polisi masa depan yang belum dibayar.

Bagi sijil takaful keluarga, anggaran dibuat untuk kematian, kecacatan, kematangan dan pulangan pelaburan menurut pengalaman syarikat subsidiari. Dana takaful keluarga membuat anggaran berdasarkan kepada jangkaan jumlah kematian dalam jadual mortaliti yang diterima pakai, diselaraskan mengikut kesesuaian untuk mencerminkan pendedahan risiko dana berkenaan. Anggaran bilangan kematian yang menentukan nilai faedah masa depan yang perlu dibayar difaktorkan dalam memastikan perlindungan yang memadai oleh rizab yang kemudiannya dipantau dengan sumbangan semasa dan masa depan.

Bagi sijil yang menawarkan perlindungan risiko berkaitan kecacatan, anggaran dibuat berdasarkan pengalaman lepas dan aliran baru muncul.

Pada setiap tarikh pelaporan, anggaran ini dinilai semula kecukupannya dan perubahannya ditunjukkan sebagai pelarasan liabiliti.

(b) Perniagaan insurans am dan takaful am

Ketidakpastian utama dalam perniagaan insurans am dan takaful am timbul daripada peruntukan teknikal yang meliputi liabiliti premium/caruman dan liabiliti tuntutan. Asas penilaian liabiliti premium/caruman dan liabiliti tuntutan dinyatakan dalam Nota 2.3(xxiii).

Secara amnya, liabiliti tuntutan ditentukan berdasarkan pengalaman sejarah tuntutan, pengetahuan sedia ada tentang sesuatu peristiwa, terma dan syarat polisi yang berkaitan dan interpretasi terhadap keadaan. Kaitan yang lebih rapat adalah pengalaman dengan kes yang serupa, tuntutan lampau, arah aliran pembangunan, perubahan perundangan, keputusan kehakiman, keadaan ekonomi dan prosedur pengendalian tuntutan. Sesuatu yang boleh dipastikan adalah caruman masa depan yang sebenar dan liabiliti tuntutan tidak akan berkembang seperti mana yang dianggarkan dan berbeza berbanding unjuran.

3.11 Pelan manfaat pencen tentu

Kos penjelasan pelan manfaat pencen yang ditakrifkan dan manfaat perubatan selepas bersara lain dan nilai semasa obligasi pencen ditentukan dengan menggunakan penilaian aktuari. Penilaian yang dibuat oleh aktuari melibatkan pelbagai andaian yang mungkin tidak menyamai perkembangan sebenar pada masa hadapan. Ini termasuk penentuan diskaun, jangkaan kadar pulangan ke atas pelaburan, kenaikan gaji masa depan, kadar kematian, kadar peletakan jawatan dan peningkatan pencen pada masa hadapan. Disebabkan kerumitan penilaian dan sifat jangka panjangnya, tanggungan penjelasan manfaat adalah sangat sensitif kepada perubahan dalam andaian ini. Semua andaian dikaji semula pada setiap tarikh pelaporan.

3. PERTIMBANGAN, ANGGARAN DAN ANDAIAN KRITIKAL PERAKAUNAN (SAMB.)

3.11 Pelan manfaat pencen tentu (samb.)

Dalam menentukan kadar diskaun yang bersesuaian, pengurusan mempertimbangkan kadar faedah bon kerajaan yang berkualiti tinggi dalam matawang masing-masing dan kematangan diekstrapolasi sepadan dengan jangkaan tempoh kewajipan manfaat yang dijelaskan.

Kadar kematian adalah berdasarkan jadual mortaliti awam disediakan untuk negara-negara tertentu. Kenaikan gaji dan kenaikan pencen pada masa depan adalah berdasarkan jangkaan kadar inflasi masa depan untuk negara masing-masing.

Maklumat lanjut mengenai andaian yang digunakan, termasuk satu analisis sensitiviti, dinyatakan dalam Nota 24(a)(iv).

4. PIAWAIAN DAN PENTAKRIFAN YANG DITERBITKAN TETAPI BELUM BERKUAT KUASA

Berikut adalah piawaian dan pentakrifan yang telah diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB"), tetapi belum lagi berkuat kuasa, sehingga tarikh terbitan penyata kewangan Kumpulan dan Bank. Kumpulan dan Bank bercadang untuk menerima piawaian dan pentakrifan ini, jika berkaitan, apabila ianya berkuat kuasa:

Keterangan	Berkuat kuasa pada awal atau selepas tempoh tahunan
MFRS 9 *Instrumen Kewangan* (IFRS 9 dikeluarkan oleh IASB pada November 2009)	Akan diumumkan oleh MASB
MFRS 9 *Instrumen Kewangan* (IFRS 9 dikeluarkan oleh IASB pada Oktober 2010)	Akan diumumkan oleh MASB
MFRS 9 *Instrumen Kewangan* Tarikh Kuat Kuasa Mandatori MFRS 9 dan Pendedahan Peralihan (Pindaan kepada MFRS 9 dan MFRS 7)	Akan diumumkan oleh MASB
MFRS 9 *Instrumen Kewangan* (Perakaunan lindung nilai dan pindaan kepada MFRS 9, MFRS 7 dan MFRS 139)	Akan diumumkan oleh MASB
MFRS 10 *Penyata Kewangan yang Disatukan* - Entiti-entiti Pelaburan (Pindaan kepada MFRS 10)	1 Januari 2014
MFRS 12 *Pendedahan Kepentingan dalam Entiti-entiti Lain* - Entiti-entiti Pelaburan (Pindaan kepada MFRS 12)	1 Januari 2014
MFRS 119 *Manfaat Pekerja* - Pelan Manfaat Tentu: Sumbangan Pekerja (Pindaan kepada MFRS 119)	1 Julai 2014
MFRS 127 *Penyata Kewangan Berasingan* - Entiti-entiti Pelaburan (Pindaan kepada MFRS 127)	1 Januari 2014
MFRS 132 *Instrumen Kewangan: Pembentangan* - Imbangan Aset Kewangan dan Liabiliti Kewangan (Pindaan kepada MFRS 132)	1 Januari 2014
MFRS 136 *Rosot Nilai Aset* - Pendedahan Jumlah Diperolehi Semula bagi Aset Bukan Kewangan (Pindaan kepada MFRS 136)	1 Januari 2014
MFRS 139 *Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran* - Novasi Derivatif dan Penerusan Perakaunan Lindung Nilai (Pindaan kepada MFRS 139)	1 Januari 2014
IC *Tafsiran 21 Levi*	1 Januari 2014
Penambahbaikan Tahunan Kitaran kepada MFRS 2010 - 2012	1 Julai 2014
Penambahbaikan Tahunan Kitaran kepada MFRS 2011 - 2013	1 Julai 2014

MFRS 9 *Instrumen Kewangan*

MFRS 9 mencerminkan usaha penggantian MFRS 139 dan fasa pertama adalah untuk pengelasan dan pengukuran aset-aset kewangan dan liabiliti-liabiliti kewangan seperti ditakrifkan oleh MFRS 139. Fasa pertama piawaian ini pada awalnya berkuat kuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2013, tetapi Pindaan kepada MFRS 9 *Tarikh Kuatkuasa Mandatori MFRS 9 dan Pendedahan Peralihan,* diterbitkan pada Mac 2012, mengalihkan tarikh mandatori untuk berkuat kuasa kepada 1 Januari 2015, lihat di bawah bagi pindaan terkini atas tarikh berkuat kuasa mandatori). Penggunaan fasa pertama MFRS 9 akan mempunyai kesan ke atas pengelasan dan pengukuran aset-aset kewangan Kumpulan, tetapi tidak akan mempunyai kesan atas pengelasan dan pengukuran liabiliti-liabiliti kewangan Kumpulan.

Model perakaunan lindung nilai yang baharu di bawah fasa tiga piawaian ini, bersama dengan pendedahan perbandingan tentang aktiviti pengurusan risiko di bawah MFRS 7 dibangunkan berikutan keprihatinan penyedia penyata kewangan berhubung kesukaran untuk memberi gambaran yang sesuai yang mencerminkan aktiviti pengurusan risiko mereka. Model baru ini mewakili perubahan keseluruhan perakaunan lindung nilai yang akan membolehkan entiti untuk memberi gambaran lebih baik tentang aktiviti pengurusan risiko mereka dalam penyata kewangan. Model perakaunan lindung nilai MFRS 9, sekiranya diguna pakai, memberi penyataan secara prospektif dengan pengecualian terhad.

Sebagai sebahagian daripada Pindaan yang dikeluarkan pada Februari 2014, sesebuah entiti dibenarkan mengubah perakaunan bagi liabiliti-liabiliti yang ia ada untuk mengukur pada nilai saksama, sebelum mengguna pakai mana-mana keperluan lain dalam MFRS 9. Perubahan dalam perakaunan ini akan bermakna bahawa keuntungan atau kerugian yang disebabkan oleh perubahan dalam risiko kredit entiti itu sendiri ke atas liabiliti tidak lagi diiktiraf dalam untung atau rugi. Buat masa ini, Kumpulan dan Bank tidak mempunyai sebarang liabiliti-liabiliti kewangan yang diukur pada nilai saksama, selain daripada derivatif.

(b) Pada bila-bila masa terdapat risiko tidak ketara yang lebih tinggi berkaitan dengan pindaan peraturan percukaian yang diterima pakai, seperti yang ditentukan oleh Bank atau CMB, yang mungkin mengakibatkan Bank atau CMB membayar jumlah tambahan atau tidak lagi berupaya untuk memotong faedah Nota Subordinat atau pinjaman antara syarikat (antara Bank dengan CMB) bagi tujuan cukai; dan

(c) Pada bila-bila masa sekiranya risiko tidak ketara yang lebih tinggi berkaitan dengan pindaan keperluan modal kawal selia diterima pakai, seperti yang ditentukan oleh Bank atau CMB, mungkin mengakibatkan menarik balik kelayakan NCPCS untuk mengakibatkan dianggap sebagai sebahagian modal Bukan Inovatif Tahap 1 bagi tujuan keperluan modal badan kawal selia.

(b) SGD600.0 juta IT1CS

Pada 11 Ogos 2008, Bank menerbitkan IT1CS juta SGD600.0 boleh dipanggil dengan kenaikan pada tahun 2018 pada kadar tetap 6.00%.

SDG600.0 juta IT1CS membayar kadar faedah tetap dari dan termasuk 11 Ogos 2008 hingga (tetapi tidak termasuk) 11 Ogos 2018 (Tarikh Kali Pertama Ditetapkan Semula), dibayar dua kali setahun secara tertunggak pada 11 Februari dan 11 Ogos setiap tahun bermula pada 11 Februari 2009. SGD600.0 juta IT1CS mempunyai mekanisme penyelesaian stok prinsipal untuk menebus IT1CS pada tahun ke-60 daripada tarikh terbitannya. Bank, bagaimanapun mempunyai opsyen untuk menebus IT1CS pada ulang tahun ke-10 daripada tarikh terbitan. Pada ulang tahun ke-10 terbitan itu, kadar faedah akan ditingkatkan kepada kadar terapung, ditetapkan semula pada setiap sukuan tahun, pada tebaran kredit awal termasuk 100 mata asas di atas Kadar Tawaran Swap SGD melebihi tiga bulan.

SGD600.0 juta IT1CS akan mewakili kewajipan subordinat secara terus dan tidak terjamin Bank dan bersifat sama tara tanpa mempunyai sebarang keutamaan di kalangan mereka dan setara dengan sekuriti Tahap 1 lain.

(c) RM1.1 bilion IT1CS

Pada 25 September 2008, Bank menerbitkan IT1CS RM1.1 bilion boleh dipanggil dengan kenaikan pada tahun 2018 pada kadar tetap sebanyak 6.30% di bawah Sekuriti Modal Tahap 1 Inovatif RM4.0 bilion. IT1CS RM1.1 bilion yang matang pada 25 September 2068 juga membayar kadar faedah tetap dan boleh panggil pada 25 September 2018 dan pada setiap tarikh pembayaran kadar faedah selanjutnya. Pada ulang tahun ke-10 daripada tarikh terbitan itu, kadar faedah akan ditingkatkan kepada kadar terapung, ditetapkan semula setiap sukuan tahun, pada tebaran kredit awal termasuk 100 mata asas di atas Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur bagi deposit RM 3-bulan.

RM1.1 bilion IT1CS akan mewakili kewajipan subordinat secara terus dan tidak terjamin Bank dan bersifat sama tara tanpa mempunyai sebarang keutamaan dalam kalangannya dan setara dengan sekuriti Tahap 1 lain.

31. MODAL SAHAM, PEMBAYARAN BERASASKAN SAHAM DAN SAHAM DIPEGANG DALAM AMANAH

Kumpulan dan Bank	Bilangan Saham biasa RM1.00 sesaham		Jumlah	
	Pada 31.12.2013 '000	Pada 31.12.2012 '000	Pada 31.12.2013 RM'000	Pada 31.12.2012 RM'000
Dibenarkan:				
Pada 1 Januari	**10,000,000**	10,000,000	**10,000,000**	10,000,000
Diwujudkan dalam tahun kewangan	**-**	-	**-**	-
Pada 31 Disember	**10,000,000**	10,000,000	**10,000,000**	10,000,000
Diterbitkan dan dibayar penuh:				
Pada 1 Januari	**8,440,046**	7,639,437	**8,440,046**	7,639,437
Saham diterbitkan di bawah:				
- Pelan Pelaburan Semula Dividen ("DRP") diterbitkan pada:				
- 25 Oktober 2013	**130,327**	-	**130,327**	-
- 29 Mei 2013	**201,463**	-	**201,463**	-
- 29 Oktober 2012	**-**	173,144	**-**	173,144
- 5 Jun 2012	**-**	202,854	**-**	202,854
- Skim Saham Pekerja Kumpulan Maybank:				
- Skim Opsyen Saham Pekerja ("ESOS")	**90,117**	1,119	**90,117**	1,119
- Unit Saham Terhad Tambahan ("SRSU")	**122**	37	**122**	37
- Dana Amanah ESOS ("ETF")	**4**	11,455	**4**	11,455
- Penempatan swasta	**-**	412,000	**-**	412,000
Pada 31 Disember	**8,862,079**	8,440,046	**8,862,079**	8,440,046

(a) Kenaikan modal terbitan dan dibayar

Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, Bank meningkatkan modal terbitan dan dibayarnya daripada RM8,440,046,735 kepada RM8,862,079,081 melalui:

(i) Terbitan 90,116,800 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham secara tunai kepada yang layak untuk melaksanakan opsyen di bawah ESOS seperti mana dinyatakan dalam Nota 31(d)(ii);

(ii) Terbitan 121,700 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham timbul daripada Unit Saham Terhad Tambahan ("SRSU"), seperti yang dinyatakan dalam Nota 31(e)(v);

(iii) Terbitan 201,462,948 saham biasa baru (termasuk 326,881 saham biasa baru diterbitkan kepada Kumpulan Dana Amanah ESOS ("ETF") bernilai RM1.00 sesaham timbul daripada Pelan Pelaburan Semula Dividen (DRP) berkaitan bahagian boleh pilih (electable) dividen akhir sebanyak 24.5 sen (bersih) bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2012, seperti mana dinyatakan dalam Nota 46(c)(i);

(iv) Terbitan 130,326,898 saham biasa baru (termasuk 209,946 saham biasa baru diterbitkan kepada Kumpulan Dana Amanah ESOS ("ETF") bernilai RM1.00 sesaham yang timbul daripada DRP berkaitan bahagian boleh pilih dividen interim sebanyak 16.0 sen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, seperti mana yang dinyatakan dalam Nota 46(c)(ii); dan

(v) Terbitan 4,000 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham yang akan dipegang dalam Kumpulan Dana Amanah ESOS ("ETF") sejajar ESS semasa, seperti dinyatakan dalam Nota 31(c)(v).

(b) Pelan Pelaburan Semula Dividen ("DRP")

Pada 25 Mac 2010, Maybank mengumumkan cadangan pelaksanaan Pelan Pelaburan Semula Dividen ("DRP") yang memberikan pilihan kepada para pemegang saham Maybank ("pemegang saham"), untuk melaksanakan pelan pelaburan semula secara pilihan dan berulang yang membolehkan pemegang saham Maybank ("pemegang saham") melabur semula dividen mereka dalam bentuk saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham dalam Maybank ("Saham Maybank") ("secara kolektif dikenali sebagai Pelan Pelaburan Semula Dividen ("DRP")).

Rasional pelaksanaan DRP adalah seperti berikut:

(i) Meningkat dan memaksimumkan nilai pemegang saham melalui langganan Maybank yang mana harga terbitan sesahamnya ditawarkan pada diskaun;

(ii) Memberi lebih fleksibiliti kepada pemegang saham untuk memenuhi matlamat pelaburan mereka, di mana mereka mempunyai pilihan untuk menerima wang tunai atau melabur semula dalam Bank melalui langganan tambahan saham Maybank tanpa perlu menanggung kos transaksi atau kos lain yang berkaitan;

(iii) Mendapat faedah daripada penyertaan pemegang saham dalam DRP ke tahap di mana jika pemegang saham yang memilih untuk melabur semula dalam saham Maybank baru, wang tunai yang sepatutnya akan dibayar dalam bentuk dividen akan dilabur semula ke dalam dana untuk meneruskan pertumbuhan perniagaan Kumpulan. DRP itu bukan hanya memperbesarkan asas modal saham Maybank dan mengukuhkan kedudukan modalnya tetapi juga menambah kecairan Saham Maybank di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Securities").

Bila-bila masa pengumuman dividen tunai (sama ada interim, akhir, khas atau dividen lain) dibuat, Lembaga Pengarah boleh menggunakan budi bicara mutlaknya untuk menentukan sama ada DRP akan melibatkan keseluruhan atau sebahagian dividen berkenaan ("Electable Portion") dan bila mana perlu, sebarang baki sebahagian lagi dividen akan dibayar dalam bentuk tunai; dan

(iv) Setiap pemegang saham mempunyai pilihan berikut untuk Bahagian Boleh Pilih pelaburan semula dividen ("Electable Portion"):

(1) memilih menerima bahagian yang boleh dilabur semula dalam tunai; atau

(2) memilih melabur semula seluruh bahagian itu ke dalam saham baru Maybank yang dikreditkan sebagai dibayar sepenuhnya pada harga terbitan yang akan ditentukan pada tarikh penetapan harga selepas menerima kelulusan daripada semua pihak pengawal selia yang berkaitan.

(c) Skim Saham Kakitangan Kumpulan Maybank ("ESS") dan Skim Saham Berasaskan Prestasi Dibayar Tunai Secara Berasingan ("CESS")

Skim Saham Kakitangan Kumpulan Maybank ("ESS") ditadbir oleh undang-undang kecil diluluskan oleh pemegang saham di Mesyuarat Agung Luar biasa yang berlangsung pada 13 Jun 2011. ESS telah dilaksanakan pada 23 Jun 2011. Ia dikuatkuasakan untuk satu tempoh maksimum selama tujuh (7) tahun daripada tarikh tersebut dan ditadbir oleh Jawatankuasa ESS. ESS terdiri dari dua (2) jenis ganjaran berasaskan prestasi dalam bentuk Skim Opsyen Saham Kakitangan (ESOS) dan Unit Saham Terhad ("RSU").

Skim Saham Berasaskan Prestasi Dibayar Tunai Secara Berasingan ("CESS") Kumpulan Maybank ditadbir oleh garis panduan yang diluluskan oleh ahli-ahli Jawatankuasa ESS pada 15 Jun 2011.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN
- 31 Disember 2013

31. MODAL SAHAM, PEMBAYARAN BERASASKAN SAHAM DAN SAHAM DIPEGANG DALAM AMANAH (SAMB.)

(c) Skim Saham Kakitangan Kumpulan Maybank ("ESS") dan Skim Saham Berasaskan Prestasi Dibayar Tunai Secara Berasingan ("CESS") (samb.)

Bilangan maksimum saham biasa RM1.00 sesaham dalam Bank yang tersedia di bawah ESS tidak sepatutnya melebihi 10% jumlah keseluruhan modal terbitan dan dibayar Bank pada bila-bila masa semasa tempoh skim. Ciri utama lain ESS adalah seperti berikut:

(i) Kakitangan-kakitangan yang layak menyertai ESS mesti yang diambil bekerja untuk tempoh sepenuh masa dan dibayar gajinya oleh Kumpulan Maybank dan disahkan dalam perkhidmatan.

Kumpulan Maybank yang mengambil bahagian termasuk Bank dan cawangan-cawangan luar negara dan syarikat subsidiari termasuk PT Bank Internasional Indonesia Tbk, tetapi tidak termasuk syarikat-syarikat subsidiari tersenarai, beroperasi di luar negara dan tidak aktif.

(ii) Kelayakan ESS untuk Pengarah Eksekutif, termasuk sesiapa yang berkaitan dengan pengarah-pengarah, tertakluk kepada kelulusan pemegang saham Bank dalam mesyuarat agung.

(iii) ESS akan dilaksanakan untuk satu tempoh maksimum selama tujuh (7) tahun daripada tarikh dikuatkuasakan.

Walau bagaimanapun seperti di atas, Bank boleh menamatkan ESS pada bila-bila masa semasa tempoh skim tertakluk kepada:

- persetujuan pemegang saham Maybank pada mesyuarat agung yang menyaksikan sekurang-kurangnya majoriti pemegang saham, hadir dan mengundi, menyokong penamatan; dan
- persetujuan bertulis semua peserta ESS yang belum melaksanakan opsyen ESS mereka, sama ada melibatkan sebahagian atau keseluruhan saham, dan semua peserta Perjanjian Unit Saham Terhad ("RSU").

Apabila ESS ditamatkan, kesemua saham ESS yang tidak dilaksanakan dan/atau RSU yang tidak diberikan hak dianggap batal dan menjadi terbatal dan tidak sah.

(iv) ESS mengandungi Skim Opsyen Saham Pekerja ("ESOS") dan Unit Saham Terhad ("RSU").

(1) <u>ESOS</u>

Untuk penganugerahan ESOS, Bank dari semasa ke semasa ketika dalam tempoh tawaran, boleh menawarkan saham opsyen kepada kakitangan yang layak pada Tarikh Tawaran. Tertakluk kepada penerimaan para pesertanya, mereka akan diberikan opsyen ESOS yang boleh dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun dengan melanggan saham biasa dibayar sepenuhnya bernilai RM1.00 sesaham dalam Bank, tertakluk kepada kesemua syarat dipenuhi termasuk syarat berkaitan prestasi.

(2) <u>RSU</u>

Untuk penganugerahan RSU, Bank dari semasa ke semasa ketika dalam tempoh tawaran, boleh menjemput peserta yang terpilih memeterai perjanjian dengan Bank yang kemudiannya menawarkan skim saham tertakluk syarat-syarat perkhidmatan dan prestasi dan semua keadaan berkaitan prestasi telah pun dipenuhi. Skim saham dibawah penganugerahan RSU hanya meletak hak berdasarkan jadual tergantung (cliff vesting schedule) tiga tahun atau dua tahun untuk penganugerahan RSU tambahan, tertakluk kesemua syarat peletakan hak dipenuhi.

(v) Ciri-ciri utama penganugerahan ESOS adalah seperti berikut:

- Pada 23 Jun 2011, Bank telah meluluskan lima (5) peringkat (tranche) ESOS opsyen berjumlah sebanyak 405,308,500 berdasarkan atas andaian bahawa kakitangan yang layak telah memenuhi purata sasaran prestasi ("Penganugerahan ESOS Pertama"). Peringkat atau tranche pertama ESOS di bawah Penganugerahan ESOS Pertama berjumlah 80,871,000 opsyen telah diletakkan hak dan dilaksanakan pada 30 Jun 2011. Peringkat atau tranche kedua ESOS di bawah Penganugerahan ESOS Pertama menyaksikan sejumlah 42,136,100 opsyen diletakkan hak dan dilaksanakan pada 30 April 2012. Peringkat ketiga ESOS di bawah Penganugerahan ESOS pertama berjumlah 78,885,100 opsyen telah diletakkan hak dan dilaksanankan pada 30 April 2013, manakala baki-baki dan bilangan ESOS berkaitan akan diletakkan hak dan dilaksanakan apabila syarat-syarat yang ditetapkan dipenuhi termasuk tempoh perkhidmatan, sasaran prestasi dan tempoh prestasi.
- Pada 30 April 2012, Bank meluluskan lima (5) peringkat (tranche) ESOS yang opsyen berjumlah sebanyak 62,339,000 kepada kakitangan baru yang disahkan dalam Kumpulan ("Penganugerahan ESOS Kedua"). Peringkat atau tranche pertama di bawah Penganugerahan ESOS Kedua berjumlah 6,185,800 opsyen telah diletakkan hak dan dilaksanakan pada 7 Mei 2012. Peringkat atau tranche kedua ESOS di bawah Penganugerahan ESOS Kedua berjumlah 12,870,600 opsyen telah diletakkan hak dan dilaksanakan pada 30 April 2013, manakala baki dan bilangan ESOS berkaitan akan diletakkan hak dan dilaksanakan apabila syarat-syarat yang ditetapkan dipenuhi termasuk tempoh perkhidmatan, sasaran prestasi dan tempoh prestasi.
- Pada 30 April 2013, Bank memberi lima (5) peringkat ESOS opsyen berjumlah sebanyak 53,593,800 kepada pekerja baru yang disahkan dalam Kumpulan ("Penganugerahan ESOS Ketiga"). Peringkat atau tranche pertama di bawah Penganugerahan ESOS Ketiga berjumlah 9,199,800 opsyen telah diletakkan hak dan dilaksanakan pada 21 Mei 2013, manakala baki dan bilangan ESOS berkaitan akan diletakkan hak dan dilaksanakan apabila syarat-syarat yang ditetapkan dipenuhi termasuk tempoh perkhidmatan, sasaran prestasi dan tempoh prestasi.
- Saham biasa baru dalam Bank yang diperuntukkan apabila opsyen dilaksanakan di bawah skim berkenaan adalah setara dalam semua aspek dengan saham-saham biasa dalam Bank, kecuali saham biasa baru tidak akan layak mendapat sebarang dividen atau pengagihan lain yang diumumkan, dibuat dan dibayar kepada pemegang saham sebelum tarikh peruntukan saham biasa baru itu dan tertakluk kepada semua peruntukan Tataurusan Penubuhan Bank berkaitan pemindahan, penghantaran dan sebaliknya.
- Harga langganan ESOS adalah pada Harga Pasaran Dagangan Purata Berwajaran ("VWAMP") Saham Maybank untuk tempoh lima (5) hari pasaran sebelum tarikh tawaran tanpa kelayakan mendapat sebarang diskaun.
- Dalam melaksanakan ESS, Bank telah mewujudkan sebuah amanah yang akan ditadbir oleh Pemegang Amanah. Untuk membolehkan Pemegang Amanah melanggan saham baru untuk tujuan-tujuan pelaksanaan ESS, ia akan berhak untuk mendapat pembiayaan dan/atau bantuan dari Bank dari semasa ke semasa.
- Peringkat pertama Penganugerahan ESOS Pertama akan dilaksanakan dengan membiayai sendiri oleh kakitangan yang layak dalam tempoh dua belas (12) bulan daripada tarikh permulaan ESOS.
- Peringkat yang berikutnya dan ESOS yang tidak dilaksanakan selepas dua belas (12) bulan pertama dari tarikh penubuhannya boleh digunakan dalam baki tempoh seterusnya melalui pembiayaan sendiri atau mekanisme ESOS Trust Funding ("ETF").
- ETF adalah satu mekanisme pembiayaan untuk menganugerahkan ESOS yang melibatkan Maybank memberi pembiayaan sejumlah wang bagi langganan saham Maybank oleh Pemegang Amanah (Trustee) yang dipegang secara berkelompok untuk kakitangan yang layak dan ditempatkan dalam akaun di bawah Sistem Pendeposit Pusat ("CDS") milik Pemegang Amanah atau penama yang dibenarkan untuk memudahkan pelaksanaan opsyen ESOS oleh para pekerja atau berdasarkan permintaan pekerja-pekerja terpilih yang mana sebahagian hasil kutipan jualan sedemikian akan digunakan untuk membayar harga saham opsyen ESOS dan kos berkaitan. Saham yang diterbitkan dan diperuntukkan di bawah mekanisme ETF adalah setara dengan saham sedia ada Maybank. Pada 12 April 2012, Jawatankuasa ESS meluluskan langganan saham baru Maybank bernilai RM100 juta di bawah mekanisme ETF tersebut.

  Pada 28 Jun 2012, Maybank telah mengumumkan 11,454,700 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham di bawah mekanisme ETF. Saham baru Maybank direkodkan sebagai "saham dipegang dalam amanah" dalam penyata kewangan.

  Pada 7 Mei 2013, Maybank telah mengumumkan tambahan 4,000 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham di bawah mekanisme ETF. Saham baru Maybank direkodkan sebagai "saham dipegang dalam amanah" dalam penyata kewangan.

31. MODAL SAHAM, PEMBAYARAN BERASASKAN SAHAM DAN SAHAM DIPEGANG DALAM AMANAH (SAMB.)

(c) Skim Saham Kakitangan Kumpulan Maybank ("ESS") dan Skim Saham Berasaskan Prestasi Dibayar Tunai Secara Berasingan ("CESS") (samb.)

(v) Ciri-ciri utama penganugerahan ESOS adalah seperti berikut (samb.):

Pergerakan saham dipegang dalam amanah bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2013 dan 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

Kumpulan dan Bank	Bilangan saham biasa bernilai RM1.00 sesaham	Jumlah RM'000
Pada 31.12.2013		
Pada 1 Januari 2013	**11,741,067**	**102,405**
Pelaksanaan opsyen ESOS oleh kakitangan yang layak	**(83,603,800)**	**(648,691)**
	(71,862,733)	**(546,286)**
Penambahan semula saham dipegang dalam amanah	**83,603,800**	**648,691**
	11,741,067	**102,405**
Saham tambahan diterbitkan di bawah ETF disebabkan pemilihan di bawah DRP	**536,827**	**4,808**
Saham tambahan diterbitkan di bawah mekanisme ETF	**4,000**	**35**
Pada 31 Disember 2013	**12,281,894**	**107,248**

Kumpulan dan Bank	Bilangan saham biasa bernilai RM1.00 sesaham	Jumlah RM'000
Pada 31.12.2012		
Pada 1 Januari 2012	-	-
Terbitan saham biasa baru di bawah mekanisme ETF	11,454,700	100,000
Pelaksanaan opsyen ESOS oleh kakitangan yang layak	(825,800)	(7,230)
	10,628,900	92,770
Penambahan semula saham dipegang dalam amanah	825,800	7,230
	11,454,700	100,000
Saham tambahan diterbitkan di bawah ETF disebabkan pemilihan di bawah DRP	286,367	2,405
Pada 31 Disember 2012	11,741,067	102,405

(vi) Ciri-ciri utama penganugerahan RSU adalah seperti berikut:

- RSU yang diluluskan akan diletakkan hak dan dianugerahkan apabila syarat-syarat yang ditetapkan dipenuhi termasuk tempoh perkhidmatan, sasaran dan tempoh prestasi.
- Saham skim RSU boleh diselesaikan dengan cara penerbitan dan pemindahan saham baru Maybank atau secara tunai berdasarkan budi bicara mutlak Jawatankuasa ESS. Saham baru Maybank akan diterbitkan dan dipindahkan kepada kakitangan yang layak mengikut penyelesaian fizikal tidak memerlukan sebarang bayaran dibuat kepada Bank oleh para peserta RSU.
- Dalam kes penyelesaian secara tunai, harga peletakan hak RSU yang ditentukan berdasarkan nilai saham tanpa hak kelayakan untuk mendapat diskaun, mengambil kira VWAMP saham Maybank untuk lima (5) hari urus niaga pasaran sebelum tarikh peletakan hak RSU.
- Jawatankuasa ESS dari masa ke semasa boleh menganugerahkan RSU tambahan ("SRSU") kepada kumpulan pekerja yang terpilih untuk diberikan RSU dalam tempoh pelaksanaan. Kumpulan terpilih boleh terdiri daripada pengurusan kanan, mereka yang terpilih di barisan utama untuk dikekalkan dan rekrut-rekrut luar kanan terpilih dan pemberian SRSU sedemikian boleh ditawarkan di bawah terma dan syarat yang berbeza daripada RSU terdahulu yang dibuat kepada pengurusan kanan terpilih. SRSU akan diletakkan hak berdasarkan jadual tergantung (cliff vesting) selama dua (2) hingga tiga (3) tahun.

(vii) Skim Saham Berasaskan Prestasi Dibayar Tunai Secara Berasingan ("CESS")

Skim Saham Berasaskan Prestasi Dibayar Tunai Secara Berasingan ("CESS") terdiri daripada Skim Opsyen Berasaskan Prestasi Dibayar Tunai ("CESOS") dan Skim Unit Saham Terhad Berasaskan Prestasi Dibayar Tunai ("CRSU") tersedia pada masa bersesuaian untuk pekerja-pekerja di cawangan-cawangan luar negara dan syarikat-syarikat subsidiari yang layak termasuk PT Bank Internasional Indonesia Tbk, PT Bank Maybank Syariah Indonesia, Maybank Philippines Incorporated dan Maybank (PNG) Limited, tertakluk kepada pencapaian prestasi seperti mana ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dan amalan pasaran dalam negara masing-masing.

Ciri-ciri utama pemberian CESS adalah seperti berikut:

- CESS merupakan pelan tunai yang dianugerahkan dari semasa ke semasa sehingga mencapai lima (5) peringkat. Penganugerahan ini tertakluk kepada penyempurnaan sasaran prestasi, perkhidmatan dan syarat-syarat peletakan hak lain seperti mana ditetapkan dalam Garis Panduan CESS.
- Jumlah boleh bayar bagi setiap peringkat CESS akan sejajar dengan bilangan saham rujukan didarabkan dengan kenaikan harga saham Bank iaitu harga antara ketika penganugerahan dibuat hingga masa peletakan hak di mana tarikh peletakan hak akan berada pada akhir tahun ketiga daripada tarikh pemberian setiap peringkat CESS.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN
- 31 Disember 2013

31. MODAL SAHAM, PEMBAYARAN BERASASKAN SAHAM DAN SAHAM DIPEGANG DALAM AMANAH (SAMB.)

(d) Butiran opsyen saham di bawah ESOS

(i) Butiran opsyen saham yang dianugerahkan:

Tarikh Penganugerahan	Bilangan opsyen saham '000	Harga pelaksanaan asal RM/opsyen	Tempoh pelaksanaan
23.6.2011 - Penganugerahan ESOS Pertama	405,309#	8.82*	30.6.2011 - 22.6.2018
30.4.2012 - Penganugerahan ESOS Kedua	62,339#	8.83*	7.5.2012 - 22.6.2018
30.4.2013 - Penganugerahan ESOS Ketiga	53,594#	9.61*	21.5.2013 - 22.6.2018

Agregat peruntukan maksimum opsyen saham kepada Ketua Pegawai Eksekutif dan pengurusan kanan Kumpulan dan Bank tidak boleh melebihi 50%. Peruntukan sebenar opsyen saham kepada Ketua Pegawai Eksekutif dan pengurusan kanan adalah 16.3% pada 31 Disember 2013 (31 Disember 2012: 15.2%)

Bilangan opsyen saham yang diluluskan adalah berdasarkan andaian bahawa pekerja layak mencapai sasaran prestasi purata.

* Jawatankuasa ESS meluluskan pengurangan harga pelaksanaan ESOS berikutan terbitan saham-saham baru bernilai RM1.00 sesaham sejajar dengan pelaksanaan DRP. Semakan harga pelaksanaan adalah seperti berikut:

Tarikh Penganugerahan	Harga pelaksanaan RM/opsyen	Tempoh pelaksanaan
23.6.2011 - Penganugerahan ESOS Pertama	8.82	30.6.2011 - 28.12.2011
	8.78	29.12.2011 - 4.6.2012
	8.76	5.6.2012 - 28.10.2012
	8.75	29.10.2012 - 22.6.2018
30.4.2012 - Penganugerahan ESOS Kedua	8.83	7.5.2012 - 28.10.2012
	8.82	29.10.2012 - 22.6.2018
30.4.2013 - Penganugerahan ESOS Ketiga	9.61	21.5.2013 - 27.6.2013
	9.59	28.6.2013 - 21.11.2013
	9.58	22.11.2013 - 22.6.2018

Jadual-jadual berikut menggambarkan bilangan dan harga pelaksanaan purata berwajaran ("WAEP") dan pergerakan opsyen saham dalam tahun kewangan:

Penganugerahan ESOS Pertama (Diletakkan Hak)

Tarikh diletakkan hak	Baki tertunggak pada 1.1.2013 '000	Pergerakan dalam tahun kewangan: Pelarasan** '000	Diletakkan hak '000	Dilaksanakan hak^ '000	Ditarik balik '000	Luput '000	Baki tertunggak pada 31.12.2013 '000	Belum dilaksanakan pada 31.12.2013 '000
30.6.2011	76,983	95	-	(39,890)	(731)	-	36,457	36,457
30.4.2012	41,283	176	-	(18,819)	(393)	-	22,247	22,247
30.4.2013	-	-	78,885	(24,573)	(217)	-	54,095	54,095
Jumlah	118,266	271	78,885	(83,282)	(1,341)	-	112,799	112,799
WAEP (RM)	8.75	8.75	8.75	8.75	-	-	8.75	8.75

** Pelarasan berkaitan peruntukan ESOS tahun sebelumnya tetapi diterima dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

^ Sebanyak 382,800 opsyen yang dilaksanakan dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2013 hanya diterbitkan dan disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad selepas 31 Disember 2013.

Penganugerahan ESOS Kedua (Diletakkan Hak)

Tarikh diletakkan hak	Baki tertunggak pada 1.1.2013 '000	Pergerakan dalam tahun kewangan: Pelarasan*** '000	Diletakkan hak '000	Dilaksanakan hak^^ '000	Ditarik balik '000	Luput '000	Baki tertunggak pada 31.12.2013 '000	Belum dilaksanakan pada 31.12.2013 '000
7.5.2012	5,961	289	-	(2,703)	(167)	-	3,380	3,380
30.4.2013	-	-	12,871	(3,958)	(123)	-	8,790	8,790
Jumlah	5,961	289	12,871	(6,661)	(290)	-	12,170	12,170
WAEP (RM)	8.82	8.82	8.82	8.82	-	-	8.82	8.82

*** Pelarasan berkaitan peruntukan ESOS tahun sebelumnya tetapi diterima dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

^^ Sebanyak 26,000 opsyen yang dilaksanakan dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2013 hanya diterbitkan dan disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad selepas 31 Disember 2013.

31. MODAL SAHAM, PEMBAYARAN BERASASKAN SAHAM DAN SAHAM DIPEGANG DALAM AMANAH (SAMB.)

(d) Butiran opsyen saham di bawah ESOS (samb.)

(i) Butiran opsyen saham yang dianugerahkan (samb.):

Penganugerahan ESOS Ketiga (Diletakkan Hak)

Tarikh diletakkan hak	Baki tertunggak pada 1.1.2013 '000	Pergerakan dalam tahun kewangan: Diletakkan hak '000	Dilaksanakan hak '000	Ditarik balik '000	Luput '000	Baki tertunggak pada 31.12.2013 '000	Belum dilaksanakan pada 31.12.2013 '000
21.5.2013	-	9,200	(576)	(249)	-	8,375	8,375
WAEP (RM)	-	9.61	9.59	-	-	9.58#	9.58#

Disemak semula daripada RM9.61 kepada RM9.58 dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2013 seperti mana dinyatakan di atas.

Jumlah opsyen saham yang dianugerahkan kepada pengarah-pengarah Bank pada 31 Disember 2013 dibentangkan di bawah kepentingan pengarah dalam Laporan Para Pengarah.

(ii) Opsyen saham yang dilaksanakan dalam tahun kewangan

Opsyen yang dilaksanakan di bawah Penganugerahan ESOS Pertama, Penganugerahan ESOS Kedua dan Penganugerahan ESOS Ketiga dalam tahun kewangan adalah sebagaimana dinyatakan di atas.

Opsyen yang dilaksanakan di bawah Penganugerahan ESOS Pertama membawa penerbitan kira-kira 82,905,600 (31 Disember 2012: 1,118,200) saham biasa baru pada 31 Disember 2013, pada WAEP berharga RM8.75 (31 Disember 2012: RM8.76) sesaham. Terdapat 382,800 opsyen dilaksanakan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 dan saham biasa akan hanya diterbitkan dan disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad selepas 31 Disember 2013. Purata wajaran harga saham berkaitan Penganugerahan ESOS Pertama pada tarikh pelaksanaan adalah RM10.16 (31 Disember 2012: RM9.12) sesaham.

Opsyen yang dilaksanakan di bawah Penganugerahan ESOS Kedua membawa kepada penerbitan kira-kira 6,635,200 (31 Disember 2012: 8,000) sesaham biasa pada 31 Disember 2013, pada WAEP berharga RM8.82 (31 Disember 2012: RM8.82) sesaham. Sebanyak 26,000 opsyen yang dilaksanakan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 dan saham biasa akan hanya diterbitkan dan disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad selepas 31 Disember 2013. Purata wajaran harga saham berkaitan Penganugerahan ESOS Kedua pada tarikh pelaksanaan adalah RM10.22 (31 Disember 2012: RM9.07) sesaham.

Opsyen yang dilaksanakan di bawah Penganugerahan ESOS Ketiga membawa kepada penerbitan kira-kira 576,000 (31 Disember 2012: Tiada) sesaham biasa pada 31 Disember 2013, pada WAEP berharga RM9.59 (31 Disember 2012: Tiada) sesaham. Purata wajaran harga saham berkaitan Penganugerahan ESOS Ketiga pada tarikh pelaksanaan adalah RM10.27 (31 Disember 2012: Tiada) sesaham.

(iii) Nilai saksama opsyen saham dianugerahkan pada 23 Jun 2011

Nilai saksama opsyen saham yang dianugerahkan pada 23 Jun 2011 telah dianggarkan oleh penilai luar menggunakan model Binomial-Lattice, mengambil kira syarat-syarat dan peraturan-peraturan opsyen yang dianugerahkan. Nilai saksama opsyen saham yang diukur, harga pelaksanaan purata berwajaran dan andaian adalah seperti berikut:

	Sebelum DRP	Selepas DRP
Nilai saksama opsyen saham di bawah Penganugerahan ESOS Pertama:		
- peringkat 1: diletakkan hak pada 30 Jun 2011 (RM)	0.627	0.627
- peringkat 2: diletakkan hak pada 30 April 2012 (RM)	0.687	0.687
- peringkat 3: diletakkan hak pada 30 April 2013 (RM)	0.732	0.074
- peringkat 4 hingga 5: belum diletakkan hak (RM)	0.752 - 0.769	0.760 - 0.776
Harga pelaksanaan purata berwajaran (RM)	8.82	8.75
Ketidaktentuan dijangkakan (%)	14.59	14.24
Jangka hayat (tahun)	3 - 5	3 - 5
Kadar risiko bebas (%)	3.24 - 3.64	3.13 - 3.21
Hasil dividen dijangkakan (%)	4.49	5.35

Jangka hayat opsyen saham adalah berdasarkan data masa lalu. Oleh itu ia tidak semestinya menjadi petunjuk kepada corak pelaksanaan yang mungkin berlaku. Ketidaktentuan yang dijangka menunjukkan andaian bahawa sejarah ketidaktentuan adalah petunjuk trend masa depan yang juga tidak semestinya akan berlaku. Tiada ciri-ciri lain dalam penganugerahan opsyen saham diambil kira dalam pengukuran nilai saksama.

(iv) Nilai saksama opsyen saham dianugerahkan pada 30 April 2012

Nilai saksama opsyen saham yang dianugerahkan pada 30 April 2012 telah dianggarkan oleh penilai luar menggunakan model Binomial-Lattice, mengambil kira syarat-syarat dan peraturan-peraturan opsyen yang dianugerahkan. Nilai saksama opsyen saham yang diukur, harga pelaksanaan purata berwajaran dan andaian adalah seperti berikut:

	Sebelum DRP	Selepas DRP
Nilai saksama opsyen saham di bawah Penganugerahan ESOS Kedua:		
- peringkat 1: diletakkan hak pada 7 Mei 2012 (RM)	0.452	0.452
- peringkat 2: diletakkan hak pada 30 April 2013 (RM)	0.486	0.489
- peringkat 3 hingga 5: belum diletakkan hak (RM)	0.502 - 0.529	0.505 - 0.526
Harga pelaksanaan purata berwajaran (RM)	8.83	8.82
Ketidaktentuan dijangkakan (%)	14.11	14.24
Jangka hayat (tahun)	2 - 5	2 - 5
Kadar risiko bebas (%)	3.13 - 3.42	3.12 - 3.27
Hasil dividen dijangkakan (%)	5.49	5.35

Jangka hayat opsyen saham adalah berdasarkan data masa lalu dan tidak semestinya menjadi petunjuk kepada corak pelaksanaan yang mungkin berlaku. Ketidaktentuan yang dijangka menunjukkan andaian bahawa sejarah ketidaktentuan adalah petunjuk trend masa depan yang juga tidak semestinya akan berlaku. Tiada ciri-ciri lain dalam penganugerahan opsyen saham diambil kira dalam pengukuran nilai saksama.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN
- 31 Disember 2013

31. MODAL SAHAM, PEMBAYARAN BERASASKAN SAHAM DAN SAHAM DIPEGANG DALAM AMANAH (SAMB.)

(d) Butiran opsyen saham di bawah ESOS (samb.)

(v) Nilai saksama opsyen saham dianugerahkan pada 30 April 2013

Nilai saksama opsyen saham yang dianugerahkan pada 30 April 2013 telah dianggarkan oleh penilai luar menggunakan model Binomial-Lattice, mengambil kira syarat-syarat dan peraturan-peraturan opsyen yang dianugerahkan. Nilai saksama opsyen saham yang diukur, harga pelaksanaan purata berwajaran dan andaian adalah seperti berikut:

	Sebelum DRP	Selepas DRP
Nilai saksama opsyen saham di bawah Penganugerahan ESOS Ketiga:		
- peringkat 1: diletakkan hak pada 21 Mei 2013 (RM)	0.558	0.558
- peringkat 2 hingga 5: belum diletakkan hak (RM)	0.558 - 0.619	0.598 - 0.628
Harga pelaksanaan purata berwajaran (RM)	9.61	9.58
Ketidaktentuan dijangkakan (%)	13.96	14.28
Jangka hayat (tahun)	1 - 4	1 - 4
Kadar risiko bebas (%)	2.96 - 3.18	3.22 - 3.61
Hasil dividen dijangkakan (%)	5.35	5.40

Jangka hayat opsyen saham adalah berdasarkan data masa lalu dan tidak semestinya menjadi petunjuk kepada corak pelaksanaan yang mungkin berlaku. Ketidaktentuan yang dijangka menunjukkan andaian bahawa sejarah ketidaktentuan adalah petunjuk trend masa depan tetapi ia tidak semestinya akan berlaku. Tiada ciri-ciri lain dalam penganugerahan opsyen saham diambil kira dalam pengukuran nilai saksama.

(e) Butiran RSU

(i) Butiran RSU dianugerahkan

Semua RSU yang dianugerahkan oleh Bank diperuntukkan kepada pengurusan kanan Kumpulan dan Bank yang layak. Butiran RSU yang dianugerahkan adalah seperti berikut:

Tarikh dianugerahkan	Bilangan saham opsyen '000	Nilai saksama RM	Tarikh diletak hak
23.6.2011 - Penganugerahan RSU Pertama	3,690	7.247	Berdasarkan peletakan hak tergantung selama tiga tahun daripada tarikh penganugerahan dan prestasi metrik.
30.4.2012 - Penganugerahan RSU Kedua	4,355	6.902	
30.4.2013 - Penganugerahan RSU Ketiga	4,820	7.732	

Tiada RSU yang dianugerahkan di atas telah diletakkan hak pada 31 Disember 2013.

(ii) Nilai saksama RSU dianugerahkan pada 23 Jun 2011

Nilai saksama RSU yang dianugerahkan pada 23 Jun 2011 telah dianggarkan oleh penilai luar menggunakan model simulasi Monte-Carlo, dengan mengambil kira syarat-syarat dan peraturan-peraturan RSU dianugerahkan. Nilai saksama RSU yang diukur, harga penutup saham pada tarikh kelulusan dan andaian adalah seperti berikut:

Nilai saksama RSU di bawah Penganugerahan RSU Pertama (RM)	7.247
Harga penutup saham pada tarikh penganugerahan (RM)	8.82
Ketidaktentuan dijangkakan (%)	14.59
Tempoh peletakan hak (tahun)	3
Kadar risiko bebas (%)	3.31
Hasil dividen dijangkakan (%)	4.49

Ketidaktentuan yang dijangkakan menunjukkan andaian bahawa sejarah ketidaktentuan adalah petunjuk trend masa depan yang juga tidak semestinya akan berlaku. Tiada ciri-ciri lain opsyen saham diambil kira dalam pengukuran nilai saksama.

(iii) Nilai saksama RSU dianugerahkan pada 30 April 2012

Nilai saksama RSU yang dianugerahkan pada 30 April 2012 telah dianggarkan oleh penilai luar menggunakan model simulasi Monte-Carlo, dengan mengambil kira syarat-syarat dan peraturan-peraturan RSU dianugerahkan. Nilai saksama RSU yang diukur, harga penutup saham pada tarikh kelulusan dan andaian adalah seperti berikut:

Nilai saksama RSU di bawah Penganugerahan RSU Kedua (RM)	6.902
Harga penutup saham pada tarikh penganugerahan (RM)	8.63
Ketidaktentuan dijangkakan (%)	14.11
Tempoh peletakan hak (tahun)	3
Kadar risiko bebas (%)	3.19
Hasil dividen dijangkakan (%)	5.49

Ketidaktentuan yang dijangkakan menunjukkan andaian bahawa sejarah ketidaktentuan adalah petunjuk trend masa depan yang juga tidak semestinya akan berlaku. Tiada ciri-ciri lain opsyen saham diambil kira dalam pengukuran nilai saksama.

(iv) Nilai saksama RSU dianugerahkan pada 30 April 2013

Nilai saksama RSU yang dianugerahkan pada 30 April 2013 telah dianggarkan oleh penilai luar menggunakan model simulasi Monte-Carlo, dengan mengambil kira syarat-syarat dan peraturan-peraturan RSU dianugerahkan. Nilai saksama RSU yang diukur, harga penutup saham pada tarikh kelulusan dan andaian adalah seperti berikut:

Nilai saksama RSU di bawah Penganugerahan RSU Ketiga (RM)	7.732
Harga penutup saham pada tarikh penganugerahan (RM)	9.62
Ketidaktentuan dijangkakan (%)	13.96
Tempoh peletakan hak (tahun)	3
Kadar risiko bebas (%)	3.03
Hasil dividen dijangkakan (%)	5.35

Ketidaktentuan yang dijangkakan menunjukkan andaian bahawa sejarah ketidaktentuan adalah petunjuk trend masa depan yang juga tidak semestinya akan berlaku. Tiada ciri-ciri lain opsyen saham diambil kira dalam pengukuran nilai saksama.

31. MODAL SAHAM, PEMBAYARAN BERASASKAN SAHAM DAN SAHAM DIPEGANG DALAM AMANAH (SAMB.)

(e) Butiran RSU (samb.)

(v) Butiran SRSU dianugerahkan

Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, Bank telah menganugerahkan 15,000 SRSU kepada kumpulan terpilih bagi kakitangan yang layak (31 Disember 2012: 139,000). Sejumlah 121,700 (31 Disember 2012: 37,500) SRSU telah diletakkan hak pada 31 Disember 2013.

Jadual berikut menggambarkan bilangan dan pergerakan SRSU dalam tahun kewangan:

Penganugerahan SRSU

Tarikh penganugerahan	Nilai saksama SRSU (RM)	Baki pada 1.1.2013 '000	Pergerakan dalam tahun kewangan			Baki pada 31.12.2013 '000
			Pelarasan '000	Dianugerahkan '000	Diletakkan hak '000	
1.3.2011	7.513*	209	(41)	-	(84)	84
3.10.2011	7.104*	38	-	-	(38)	-
16.4.2012	7.972	15	-	-	-	15
7.5.2012	7.840	15	-	-	-	15
1.6.2012	7.825	39	-	-	-	39
2.7.2012	7.848	30	-	-	-	30
15.12.2012	8.125	20	-	-	-	20
30.10.2012	8.145	-	20	-	-	20
1.3.2013	8.209	-	-	15	-	15
		366	(21)	15	(122)	238

* Nilai saksama agregat SRSU

Jumlah RSU dianugerahkan kepada pengarah-pengarah Bank pada 31 Disember 2013 dibentangkan di bawah kepentingan pengarah dalam Laporan Para Pengarah.

Nilai saksama SRSU telah dianggarkan oleh penilai luar menggunakan model simulasi Monte-Carlo, dengan mengambil kira terma dan syarat SRSU dianugerahkan. Nilai saksama SRSU yang diukur, harga penutup saham pada tarikh penganugerahan dan andaian adalah seperti berikut:

Keterangan	2011	2012	2013
Nilai saksama SRSU (RM)	7.104 - 7.513*	7.825 - 8.145	8.209
Harga penutup saham pada tarikh penganugerahan (RM)	7.91 - 8.67	8.69 - 9.04	9.10
Ketidaktentuan dijangkakan (%)	15.03 - 16.12	14.12 - 14.92	13.85
Tempoh peletakan hak (tahun)	2 - 3	2	2
Kadar risiko bebas (%)	2.94 - 3.35	2.88 - 3.10	2.98
Hasil dividen dijangkakan (%)	5.35	5.35	5.35

* Nilai saksama agregat SRSU

(f) Butiran CESOS

Bank telah menganugerahkan sejumlah 719,500 CESOS kepada kakitangan layak di cawangan-cawangan luar negara pada 23 Jun 2011 ("Penganugerahan CESOS Pertama"). Pada 30 April 2012, Bank menganugerahkan peringkat kedua CESOS di bawah Penganugerahan CESOS Pertama berjumlah 394,800 sebagai galakkan kepada kenaikan pangkat kakitangan di cawangan-cawangan luar negara. Selain itu, Bank juga menganugerahkan sejumlah peringkat ketiga CESOS di bawah Penganugerahan CESOS Pertama berjumlah 671,600.

Pada 30 April 2012, Bank menganugerahkan peringkat pertama CESOS di bawah Penganugerahan CESOS Kedua berjumlah 554,000 CESOS kepada kakitangan layak di cawangan-cawangan luar negara dan kakitangan yang terpilih dalam PT Bank Internasional Indonesia Tbk. Peringkat kedua CESOS di bawah Penganugerahan CESOS Kedua berjumlah 1,262,800 telah dianugerahkan pada 30 April 2013.

Pada 30 April 2013, Bank menganugerahkan peringkat pertama CESOS di bawah Penganugerahan CESOS Ketiga berjumlah 654,700 kepada kakitangan layak di cawangan-cawangan luar negara dan kakitangan utama yang terpilih dalam PT Bank Internasional Indonesia Tbk.

Jadual berikut menggambarkan bilangan dan pergerakan CESOS di bawah Penganugerahan CESOS Pertama, Penganugerahan CESOS Kedua dan Penganugerahan CESOS Ketiga dalam tahun kewangan:

Penganugerahan CESOS Pertama

Tarikh penganugerahan	Baki pada 1.1.2013 '000	Pergerakan dalam tahun kewangan				Baki pada 31.12.2013 '000
		Dianugerahkan '000	Dilaksanakan '000	Ditarik balik '000	Luput '000	
23.6.2011	653	-	-	(77)	-	576
30.4.2012	373	-	-	(45)	-	328
30.4.2013	-	672	-	(51)	-	621
	1,026	672	-	(173)	-	1,525

Penganugerahan CESOS Kedua

Tarikh penganugerahan	Baki pada 1.1.2013 '000	Pergerakan dalam tahun kewangan					Baki pada 31.12.2013 '000
		Pelarasan '000	Dianugerahkan '000	Dilaksanakan '000	Ditarik balik '000	Luput '000	
23.2.2012	430	590	-	-	(130)	-	890
30.4.2012	114	1	-	-	(18)	-	97
30.4.2013	-	-	1,263	-	(93)	-	1,170
	544	591	1,263	-	(241)	-	2,157

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN
- 31 Disember 2013

31. MODAL SAHAM, PEMBAYARAN BERASASKAN SAHAM DAN SAHAM DIPEGANG DALAM AMANAH (SAMB.)

(f) Butiran CESOS (samb.)

Penganugerahan CESOS Ketiga

Tarikh penganugerahan	Baki pada 1.1.2013 '000	Pergerakan dalam tahun kewangan				Baki pada 31.12.2013 '000
		Dianugerahkan '000	Dilaksanakan '000	Ditarik balik '000	Luput '000	
30.4.2013	-	655	-	(39)	-	616

Tiada CESOS yang dianugerahkan di atas telah diletakkan hak pada 31 Disember 2013.

(g) Butiran CRSU

(i) Butiran CRSU dianugerahkan

Semua CRSU yang dianugerahkan oleh Bank diperuntukkan kepada pengurusan kanan Kumpulan dan Bank yang layak. Butiran CRSU yang dianugerahkan adalah seperti berikut:

Tarikh penganugerahan	Bilangan saham opsyen '000	Nilai saksama RM	Tarikh diletak hak
30.4.2012 - Penganugerahan CRSU Pertama	15	7.732	Berdasarkan peletakan hak tergantung selama tiga tahun daripada tarikh penganugerahan dan prestasi metrik.
30.4.2013 - Penganugerahan CRSU Kedua	185	6.902	

Tiada CRSU yang dianugerahkan di atas telah diletakkan hak pada 31 Disember 2013.

(ii) Nilai saksama CRSU dianugerahkan pada 30 April 2012 dan 30 April 2013

Nilai saksama CRSU yang dianugerahkan pada 30 April 2012 dan 30 April 2013 telah dianggarkan oleh penilai luar menggunakan model simulasi Monte-Carlo, dengan mengambil kira terma dan syarat CRSU dianugerahkan. Nilai saksama CRSU yang diukur, harga penutup saham pada tarikh penganugerahan dan andaian adalah seperti berikut:

	Tarikh penganugerahan	
	Pada 30.4.2013	Pada 30.4.2012
Nilai saksama CRSU (RM)	**7.732**	6.902
Harga penutup saham pada tarikh penganugerahan (RM)	**9.62**	8.63
Ketidaktentuan dijangkakan (%)	**13.96**	14.11
Tempoh peletakan hak (tahun)	**3**	3
Kadar risiko bebas (%)	**3.03**	3.19
Hasil dividen dijangkakan (%)	**5.35**	5.49

32. KEUNTUNGAN TERKUMPUL

(a) Keuntungan terkumpul Kumpulan

Keuntungan terkumpul Kumpulan termasuk lebihan tidak diperuntukkan Bukan-DPF yang tidak boleh diagihkan oleh syarikat subsidiari insurans berikutan semakan semula Garis Panduan Bank Negara Malaysia ("BNM") tentang Pelaporan Kewangan kepada Penginsurans. Lebihan tidak diperuntukkan Bukan-DPF tidak boleh diagih ini hanya boleh diagihkan kepada para pemegang saham berdasarkan jumlah yang dicadangkan oleh Aktuari yang dilantik mengikut Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.

Pecahan keuntungan terkumpul yang boleh diagihkan dan tidak boleh diagihkan di peringkat Kumpulan adalah seperti berikut:

Kumpulan	Lebihan tidak diperuntukkan Bukan-DPF *Tidak Boleh Diagih* RM'000	Keuntungan terkumpul *Boleh Diagih* RM'000	Jumlah keuntungan terkumpul RM'000
Pada 31.12.2013			
Pada 1 Januari 2013			
- seperti dinyatakan sebelum ini	**698,114**	**10,416,892**	**11,115,006**
- kesan penggunaan MFRS 119 (Disemak 2011) (Nota 2.4(x)(a)(i))	**-**	**(10,169)**	**(10,169)**
Pada 1 Januari 2013, seperti dinyatakan semula	**698,114**	**10,406,723**	**11,104,837**
Keuntungan bagi tahun kewangan	**122,703**	**6,429,688**	**6,552,391**
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	**122,703**	**6,429,688**	**6,552,391**
Kesan perubahan dalam struktur korporat dalam Kumpulan	**-**	**(27,839)**	**(27,839)**
Pindahan ke rizab berkanun	**-**	**(1,516,424)**	**(1,516,424)**
Dividen (Nota 46)	**-**	**(4,365,481)**	**(4,365,481)**
Jumlah urus niaga dengan pemegang-pemegang saham	**-**	**(5,909,744)**	**(5,909,744)**
Pada 31 Disember 2013	**820,817**	**10,926,667**	**11,747,484**

32. KEUNTUNGAN TERKUMPUL (SAMB.)

(a) Keuntungan terkumpul Kumpulan (samb.)

Pecahan keuntungan terkumpul yang boleh diagihkan dan tidak boleh diagihkan di peringkat Kumpulan adalah seperti berikut (samb.):

Kumpulan	Lebihan tidak diperuntukkan Bukan-DPF *Tidak Boleh Diagih* RM'000	Keuntungan terkumpul *Boleh Diagih* RM'000	Jumlah keuntungan terkumpul RM'000
Pada 31.12.2012			
Pada 1 Januari 2012			
- seperti dinyatakan sebelum ini	680,446	9,713,321	10,393,767
- kesan penggunaan MFRS 119 (Disemak 2011) (Nota 2.4(x)(a)(i))	-	(11,393)	(11,393)
Pada 1 Januari 2012, seperti dinyatakan semula	680,446	9,701,928	10,382,374
Keuntungan bagi tahun kewangan	136,779	5,609,141	5,745,920
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	136,779	5,609,141	5,745,920
Pindahan daripada lebihan tidak diperuntukkan Bukan DPF berdasarkan cadangan aktuari yang dilantik	(119,111)	119,111	-
Kesan perubahan dalam struktur korporat dalam Kumpulan	-	19,275	19,275
Pindahan ke rizab berkanun	-	(1,097,774)	(1,097,774)
Dividen (Nota 46)	-	(3,944,958)	(3,944,958)
Jumlah urus niaga dengan pemegang saham	(119,111)	(4,904,346)	(5,023,457)
Pada 31 Disember 2012	698,114	10,406,723	11,104,837

(b) Keuntungan terkumpul Bank

(i) Keuntungan terkumpul Bank pada 31 Disember 2013, 31 Disember 2012 dan 1 Januari 2012 adalah keuntungan yang boleh diagihkan.

(ii) Sebelum tahun taksiran 2008, syarikat-syarikat Malaysia telah menerima sepenuhnya sistem imputasi. Menurut Akta Kewangan 2007 yang diwartakan pada 28 Disember 2007, syarikat-syarikat tidak layak untuk mendapat pengurangan cukai ke atas dividen yang dibayar, dikreditkan atau diagihkan kepada para pemegang saham, dan dividen seumpama itu akan dikecualikan cukai di pihak pemegang saham ("sistem peringkat tunggal"). Walau bagaimanapun, tempoh peralihan selama enam tahun yang berakhir pada 31 Disember 2013 diberikan untuk membolehkan syarikat membuat pembayaran dividen yang dikenakan cukai kepada para pemegang saham dalam keadaan yang terhad. Syarikat-syarikat juga mempunyai opsyen yang tidak boleh ditarik balik untuk mengenepikan baki Seksyen 108 dan memilih untuk membayar dividen di bawah sistem peringkat tunggal. Perubahan dalam perundangan cukai juga membolehkan baki Seksyen 108 dikekalkan sehingga 31 Disember 2007 menurut Seksyen 39 Akta Kewangan, 2007.

Bank tidak memilih untuk menggunakan opsyen yang tidak boleh ditarik balik untuk mengenepikan baki Seksyen 108 bagi tahun taksiran 2008 hingga 2012. Sehubungan dengan itu, dalam tempoh peralihan, Bank telah menggunakan baki kredit dalam Seksyen 108 untuk membayar dividen tunai kepada pemegang saham biasa seperti ditetapkan oleh Akta Kewangan 2007. Pada 29 Mei 2013, Bank memilih untuk beralih kepada sistem peringkat tunggal. Baki keuntungan terkumpul selebihnya pada 31 Disember 2013 boleh diagihkan sebagai dividen di bawah sistem peringkat tunggal.

33. RIZAB-RIZAB LAIN

Kumpulan	Nota	Pada 31.12.2013 RM'000	Pada 31.12.2012 (Dinyatakan Semula) RM'000	Pada 1.1.2012 (Dinyatakan Semula) RM'000
Tidak boleh diagihkan:				
Rizab berkanun	(a)	**9,540,136**	8,023,712	6,926,383
Rizab modal	(b)	**14,254**	14,254	15,250
Rizab penilaian semula	(c)	**11,726**	7,986	8,817
Rizab penyamaan keuntungan	(d)	**34,456**	34,456	34,456
Rizab pegangan belum diperoleh	2.3(v)(b)(4)	**(604,112)**	707,690	681,351
Rizab terjemahan matawang	2.3(xx)(c)	**(2,727,793)**	(1,876,684)	(969,382)
Rizab ESS	2.3(xxvii)(c)	**278,231**	226,142	127,317
Rizab pelan manfaat	2.3(xxvii)(d)	**(82,033)**	(124,322)	(108,187)
		6,464,865	7,013,234	6,716,005

Bank	Nota	Pada 31.12.2013 RM'000	Pada 31.12.2012 RM'000	Pada 1.1.2012 RM'000
Tidak boleh diagihkan:				
Rizab berkanun	(a)	**9,026,745**	7,805,342	6,728,866
Rizab pegangan belum diperoleh	2.3(v)(b)(4)	**(653,690)**	393,286	417,205
Rizab terjemahan matawang	2.3(xx)(c)	**585,214**	313,768	227,772
Rizab ESS	2.3(xxvii)(c)	**278,231**	226,142	127,317
		9,236,500	8,738,538	7,501,160

(a) Rizab berkanun dikekalkan dalam pematuhan terhadap keperluan BNM dan Bank-bank Pusat tertentu di mana Kumpulan dan Bank beroperasi dan tidak boleh diagihkan sebagai dividen tunai.

(b) Rizab modal Kumpulan timbul daripada permodalan terbitan bonus dalam syarikat-syarikat subsidiari tertentu pada tahun sebelumnya.

(c) Rizab penilaian semula berkaitan dengan pemindahan hartanah yang diduduki sendiri kepada hartanah pelaburan berdasarkan perubahan niat.

(d) Rizab Penyamaan Keuntungan ("PER") Institusi Perbankan Islam ("IBI") dikelaskan sebagai rizab berasingan dalam ekuiti seperti mana Garis Panduan Semakan Semula BNM mengenai Rizab Penyamaan Keuntungan yang diterbitkan pada 1 Julai 2012.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN
- 31 Disember 2013

34. HASIL OPERASI

Hasil operasi Kumpulan meliputi kesemua jenis hasil yang diperoleh daripada perniagaan perbankan, pendapatan daripada operasi Skim Perbankan Islam ("SPI"), kewangan, perbankan pelaburan, insurans am dan insurans hayat (termasuk takaful), pembrokeran saham, pemajakan dan pemfaktoran, perkhidmatan pemegang amanah dan penamaan, pengurusan aset dan modal teroka tetapi tidak termasuk semua urus niaga antara syarikat-syarikat berkaitan.

Hasil operasi Bank meliputi pendapatan faedah kasar, yuran kasar dan pendapatan komisen kasar, pendapatan pelaburan, dividen kasar dan pendapatan lain yang diperoleh daripada operasi perbankan dan kewangan.

Hasil operasi meliputi yang berikut:

	Nota	Kumpulan		Bank	
		1.1.2013 hingga 31.12.2013	1.1.2012 hingga 31.12.2012 (Dinyatakan semula)	1.1.2013 hingga 31.12.2013	1.1.2012 hingga 31.12.2012
		RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pendapatan faedah	35	**16,306,471**	15,651,709	**11,744,776**	11,194,494
Pendapatan boleh diagih kasar daripada operasi SPI	57(b)	**4,489,860**	3,487,402	**-**	-
Pendapatan diperoleh daripada pelaburan Dana Perbankan Islam	57(b)	**318,017**	310,838	**-**	-
Premium diperoleh bersih	37	**3,941,346**	4,517,969	**-**	-
Pendapatan faedah atas derivatif*		**2,393,878**	2,032,103	**2,376,508**	2,022,762
Pendapatan bukan faedah	38	**5,882,062**	5,328,710	**4,684,117**	3,932,215
Tidak termasuk hasil bukan operasi yang meliputi item berikut:					
- Kerugian/(keuntungan) atas pelupusan/pembubaran syarikat-syarikat subsidiari	38	**9,338**	(806)	**(1,184)**	(341)
- Keuntungan atas pelupusan/pembubaran syarikat bersekutu	38	**-**	(8,989)	**(24,667)**	-
- Pendapatan sewa	38	**(38,153)**	(42,930)	**(23,175)**	(23,067)
- Keuntungan atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan	38	**(4,303)**	(7,638)	**(2,499)**	(4,928)
- Pendapatan bukan operasi lain	38	**(47,739)**	(41,138)	**(30,842)**	(41,674)
		5,801,205	5,227,209	**4,601,750**	3,862,205
Hasil operasi		**33,250,777**	31,227,230	**18,723,034**	17,079,461

* Pendapatan faedah atas derivatif membentuk sebahagian faedah bersih atas derivatif seperti mana dinyatakan dalam Nota 36.

35. PENDAPATAN FAEDAH

	Kumpulan		Bank	
	1.1.2013 hingga 31.12.2013	1.1.2012 hingga 31.12.2012 (Dinyatakan semula)	1.1.2013 hingga 31.12.2013	1.1.2012 hingga 31.12.2012
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	**12,913,228**	12,338,824	**9,189,785**	8,888,091
Wang panggilan, deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan	**606,921**	573,167	**739,917**	540,712
Aset kewangan dibeli di bawah perjanjian jualan balik	**10,958**	3,835	**1,809**	1,508
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	**675,163**	684,174	**71,890**	89,337
Pelaburan kewangan tersedia untuk dijual	**2,072,035**	1,636,381	**1,706,857**	1,305,724
Pelaburan kewangan dipegang hingga matang	**104,637**	294,653	**101,759**	240,699
	16,382,942	15,531,034	**11,812,017**	11,066,071
(Pelunasan premium)/pertambahan diskaun, bersih	**(76,471)**	120,675	**(67,241)**	128,423
	16,306,471	15,651,709	**11,744,776**	11,194,494

Termasuk dalam pendapatan faedah bagi tahun kewangan semasa adalah faedah daripada aset rosot nilai berjumlah kira-kira RM149,347,000 (1 Januari 2012 hingga 31 Disember 2012: RM145,373,000) bagi Kumpulan dan RM117,375,000 (1 Januari 2012 hingga 31 Disember 2012: RM111,339,000) bagi Bank.

36. PERBELANJAAN FAEDAH

	Kumpulan		Bank	
	1.1.2013 hingga 31.12.2013	1.1.2012 hingga 31.12.2012 (Dinyatakan semula)	1.1.2013 hingga 31.12.2013	1.1.2012 hingga 31.12.2012
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan	**280,692**	511,490	**301,250**	505,239
Deposit daripada pelanggan	**5,158,190**	4,537,757	**3,872,671**	3,494,521
Sijil deposit kadar boleh ubah	**22,645**	9,477	**22,645**	9,477
Pinjaman	**432,379**	389,155	**152,333**	134,435
Nota subordinat	**482,643**	429,075	**391,887**	355,246
Bon subordinat	**35,955**	91,374	**27,762**	91,374
Sekuriti modal	**384,562**	401,286	**402,101**	401,286
- 31 Disember 2013

49. PENGUKURAN NILAI SAKSAMA (SAMB.)

(e) Pergerakan instrumen-instrumen Tahap 3 (samb.)

Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, Kumpulan memindahkan pelaburan kewangan AFS tertentu daripada Tahap 2 ke dalam Tahap 3 hierarki nilai saksama. Sebab pindahan tersebut adalah bahawa input kepada model penilaian sudah tidak lagi boleh diperhatikan. Sebelum pindahan itu, nilai saksama instrumen ditentukan menggunakan urus niaga pasaran diperhati atau menggunakan sebut harga broker bagi instrumen yang sama atau serupa. Sejak pindahan itu, instrumen-instrumen tersebut telah dinilai menggunakan model penilaian yang memasukkan input pasaran tidak diperhati.

Kumpulan dan Bank juga memindahkan pelaburan kewangan AFS daripada Tahap 3 disebabkan pasaran untuk beberapa sekuriti menjadi lebih cair, yang menjurus kepada perubahan dalam kaedah yang digunakan untuk menentukan nilai saksama. Sebelum pindahan itu, nilai saksama instrumen ditentukan menggunakan urus niaga pasaran tidak diperhati atau sebut harga pihak bertentangan. Sejak pindahan itu, instrumen-instrumen tersebut telah dinilai menggunakan model penilaian yang memasukkan input pasaran diperhati ketara.

(f) Sensitiviti ukuran nilai saksama kepada perubahan dalam andaian input tidak diperhati

Mengubah satu atau lebih input kepada alternatif andaian yang munasabah tidak akan mengubah nilai dengan ketara bagi aset kewangan dan liabiliti kewangan dalam Tahap 3 hierarki nilai saksama.

(g) Instrumen kewangan tidak diukur pada nilai saksama

Dalam penyata kedudukan kewangan aset dan liabiliti kewangan Kumpulan dan Bank yang mana nilai saksama perlu dinyatakan sejajar dengan MFRS 132, mengandungi kesemua aset dan liabiliti kecuali pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari, kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama, hartanah, loji dan peralatan dan peruntukan cukai semasa dan cukai tertunda.

Bagi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kepada pelanggan, yang mana harga pasaran tidak tersedia, pelbagai kaedah telah digunakan untuk menganggar nilai saksama bagi instrumen seumpama itu. Kaedah ini secara ketara dipengaruhi oleh andaian yang digunakan dan keputusan yang dibuat berkaitan ciri-ciri risiko pelbagai instrumen kewangan, kadar diskaun, jangkaan aliran tunai masa depan, jangkaan kerugian masa depan dan faktor-faktor lain. Perubahan dalam andaian akan mengubah dengan ketara jangkaan-jangkaan ini dan anggaran-anggaran nilai saksama yang berkenaan. Oleh yang demikian, untuk sebahagian besar instrumen kewangan Kumpulan dan Bank, termasuk pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kepada pelanggan, andaian nilai saksamanya tidak mewakili atau dilihat mewakili jumlah yang boleh diperoleh oleh Kumpulan dan Bank dalam urus niaga jualan pada tarikh pelaporan. Maklumat nilai saksama yang dibentangkan di sini juga tidak harus ditafsirkan sebagai mewakili nilai sandaran Kumpulan dan Bank yang berada dalam keadaan yang mampu beroperasi.

Nilai saksama yang dianggarkan bagi kesemua aset dan liabiliti kewangan di dalam lembaran imbangan pada tarikh pelaporan menyamai nilai bawaannya seperti yang ditunjukkan dalam penyata kedudukan kewangan, kecuali aset dan liabiliti kewangan yang dinyatakan di bawah.

Jadual di bawah menganalisis instrumen-instrumen kewangan yang tidak dibawa pada nilai saksama yang mana nilai saksama dinyatakan, bersama-sama dengan nilai saksamanya dan jumlah bawaan yang ditunjukkan dalam penyata kedudukan kewangan:

Kumpulan	Tahap 1 RM'000	Tahap 2 RM'000	Tahap 3 RM'000	Jumlah nilai saksama RM'000	Jumlah bawaan RM'000
Pada 31.12.2013					
Aset-aset kewangan					
Pelaburan kewangan dipegang hingga matang	**-**	**3,686,353**	**1,942,984**	**5,629,337**	**5,668,174**
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	**-**	**133,962,752**	**235,333,964**	**369,296,716**	**355,617,527**
Liabiliti-liabiliti kewangan					
Deposit-deposit daripada pelanggan-pelanggan	**-**	**377,597,935**	**18,562,882**	**396,160,817**	**395,610,810**
Deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan	**-**	**41,024,695**	**881,755**	**41,906,450**	**42,139,081**
Kewajipan atas pinjaman dan pembiayaan dijual kepada Cagamas	**-**	**1,285,105**	**-**	**1,285,105**	**1,277,269**
Pinjaman	**-**	**11,404,835**	**2,292,492**	**13,697,327**	**13,321,805**
Tanggungan subordinat	**-**	**12,147,899**	**495,305**	**12,643,204**	**12,644,576**
Sekuriti modal	**-**	**7,166,051**	**-**	**7,166,051**	**5,920,909**
Pada 31.12.2012					
Aset-aset kewangan					
Pelaburan kewangan dipegang hingga matang	-	1,887,347	998,544	2,885,891	2,870,768
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	-	121,191,993	196,562,562	317,754,555	311,824,735
Liabiliti-liabiliti kewangan					
Deposit-deposit daripada pelanggan-pelanggan	-	327,025,953	20,454,089	347,480,042	347,155,510
Deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan	-	33,856,356	-	33,856,356	33,887,376
Kewajipan atas pinjaman dan pembiayaan dijual kepada Cagamas	-	1,629,629	-	1,629,629	1,592,974
Pinjaman	-	9,490,487	1,691,115	11,181,602	10,714,266
Tanggungan subordinat	-	13,824,393	-	13,824,393	13,510,041
Sekuriti modal	-	7,607,442	-	7,607,442	6,150,351

49. PENGUKURAN NILAI SAKSAMA (SAMB.)

(g) Instrumen kewangan tidak diukur pada nilai saksama (samb.)

Jadual di bawah menganalisis instrumen-instrumen kewangan yang tidak dibawa pada nilai saksama yang mana nilai saksama dinyatakan, bersama-sama dengan nilai saksamanya dan nilai bawaan yang ditunjukkan dalam penyata kedudukan kewangan (samb.):

Bank	Tahap 1 RM'000	Tahap 2 RM'000	Tahap 3 RM'000	Jumlah nilai saksama RM'000	Nilai bawaan RM'000
Pada 31.12.2013					
Aset-aset kewangan					
Pelaburan kewangan dipegang hingga matang	-	**3,626,398**	**1,688,916**	**5,315,314**	**5,354,097**
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	-	**72,240,354**	**175,635,756**	**247,876,110**	**237,971,279**
Liabiliti-liabiliti kewangan					
Deposit-deposit daripada pelanggan-pelanggan	-	**256,814,334**	**17,018,609**	**273,832,943**	**273,670,380**
Deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan	-	**37,356,162**	-	**37,356,162**	**37,582,577**
Kewajipan atas pinjaman dan pembiayaan dijual kepada Cagamas	-	**664,129**	-	**664,129**	**656,293**
Pinjaman	-	**9,658,648**	-	**9,658,648**	**9,318,389**
Tanggungan subordinat	-	**10,401,981**	-	**10,401,981**	**10,404,418**
Sekuriti modal	-	**7,453,765**	-	**7,453,765**	**6,208,623**
Pada 31.12.2012					
Aset-aset kewangan					
Pelaburan kewangan dipegang hingga matang	-	1,887,347	681,410	2,568,757	2,556,849
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	-	76,703,499	140,904,338	217,607,837	214,852,046
Liabiliti-liabiliti kewangan					
Deposit-deposit daripada pelanggan-pelanggan	-	218,117,675	19,374,876	237,492,551	237,402,079
Deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan	-	29,172,440	-	29,172,440	29,198,776
Kewajipan atas pinjaman dan pembiayaan dijual kepada Cagamas	-	713,085	-	713,085	687,793
Pinjaman	-	7,791,516	-	7,791,516	7,382,719
Tanggungan subordinat	-	11,892,418	-	11,892,418	11,638,850
Sekuriti modal	-	7,607,442	-	7,607,442	6,150,351

Kaedah-kaedah dan andaian-andaian berikut digunakan untuk menganggar nilai saksama kelas-kelas instrumen kewangan berikut:

(i) Pelaburan kewangan dipegang hingga matang ("HTM")

Nilai saksama sekuriti diniagakan secara aktif adalah ditentukan oleh sebut harga bidaan. Bagi sekuriti yang tidak aktif diniagakan, sebut harga broker bebas akan diperoleh. Nilai saksama sekuriti ekuiti dianggarkan menggunakan beberapa kaedah, termasuk gandaan pendapatan dan analisis aliran tunai terdiskaun. Jika teknik pendiskaunan aliran tunai digunakan, anggaran aliran tunai masa depan akan didiskaunkan menggunakan kadar pasaran atau kadar indikatif instrumen yang sama pada tarikh pelaporan.

(ii) Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan

Nilai saksama bagi pinjaman terapung pelbagai dianggarkan menyamai nilai bawaannya. Bagi pinjaman berkadar tetap dan pembiayaan Islam, nilai saksama dianggarkan berdasarkan jangkaan aliran tunai pembayaran ansuran masa depan, didiskaun berasaskan kadar diskaun semasa ditawarkan pada tarikh pelaporan untuk kemudahan kepada peminjam-peminjam baru yang sama profil kreditnya. Bagi pinjaman dirosot nilai, nilai saksama menyamai nilai bawaannya yang merupakan peruntukan rosot nilai bersih.

(iii) Deposit-deposit daripada pelanggan-pelanggan, deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan

Nilai saksama deposit perlu dibayar atas permintaan serta deposit dan penempatan dengan tempoh matang kurang daripada satu tahun menyamai nilai bawaan kerana instrumen-instrumen ini mempunyai tempoh matang yang pendek. Nilai saksama deposit tetap dan penempatan dengan baki tempoh matang lebih daripada satu tahun ditentukan berdasarkan anggaran aliran tunai yang didiskaun menggunakan kadar diterima pakai bagi deposit dan penempatan yang baki tempoh matangnya sama. Nilai saksama deposit Islamik dianggarkan menyamai nilai bawaan kerana kadar keuntungan ditentukan pada akhir tempoh pegangannya berdasarkan untung sebenar yang terjana daripada aset-aset yang dilaburkan.

(iv) Kewajipan atas pinjaman dan pembiayaan dijual kepada Cagamas

Nilai saksama bagi tanggungan ke atas pinjaman perumahan dan sewa beli yang dijual kepada Cagamas ditentukan berdasarkan aliran tunai bayaran ansuran pada masa hadapan didiskaun mengikut kadar lazim Cagamas pada tarikh pelaporan.

(v) Tanggungan subordinat dan pinjaman

Nilai saksama sekuriti modal dianggarkan secara mendiskaunkan anggaran aliran tunai masa depan menggunakan kadar faedah lazim yang diterima pakai bagi sekuriti-sekuriti pada tarikh pelaporan.

50. KOMITMEN MODAL DAN KOMITMEN LAIN

(a) Perbelanjaan modal diluluskan oleh pengarah tetapi tidak dinyatakan dalam penyata kedudukan kewangan berjumlah:

	Kumpulan		Bank	
	Pada 31.12.2013 RM'000	Pada 31.12.2012 RM'000	Pada 31.12.2013 RM'000	Pada 31.12.2012 RM'000
Diluluskan dan dikontrakkan	**275,135**	131,324	**223,322**	102,111
Diluluskan tetapi tidak dikontrakkan	**542,513**	746,042	**515,349**	736,476
	817,648	877,366	**738,671**	838,587

(b) Modal saham terbitan sebuah syarikat subsidiari yang belum dipanggil:

Bank	Pada 31.12.2013 RM'000	Pada 31.12.2012 RM'000
Modal saham belum dipanggil	**150**	150

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN
- 31 Disember 2013

51. PENGURUSAN MODAL

Pendekatan Kumpulan terhadap pengurusan modal didorong oleh objektif strategiknya dan mengambil kira semua kawal selia, ekonomi dan persekitaran komersil yang berkaitan di mana Kumpulan beroperasi. Kumpulan menganggap mempunyai kedudukan modal yang kukuh adalah penting untuk strategi perniagaan dan kedudukan kompetitif Kumpulan. Oleh itu, implikasi ke atas kedudukan modal Kumpulan diambil kira oleh Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan sebelum melaksanakan keputusan perniagaan utama bagi memelihara keutuhan modal keseluruhan Kumpulan.

Dasar pengurusan dan perancang modal Kumpulan adalah mempelbagaikan sumber modalnya; untuk memperuntukkan dan menggunakan kecekapan modal dibimbing oleh keperluan untuk mengekalkan satu hubungan berhemat antara modal tersedia dan risiko-risiko perniagaan asas dan yang memenuhi jangkaan pemegang saham utama, termasuk pelabur, pengawal selia dan agensi penarafan. Sebagai tambahan, dasar ini diterima pakai dengan tujuan untuk:

- Memastikan nisbah kecukupan modal yang mencukupi pada setiap masa, pada tahap yang melebihi keperluan minimum kawal selia di seluruh Kumpulan;
- Menyokong penarafan kredit Kumpulan daripada agensi penarafan tempatan dan asing;
- Memperuntukkan dan menggunakan modal kepada perniagaan untuk menyokong objektif strategik Kumpulan dan mengoptimumkan pulangan atas modal;
- Kekal fleksibel untuk mengambil kesempatan daripada peluang pada masa depan; dan
- Membina dan melabur dalam perniagaan, walaupun dalam persekitaran yang tertekan.

Kualiti dan komposisi modal adalah faktor utama dalam penilaian oleh Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan terhadap kedudukan kecukupan modal Kumpulan. Kumpulan memberikan penekanan yang kuat pada kualiti modal dan, demikian memegang sejumlah besar modal dalam bentuk ekuiti biasa yang kekal dan mempunyai keupayaan penyerapan kerugian yang tertinggi pada dasar secara berterusan.

Pengurusan modal Kumpulan dipandukan oleh Rangka Kerja Pengurusan Modal Kumpulan untuk memastikan dasar dan prosedur pengurusan modal yang konsisten dan selari di seluruh Kumpulan.

Rangka Kerja Pengurusan Modal Kumpulan juga dilengkapi dengan Pelan Modal Tahunan Kumpulan untuk memudahkan tahap dan penggunaan modal yang berkesan di seluruh Kumpulan. Pelan ini dikemas kini setiap tahun yang meliputi sekurang-kurangnya untuk tempoh tiga tahun dan diluluskan untuk pelaksanaan oleh Lembaga Pengarah pada permulaan setiap tahun kewangan. Pelan Modal Tahunan Kumpulan disemak oleh Lembaga Pengarah setiap setengah tahun bagi tujuan mengikut perkembangan terkini berhubung pengurusan modal dan untuk memastikan pelaksanaan pelan yang berkesan dan tepat pada masanya.

Pada 28 November 2012, BNM mengeluarkan garis panduan yang dikemas kini untuk Rangka Kerja Kecukupan Modal (Komponen Modal) dan Rangka Kerja Kecukupan Modal bagi Bank-Bank Islam (Komponen Modal) tentang pengiraan modal dan nisbah kecukupan modal, masing-masing untuk bank-bank konvensional dan Islam bermula dari 1 Januari 2013.

Di bawah garis panduan BNM yang dikemas kini bagi Rangka Kerja Kecukupan Modal itu, institusi-institusi perbankan kini diperlukan untuk mengekalkan kuantiti dan kualiti modal minimum yang lebih tinggi, tetapi keperluan ini akan tertakluk kepada rangkaian penyusunan peralihan dan akan dijarakkan sepanjang satu tempoh masa, bermula tahun 2013 dan akan sepenuhnya berkuat kuasa menjelang 2019. BNM juga menjangkakan untuk memperkenalkan keperluan imbalan modal tambahan yang akan merangkumi Imbalan Pemulihan Modal sebanyak 2.5% daripada jumlah RWA dan Imbalan Modal Berlawanan Ulangan dalam jajaran antara 0% - 2.5% daripada jumlah RWA. Panduan selanjutnya tentang keperluan imbalan modal akan diumumkan oleh BNM sebelum 2016 berhubung pendekatan dan operasi pengiraannya.

Dengan institusi perbankan di Malaysia berkembang untuk menjadi pemain serantau yang utama dan penting secara sistematik, BNM akan menilai di masa akan datang berhubung keperluan untuk institusi-institusi perbankan besar memasukkan 1% - 3.5% sebagai penampan modal tambahan, sejajar dengan saiz mereka, had aktiviti dan kompleksiti operasi silang sempadan.

Kesan penggunaan garis panduan BNM yang dikemas kini bagi Rangka Kerja Kecukupan Modal berhubung nisbah kecukupan modal Kumpulan dan Bank pada 31 Disember 2012 dinyatakan dalam Nota 53(f).

Dalam usaha Bank mencapai kedudukan modal yang cekap dan sihat, Bank telah melaksanakan DRP semasa dan pilihan yang membenarkan pemegang saham Bank untuk melabur semula bahagian boleh pilih dividen mereka di dalam saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham dalam Bank. DRP adalah sebahagian daripada strategi Bank untuk mengekalkan modal ekuiti sebagai memenuhi keperluan kawal selia serta untuk mengembangkan perniagaannya sementara memberikan pendapatan dividen yang baik kepada pemegang saham. Maklumat terperinci mengenai DRP dinyatakan dalam Nota 31(b) dan pembayaran dividen dinyatakan dalam Nota 46.

52. PROSES PENILAIAN KECUKUPAN MODAL DALAMAN ("ICAAP")

(a) Am

Kecukupan modal keseluruhan Kumpulan berkaitan risiko profilnya dinilai menerusi proses yang dinyatakan dalam ICAAP. Garis panduan ICAAP telah dimuktamadkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan telah dilaksanakan dalam organisasi untuk memastikan semua risiko material dikenal pasti, diukur dan dilaporkan, serta tahap modal yang cukup konsisten dengan profil risiko yang ada.

Selari dengan Garis Panduan BNM tentang ICAAP, ICAAP Kumpulan menyepadukan risiko dan proses penilaian modal. Garis panduan ICAAP direka untuk memastikan tahap kecukupan modal, termasuk penampan modal, dimiliki untuk menyokong permintaan Kumpulan modal semasa dan anggaran mengikut persekitaran semasa serta di bawah keadaan tekanan. Laporan biasa ICAAP dikemukakan kepada Jawatankuasa Risiko Eksekutif dan Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko bagi tinjauan lengkap merangkumi semua risiko material oleh Kumpulan dan penilaian terhadap kecukupan modal untuk menyokongnya.

(b) Penilaian risiko lengkap di bawah garis panduan ICAAP

Di bawah kaedah ICAAP Kumpulan, jenis risiko berikut telah dikenal pasti dan diukur:

- Risiko di bawah Tunggak 1 (risiko kredit, risiko pasaran dan risiko operasi);
- Risiko tidak dikenal pasti di bawah Tunggak 1 (contoh, risiko model);
- Risiko tidak diambil kira di bawah Tunggak 1 (contoh, risiko kadar faedah dalam buku perbankan, risiko kecairan, risiko perniagaan/ strategik, risiko reputasi dan risiko tumpuan kredit); dan
- Faktor luaran, termasuk perubahan dalam persekitaran ekonomi, kawal selia dan peraturan perakaunan.

Sejajar dengan amalan terbaik industri, Kumpulan mengukur risikonya menggunakan kaedah yang telah diuji dan akan diterima oleh industri.

Di mana risiko tidak boleh diukur dengan mudah disebabkan oleh berikutan tiadanya teknik pengukuran risiko yang kekurangan diterima umum, pertimbangan pakar-pakar digunakan untuk menentukan saiz risiko. Fokus ICAAP Kumpulan adalah terhadap kawalan kualitatif dalam menguruskan risiko sedemikian. Ukuran kualitatif ini termasuk yang berikut:

- Proses tadbir urus yang mencukupi;
- Sistem, prosedur dan kawalan dalaman yang mencukupi;
- Strategi mengurangkan risiko yang berkesan; dan
- Pemantauan dan pelaporan yang kerap.

(c) Ujian tekanan yang kerap

Program ujian tekanan Kumpulan dimasukkan ke dalam proses pengurusan risiko dan modal. Ia adalah bidang tumpuan utama ketika proses perancangan modal dan perancangan perniagaan. Program-program berkenaan menjadi alat pengurusan risiko dan modal untuk memahami profil risiko di bawah persekitaran yang keterlaluan tetapi mampu dikawal. Persekitaran berkenaan mungkin berpunca daripada faktor ekonomi, politik dan persekitaran.

Di bawah Garis Panduan Ujian Tekanan Kumpulan Maybank yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah, potensi kesan yang tidak menggalakkan senario tekanan ke atas keuntungan, kualiti aset, aset berwajaran risiko dan kecukupan modal Kumpulan telah dipertimbangkan.

Program ujian tekanan direka terutamanya untuk:

- Menyerlahkan peristiwa tekanan dinamik dan kesan potensinya terhadap urus niaga Kumpulan dan pendedahan buku perbankan, kedudukan kecairan dan kemungkinan kesan reputasi;
- Menyediakan kesan tekanan sebagai input dalam ICAAP Kumpulan dalam menentukan kecukupan modal dan penampanan modal; dan
- Mengenal pasti strategi utama proaktif untuk mengurangkan kesan ketika berlakunya tekanan.

Tema ujian tekanan disemak oleh Kumpulan Kerja Ujian Tekanan sebelum ini antara lainnya termasuk kesan penguncupan Peringanan Kuantitatif Rizab Persekutuan, penurunan penarafan berdaulat, ekonomi China yang perlahan, berulangnya krisis kewangan Asia, penurunan dolar Amerika, wabak selesema, kejatuhan harga aset, kenaikan kadar faedah, senario kemelesetan berganda global, bencana alam di Jepun, kenaikan harga minyak mentah, krisis zon Euro dan krisis hutang AS.

Kumpulan Kerja Ujian Tekanan yang terdiri daripada kumpulan pengurusan perniagaan dan risiko, membentangkan laporan ujian tekanan kepada jawatankuasa Pengurusan Kanan dan Lembaga serta membincangkan keputusannya dengan pengawal selia dari masa ke semasa.

53. KECUKUPAN MODAL

(a) Pematuhan dan aplikasi nisbah kecukupan modal

Nisbah kecukupan modal Kumpulan dan Bank dikira menurut garis panduan BNM yang dikemas kini bagi Rangka Kerja Kecukupan Modal (Komponen Modal) dan Rangka Kerja kecukupan Modal (Basel II – Aset Berwajaran Risiko) yang dikeluarkan pada 28 November 2012. Jumlah RWA dikira berdasarkan pendekatan berikut:

(A) Risiko kredit di bawah Pendekatan Berasaskan Penarafan Dalaman;
(B) Risiko pasaran di bawah Pendekatan Standard; dan
(C) Risiko Operasi di bawah Pendekatan Petunjuk Asas.

Keperluan kecukupan modal kawal selia minimum bagi CET1, Tahap 1 dan Jumlah Modal adalah 3.5%, 4.5% dan 8% daripada jumlah RWA.

Pada asas tahap entiti, pengiraan nisbah kecukupan modal syarikat-syarikat subsidiari Bank adalah seperti berikut:

(i) Bagi Maybank Islamic Berhad, pengiraan nisbah kecukupan modal adalah berdasarkan garis panduan bagi Rangka Kerja Kecukupan Modal bagi Bank Islam (Komponen Modal) dan Ragka Kerja Kecukupan Modal bagi Bank Islam (Aset Berwajaran Risiko) oleh BNM yang dikemas kini dan dikeluarkan pada 28 November 2012. Jumlah RWA dikira berdasarkan pendekatan berikut:

(A) Risiko kredit di bawah Pendekatan Berasaskan Penarafan Dalaman;
(B) Risiko pasaran di bawah Pendekatan Standard; dan
(C) Risiko Operasi di bawah Pendekatan Petunjuk Asas.

Keperluan kecukupan modal kawal selia minimum bagi CET1, Tahap 1 dan Jumlah Modal adalah 3.5%, 4.5% dan 8% daripada jumlah RWA.

(ii) Bagi Maybank Investment Bank Berhad, pengiraan nisbah kecukupan modal adalah berdasarkan garis panduan bagi Rangka Kerja Kecukupan Modal (Komponen Modal) dan Ragka Kerja Kecukupan Modal (Basel II - Aset Berwajaran Risiko) oleh BNM yang dikemas kini dan dikeluarkan pada 28 November 2012. Jumlah RWA dikira berdasarkan pendekatan berikut:

(A) Risiko kredit di bawah Pendekatan Standard;
(B) Risiko pasaran di bawah Pendekatan Standard; dan
(C) Risiko Operasi di bawah Pendekatan Petunjuk Asas.

Keperluan kecukupan modal kawal selia minimum bagi CET1, Tahap 1 dan Jumlah Modal adalah 3.5%, 4.5% dan 8% daripada jumlah RWA.

(iii) Bagi PT Bank Internasional Indonesia Tbk, pengiraan nisbah kecukupan modal adalah menurut keperluan tempatan, yang berdasarkan perjanjian modal Basel II. Jumlah RWA dikira berdasarkan pendekatan berikut:

(A) Risiko kredit di bawah Pendekatan Standard;
(B) Risiko pasaran di bawah Pendekatan Standard; dan
(C) Risiko Operasi di bawah Pendekatan Petunjuk Asas.

Keperluan kecukupan modal kawal selia minimum bagi PT Bank Internasional Indonesia Tbk adalah 9% - 10% daripada jumlah RWA.

(b) Nisbah kecukupan modal Kumpulan dan Bank

Pendedahan kecukupan modal berkaitan dengan tarikh sebelum 1 Januari 2013 dikira dengan Rangka Kerja Kecukupan Modal Berwajaran Risiko pada masa itu dan oleh itu tidak boleh dibandingkan secara langsung dengan yang mana berkaitan selepas 31 Disember 2013 yang dikira menurut garis panduan bagi Rangka Kerja Kecukupan Modal (Komponen Modal) dan Rangka Kerja Kecukupan Modal bagi Bank Islam (Komponen Modal) yang dikemas kini oleh BNM.

Berkuat kuasa dari 30 Jun 2013, jumlah dividen yang dicadangkan ditolak dalam pengiraan Modal CET1 di bawah DRP akan ditentukan menurut Panduan Pelaksanaan berhubung Rangka Kerja Kecukupan Modal (Komponen Modal) ("Panduan Pelaksanaan") oleh BNM yang dikeluarkan pada 8 Mei 2013. Di bawah Panduan Pelaksanaan, di mana sebahagian daripada dividen boleh dilabur semula di bawah DRP (bahagian boleh pilih), jumlah dividen diisytiharkan untuk ditolak dalam pengiraan Modal CET 1 boleh dikurangkan seperti berikut:

(i) di mana persetujuan bertulis tidak boleh ditarik balik daripada pemegang saham telah diperoleh untuk melabur semula bahagian boleh pilih dividen itu; atau

(ii) di mana tiada persetujuan bertulis tidak boleh ubah disediakan, purata kadar penerimaan 3-tahun terdahulu tertakluk kepada jumlah tidak melebihi 50% daripada jumlah bahagian boleh pilih dividen itu.

Di samping itu, bahagian tunai dividen diumumkan akan ditolak dalam pengiraan CET1.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, Lembaga Pengarah telah mencadangkan pembayaran akhir dividen peringkat tunggal sebanyak 31 sen sesaham biasa bernilai RM1.00 sesaham, yang terdiri daripada bahagian tunai sebanyak 4 sen dan satu bahagian boleh pilih sebanyak 27 sen sesaham biasa. Bahagian boleh pilih itu boleh dipilih untuk dilabur semula oleh pemegang saham dalam Saham Maybank baru menurut DRP seperti yang dinyatakan dalam Nota 31(b).

Berdasarkan kepada kenyataan di atas, nisbah kecukupan modal Kumpulan dan Bank adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Bank	
	Pada 31.12.2013	**Pada 31.12.2012**	**Pada 31.12.2013**	**Pada 31.12.2012**
Nisbah Modal CET1	**11.253%**	-	**15.925%**	-
Nisbah Modal tahap 1	**13.059%**	-	**15.925%**	-
Jumlah Nisbah Modal	**15.664%**	-	**15.925%**	-
Sebelum ditolak dividen yang dicadangkan:				
Nisbah Modal Teras	-	13.66%	-	17.43%
Nisbah Modal Berwajaran Risiko	-	17.47%	-	17.43%
Selepas ditolak dividen yang dicadangkan:				
Nisbah Modal Teras				
- bahagian boleh pilih penuh dibayar tunai	-	12.81%	-	16.27%
- bahagian boleh pilih penuh dilabur semula	-	13.54%	-	17.27%
Nisbah Modal Berwajaran Risiko				
- bahagian boleh pilih penuh dibayar tunai	-	16.62%	-	16.27%
- bahagian boleh pilih penuh dilabur semula	-	17.35%	-	17.27%

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN
- 31 Disember 2013

53. KECUKUPAN MODAL (SAMB.)

(c) Komponen modal:

	Kumpulan RM'000	Bank RM'000
Pada 31.12.2013		
Modal CET1		
Modal saham berbayar	**8,862,079**	**8,862,079**
Premium Saham	**19,030,227**	**19,030,227**
Keuntungan terkumpul [1]	**8,908,590**	**4,257,076**
Rizab-rizab lain [1]	**6,382,362**	**9,268,717**
Kepentingan tidak terkawal layak	**112,628**	**-**
Ditolak: Saham dipegang dalam amanah	**(107,248)**	**(107,248)**
Modal CET1 sebelum pelarasan kawal selia	**43,188,638**	**41,310,851**
Ditolak: Pelarasan kawal selia dikenakan ke atas Modal CET1	**(8,449,692)**	**(5,364,790)**
Aset cukai tertunda	**(1,623,489)**	**(1,053,598)**
Muhibah	**(4,924,662)**	**(81,015)**
Tidak ketara lain	**(1,088,882)**	**(446,805)**
Rizab penyamaan keuntungan	**(34,456)**	**-**
Kekurangan dalam jumlah peruntukan layak kepada jumlah kerugian dijangka	**(778,203)**	**(39,421)**
Pelarasan kawal selia disebabkan ketidakcukupan Modal Tambahan Tahap 1 dan Tahap 2	**-**	**(3,743,951)**
Jumlah Modal CET1	**34,738,946**	**35,946,061**
Modal Tambahan Tahap 1		
Sekuriti modal	**5,490,972**	**5,490,972**
Instrumen modal CET1 dan Tambahan Tahap 1 layak yang dipegang oleh pihak ketiga	**82,848**	**-**
Ditolak: Pelarasan kawal selia disebabkan ketidakcukupan Modal Tahap 2	**-**	**(5,490,972)**
Jumlah Modal Tahap 1	**40,312,766**	**35,946,061**
Modal Tahap 2		
Tanggungan subordinat	**10,319,618**	**10,319,618**
Instrumen modal CET1, Tambahan Tahap 1 dan Tahap 2 layak yang dipegang oleh pihak ketiga	**12,099**	**-**
Peruntukan kolektif[2]	**535,331**	**247,746**
Ditolak: Pelarasan kawal selia tidak ditolak daripada Modal CET1 atau Modal Tambahan Tahap 1 disediakan di bawah penyusunan peralihan[3]	**(2,824,682)**	**(10,567,364)**
Jumlah Modal Tahap 2	**8,042,366**	**-**
Jumlah Modal	**48,355,132**	**35,946,061**

1 Bagi Kumpulan, jumlah ini tidak termasuk keuntungan terkumpul dan rizab lain daripada perniagaan insurans dan takaful. Bagi Bank, jumlah ini termasuk keuntungan terkumpul dan rizab lain Maybank International (L) Ltd.

2 Tidak termasuk peruntukan kolektif bagi rosot nilai pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan daripada Modal Tahap 2/Modal Tahap 2 Layak.

3 Termasuk dalam pelarasan undang-undang modal Tahap 2 dan penolakan tahun perbandingan daripada Modal Tahap 2 Layak tahun kewangan semasa berakhir 31 Disember 2013 adalah kos pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat-syarikat bersekutu, kecuali: (i) Myfin Berhad sebanyak RM18,994,000 kerana perniagaan, aset dan liabilitinya telah dipindahkan kepada Bank; (ii) Maybank International (L) Ltd. sebanyak RM176,385,000 dan (iii) Mayban Agro Fund Sdn. Bhd. sebanyak RM11,041,000, kerana aset-asetnya telah dimasukkan dalam RWA Bank. Bagi Kumpulan, kos pelaburan dalam entiti insurans dan takaful ditolak daripada Jumlah Modal/asas modal.

53. KECUKUPAN MODAL (SAMB.)

(c) Komponen modal (samb.):

	Kumpulan RM'000	Bank RM'000
Pada 31.12.2012		
Modal CET1		
Modal saham berbayar	8,440,046	8,440,046
Premium Saham	15,639,646	15,639,646
Rizab-rizab lain[1]	15,354,878	13,139,299
Sekuriti modal	6,093,421	6,093,421
Ditolak: Saham dipegang dalam amanah	(102,405)	(102,405)
Jumlah Modal Tahap 1	45,425,586	43,210,007
Ditolak: Aset cukai tertunda	(1,281,136)	(810,015)
Muhibah	(5,588,553)	(81,015)
Penolakan yang lebih daripada Modal Tahap 2	-	(6,299,127)
Jumlah Modal Tahap 1 Layak	38,555,897	36,019,850
Modal Tahap 2 Layak		
Tanggungan subordinat	13,394,620	11,546,020
Peruntukan kolektif[2]	728,806	294,552
Lebihan jumlah jangkaan kerugian berbanding jumlah peruntukan layak	(664,291)	(267,512)
Jumlah Modal Tahap 2 (tertakluk kepada had)	13,459,135	11,573,060
Tolak: Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat-syarikat bersekutu[3]	(2,709,503)	(17,872,187)
Jumlah penolakan daripada Modal Tahap 2	(2,709,503)	(11,573,060)
Jumlah Modal Tahap 2 Layak	10,749,632	-
Asas modal	49,305,529	36,019,850

[1] Bagi Kumpulan, jumlah ini tidak termasuk keuntungan terkumpul dan rizab lain daripada perniagaan insurans dan takaful. Bagi Bank, jumlah ini termasuk keuntungan terkumpul dan rizab lain Maybank International (L) Ltd.

[2] Tidak termasuk peruntukan kolektif bagi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dirosot nilai yang dihadkan daripada Modal Tahap 2/Modal Tahap 2 Layak.

[3] Termasuk dalam pelarasan undang-undang modal Tahap 2 dan penolakan tahun perbandingan daripada Modal Tahap 2 Layak tahun kewangan semasa berakhir 31 Disember 2013 adalah kos pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat-syarikat bersekutu, kecuali: (i) Myfin Berhad sebanyak RM18,994,000 kerana perniagaan, aset dan liabilitinya telah dipindahkan kepada Bank; (ii) Maybank International (L) Ltd. sebanyak RM176,385,000 dan (iii) Mayban Agro Fund Sdn. Bhd. sebanyak RM11,041,000, kerana aset-asetnya telah dimasukkan dalam RWA Bank. Bagi Kumpulan, kos pelaburan dalam entiti insurans dan takaful ditolak daripada Jumlah Modal/asas modal.

Nisbah kecukupan modal Kumpulan mengandungi Jumlah Modal/asas modal dan RWA diperoleh daripada baki Bank dan syarikat-syarikat subsidiarinya yang disatukan, tidak termasuk pelaburan dalam entiti insurans dan syarikat-syarikat bersekutu.

Nisbah kecukupan modal Bank mengandungi Jumlah Modal/asas modal dan RWA yang diperoleh daripada Bank dan syarikat subsidiari perbankan luar pesisir milik penuh, Maybank International (L) Ltd., tidak termasuk kos pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat-syarikat bersekutu (kecuali Myfin Berhad, Maybank International (L) Ltd. dan Mayban Agro Fund Sdn. Bhd. seperti mana dinyatakan di atas).

(d) Nisbah kecukupan modal syarikat-syarikat subsidiari perbankan Kumpulan adalah seperti berikut:

	Maybank Islamic Berhad	Maybank Investment Bank Berhad	PT Bank Internasional Indonesia Tbk
Pada 31.12.2013			
Nisbah Modal CET1	11.761%	45.920%	-
Nisbah Modal Tahap 1	11.761%	45.920%	-
Jumlah Nisbah Modal	13.711%	45.920%	12.716%
Pada 31.12.2012			
Sebelum ditolak dividen yang dicadangkan*:			
Nisbah Modal Teras	10.83%	40.30%	-
Nisbah Modal Berwajaran Risiko	12.59%	40.30%	12.83%
Selepas ditolak dividen yang dicadangkan:			
Nisbah Modal Teras	10.83%	30.10%	-
Nisbah Modal Berwajaran Risiko	12.59%	30.10%	12.83%

* Bagi mendapatkan asas modal yang digunakan dalam pengiraan nisbah syarikat-syarikat subsidiari perbankan Kumpulan, dividen yang dicadangkan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 tidak ditolak.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN
- 31 Disember 2013

53. KECUKUPAN MODAL (SAMB.)

(e) Pecahan Aset Berwajaran Risiko (RWA) mengikut setiap kategori adalah seperti berikut:

	Kumpulan RM'000	Bank RM'000	Maybank Islamic Berhad RM'000	Maybank Investment Bank Berhad RM'000	PT Bank Internasional Indonesia Tbk RM'000
Pada 31.12.2013					
Pendedahan Pendekatan Standard	**43,834,264**	**22,077,993**	**3,902,334**	**253,347**	**27,053,526**
Pendekatan Berasaskan Penarafan Dalaman, pendedahan selepas faktor skala	**226,139,730**	**178,911,435**	**42,043,918**	**-**	**-**
Jumlah RWA bagi risiko kredit	**269,973,994**	**200,989,428**	**45,946,252**	**253,347**	**27,053,526**
Jumlah RWA bagi risiko kredit yang diserap oleh Malayan Banking Berhad^	**-**	**-**	**(1,210,230)**	**-**	**-**
Jumlah RWA bagi risiko pasaran	**7,928,149**	**5,338,195**	**729,512**	**196,959**	**232,889**
Jumlah RWA bagi risiko operasi	**30,801,508**	**19,400,252**	**3,619,234**	**876,244**	**3,227,265**
Jumlah RWA	**308,703,651**	**225,727,875**	**49,084,768**	**1,326,550**	**30,513,680**
Pada 31.12.2012					
Pendedahan Pendekatan Standard	60,849,458	27,460,623	2,411,358	813,260	24,835,685
Pendekatan Berasaskan Penarafan Dalaman, pendedahan selepas faktor skala	184,779,754	154,769,118	32,563,904	-	-
Jumlah RWA bagi risiko kredit	245,629,212	182,229,741	34,975,262	813,260	24,835,685
Jumlah RWA bagi risiko kredit yang diserap oleh Malayan Banking Berhad^	-	-	(127,317)	-	-
Jumlah RWA bagi risiko pasaran	8,913,850	6,200,948	747,905	200,322	637,943
Jumlah RWA bagi risiko operasi	27,685,920	18,180,446	2,959,425	716,690	3,282,868
RWA tambahan disebabkan oleh modal minimum	-	-	968,148	-	-
Jumlah RWA	282,228,982	206,611,135	39,523,423	1,730,272	28,756,496

^ Sejajar dengan Garis Panduan BNM tentang pengiktirafan dan pengukuran Akaun Pelaburan Perkongsian Keuntungan Terhad ("RPSIA") sebagai Penyerap Risiko, risiko kredit ke atas aset yang dibiayai oleh RPSIA dikecualikan daripada pengiraan nisbah kecukupan modal.

(f) Nisbah kecukupan modal Kumpulan dan Bank pada 31 Disember 2012 dikira menurut garis panduan BNM yang dikemas kini bagi Rangka Kerja Kecukupan Modal (Komponen Modal) dan Rangka Kerja Kecukupan Modal (Basel II – Aset Berwajaran Risiko) dikeluarkan pada 28 November 2012

Sekiranya nisbah kecukupan modal Kumpulan dan Bank bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 dikira menurut garis panduan BNM yang dikemas kini bagi Rangka Kerja Kecukupan Modal (Komponen Modal) dan Rangka Kerja Kecukupan Modal (Basel II – Aset Berwajaran Risiko) dikeluarkan pada 28 November 2012, nisbah modal CET1, Tahap 1, Jumlah Nisbah Modal, komponen modal dan Aset Berwajaran Risiko (RWA) Kumpulan dan Bank adalah seperti berikut:

(i) Nisbah kecukupan modal

	Kumpulan Pada 31.12.2012	Bank Pada 31.12.2012
Nisbah Modal CET1	10.969%	17.244%
Nisbah Modal Tahap 1	13.192%	17.244%
Jumlah Nisbah Modal	16.600%	17.244%

53. KECUKUPAN MODAL (SAMB.)

(f) Nisbah kecukupan modal Kumpulan dan Bank pada 31 Disember 2012 dikira menurut garis panduan BNM yang dikemas kini bagi Rangka Kerja Kecukupan Modal (Komponen Modal) dan Rangka Kerja Kecukupan Modal (Basel II – Aset Berwajaran Risiko) dikeluarkan pada 28 November 2012 (samb.)

Sekiranya nisbah kecukupan modal Kumpulan dan Bank bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 dikira menurut garis panduan BNM yang dikemas kini bagi Rangka Kerja Kecukupan Modal (Komponen Modal) dan Rangka Kerja Kecukupan Modal (Basel II – Aset Berwajaran Risiko) dikeluarkan pada 28 November 2012, nisbah modal CET1, Tahap 1, Jumlah Nisbah Modal, komponen modal dan Aset Berwajaran Risiko (RWA) Kumpulan dan Bank adalah seperti berikut (samb.):

(ii) Komponen modal

Pada 31.12.2012	Kumpulan RM'000	Bank RM'000
Modal CET1		
Modal saham berbayar	8,440,046	8,440,046
Premium saham	15,639,646	15,639,646
Keuntungan terkumpul[1]	8,582,794	4,795,401
Rizab-rizab lain[1]	7,030,592	8,762,288
Kepentingan tidak dikawal layak	80,163	-
Ditolak: Saham dipegang dalam amanah	(102,405)	(102,405)
Modal CET1 sebelum pelarasan kawal selia	39,670,836	37,534,976
Ditolak: Pelarasan undang-undang dikenakan atas Modal CET1	(8,812,484)	(2,040,885)
Aset cukai tertunda	(1,281,136)	(810,015)
Muhibah	(5,588,553)	(81,015)
Tidak ketara lain	(908,730)	(616,553)
Keuntungan atas instrumen kewangan dikelaskan sebagai 'tersedia untuk dijual'	(335,318)	(230,117)
Rizab penyamaan keuntungan	(34,456)	-
Kekurangan dalam jumlah peruntukan layak berbanding jumlah kerugian dijangka	(664,291)	(267,032)
Pelarasan kawal selia disebabkan ketidakcukupan Modal Tambahan Tahap 1 dan Tahap 2	-	(36,153)
Jumlah Modal CET1	30,858,352	35,494,091
Modal Tambahan Tahap 1		
Sekuriti modal	6,093,421	6,093,421
Instrumen Modal CET1 dan modal Tambahan Tahap 1 layak yang dipegang oleh pihak ketiga	160,545	-
Ditolak: Pelarasan kawal selia disebabkan ketidakcukupan Modal Tambahan Tahap 2	-	(6,093,421)
Jumlah Modal Tahap 1	37,112,318	35,494,091
Modal Tahap 2		
Tanggungan subordinat	11,546,020	11,546,020
Instrumen modal CET1, Modal Tambahan Tahap 1 dan Tahap 2 layak yang dipegang oleh pihak ketiga	22,777	-
Peruntukan kolektif[2]	728,806	294,552
Ditolak: Pelarasan kawal selia tidak ditolak daripada Modal CET1 atau Modal Tambahan Tahap 1 disediakan di bawah penyusunan peralihan[3]	(2,709,503)	(11,840,572)
Jumlah Modal Tahap 2	9,588,100	-
Jumlah Modal	46,700,418	35,494,091

1 Bagi Kumpulan, jumlah ini tidak termasuk keuntungan terkumpul dan rizab lain daripada perniagaan insurans dan takaful. Bagi Bank, jumlah ini termasuk keuntungan terkumpul dan rizab lain Maybank International (L) Ltd.

2 Tidak termasuk peruntukan kolektif bagi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dirosot nilai yang dihadkan daripada Modal Tahap 2.

3 Termasuk dalam pelarasan undang-undang Modal Tahap 2 adalah kos pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat-syarikat bersekutu, kecuali: (i) Myfin Berhad sebanyak RM18,994,000 kerana perniagaan, aset dan liabilitinya telah dipindahkan kepada Bank; (ii) Maybank International (L) Ltd. sebanyak RM176,385,000 dan (iii) Mayban Agro Fund Sdn. Bhd. sebanyak RM11,041,000, kerana aset-asetnya telah dimasukkan dalam Aset Berwajaran Risiko (RWA) Bank. Bagi Kumpulan, kos pelaburan dalam entiti insurans dan takaful ditolak daripada Jumlah Modal.

(iii) Butiran Aset Berwajaran Risiko (RWA) mengikut setiap kategori risiko adalah seperti berikut:

Pada 31.12.2012	Kumpulan RM'000	Bank RM'000
Pendedahan Pendekatan Standard	59,940,728	26,809,584
Pendekatan Berasaskan Penarafan Dalaman, pendedahan selepas faktor skala	184,779,753	154,639,906
Jumlah RWA bagi risiko kredit	244,720,481	181,449,490
Jumlah RWA bagi risiko pasaran	8,913,850	6,200,949
Jumlah RWA bagi risiko operasi	27,685,920	18,180,446
Jumlah RWA	281,320,251	205,830,885

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN
- 31 Disember 2013

54. MAKLUMAT SEGMEN

Maklumat segmen dibentangkan mengikut segmen perniagaan Kumpulan dan kedudukan geografi.

(i) Mengikut segmen perniagaan

Kumpulan menetap dan membentangkan segmen operasi berdasarkan maklumat yang dikemukakan kepada Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan Kumpulan.

Kumpulan disusun kepada empat (4) segmen berdasarkan perkhidmatan dan produk yang ada di dalamnya seperti berikut:

(a) Perkhidmatan Kewangan Komuniti ("CFS"), Malaysia

(i) Perbankan Pengguna

Perbankan Pengguna menawarkan produk dan perkhidmatan lengkap kepada individu-individu di Malaysia, termasuk simpanan, deposit tetap, dan perkhidmatan penghantaran wang, akaun semasa, pinjaman pengguna seperti pinjaman perumahan dan peribadi, sewa beli, unit amanah, produk-produk bankasurans dan kad kredit.

(ii) Perbankan Perusahaan Kecil dan Sederhana ("SME")

Perbankan SME terdiri daripada rangkaian lengkap produk dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada perusahaan kecil dan sederhana di Malaysia. Produk dan perkhidmatan yang ditawarkan termasuk pinjaman jangka panjang seperti pembiayaan projek, kredit jangka pendek seperti overdraf dan pembiayaan perdagangan dan perkhidmatan berasaskan yuran seperti pengurusan tunai dan perkhidmatan penjagaan.

(iii) Perbankan Perniagaan

Perbankan Perniagaan terdiri daripada rangkaian lengkap produk dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada perniagaan komersial di Malaysia. Produk dan perkhidmatan yang ditawarkan termasuk pinjaman jangka panjang seperti pembiayaan projek, kredit jangka pendek seperti overdraf, pembiayaan perdagangan dan perkhidmatan berasaskan yuran seperti pengurusan tunai dan perkhidmatan penjagaan.

(b) Perbankan Global ("GB")

(i) Perbankan Korporat di Malaysia

Perbankan Korporat terdiri daripada rangkaian lengkap produk dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggan perniagaan di rantau, merangkumi korporat besar dan sektor awam. Produk dan perkhidmatan yang ditawarkan termasuk pinjaman jangka panjang seperti pembiayaan projek, kredit jangka pendek seperti overdraf, pembiayaan perdagangan dan perkhidmatan berasaskan yuran seperti pengurusan tunai dan perkhidmatan penjagaan.

(ii) Pasaran Global Malaysia

Pasaran Global terdiri daripada rangkaian lengkap produk dan perkhidmatan berkaitan aktiviti perbendaharaan dan perkhidmatan, termasuk tukaran asing, pasaran wang, derivatif dan dagangan pasaran modal.

(iii) Perbankan Pelaburan (Maybank IB dan Maybank Kim Eng)

Perbankan Pelaburan terdiri daripada perbankan pelaburan dan perniagaan pembrokeran sekuriti. Segmen ini menumpukan kepada keperluan perniagaan terutamanya oleh pelanggan korporat besar dan institusi kewangan. Produk dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggan termasuk perkhidmatan nasihat korporat, terbitan bon, terbitan ekuiti, perkhidmatan nasihat pengambilalihan bersindiket, perkhidmatan nasihat penstrukturan hutang, saham dan urus niaga hadapan.

(c) Insurans, Takaful dan Pengurusan Aset

Insurans, Takaful dan Pengurusan Aset merangkumi perniagaan taja jamin semua kelas perniagaan insurans am dan hayat, perniagaan insurans hayat pelaburan luar pesisir, takaful am dan takaful keluarga, pengurusan aset dan dana, penamaan dan perkhidmatan pemegang amanah serta perkhidmatan penjagaan.

(d) Perbankan Antarabangsa

Di peringkat Antarabangsa, perniagaan CFS domestik diterajui dalam negara manakala perbankan pemborongan bagi setiap negara perlu membuat laporan kepada Perbankan Global ("GB"). Bagi tujuan pelaporan maklumat pengurusan, prestasi GB ditunjukkan secara berasingan dan terdiri daripada Perbankan Korporat dan Pasaran Global di Malaysia serta perniagaan Perbankan Pelaburan, manakala prestasi Perbankan Antarabangsa terdiri daripada kedua-dua perbankan pemborongan dan perbankan CFS di luar Malaysia, sebagai contoh, Singapura dan Indonesia.

54. MAKLUMAT SEGMEN (SAMB.)

(i) Mengikut segmen perniagaan (samb.)

Kumpulan	<---------- Segmen Perniagaan ----------> <---------- GB ----------> Perkhidmatan Kewangan Komuniti RM'000	Perbankan Korporat RM'000	Pasaran Global RM'000	Perbankan Pelaburan RM'000	Perbankan Antarabangsa RM'000	Insurans, Takaful dan Pengurusan Aset RM'000	Ibu Pejabat dan Lain-lain RM'000	Jumlah RM'000
1.1.2013 hingga 31.12.2013								
Pendapatan faedah bersih dan pendapatan operasi SPI:								
- Luaran	5,818,529	1,649,605	847,536	209,072	3,718,720	866,122	(714,122)	12,395,462
- Antara segmen	-	-	-	2,396	(27,433)	65,194	(40,157)	-
	5,818,529	1,649,605	847,536	211,468	3,691,287	931,316	(754,279)	12,395,462
Pendapatan faedah bersih dan pendapatan operasi SPI	5,818,529	1,649,605	847,536	211,468	3,691,287	931,316	(754,279)	12,395,462
Pendapatan bersih daripada perniagaan insurans/takaful	-	-	-	-	-	260,836	-	260,836
Pendapatan bukan faedah	1,499,494	620,819	847,980	1,324,807	1,638,938	359,607	(409,583)	5,882,062
Pendapatan bersih	7,318,023	2,270,424	1,695,516	1,536,275	5,330,225	1,551,759	(1,163,862)	18,538,360
Perbelanjaan overhed	(3,699,767)	(418,407)	(239,924)	(1,060,218)	(2,762,770)	(746,839)	-	(8,927,925)
Keuntungan operasi sebelum kerugian rosot nilai	3,618,256	1,852,017	1,455,592	476,057	2,567,455	804,920	(1,163,862)	9,610,435
(Peruntukan bagi)/masuk kira semula kerugian rosot nilai atas pinjaman, pendahuluan, pembiayaan dan hutang lain, bersih	(393,788)	(237,911)	-	(2,537)	(102,686)	7,336	-	(729,586)
Peruntukan bagi kerugian rosot nilai atas pelaburan kewangan, bersih	-	-	(58,978)	(12,451)	(65,727)	(13,366)	-	(150,522)
Keuntungan operasi	3,224,468	1,614,106	1,396,614	461,069	2,399,042	798,890	(1,163,862)	8,730,327
Bahagian keuntungan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama	-	-	-	738	137,665	864	-	139,267
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	3,224,468	1,614,106	1,396,614	461,807	2,536,707	799,754	(1,163,862)	8,869,594
Cukai dan zakat								(2,098,261)
Keuntungan selepas cukai dan zakat								6,771,333
Kepentingan tidak dikawal								(218,942)
Keuntungan dalam tahun kewangan boleh diagihkan kepada pemegang ekuiti Bank								6,552,391
Termasuk dalam perbelanjaan overhed adalah:								
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	(98,864)	(8,792)	(5,598)	(40,309)	(100,664)	(14,465)	-	(268,692)
Pelunasan aset tidak ketara	(61,321)	(12,662)	(7,488)	(40,022)	(58,062)	(26,928)	-	(206,483)
1.1.2012 hingga 31.12.2012								
Pendapatan faedah bersih dan pendapatan operasi SPI:								
- Luaran	5,385,159	1,624,966	731,744	261,965	3,544,969	846,802	(902,661)	11,492,944
- Antara segmen	-	-	-	2,508	(25,897)	23,049	340	-
	5,385,159	1,624,966	731,744	264,473	3,519,072	869,851	(902,321)	11,492,944
Pendapatan faedah bersih dan pendapatan operasi SPI	5,385,159	1,624,966	731,744	264,473	3,519,072	869,851	(902,321)	11,492,944
Pendapatan bersih daripada perniagaan insurans/takaful	-	-	-	-	-	(48,336)	-	(48,336)
Pendapatan bukan faedah	1,485,365	676,051	979,720	1,014,562	1,617,994	580,986	(1,025,968)	5,328,710
Pendapatan bersih	6,870,524	2,301,017	1,711,464	1,279,035	5,137,066	1,402,501	(1,928,289)	16,773,318
Perbelanjaan overhed	(3,546,727)	(403,703)	(232,825)	(928,602)	(2,508,000)	(612,562)	-	(8,232,419)
Keuntungan operasi sebelum kerugian rosot nilai	3,323,797	1,897,314	1,478,639	350,433	2,629,066	789,939	(1,928,289)	8,540,899
(Peruntukan bagi)/masuk kira semula kerugian rosot nilai atas pinjaman, pendahuluan, pembiayaan dan hutang lain, bersih	(299,559)	92,066	-	3,860	(445,931)	(29,683)	-	(679,247)
Peruntukan bagi kerugian rosot nilai atas pelaburan kewangan, bersih	-	-	(5,092)	(9,757)	(39,805)	(63,172)	-	(117,826)
Keuntungan operasi	3,024,238	1,989,380	1,473,547	344,536	2,143,330	697,084	(1,928,289)	7,743,826
Bahagian keuntungan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama	-	-	-	1,684	150,275	517	-	152,476
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	3,024,238	1,989,380	1,473,547	346,220	2,293,605	697,601	(1,928,289)	7,896,302
Cukai dan zakat								(1,977,618)
Keuntungan selepas cukai dan zakat								5,918,684
Kepentingan tidak dikawal								(172,764)
Keuntungan dalam tahun kewangan boleh diagihkan kepada pemegang ekuiti Bank								5,745,920
Termasuk dalam perbelanjaan overhed adalah:								
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	(85,071)	(6,640)	(3,181)	(39,163)	(83,787)	(5,804)	-	(223,646)
Pelunasan aset tidak ketara	(27,369)	(5,855)	(5,415)	(44,523)	(57,833)	(5,226)	-	(146,221)

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN
- 31 Disember 2013

54. MAKLUMAT SEGMEN (SAMB.)

(ii) Mengikut lokasi geografi

Kumpulan beroperasi di Malaysia, Singapura, Indonesia, Filipina, Papua New Guinea, Brunei Darussalam, China, Hong Kong SAR, Vietnam, United Kingdom, Amerika Syarikat, Kemboja, Laos, Bahrain, Pesisir Labuan dan Thailand.

Kecuali Malaysia, Singapura dan Indonesia, tiada mana-mana negara individu yang menyumbang lebih daripada 10% daripada hasil yang disatukan sebelum mengambil kira perbelanjaan operasi dan jumlah aset.

Hasil operasi, pendapatan bersih, keuntungan sebelum cukai dan zakat dan aset-aset berdasarkan lokasi geografi pelanggan adalah seperti berikut:

Item penyata pendapatan Bagi tahun kewangan berakhir 31.12.2013	Hasil operasi RM'000	Pendapatan bersih RM'000	Keuntungan sebelum cukai dan zakat RM'000
Malaysia	**26,905,923**	**14,711,450**	**8,464,785**
Singapura	**3,684,993**	**2,732,243**	**1,251,904**
Indonesia	**4,092,901**	**2,511,268**	**658,575**
Lain-lain	**1,603,171**	**1,132,028**	**779,569**
	36,286,988	**21,086,989**	**11,154,833**
Penghapusan*	**(3,036,211)**	**(2,548,629)**	**(2,285,239)**
Kumpulan	**33,250,777**	**18,538,360**	**8,869,594**

Item penyata pendapatan Bagi tahun kewangan berakhir 31.12.2012	Hasil operasi (Dinyatakan semula) RM'000	Pendapatan bersih (Dinyatakan semula) RM'000	Keuntungan sebelum cukai dan zakat (Dinyatakan semula) RM'000
Malaysia	24,497,892	12,364,793	6,879,731
Singapura	3,242,478	2,463,826	1,139,771
Indonesia	3,869,689	2,526,750	554,199
Lain-lain	1,412,519	914,046	692,078
	33,022,578	18,269,415	9,265,779
Penghapusan*	(1,795,348)	(1,496,097)	(1,369,477)
Kumpulan	31,227,230	16,773,318	7,896,302

Jumlah aset bukan semasa dan semasa mengikut lokasi geografi adalah seperti berikut:

	Aset bukan semasa[1]		
Item penyata kedudukan kewangan:	Pada 31.12.2013 RM'000	Pada 31.12.2012 RM'000	Pada 1.1.2012 RM'000
Malaysia	**8,105,620**	8,174,949	8,223,909
Singapura	**909,346**	873,155	854,250
Indonesia	**104,962**	363,934	353,393
Lain-lain	**118,694**	94,781	76,461
	9,238,622	9,506,819	9,508,013
Penghapusan[3]	**-**	-	-
Kumpulan	**9,238,622**	9,506,819	9,508,013

	Aset semasa[2]		
Item penyata kedudukan kewangan:	Pada 31.12.2013 RM'000	Pada 31.12.2012 (Dinyatakan semula) RM'000	Pada 1.1.2012 (Dinyatakan semula) RM'000
Malaysia	**413,762,452**	347,099,851	319,018,927
Singapura	**104,304,601**	89,165,864	72,829,218
Indonesia	**38,303,152**	37,023,367	39,287,771
Lain-lain	**44,044,395**	34,603,404	34,214,006
	600,414,600	507,892,486	465,349,922
Penghapusan[3]	**(49,209,996)**	(22,488,342)	(23,225,659)
Kumpulan	**551,204,604**	485,404,144	442,124,263

* Perolehan antara segmen dihapuskan atas penyatuan.
1 Aset-aset bukan semasa terdiri daripada hartanah pelaburan, hartanah, loji dan peralatan dan aset tidak ketara.
2 Aset semasa adalah jumlah aset tidak termasuk aset bukan semasa seperti yang disebutkan di atas.
3 Baki antara segmen dihapuskan atas penyatuan.

55. PERISTIWA PENTING DAN BERIKUTNYA

Berikut adalah peristiwa penting Kumpulan dan Bank sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013:

(a) (I) Cadangan pengambilalihan 858,499 saham biasa berharga Riyal Saudi ("SAR") 10 setiap satu dalam Anfaal Capital ("Anfaal") oleh Maybank Investment Bank Berhad ("Maybank IB"), sebuah syarikat subsidiari milik penuh Maybank, yang mewakili 17.17% dari modal saham biasa Anfaal; dan

(II) Cadangan pemberian pinjaman subordinat SAR2,070,000 dari Al Numu Real Estate Company ("Al Numu") kepada Maybank IB.

Pada 9 April 2012, Maybank telah mengumumkan bahawa Maybank IB, sebuah syarikat subsidiari milik penuh Maybank, telah memeterai Perjanjian Pembelian Saham ("SPA") bersyarat dengan Al Numu dan Anfaal bagi yang berikutnya:

(i) cadangan pemerolehan 858,499 saham biasa berharga SAR10 setiap satu dalam Anfaal ("Saham Anfaal"), yang mewakili kira-kira 17.17% modal saham biasa modal Anfaal untuk pertimbangan tunai sebanyak SAR10,516,613, iaitu SAR12.25 bagi setiap saham Anfaal; dan

(ii) cadangan pemberian pinjaman subordinat sebanyak SAR2,070,000 ("Pinjaman Subordinat") daripada Al Numu kepada Maybank IB.

[(i) dan (ii) secara kolektif dirujuk sebagai "Cadangan"].

Tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Pasaran Modal ("CMA") Kerajaan Arab Saudi, Pinjaman Subordinat akan ditukar kepada 207,000 Saham Anfaal yang baru dan setara dengan Saham Anfaal yang sedia ada.

Jumlah pertimbangan pembelian sebanyak SAR12,586,613 (bersamaan dengan kira-kira RM10.3 juta) bagi Cadangan tersebut akan dipenuhi secara tunai ("Harga Belian").

Cadangan tersebut adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang terdahulu telah dipenuhi seperti yang dinyatakan dalam SPA pada 30 September 2012 atau tarikh lain yang dipersetujui bersama secara bertulis oleh Al Numu dan Maybank IB.

Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Maybank IB berhak untuk mengenepikan (secara keseluruhan atau sebahagian) secara bertulis keperluan untuk memenuhi mana-mana satu syarat terdahulu sebelum kesemua pihak terbabit meneruskannya hingga selesai.

Cadangan itu membolehkan Maybank IB meningkatkan ekuiti kepentingannya dalam Anfaal daripada 18.00% kepada 35.17%. Langkah itu menjadi satu peluang yang baik untuk Maybank IB meningkatkan kehadirannya di Arab Saudi dan memainkan peranan lebih besar dalam merungkaikan potensi Anfaal terutama dalam bidang pensindiketan, penstrukturan Sukuk dan pembiayaan projek di Arab Saudi.

Cadangan tersebut adalah tertakluk kepada kelulusan yang diperoleh daripada yang berikut:

(i) Suruhanjaya Sekuriti;
(ii) CMA; dan
(iii) Lembaga Pelaburan Am Arab Saudi bagi penerbitan lesen pelaburan asing Anfaal yang telah dipinda.

Pada 19 September 2013, Maybank telah mengumumkan bahawa semua syarat terdahulu dalam SPA bagi Cadangan tersebut telah dipenuhi. Oleh yang demikian, Cadangan telah diselesaikan pada 30 September 2013, sebagai tarikh penyelesaian yang dipersetujui antara Maybank IB, Al Numu dan Anfaal menurut terma-terma SPA.

(b) Penebusan RM1.5 bilion Bon Subordinat Islam dengan tempoh 12 tahun dari tarikh terbitan pada asas 12 tidak boleh dipanggil 7

Pada 15 Mei 2013, Maybank telah menebus sepenuhnya Bon Subordinat Islam sebanyak RM1.5 bilion. Bon Subordinat Islam diterbitkan pada 15 Mei 2006 di bawah prinsip Shariah Bai' Bithaman Ajil.

(c) Terbitan Bon Subordinat Modal Tahap 2 bernilai RM500.0 juta oleh Etiqa Insurance Berhad

Pada 5 Julai 2013, Etiqa Insurance Berhad ("EIB"), syarikat subsidiari Maybank, menerbitkan Bon Subordinat Modal Tahap 2 bernilai nominal RM500.0 juta dengan tempoh 10 tahun pada asas 10 tidak boleh dipanggil 5 yang akan matang pada tahun 2023.

Bon Subordinat ini mempunyai kadar kupon 4.13% setahun dan dirancangkan untuk layak sebagai Modal Tahap 2 EIB tertakluk kepada pematuhan terhadap keperluan yang dinyatakan dalam Garis Panduan Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko bagi Penginsurans yang dikeluarkan oleh BNM.

Untung bersih daripada terbitan Bon Subordinat ini akan digunakan untuk menampung modal kerja EIB, operasi perniagaan dan tujuan-tujuan korporat lain.

(d) Pelupusan Maybank ATR Kim Eng Financial Corporation ("Maybank ATRKE Financial"), syarikat subsidiari langsung Maybank Kim Eng Holdings Limited ("MKEH")

Pada 25 Oktober 2013 ("Tarikh Penutup"), MKEH, syarikat subsidiari tidak langsung Maybank melalui Maybank IB Holdings Berhad, syarikat subsidiari milik penuh Maybank, melupuskan sejumlah 958,923,466 daripada saham biasa dalam Maybank ATRKE Financial, mewakili 89.75% daripada jumlah saham modal Maybank ATRKE Financial pada harga Peso Filipina ("Php") 3.3298 sesaham ("Pelupusan").

Pelupusan ini adalah sebahagian kegiatan penyusunan semula dalam kumpulan syarikat MKEH.

Kesemua aset Maybank ATRKE Financial telah dipindahkan kepada Maybank ATR Kim Eng Capital Partners, Inc. ("MATRKECP"), sebuah syarikat subsidiari milik penuh tidak langsung Maybank dan MATRKECP telah mengambil tanggungan semua liabiliti Maybank ATRKE Financial pada Tarikh Penutup. Pindahan aset kepada MATRKECP akan meliputi pegangan saham Maybank ATRKE Financial dalam syarikat-syarikat subsidiarinya, AsianLife & General Assurance Corporation dan ATR Kim Eng Land, Inc. Berikutan ini, perniagaan semasa Maybank ATRKE Financial telah disatukan di bawah MATRKECP.

Kesan kewangan daripada Pelupusan ini dinyatakan dalam Nota 17(h).

(e) Pelupusan ATR KimEng AMG Holdings, Inc. ("ATRKE AMG"), syarikat subsidiari tidak langsung Maybank Kim Eng Holdings Limited ("MKEH") melalui Maybank ATR Kim Eng Capital Partners, Inc. ("MATRKECP")

Pada 18 Disember 2013 ("Tarikh Penutup"), Maybank ATR Kim Eng Capital Partners, Inc. ("MATRKECP"), syarikat subsidiari tidak langsung Maybank melalui Maybank Kim Eng Holdings Limited, menjual 430,000 saham biasa yang dimilikinya dalam ATR KimEng AMG Holdings, Inc. ("ATRKE AMG"), mewakili 82.69% pemilikan dalam ATRKE AMG, kepada ATRAM Investment Management Partners Corporation ("ATRAM Investment"), sebuah syarikat yang 35% dimiliki oleh MATRKECP.

ATRKE AMG memiliki 96.09% daripada ATR KimEng Asset Management, Inc. ("ATRAM").

Berkuat kuasa dari Tarikh Penutup, ATRKE AMG dan ATRAM tidak lagi menjadi syarikat subsidiari tidak langsung Maybank, walaupun MATRKECP terus memiliki 35% daripada ATRAM Investments.

Kesan kewangan daripada Pelupusan ini dinyatakan dalam Nota 17(i).

(f) Pelupusan saham dalam PT Bank Internasional Indonesia Tbk ("BII")

Pada 19 Jun 2013 dan 22 November 2013, Kumpulan melupuskan sejumlah 10,740,420,000 saham biasa dalam BII, mewakili kira-kira 18.3% daripada modal saham terbitan dan berbayar BII, kepada pelabur pihak ketiga ("Pelupusan").

Kumpulan juga memeterai perjanjian komersial di mana pendedahan ekonomi akibat Pelupusan itu dikekalkan. Oleh itu, Pelupusan tersebut tidak akan mengakibatkan kesan kewangan ketara kepada Kumpulan.

Pelupusan dilaksanakan bagi memastikan pematuhan kepada keperluan penjualan mandatori Otoritas Jasa Keuangan ("OJK") di bawah Regulasi OJK No. IX.H.1 berkaitan pengambilalihan BII oleh Maybank pada tahun 2008.

Dengan penyelesaian Pelupusan ini, apungan bebas saham-saham BII adalah 20% daripada modal saham terbitan dan berbayar BII dan Kumpulan kini dalam pematuhan penuh terhadap keperluan penjualan OJK tersebut.

(g) Terbitan hak PT Bank Internasional Indonesia Tbk ("BII")

Pada 23 Julai 2013, BII, syarikat subsidiari Maybank menyelesaikan pelaksanaan terbitan haknya sebanyak 4,690,165,897 saham biasa baru Rupiah ("Rp") 22.5 sesaham ("Saham Hak") pada harga terbitan Rp320 setiap Saham Hak ("Terbitan Hak"). Jumlah untung yang dijana daripada Terbitan Hak ini adalah sebanyak kira-kira Rp1.5 trilion.

Maybank, melalui syarikat-syarikat subsidiari milik penuhnya, Maybank Offshore Corporate Services (Labuan) Sdn Bhd dan Sorak Financial Holdings Pte. Ltd. telah melanggan sepenuhnya kelayakan masing-masing di bawah Terbitan Hak itu.

Di samping itu, PT Maybank Kim Eng Securities ("KES"), syarikat subsidiari Maybank, bertindak sebagai pembeli sedia bagi Terbitan Hak itu. KES telah melaksanakan kewajipannya untuk melanggan 12,104,594 Saham Hak yang tidak dilanggan oleh pemegang saham lain yang layak di bawah Terbitan Hak tersebut.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN
- 31 Disember 2013

55. PERISTIWA PENTING DAN BERIKUTNYA (SAMB.)

(g) Terbitan hak PT Bank Internasional Indonesia Tbk ("BII") (samb.)

Untung daripada Terbitan Hak akan digunakan terutamanya untuk pengembangan kredit sebagai sebahagian rancangan BII untuk menambahbaik struktur modalnya dan mengukuhkan lembaran imbangannya untuk memacu pertumbuhan masa depan.

(h) Rasionalisasi Kumpulan Pengurusan Aset

Maybank Asset Management Group Berhad (dahulunya dikenali sebagai Aseamlease Berhad) ("MAMG"), syarikat subsidiari milik penuh Maybank, telah melaksanakan penyusunan semula untuk menyelaraskan perniagaan pengurusan aset dalam kumpulan syarikatnya. Penyusunan semula itu melibatkan yang berikut:

(i) Pelupusan Maybank Private Equity Sdn. Bhd. (dahulunya dikenali sebagai Maybank Ventures Sdn. Bhd.) ("MPE") kepada MAMG oleh Maybank dan Maybank Investment Bank Berhad. Butiran pelupusan ini dinyatakan dalam Nota 17(a).

(ii) Terbitan hak saham biasa oleh MAMG

Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, MAMG menyelesaikan pelaksanaan terbitan haknya sebanyak 20,002 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham. Jumlah untung yang dijana daripada terbitan hak itu adalah sebanyak kira-kira RM71.3 juta yang akan digunakan untuk menyokong aktiviti pengambilalihan dan penubuhan entiti baru oleh MAMG, sebagai sebahagian pelaksanaan penyusunan semula dan pelarasan semula Kumpulan Pengurusan Aset, untuk memenuhi keperluan undang-undang dan bagi tujuan modal kerja.

Butiran terbitan hak ini dinyatakan dalam Nota 17(c).

(iii) Pengambilalihan Maybank Asset Management Thailand Co Ltd (dahulunya dikenali sebagai Kim Eng Asset Management Thailand Co Ltd) ("MAMT") oleh MAMG

Pada 21 Mac 2013, MAMG menyelesaikan pengambilalihan MAMT daripada Maybank Kim Eng Securities (Thailand) Plc., syarikat subsidiari Maybank Kim Eng Holdings Ltd ("MKEH"), sebuah syarikat subsidiari milik penuh tidak langsung Maybank melalui Maybank IB Holdings Berhad.

Transaksi tersebut meliputi penjualan 10,000,000 saham biasa dalam MAMT, mewakili 100% modal saham terbitan dan berbayar MAMT untuk jumlah pertimbangan tunai sebanyak THB50,693,147 (kira-kira RM5.7 juta).

(iv) Langganan terbitan hak sebanyak 11,000,000 saham biasa THB10.00 sesaham yang diterbitkan oleh MAMT

Pada 29 Mac 2013, MAMG melanggan terbitan hak sebanyak 11,000,000 saham biasa THB10.00 sesaham, diterbitkan oleh MAMT pada asas 11 saham hak bagi 10 saham sedia ada pada nilai tara THB10.00 sesaham. Jumlah pertimbangan tunai terbitan hak ini adalah kira-kira RM12.3 juta.

(v) Pengambilalihan PT Maybank GMT Asset Management (dahulunya dikenali sebagai PT GMT Aset Manajemen) ("Maybank GMT")

Pada 26 Ogos 2013, Maybank Asset Management Sdn. Bhd. ("MAM"), syarikat subsidiari milik penuh tidak langsung Maybank melalui MAMG, menyelesaikan pemerolehan sebanyak 31,680 saham biasa Maybank GMT, mewakili 99% modal saham terbitan dan berbayar Maybank GMT. Jumlah pertimbangan tunai adalah kira-kira RM30.6 juta.

Tujuan pengambilalihan ini adalah untuk Maybank mempunyai operasi pengurusan dana di Indonesia di bawah kumpulan syarikatnya serta melengkapi entiti perniagaan MAMG di rantau ASEAN. Ia juga akan mewujudkan peluang bagi Maybank GMT untuk mempromosikan produk-produknya di rantau ini dengan memanfaatkan kehadiran Maybank.

Kesan kewangan daripada pengambilalihan ini dinyatakan dalam Nota 17(e).

(vi) Pengambilalihan Maybank Asset Management Singapore Pte. Ltd. ("MAMS") oleh MAMG

Pada 29 Ogos 2013, MAMG menyelesaikan pengambilalihan MAMS daripada Maybank KE Strategic Pte. Ltd., syarikat subsidiari MKEH.

Transaksi itu meliputi pemerolehan 10,000 saham biasa dalam MAMS, mewakili 100% modal saham terbitan dan berbayar MAMS bagi jumlah pertimbangan tunai sebanyak SGD7,394,781 (kira-kira RM19.4 juta).

(vii) Penubuhan Maybank Islamic Asset Management Sdn Bhd ("MIAM")

Pada 6 September 2013, Maybank mengumumkan bahawa MAMG, telah menubuhkan syarikat subsidiari milik penuh dengan melanggan dua (2) saham biasa bernilai RM1.00 sesaham, mewakili keseluruhan modal saham terbitan dan berbayar Maybank MIAM untuk tunai pada tara ("Penubuhan").

Pada 1 Oktober 2013, MAMG menyuntik modal ekuiti sebanyak RM3,000,000 melalui langganan sebanyak 3,000,000 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham.

Tujuan Penubuhan ini adalah untuk Maybank mempunyai sebuah syarikat pengurusan dana Islam di bawah kumpulan syarikatnya serta melengkapi entiti perniagaan konvensional MAMG di Malaysia dan rantau ASEAN. Ia juga akan mewujudkan peluang untuk MIAM mempromosikan produk-produk Islam di rantau ini dengan memanfaatkan kehadiran Maybank.

(i) Terbitan hak Maybank Islamic Berhad, syarikat subsidiari milik penuh Maybank

Semasa tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, Maybank Islamic Berhad menyelesaikan pelaksanaan terbitan haknya sebanyak 86,268,000 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham. Jumlah untung yang dijana daripada terbitan hak ini adalah kira-kira RM1,124 juta yang akan digunakan untuk menambahbaik struktur modal dan mengukuhkan lembaran imbangan bagi memacu pertumbuhan masa depan.

Butiran terbitan hak ini dinyatakan dalam Nota 17(g).

(j) Suntikan modal ke dalam Etiqa Takaful Berhad ("ETB") oleh Maybank Ageas Holdings Berhad ("MAHB")

Pada 30 Oktober 2013, MAHB, syarikat subsidiari Maybank, melalui Etiqa International Holdings Sdn. Bhd., menyuntik modal tambahan sebanyak RM300.0 juta ke dalam ETB untuk mengukuhkan kedudukan modalnya.

(k) Penubuhan Etiqa Pte. Ltd.

Pada 26 November 2013, MAHB menubuhkan syarikat subsidiari milik penuh dengan langganan sebanyak satu (1) saham biasa bernilai SGD1.00, mewakili keseluruhan modal saham terbitan dan berbayar Etiqa Pte. Ltd. ("EPL") untuk tunai pada tara.

Tujuan penubuhan ini adalah sebagai sebahagian rancangan pengembangan dalam Kumpulan.

Penubuhan EPL tidak mempunyai sebarang kesan ketara terhadap pendapatan dan aset bersih bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

Berikut adalah peristiwa berikutnya bagi Kumpulan dan Bank selepas tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013:

(a) Terbitan Nota Subordinat Tahap 2 sebanyak RM1.6 bilion berikutan Program Nota Subordinat RM7.0 bilion

Pada 19 Disember 2013, Maybank mendapat kelulusan daripada BNM bagi semakan terma dan syarat utama Program Nota Subordinat (bagi Nota Subordinat untuk diterbitkan di masa hadapan) bagi mematuhi Garis Panduan Rangka Kerja Kecukupan Modal BNM yang dikeluarkan pada 28 November 2012 ("Rangka Kerja Kecukupan Modal BNM").

Pada 29 Januari 2014, Maybank menerbitkan RM1.6 bilion Nota Subordinat Tahap 2 pematuhan Basel III untuk tempoh 10 tahun pada asas 10 tidak boleh dipanggil 5 di bawah Program Nota Subordinat yang disemak, yang akan matang pada 2024.

Nota Subordinat ini ditetapkan pada harga 4.90% setahun dan layak sebagai modal Tahap 2 Maybank menurut Rangka Kerja Kecukupan Modal BNM.

Untung daripada Nota Subordinat ini akan digunakan untuk menampung modal kerja Maybank, perbankan am dan tujuan korporat lain.

(b) Terbitan Nota Senior Kadar Tetap bernilai nominal JPY30.0 bilion dalam nilai nominal berikutan Program Nota Jangka Sederhana Berbilang Matawang sebanyak USD5.0 bilion

Pada 6 Februari 2014, Maybank menerbitkan Nota Senior Kadar Tetap JPY 30.0 billion dengan tempoh 5 tahun di bawah Program Nota Jangka Sederhana Berbilang Matawang USD5.0 bilion yang akan matang pada tahun 2019.

Nota Senior Kadar Tetap ditetapkan pada harga 0.669% setahun, akan dibayar dua kali setahun.

Untung daripada terbitan Nota Senior Kadar Tetap ini akan digunakan untuk menampung modal kerja Maybank, perbankan am dan tujuan korporat lain.

56. PENYATA PENDAPATAN DAN PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PERNIAGAAN INSURANS DAN TAKAFUL

(a) Penyata pendapatan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013

Kumpulan	Dana Hayat		Dana Takaful Keluarga		Dana Takaful Am		Kumpulan Dana Pemegang Saham dan Am		Jumlah	
	1.1.2013 hingga 31.12.2013 RM'000	1.1.2012 hingga 31.12.2012 RM'000	1.1.2013 hingga 31.12.2013 RM'000	1.1.2012 hingga 31.12.2012 RM'000	1.1.2013 hingga 31.12.2013 RM'000	1.1.2012 hingga 31.12.2012 RM'000	1.1.2013 hingga 31.12.2013 RM'000	1.1.2012 hingga 31.12.2012 RM'000	1.1.2013 hingga 31.12.2013 RM'000	1.1.2012 hingga 31.12.2012 RM'000
Hasil operasi	**1,326,735**	1,794,251	**1,606,797**	2,068,524	**816,642**	733,043	**1,884,315**	1,739,362	**5,634,489**	6,335,180
Pendapatan faedah	**433,258**	435,829	**314,292**	285,396	**44,621**	38,377	**145,297**	110,366	**937,468**	869,968
Perbelanjaan faedah	**-**	-	**-**	-	**-**	-	**(10,184)**	-	**(10,184)**	-
Pendapatan faedah bersih	**433,258**	435,829	**314,292**	285,396	**44,621**	38,377	**135,113**	110,366	**927,284**	869,968
(Kerugian)/pendapatan bersih daripada perniagaan insuran dan takaful	**(405,645)**	(627,357)	**(230,805)**	(335,967)	**(107,682)**	(50,737)	**914,929**	888,644	**170,797**	(125,417)
	27,613	(191,528)	**83,487**	(50,571)	**(63,061)**	(12,360)	**1,050,042**	999,010	**1,098,081**	744,551
Pendapatan bukan faedah	**123,205**	298,864	**(39,974)**	175,008	**64,935**	24,280	**142,866**	93,291	**291,032**	591,443
Pendapatan bersih	**150,818**	107,336	**43,513**	124,437	**1,874**	11,920	**1,192,908**	1,092,301	**1,389,113**	1,335,994
Perbelanjaan overhed	**(148,202)**	(98,415)	**(33,908)**	(66,132)	**(1,356)**	(889)	**(417,878)**	(383,327)	**(601,344)**	(548,763)
Pendapatan operasi sebelum kerugian rosot nilai	**2,616**	8,921	**9,605**	58,305	**518**	11,031	**775,030**	708,974	**787,769**	787,231
(Peruntukan bagi)/masuk kira semula kerugian rosot nilai atas pinjaman, pendahuluan, pembiayaan dan hutang lain, bersih	**(441)**	8,906	**(2,079)**	(26,552)	**89**	(3,757)	**9,952**	(8,280)	**7,521**	(29,683)
Peruntukan bagi rosot nilai atas pelaburan kewangan, bersih	**(2,175)**	(17,827)	**(7,526)**	(31,753)	**(607)**	(7,274)	**(3,058)**	(6,317)	**(13,366)**	(63,171)
Keuntungan operasi	**-**	-	**-**	-	**-**	-	**781,924**	694,377	**781,924**	694,377
Bahagian keuntungan dalam syarikat-syarikat bersekutu	**-**	-	**-**	-	**-**	-	**864**	517	**864**	517
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	**-**	-	**-**	-	**-**	-	**782,788**	694,894	**782,788**	694,894
Cukai dan zakat	**-**	-	**-**	-	**-**	-	**(165,375)**	(179,938)	**(165,375)**	(179,938)
Keuntungan bagi tahun kewangan	**-**	-	**-**	-	**-**	-	**617,413**	514,956	**617,413**	514,956

(b) Penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2013

Kumpulan Pada 31.12.2013	Dana Hayat RM'000	Dana Takaful Keluarga RM'000	Dana Takaful Am RM'000	Kumpulan Dana Pemegang Saham dan Am RM'000	Jumlah RM'000
Aset-aset					
Tunai dan dana jangka pendek	**55,313**	**90,009**	**53,033**	**140,250**	**338,605**
Deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan	**902,179**	**493,643**	**319,559**	**1,379,348**	**3,094,729**
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	**8,546,946**	**4,571,735**	**-**	**-**	**13,118,681**
Pelaburan kewangan tersedia untuk dijual	**1,190,548**	**2,781,462**	**1,039,781**	**3,165,842**	**8,177,633**
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	**276,629**	**7,309**	**-**	**33,181**	**317,119**
Aset derivatif	**18,035**	**-**	**-**	**-**	**18,035**
Aset insurans semula/takaful semula dan lain-lain aset insurans	**66,498**	**155,836**	**282,157**	**1,845,504**	**2,349,995**
Aset-aset lain	**33,576**	**4,216**	**7,671**	**89,232**	**134,695**
Hartanah pelaburan	**524,392**	**-**	**-**	**51,062**	**575,454**
Kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu	**-**	**-**	**-**	**9,110**	**9,110**
Hartanah, loji dan peralatan	**61,007**	**-**	**-**	**74,364**	**135,371**
Aset tidak ketara	**15,961**	**67**	**3**	**11,482**	**27,513**
Aset cukai tertunda	**1,692**	**5,544**	**10,303**	**20,903**	**38,442**
Jumlah Aset	**11,692,776**	**8,109,821**	**1,712,507**	**6,820,278**	**28,335,382**
Liabiliti-liabiliti					
Liabiliti derivatif	**2,961**	**-**	**-**	**-**	**2,961**
Liabiliti kontrak insurans/takaful dan lain-lain liabiliti insurans	**9,811,717**	**7,779,115**	**1,485,201**	**2,724,106**	**21,800,139**
Liabiliti-liabiliti lain*	**1,822,276**	**326,024**	**222,254**	**(1,369,185)**	**1,001,369**
Peruntukan cukai dan zakat	**12,054**	**(1,805)**	**(318)**	**21,934**	**31,865**
Liabiliti cukai tertunda	**43,768**	**6,487**	**5,370**	**359,345**	**414,970**
Tanggungan subordinat	**-**	**-**	**-**	**510,184**	**510,184**
Jumlah Liabiliti	**11,692,776**	**8,109,821**	**1,712,507**	**2,246,384**	**23,761,488**
Ekuiti boleh diagih kepada pemegang-pemegang ekuiti syarikat-syarikat subsidiari					
Modal saham	**-**	**-**	**-**	**252,005**	**252,005**
Rizab-rizab lain	**-**	**-**	**-**	**4,321,889**	**4,321,889**
	-	**-**	**-**	**4,573,894**	**4,573,894**
Jumlah liabiliti dan ekuiti pemegang-pemegang saham	**11,692,776**	**8,109,821**	**1,712,507**	**6,820,278**	**28,335,382**

* Termasuk dalam liabiliti-liabiliti lain adalah jumlah terhutang kepada/(daripada) dana-dana hayat, am dan berkaitan pelaburan yang tidak dijamin, tidak tertakluk kepada sebarang elemen faedah dan perlu dibayar atas permintaan.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN
- 31 Disember 2013

56. PENYATA PENDAPATAN DAN PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PERNIAGAAN INSURANS DAN TAKAFUL (SAMB.)

(b) Penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2013 (samb.)

Kumpulan Pada 31.12.2012	Dana Hayat RM'000	Dana Takaful Keluarga RM'000	Dana Takaful Am RM'000	Kumpulan Dana Pemegang Saham dan Am RM'000	Jumlah RM'000
Aset-aset					
Tunai dan dana jangka pendek	70,922	40,041	20,240	93,626	224,829
Deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan	594,154	639,623	211,070	952,297	2,397,144
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	8,809,459	4,456,361	-	-	13,265,820
Pelaburan kewangan tersedia untuk dijual	1,277,288	2,225,372	1,040,792	2,748,772	7,292,224
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	255,702	16,922	-	33,704	306,328
Aset derivatif	267,170	-	-	23	267,193
Aset insurans/takaful semula dan lain-lain aset insurans	64,924	115,883	376,169	1,998,751	2,555,727
Aset-aset lain	175,142	116,326	20,426	165,386	477,280
Hartanah pelaburan	518,240	-	-	46,379	564,619
Kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu	-	-	-	7,108	7,108
Hartanah, loji dan peralatan	65,833	-	1	75,034	140,868
Aset tidak ketara	22,964	473	18	10,507	33,962
Aset cukai tertunda	2,974	-	-	9,712	12,686
Jumlah Aset	12,124,772	7,611,001	1,668,716	6,141,299	27,545,788
Liabiliti-liabiliti					
Liabiliti kontrak insurans/takaful dan lain-lain liabiliti insurans	10,164,136	7,369,892	1,481,069	2,913,775	21,928,872
Liabiliti-liabiliti lain*	1,912,294	231,345	184,954	(1,405,295)	923,298
Peruntukan cukai dan zakat	(10,825)	9,697	2,693	39,588	41,153
Liabiliti cukai tertunda	59,167	67	-	388,315	447,549
Jumlah Liabiliti	12,124,772	7,611,001	1,668,716	1,936,383	23,340,872
Ekuiti boleh diagih kepada pemegang-pemegang ekuiti syarikat-syarikat subsidiari					
Modal saham	-	-	-	252,005	252,005
Rizab-rizab lain	-	-	-	3,952,911	3,952,911
	-	**-**	**-**	**4,204,916**	**4,204,916**
Jumlah liabiliti dan ekuiti pemegang-pemegang saham	**12,124,772**	**7,611,001**	**1,668,716**	**6,141,299**	**27,545,788**

* Termasuk dalam liabiliti-liabiliti lain adalah jumlah terhutang kepada/(daripada) dana-dana hayat, am dan berkaitan pelaburan yang tidak dijamin, tidak tertakluk kepada sebarang elemen faedah dan perlu dibayar atas permintaan.

57. OPERASI SKIM PERBANKAN ISLAM ("SPI")

(a) Penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2013

Kumpulan	Nota	Pada 31.12.2013 RM'000	Pada 31.12.2012 (Dinyatakan semula) RM'000	Pada 1.1.2012 (Dinyatakan semula) RM'000
Aset-aset				
Tunai dan dana jangka pendek	(f)	**17,763,716**	13,026,886	8,971,617
Deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan	(g)	**63,380**	293,552	429,910
Portfolio pelaburan kewangan	(h)	**9,193,509**	9,810,498	8,644,047
Pembiayaan dan pendahuluan	(i)	**87,395,117**	62,230,793	52,425,274
Aset derivatif	(j)	**134,141**	48,227	28,198
Aset-aset lain	(k)	**9,101,475**	4,891,200	4,492,748
Deposit-deposit berkanun dengan bank-bank pusat	(l)	**3,084,000**	2,399,000	1,834,800
Hartanah, loji dan peralatan	(m)	**1,203**	1,808	2,551
Aset tidak ketara	(n)	**1,520**	3,117	3,701
Aset cukai tertunda	(o)	**268,231**	199,475	177,498
		127,006,292	92,904,556	77,010,344
Liabiliti-liabiliti				
Deposit-deposit daripada pelanggan-pelanggan	(p)	**83,376,255**	71,319,635	59,090,400
Deposit dan penempatan dari institusi-institusi kewangan	(q)	**33,431,855**	13,206,242	9,449,458
Bil-bil dan penerimaan belum bayar		**62,124**	419,749	504,237
Liabiliti derivatif	(j)	**247,952**	113,980	96,179
Liabiliti-liabiliti lain	(r)	**278,481**	281,749	194,033
Kewajipan ke atas pembiayaan dijual kepada Cagamas	(t)	**620,976**	905,181	1,499,270
Peruntukan cukai dan zakat	(u)	**206,479**	162,043	109,256
Sukuk bersubordinat	(v)	**1,010,782**	1,010,782	1,010,723
		119,234,904	87,419,361	71,953,556
Dana Modal Perbankan Islam				
Dana Perbankan Islam	(d)	**1,278,853**	863,719	943,296
Premium saham	(d)	**3,725,969**	2,687,480	2,488,400
Keuntungan terkumpul	(d)	**2,445,492**	1,714,977	1,383,520
Rizab-rizab lain	(d)	**321,074**	219,019	241,572
		7,771,388	5,485,195	5,056,788
		127,006,292	92,904,556	77,010,344
Komitmen dan tanggungan luar jangkaan	(cc)	**34,079,257**	29,167,879	21,354,255

Nota iringan ini memberikan butiran lanjut ke atas baki pada tarikh pelaporan.

(b) Penyata pendapatan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013

Kumpulan	Nota	1.1.2013 hingga 31.12.2013 RM'000	1.1.2012 hingga 31.12.2012 (Dinyatakan semula) RM'000
Pendapatan diperoleh daripada pelaburan dana pendeposit	(w)	**4,489,860**	3,557,278
Perbelanjaan langsung boleh diagih ke dana pendeposit dan Dana Perbankan Islam		**-**	(69,876)
Pendapatan kasar boleh diagih		**4,489,860**	3,487,402
(Peruntukan bagi)/masuk kira semula kerugian rosot nilai atas pembiayaan dan pendahuluan	(x)	**(8,509)**	33,701
Jumlah pendapatan boleh diagih		**4,481,351**	3,521,103
Pendapatan boleh diagih kepada pendeposit	(y)	**(2,369,879)**	(1,757,225)
Pendapatan boleh diagih kepada Kumpulan		**2,111,472**	1,763,878
Pendapatan diperoleh dari pelaburan Dana Perbankan Islam	(z)	**318,017**	310,838
		2,429,489	2,074,716
Kos kewangan		**(42,200)**	(41,913)
Perbelanjaan overhed	(aa)	**(913,231)**	(710,782)
Keuntungan sebelum cukai dan zakat		**1,474,058**	1,322,021
Cukai	(bb)	**(336,466)**	(315,850)
Zakat		**(22,247)**	(16,613)
Keuntungan bagi tahun kewangan		**1,115,345**	989,558

Nota iringan ini memberikan butiran lanjut mengenai jumlah yang dicatatkan bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2013 dan 31 Disember 2012.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN
- 31 Disember 2013

57. OPERASI SKIM PERBANKAN ISLAM ("SPI") (SAMB.)

(b) Penyata pendapatan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 (samb.)

Bagi tujuan penyatuan dan penggabungan dengan operasi konvensional perbankan, pendapatan daripada Skim Perbankan Islam seperti mana ditunjukkan pada awal penyata pendapatan yang disatukan, terdiri daripada perkara berikut:

Kumpulan	1.1.2013 hingga 31.12.2013 RM'000	1.1.2012 hingga 31.12.2012 RM'000
Pendapatan kasar boleh diagih	**4,489,860**	3,487,402
Pendapatan bersih daripada pelaburan Dana Perbankan Islam	**318,017**	310,838
Jumlah pendapatan sebelum peruntukan bagi rosot nilai atas pembiayaan dan pendahuluan dan perbelanjaan overhed	**4,807,877**	3,798,240
Pendapatan boleh agih kepada pendeposit	**(2,369,879)**	(1,757,225)
	2,437,998	2,041,015
Kos kewangan	**(42,200)**	(41,913)
Pendapatan dan perbelanjaan bersih antara syarikat	**414,384**	197,157
Pendapatan daripada operasi Skim Perbankan Islam dilaporkan dalam penyata pendapatan Kumpulan	**2,810,182**	2,196,259

(c) Penyata pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013

Kumpulan	1.1.2013 hingga 31.12.2013 RM'000	1.1.2012 hingga 31.12.2012 (Dinyatakan semula) RM'000
Keuntungan bagi tahun kewangan	**1,115,345**	**989,558**
(Kerugian)/pendapatan komprehensif lain:		
Perkara-perkara yang tidak akan diklasifikasikan kepada untung atau rugi		
Keuntungan atas penilaian penjelasan pelan manfaat	**-**	233
Kesan cukai pendapatan	**-**	(58)
	-	175
Perkara-perkara yang mungkin diklasifikasikan kepada untung atau rugi		
Terjemahan matawang asing	**21,483**	(33,499)
Kerugian bersih pelaburan kewangan tersedia untuk dijual	**(214,691)**	(27,049)
Cukai pendapatan berkaitan komponen pendapatan komprehensif lain	**53,051**	6,148
	(140,157)	(54,400)
Kerugian komprehensif lain bagi tahun kewangan, cukai bersih	**(140,157)**	(54,225)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	**975,188**	935,333

57. OPERASI SKIM PERBANKAN ISLAM ("SPI") (SAMB.)

(d) Penyata perubahan dalam Dana Perbankan Islam bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 dan 31 Disember 2012

Kumpulan	Dana Perbankan Islam RM'000	<---------- Tidak boleh diagih ----------> Premium Saham RM'000	Rizab Pegangan Belum Diperoleh RM'000	Rizab Terjemahan Matawang RM'000	Rizab Berkanun RM'000	*Ekuiti daripada Syarikat Induk RM'000	Rizab Penyamaan Keuntungan RM'000	Rizab Pelan Manfaat RM'000	Keuntungan Terkumpul Boleh Agih RM'000	Jumlah RM'000
Pada 31.12.2013										
Pada 1 Januari 2013										
- seperti dinyatakan sebelum ini	863,719	2,687,480	36,751	(1,033)	147,338	1,697	34,456	-	1,714,988	5,485,396
- kesan penerimaan MFRS 119 (Disemak 2011) (Nota 2.4(x)(a)(ii))	-	-	-	-	-	-	-	(190)	(11)	(201)
Pada 1 Januari 2013, seperti dinyatakan semula	863,719	2,687,480	36,751	(1,033)	147,338	1,697	34,456	(190)	1,714,977	5,485,195
Keuntungan bagi tahun kewangan	-	-	-	-	-	-	-	-	1,115,345	1,115,345
(Kerugian)/pendapatan komprehensif lain	-	-	(161,640)	21,483	-	-	-	-	-	(140,157)
Jumlah (kerugian)/pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	-	-	(161,640)	21,483	-	-	-	-	1,115,345	975,188
Pindahan (kepada)/daripada operasi perbankan konvensional	328,866	-	-	(20,122)	-	-	-	-	2,261	311,005
Terbitan saham biasa (Nota 55(i))	86,268	1,038,489	-	-	-	-	-	-	-	1,124,757
Dividen dibayar	-	-	-	-	-	-	-	-	(124,757)	(124,757)
Pindahan ke rizab berkanun	-	-	-	-	262,334	-	-	-	(262,334)	-
Pada 31 Disember 2013	1,278,853	3,725,969	(124,889)	328	409,672	1,697	34,456	(190)	2,445,492	7,771,388
Pada 31.12.2012										
Pada 1 Januari 2012										
- seperti dinyatakan sebelum ini	943,296	2,488,400	57,652	794	147,338	1,697	34,456	-	1,383,544	5,057,177
- kesan penerimaan MFRS 119 (Disemak 2011) (Nota 2.4(x)(a)(ii))	-	-	-	-	-	-	-	(365)	(24)	(389)
Pada 1 Januari 2012, seperti dinyatakan semula	943,296	2,488,400	57,652	794	147,338	1,697	34,456	(365)	1,383,520	5,056,788
Keuntungan bagi tahun kewangan	-	-	-	-	-	-	-	-	989,558	989,558
(Kerugian)/pendapatan komprehensif lain	-	-	(20,901)	(33,499)	-	-	-	175	-	(54,225)
Jumlah (kerugian)/pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	-	-	(20,901)	(33,499)	-	-	-	175	989,558	935,333
Pindahan (kepada)/daripada operasi perbankan konvensional	(101,697)	-	-	31,672	-	-	-	-	(2,907)	(72,932)
Terbitan saham biasa	22,120	199,080	-	-	-	-	-	-	-	221,200
Dividen dibayar	-	-	-	-	-	-	-	-	(655,194)	(655,194)
Pada 31 Disember 2012	863,719	2,687,480	36,751	(1,033)	147,338	1,697	34,456	(190)	1,714,977	5,485,195

* Timbul daripada penepian imbangan antara syarikat-syarikat subsidiari masing-masing mengikut arahan syarikat induk.

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada asasi penyata kewangan ini.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN
- 31 Disember 2013

57. OPERASI SKIM PERBANKAN ISLAM ("SPI") (SAMB.)

(e) Penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013

Kumpulan	1.1.2013 hingga 31.12.2013 RM'000	1.1.2012 hingga 31.12.2012 (Dinyatakan semula) RM'000
Aliran tunai daripada aktiviti-aktiviti operasi		
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	**1,474,058**	1,322,021
Pelarasan bagi:		
Peruntukan rosot nilai atas pembiayaan dan pendahuluan	**146,748**	73,872
Pelunasan premium ditolak pertambahan diskaun, bersih	**(56,906)**	(69,871)
Kerugian/(keuntungan) belum diperoleh atas derivatif	**17,829**	(24,369)
Kerugian/(keuntungan) belum diperoleh ke atas penilaian semula aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	**10,129**	(9,479)
Keuntungan bersih atas pelupusan pelaburan kewangan tersedia untuk dijual	**(20,835)**	(126,349)
Keuntungan bersih atas pelupusan aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	**(63,426)**	(12,599)
Keuntungan ke atas urus niaga pertukaran asing	**(117,084)**	(14,430)
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan (Nota 57(aa))	**559**	705
Pelunasan perisian komputer (Nota 57(aa))	**941**	1,148
Perbelanjaan ESS	**1,584**	1,409
Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja	**1,393,597**	1,142,058
Perubahan dalam deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan	**230,172**	136,358
Perubahan dalam pembiayaan dan pendahuluan	**(25,311,072)**	(9,879,391)
Perubahan dalam aset dan liabiliti derivatif	**30,229**	22,141
Perubahan dalam aset-aset lain	**(4,210,275)**	(832,446)
Perubahan dalam deposit-deposit berkanun dengan bank-bank pusat	**(685,000)**	(564,200)
Perubahan dalam deposit-deposit daripada pelanggan-pelanggan	**12,174,567**	12,244,158
Perubahan dalam deposit dan penempatan dari institusi-institusi kewangan	**20,225,613**	3,756,784
Perubahan dalam bil-bil dan penerimaan belum bayar	**(357,625)**	(84,488)
Pembelian bersih portfolio pelaburan kewangan	**554,467**	(1,008,406)
Perubahan dalam liabiliti-liabiliti lain	**37,348**	128,457
Wang tunai yang dijana daripada aktiviti-aktiviti operasi	**4,082,021**	5,061,025
Cukai dan zakat yang dibayar	**(329,629)**	(295,862)
Tunai bersih dijana daripada aktiviti-aktiviti operasi	**3,752,392**	4,765,163
Aliran tunai daripada aktiviti-aktiviti pembiayaan		
Dividen dibayar	**(124,757)**	(221,200)
Dividen dibayar bagi Sukuk Subordinat	**(42,200)**	(41,854)
Hasil daripada terbitan saham	**1,453,623**	221,200
Dana dipindahkan ke syarikat induk	**(17,861)**	(72,932)
Pembiayaan dijual kepada Cagamas, bersih	**(284,205)**	(594,089)
Tunai bersih dijana daripada/(digunakan) dalam aktiviti-aktiviti pembiayaan	**984,600**	(708,875)
Aliran tunai daripada aktiviti-aktiviti pelaburan		
Hasil pelupusan hartanah, loji dan peralatan	**55**	55
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	**(217)**	(227)
Pembelian aset tidak ketara	**-**	(847)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	**(162)**	(1,019)
Peningkatan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	**4,736,830**	4,055,269
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	**13,026,886**	8,971,617
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	**17,763,716**	13,026,886

(f) Tunai dan dana jangka pendek

Kumpulan	Pada 31.12.2013 RM'000	Pada 31.12.2012 RM'000
Tunai, baki bank dan deposit dengan institusi-institusi kewangan	**14,430,490**	2,273,776
Wang panggilan	**3,333,226**	10,753,110
	17,763,716	13,026,886

57. OPERASI SKIM PERBANKAN ISLAM ("SPI") (SAMB.)

(g) Deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan

Kumpulan	Pada 31.12.2013 RM'000	Pada 31.12.2012 RM'000
Bank-bank berlesen	**63,380**	293,511
Bank Negara Malaysia	**-**	41
	63,380	293,552

(h) Portfolio pelaburan kewangan

Kumpulan	Nota	Pada 31.12.2013 RM'000	Pada 31.12.2012 RM'000
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	(i)	**492,119**	4,098,406
Pelaburan kewangan tersedia untuk dijual	(ii)	**8,573,528**	5,579,110
Pelaburan kewangan dipegang hingga matang	(iii)	**127,862**	132,982
		9,193,509	9,810,498

(i) Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi

Kumpulan	Pada 31.12.2013 RM'000	Pada 31.12.2012 RM'000
Pada nilai saksama		
Instrumen pasaran wang:		
Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	**145,679**	-
Nota Kewangan Bank Negara Malaysia	**323,452**	4,048,385
	469,131	4,048,385
Sekuriti tidak disebut harga:		
Sekuriti hutang Islam swasta di Malaysia	**22,988**	50,021
Jumlah aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	**492,119**	4,098,406

(ii) Pelaburan kewangan tersedia untuk dijual

Kumpulan	Pada 31.12.2013 RM'000	Pada 31.12.2012 RM'000
Pada nilai saksama		
Instrumen pasaran wang:		
Bon Cagamas	**-**	30,584
Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	**4,898,485**	1,814,145
Bil-bil Perbendaharaan Kerajaan Asing	**-**	44,028
Instrumen deposit boleh niaga	**1,666,487**	582,396
Penerimaan jurubank dan bil-bil diterima berlandaskan Prinsip Islam	**26,240**	520,789
Bon Khazanah	**62,930**	102,185
Nota Kewangan Bank Negara Malaysia	**-**	267,011
	6,654,142	3,361,138
Sekuriti tidak disebut harga:		
Sekuriti hutang Islam swasta di Malaysia	**1,693,482**	2,026,162
Sekuriti hutang Islam asing	**33,096**	6,176
Bon Kerajaan Malaysia	**192,808**	185,634
	1,919,386	2,217,972
Jumlah pelaburan kewangan tersedia untuk dijual	**8,573,528**	5,579,110

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN
- 31 Disember 2013

57. OPERASI SKIM PERBANKAN ISLAM ("SPI") (SAMB.)

(h) Portfolio pelaburan kewangan (samb.)

(iii) Pelaburan kewangan dipegang hingga matang

Kumpulan	Pada 31.12.2013 RM'000	Pada 31.12.2012 RM'000
Pada kos pelunasan		
Instrumen pasaran wang:		
Deposit Sijil Asing	**36,602**	132,982
Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	**91,260**	-
Jumlah pelaburan kewangan dipegang hingga matang	**127,862**	132,982

Struktur kematangan instrumen pasaran wang yang tersedia untuk dijual dan dipegang hingga matang adalah seperti berikut:

Kumpulan	Pada 31.12.2013 RM'000	Pada 31.12.2012 RM'000
Matang dalam tempoh setahun	**1,820,590**	1,545,455
Setahun hingga tiga tahun	**1,981,003**	124,425
Tiga tahun hingga lima tahun	**312,041**	709,912
Selepas lima tahun	**2,668,370**	1,114,328
	6,782,004	3,494,120

(i) Pembiayaan dan pendahuluan

Kumpulan	Bai' RM'000	Murabahah RM'000	Musyarakah RM'000	Al-Ijarah Thummah Al-Bai (AITAB) RM'000	Ijarah RM'000	Istisna' RM'000	Lain-lain RM'000	Jumlah Pembiayaan dan Pendahuluan RM'000
Pada 31.12.2013								
Overdraf	**-**	**2,762,316**	**-**	**-**	**-**	**630**	**-**	**2,762,946**
Pembiayaan berjangka								
- Pembiayaan perumahan	**22,881,526**	**18,521,856**	**2,726,672**	**-**	**-**	**-**	**-**	**44,130,054**
- Pembiayaan bersindiket	**-**	**420,933**	**24,071**	**-**	**-**	**-**	**-**	**445,004**
- Sewa beli belum terima	**-**	**-**	**-**	**26,432,037**	**-**	**-**	**-**	**26,432,037**
- Pembiayaan berjangka lain	**46,254,057**	**24,733,658**	**1,953,048**	**-**	**214,442**	**180,206**	**934**	**73,336,345**
Bil-bil belum terima	**-**	**3,241**	**-**	**-**	**-**	**-**	**474**	**3,715**
Resit amanah	**-**	**198,607**	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**198,607**
Tuntutan ke atas pelanggan di bawah kredit penerimaan	**-**	**3,978,452**	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**3,978,452**
Pembiayaan pekerja	**1,070,418**	**188,580**	**9,646**	**100,524**	**-**	**-**	**37,407**	**1,406,575**
Kad kredit belum terima	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**424,425**	**424,425**
Kredit pusingan	**-**	**6,096,862**	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**6,096,862**
	70,206,001	**56,904,505**	**4,713,437**	**26,532,561**	**214,442**	**180,836**	**463,240**	**159,215,022**
Pendapatan belum diperoleh								**(71,055,879)**
Pembiayaan dan pendahuluan kasar*								**88,159,143**
Peruntukan rosot nilai atas pembiayaan dan pendahuluan								
- Peruntukan individu								**(172,880)**
- Peruntukan kolektif								**(591,146)**
Pembiayaan dan pendahuluan bersih								**87,395,117**
Pada 31.12.2012								
Overdraf	-	2,327,525	-	-	-	-	-	2,327,525
Pembiayaan berjangka								
- Pembiayaan perumahan	18,905,248	2,924,409	2,306,624	-	-	-	-	24,136,281
- Pembiayaan bersindiket	-	254,628	37,662	-	-	-	-	292,290
- Sewa beli belum terima	-	-	-	20,072,695	-	-	-	20,072,695
- Pembiayaan berjangka lain	34,092,967	12,026,600	1,975,216	-	266,261	149,197	-	48,510,241
Bil-bil belum terima	-	123	-	-	-	-	-	123
Resit amanah	-	184,782	-	-	-	-	-	184,782
Tuntutan ke atas pelanggan di bawah kredit penerimaan	-	3,706,533	-	-	-	-	-	3,706,533
Pembiayaan pekerja	955,798	8,453	10,107	74,157	-	-	77	1,048,592
Kad kredit belum terima	-	-	-	-	-	-	365,908	365,908
Kredit pusingan	-	4,554,279	-	-	-	-	-	4,554,279
	53,954,013	25,987,332	4,329,609	20,146,852	266,261	149,197	365,985	105,199,249
Pendapatan belum diperoleh								(42,264,783)
Pembiayaan dan pendahuluan kasar*								62,934,466
Peruntukan rosot nilai atas pembiayaan dan pendahuluan:								
- Peruntukan individu								(95,836)
- Peruntukan kolektif								(607,837)
Pembiayaan dan pendahuluan bersih								62,230,793

* Termasuk dalam pembiayaan dan pendahuluan kasar adalah pendedahan kepada Akaun Pelaburan Perkongsian Keuntungan Terhad (Restricted Profit Sharing Investment Accounts ("RPSIA")) berjumlah RM8,328.8 juta (31 Disember 2012: RM650.0 juta), satu pengaturan antara Maybank Islamic Berhad ("MIB") dan Bank, di mana risiko dan ganjaran RPSIA akan diambil kira oleh Bank termasuk peruntukan individu dan kolektif bagi pembiayaan dirosot nilai yang timbul kemudiannya.

57. OPERASI SKIM PERBANKAN ISLAM ("SPI") (SAMB.)

(i) Pembiayaan dan pendahuluan (samb.)

(ii) Pembiayaan dan pendahuluan dianalisis mengikut jenis pelanggan adalah seperti berikut:

Kumpulan	Pada 31.12.2013 RM'000	Pada 31.12.2012 RM'000
Institusi-institusi bukan perbankan tempatan	**2,546,840**	1,603,327
Perusahaan perniagaan tempatan		
- Perusahaan kecil dan sederhana	**9,069,766**	6,697,538
- Lain-lain	**13,224,623**	10,706,252
Kerajaan dan badan-badan berkanun	**6,288,125**	3,542,446
Individu	**55,495,105**	39,402,622
Entiti tempatan lain	**665,754**	317,246
Entiti asing	**868,930**	665,035
Pembiayaan dan pendahuluan kasar	**88,159,143**	62,934,466

(iii) Pembiayaan dan pendahuluan dianalisis mengikut sensitiviti kadar keuntungan adalah seperti berikut:

Kumpulan	Pada 31.12.2013 RM'000	Pada 31.12.2012 RM'000
Kadar tetap		
- Pembiayaan perumahan	**2,278,641**	2,672,175
- Sewa beli belum terima	**22,595,645**	17,198,453
- Pembiayaan lain	**18,312,065**	12,744,777
Kadar boleh ubah		
- Pembiayaan rumah	**12,525,870**	7,862,897
- Pembiayaan lain	**32,446,922**	22,456,164
Pembiayaan dan pendahuluan kasar	**88,159,143**	62,934,466

(iv) Pembiayaan dan pendahuluan dianalisis mengikut tujuan ekonomi adalah seperti berikut:

Kumpulan	Pada 31.12.2013 RM'000	Pada 31.12.2012 RM'000
Pembelian sekuriti	**16,325,909**	10,587,328
Pembelian kenderaan pengangkutan	**22,713,482**	17,301,872
Pembelian harta bertanah		
- Kediaman	**14,074,136**	10,270,314
- Bukan kediaman	**4,471,266**	2,667,032
Pembelian aset tetap	**8,813**	1,476
Kegunaan peribadi	**1,419,677**	1,150,645
Pembelian barangan pengguna tahan lama	**723**	603
Pembinaan	**2,811,692**	2,041,094
Modal kerja	**25,171,405**	17,899,417
Kad kredit/caj	**702,461**	665,221
Tujuan-tujuan lain	**459,579**	349,464
Pembiayaan dan pendahuluan kasar	**88,159,143**	62,934,466

(v) Struktur tempoh matang pembiayaan dan pendahuluan adalah seperti berikut:

Kumpulan	Pada 31.12.2013 RM'000	Pada 31.12.2012 RM'000
Matang dalam tempoh setahun	**12,722,135**	6,974,574
Setahun hingga tiga tahun	**6,305,594**	2,754,882
Tiga tahun hingga lima tahun	**10,627,423**	9,200,849
Selepas lima tahun	**58,503,991**	44,004,161
Pembiayaan dan pendahuluan kasar	**88,159,143**	62,934,466

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN
- 31 Disember 2013

57. OPERASI SKIM PERBANKAN ISLAM ("SPI") (SAMB.)

(i) Pembiayaan dan pendahuluan (samb.)

(vi) Pergerakan rosot nilai pembiayaan dan pendahuluan ("pembiayaan rosot nilai") adalah seperti berikut:

Kumpulan	Pada 31.12.2013 RM'000	Pada 31.12.2012 RM'000
Pembiayaan rosot nilai kasar pada 1 Januari	**531,048**	811,973
Rosot nilai baru	**533,271**	554,416
Dikelaskan semula sebagai bukan rosot nilai	**(218,605)**	(241,010)
Jumlah diperoleh semula	**(245,716)**	(319,372)
Perbelanjaan didebitkan ke akaun pelanggan	**(73,313)**	24,966
Jumlah dihapus kira	**4,942**	(299,925)
Pembiayaan rosot nilai kasar pada 31 Disember	**531,627**	531,048
Ditolak: Peruntukan individu	**(172,880)**	(95,836)
Pembiayaan rosot nilai bersih pada 31 Disember	**358,747**	435,212
Pengiraan nisbah pembiayaan rosot nilai bersih:		
Pembiayaan dan pendahuluan kasar (tidak termasuk pembiayaan RPSIA)	**79,830,300**	62,284,466
Ditolak: Peruntukan individu	**(172,880)**	(95,836)
Pembiayaan dan pendahuluan bersih	**79,657,420**	62,188,630
Pembiayaan dirosot nilai bersih sebagai peratusan pembiayaan dan pendahuluan bersih	**0.45%**	0.70%

(vii) Pembiayaan dan pendahuluan rosot nilai mengikut tujuan ekonomi adalah seperti berikut:

Kumpulan	Pada 31.12.2013 RM'000	Pada 31.12.2012 RM'000
Pembelian sekuriti	**8,576**	4,477
Pembelian kenderaan pengangkutan	**67,597**	58,155
Pembelian harta bertanah		
- Kediaman	**86,109**	85,524
- Bukan kediaman	**22,363**	51,846
Kegunaan peribadi	**9,318**	8,991
Pembelian barangan pengguna tahan lama	**3**	3
Pembinaan	**31,059**	51,948
Modal kerja	**303,102**	265,550
Kad kredit/caj	**3,500**	4,554
	531,627	531,048

(viii) Pergerakan dalam peruntukan pembiayaan dan pendahuluan rosot nilai adalah seperti berikut:

Kumpulan	Pada 31.12.2013 RM'000	Pada 31.12.2012 RM'000
Peruntukan individu		
Pada 1 Januari	**95,836**	298,840
Peruntukan yang dibuat (Nota 57(x))	**97,931**	63,616
Jumlah dimasuk kira semula berkaitan dengan pemerolehan semula (Nota 57(x))	**(19,419)**	(61,863)
Jumlah dihapus kira	**-**	(204,688)
Dipindahkan ke peruntukan kolektif	**(74)**	-
Perbezaan pertukaran matawang	**(1,394)**	(69)
Pada 31 Disember	**172,880**	95,836
Peruntukan kolektif		
Pada 1 Januari	**607,837**	647,427
Peruntukan yang dibuat* (Nota 57(x))	**56,839**	56,496
Jumlah dihapus kira	**(73,313)**	(95,237)
Dipindahkan daripada peruntukan individu	**74**	-
Perbezaan pertukaran matawang	**(291)**	(849)
Pada 31 Disember	**591,146**	607,837
Sebagai peratusan pembiayaan dan pendahuluan kasar (tidak termasuk pembiayaan RPSIA) tolak peruntukan individu	**0.74%**	0.98%

* Pada 31 Disember 2013, pendedahan kasar pembiayaan RPSIA sebanyak RM8,328.8 juta (31 Disember 2012: RM650.0 juta) dikecualikan daripada pembiayaan dan pendahuluan kasar bagi pengiraan peruntukan individu dan kolektif. Peruntukan kolektif berkaitan dengan RPSIA ini berjumlah RM27.8 juta (31 Disember 2012: RM0.8 juta) diiktiraf dalam operasi perbankan konvensional Kumpulan. Tiada peruntukan individu disediakan dalam pembiayaan RPSIA ini.

57. OPERASI SKIM PERBANKAN ISLAM ("SPI") (SAMB.)

(j) Instrumen kewangan derivatif

Jadual di bawah menunjukkan nilai saksama instrumen kewangan derivatif direkodkan sebagai aset atau liabiliti, bersama-sama dengan jumlah prinsipal mereka. Jumlah prinsipal, dicatatkan pada nilai kasar, adalah jumlah aset pendasar derivatif, kadar rujukan atau indeks dan adalah asas perubahan dalam nilai derivatif diukur. Jumlah prinsipal menunjukkan jumlah baki urus niaga pada akhir tempoh dan bukan petunjuk sama ada risiko pasaran atau risiko kredit.

Kumpulan	Jumlah Prinsipal RM'000	Nilai Saksama	
		Aset RM'000	Liabiliti RM'000
Pada 31.12.2013			
Urus niaga derivatif			
Kontrak tukaran asing			
Matawang hadapan:			
- Kurang daripada satu tahun	**1,619,825**	**55,054**	**(1,565)**
Swap matawang:			
- Kurang daripada satu tahun	**3,025,375**	**2,900**	**(59,007)**
Spot matawang:			
- Kurang daripada satu tahun	**28,757**	**33**	**(52)**
Kontrak kadar keuntungan			
Opsyen kadar keuntungan:			
- Lebih daripada tiga tahun	**575,000**	**-**	**(89,348)**
Swap kadar keuntungan silang matawang:			
- Satu hingga tiga tahun	**314,425**	**19,421**	**(19,421)**
	5,563,382	**77,408**	**(169,393)**
Derivatif lindung nilai			
Swap kadar keuntungan:			
- Kurang daripada satu tahun	**850,000**	**-**	**(1,798)**
- Satu hingga tiga tahun	**718,000**	**1,729**	**(2,562)**
- Lebih daripada tiga tahun	**1,902,963**	**18,889**	**(11,653)**
Swap kadar keuntungan silang matawang:			
- Satu hingga tiga tahun	**249,530**	**36,115**	**(35,588)**
- Lebih daripada tiga tahun	**383,100**	**-**	**(26,958)**
	4,103,593	**56,733**	**(78,559)**
Jumlah	**9,666,975**	**134,141**	**(247,952)**

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN
- 31 Disember 2013

57. OPERASI SKIM PERBANKAN ISLAM ("SPI") (SAMB.)

(j) Instrumen kewangan derivatif (samb.)

Kumpulan Pada 31.12.2012	Jumlah Prinsipal RM'000	Nilai saksama	
		Aset RM'000	Liabiliti RM'000
Derivatif perdagangan			
Kontrak berkaitan pertukaran matawang asing			
Matawang hadapan:			
- Kurang daripada satu tahun	555,985	73	(12,347)
Swap matawang:			
- Kurang daripada satu tahun	474,400	9,305	-
Spot matawang:			
- Kurang daripada satu tahun	6,733	5	-
Kontrak berkaitan kadar keuntungan			
Opsyen kadar keuntungan:			
- Lebih daripada tiga tahun	400,000	-	(62,394)
Swap kadar keuntungan silang matawang			
- Lebih daripada tiga tahun	300,500	6,476	(6,476)
	1,737,618	15,859	(81,217)
Pak-Kuwait Takaful Company Limited [13]	Pegangan pelaburan	Pakistan	**22**	22
MCB Bank Limited [13]	Perbankan	Pakistan	**20**	20
Asian Forum, Inc. [13]	Insurans kaptif luar pesisir	Malaysia	**23**	23
Tullet Prebon (Philippines), Inc. [13]	Broker antara peserta dalam pertukaran matawang, pendapatan tetap dan lain-lain	Filipina	**49**	44
Adrian V. Ocampo Insurance Brokers. Inc. [12]	Ejen insurans antara syarikat insurans	Filipina	**40**	36
ATRAM Investment Management Partners Corporation [12]	Syarikat Pegangan	Filipina	**35**	-

(c) Butiran usaha sama adalah seperti berikut:

Nama Syarikat	Kegiatan Utama	Negara Diperbadankan/ Tempat Utama Perniagaan	Kepentingan Efektif	
			Pada 31.12.2013 %	Pada 31.12.2012 %
Dipegang melalui syarikat-syarikat subsidiari				
Maybank JAIC Managment Ltd.	Pengurusan dana	Malaysia	**50**	50
Anfaal Capital [13]	Perbankan pelaburan	Arab Saudi	**35**	-

Nota:

(1) Rupiah Indonesia (IDR)

(2) Dolar Amerika (USD)

(3) Kina Papua New Guinea (Kina)

(4) Peso Filipina (Peso)

(5) Dolar Singapura (SGD)

(6) Dolar Hong Kong (HKD)

(7) Pound Great Britain (GBP)

(8) Baht Thailand (THB)

(9) Rupee India (INR)

(10) Renminbi China (CNY)

(11) Dong Vietnam (VND)

(12) Diaudit oleh ahli lain daripada firma anggota Ernst & Young Global

(13) Diaudit oleh firma juruaudit selain daripada Ernst & Young

(14) Tiada audit dikehendaki seperti yang dibenarkan oleh undang-undang negara ia diperbadankan

(15) Tiada audit diperlukan kerana entiti berada di bawah pembubaran secara sukarela oleh anggota

(16) Pada 19 Jun 2013 dan 22 November 2013, Kumpulan menyelesaikan pelupusan 5,065,380,000 dan 5,675,040,000 saham biasa PT Bank Internasional Indonesia Tbk ("BII"), masing-masing, mewakili jumlah kira-kira 18.3% daripada modal saham diterbitkan dan berbayar BII, kepada pelabur pihak ketiga. Pelupusan tersebut dibuat untuk memenuhi pematuhan terhadap keperluan penjualan mandatori Otoritas Jasa Keuangan ("OJK") di bawah Regulasi OJK No. IX.H.1. Kumpulan juga telah memeterai perjanjian komersil di mana pendedahan ekonomi berikutan pelupusan itu dikekalkan. Oleh yang demikian, pelupusan tersebut tidak mempunyai sebarang kesan kewangan ketara kepada Kumpulan dan pelupusan tidak menyebabkan pengurangan dalam kepentingan efektif Kumpulan dalam BII.

59. MATAWANG

Penyata pendapatan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM"), yang juga merupakan matawang fungsi Bank dan dibundarkan kepada ribu (RM'000) paling hampir kecuali dinyatakan sebaliknya.

60. PERBANDINGAN

Angka-angka tertentu dalam tahun sebelumnya telah dinyatakan semula untuk mematuhi pembentangan penyata kewangan tahun semasa dan penerimaan piawaian perakaunan baru dan disemak. Kesan daripada penyataan semula ini dinyatakan dalam Nota 2.4(x).

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN
- 31 Disember 2013

61. MAKLUMAT TAMBAHAN - BUTIRAN KEUNTUNGAN TERKUMPUL YANG DIPEROLEH DAN BELUM DIPEROLEH

Pecahan keuntungan terkumpul Kumpulan dan Bank pada tarikh penyata kedudukan kewangan ke dalam keuntungan diperoleh dan belum diperoleh dibentangkan selaras dengan arahan yang dikeluarkan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad bertarikh 25 Mac 2010 dan disediakan selaras dengan Panduan mengenai Perkara Khas No.1, *Penentuan Keuntungan atau Kerugian Diperoleh dan Belum Diperoleh dalam Konteks Pendedahan Menurut Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad*, seperti yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia.

Kumpulan	Pada 31.12.2013 RM'000	Pada 31.12.2012 (Dinyatakan semula) RM'000	Pada 1.1.2012 (Dinyatakan semula) RM'000
Keuntungan terkumpul:			
- Diperoleh	**8,266,525**	7,566,518	6,701,161
- Belum diperoleh	**2,251,983**	2,195,259	1,908,003
	10,518,508	9,761,777	8,609,164
Bahagian keuntungan terkumpul daripada syarikat bersekutu dan usaha sama:			
- Diperoleh	**349,817**	294,847	218,055
- Belum diperoleh	**-**	-	-
	349,817	294,847	218,055
Penyelarasan penyatuan	**879,159**	1,048,213	1,555,155
Jumlah keuntungan terkumpul	**11,747,484**	11,104,837	10,382,374

Bank	Pada 31.12.2013 RM'000	Pada 31.12.2012 RM'000	Pada 1.1.2012 RM'000
Keuntungan terkumpul:			
- Diperoleh	**1,896,046**	2,303,378	3,595,568
- Belum diperoleh	**1,582,168**	1,876,104	1,299,444
Jumlah keuntungan terkumpul	**3,478,214**	4,179,482	4,895,012

BASEL II
PENDEDAHAN TUNGGAK 3

210 **Tinjauan**
210 **Skop Aplikasi**
211 **Pengurusan Modal**
216 **Pengurusan Risiko**
218 **Risiko Kredit**
- Definisi Risiko Kredit
- Keperluan Modal Pengawal Selia
- Pengurusan Risiko Kredit/Tumpuan Risiko/Kualiti Aset
- Dasar Rosot Nilai Kredit dan Pengelasan dan Peruntukan Rosot Nilai bagi Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan
- Keperluan Basel II
- Portfolio Bukan Runcit
- Portfolio Runcit
- Pengesahan Model Bebas
- Pengurangan Risiko Kredit
- Pendedahan Kredit Tertakluk Kepada Pendekatan Standard (SA)
- Risiko Kredit Rakan Niaga

260 **Risiko Pasaran**
- Risiko Pasaran Diniagakan
- Risiko Pasaran Tidak Diniagakan
- Pengurusan Risiko Kecairan

263 **Risiko Operasi**
- Pengurusan Kesinambungan Perniagaan

265 **Tadbir Urus Syariah**
267 **Kenyataan Pandangan Masa Depan**

TINJAUAN

Pendedahan Teras (Tunggak) 3 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 untuk Malayan Banking Bhd. ("Maybank" atau "Bank") dan syarikat-syarikat subsidiarinya ("Kumpulan Maybank" atau "Kumpulan") mematuhi Rangka Kerja Kecukupan Modal Berwajaran Risiko (RWCAF) – Pendedahan Keperluan ("Tunggak 3") yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia's ("BNM") yang sama dengan "Penumpuan Antarabangsa atas Penilaian dan Piawaian Modal" (biasanya dirujuk sebagai Basel II) yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Penyeliaan Perbankan Basel ("BCBS").

Kumpulan telah menerima pakai Pendekatan Asas Penarafan Dalaman ("FIRB") dan penyeliaan kemasukan kriteria untuk mengira aset wajaran risiko kredit bagi portfolio yang bukan runcit utama, dan Pendekatan Berasaskan Penarafan Dalaman Termaju ("AIRB") untuk portfolio runcit yang utama. Portfolio kredit lain terutamanya dalam syarikat subsidiari bank dan beberapa unit operasi luar Negara menggunakan Pendekatan Standard dan akan secara beransur-ansur beralih kepada pendekatan berasaskan penarafan dalaman ("IRB").

Bagi risiko pasaran, Kumpulan menerima pakai Pendekatan Standard ("SA") manakala risiko operasi berdasarkan kepada Pendekatan Petunjuk Asas ("BIA"). Kumpulan kini menuju ke arah pensijilan Pendekatan Standard ("TSA") bagi risiko operasi.

MEDIUM DAN LOKASI PENDEDAHAN

Pendedahan Tunggak 3 Kumpulan akan disediakan di bawah seksyen Hubungan Pelabur dalam Laman web Kumpulan, www.maybank.com.my dan sebagai laporan yang berasingan dalam laporan tahunan dan setengah tahun selepas nota-nota penyata kewangan.

ASAS PENDEDAHAN

Dokumen pendedahan Tunggak 3 Kumpulan telah direka bentuk supaya mematuhi Garis Panduan Tunggak 3 BNM dan perlu dibaca bersama penyata kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013. Walaupun dokumen ini mendedahkan aset-aset Kumpulan dari segi pendedahan dan keperluan modal, maklumat yang dinyatakan di sini mungkin tidak boleh dibandingkan secara langsung dengan Penyata Kewangan 2013 yang diterbitkan oleh Kumpulan.

MAKLUMAT PERBANDINGAN

Ini adalah pendedahan penuh Tunggak 3 untuk kali keempat sejak Kumpulan menggunakan pendekatan IRB Basel II pada bulan Julai 2010. Pendedahan sepadan dalam tempoh laporan sebelumnya adalah pada 31 Disember 2012. Perbandingan nisbah kecukupan modal dan nisbah modal telah dinyatakan semula menurut garis panduan BNM yang dikemas kini berhubung Rangka Kerja Kecukupan Modal (Aset Berwajaran Risiko dan Komponen Modal) yang diterbitkan pada 28 November 2012, yang masing-masing diguna pakai untuk Kumpulan Maybank dan Maybank Islamic Berhad.

SKOP APLIKASI

Pendedahan Tunggak 3 disediakan pada asas penyatuan dan meliputi maklumat tentang Kumpulan, Bank dan Maybank Islamic Berhad, syarikat subsidiari milik penuh Bank.

Bagi tujuan laporan kawal selia, Maybank menubuhkan dua tahap utama pelaporan iaitu di peringkat Kumpulan Maybank, meliputi Maybank dan syarikat-syarikat subsidiarinya tetapi tidak termasuk pelaburan dalam entiti insurans dan syarikat bersekutu; dan di peringkat Maybank, meliputi Maybank dan syarikat subsidiari luar pesisir yang dimiliki sepenuhnya, Maybank International (L) Ltd. ("MILL").

Maybank Islamic Berhad ("MIB") adalah syarikat subsidiari milik penuh Bank yang menyediakan perkhidmatan kewangan perbankan Islam di Malaysia.

Maklumat tentang syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat-syarikat bersekutu Kumpulan tersedia ada dalam nota-nota penyata kewangan. Dasar penyatuan untuk pelaporan kewangan dijelaskan dalam nota-nota penyata kewangan, yang berbeza daripada apa yang digunakan untuk tujuan pelaporan modal kawal selia.

PENGURUSAN MODAL

PENGENALAN

Pendekatan Kumpulan terhadap pengurusan modal adalah didorong daripada objektif strategik dan mengambil kira semua persekitaran kawal selia, ekonomi dan komersil yang berkaitan dengan di mana Kumpulan beroperasi. Kumpulan menganggap bahawa mempunyai kedudukan modal yang kukuh adalah penting untuk strategi perniagaan dan kedudukan kompetitif Kumpulan. Oleh itu, implikasi ke atas kedudukan modal Kumpulan diambil kira oleh Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan sebelum melaksanakan keputusan utama perniagaan bagi memulihara keutuhan modal keseluruhan Kumpulan.

Teras utama pengurusan dan perancangan modal Kumpulan adalah untuk mempelbagaikan sumber modalnya; untuk memperuntuk dan mengguna modal dengan efisien, dipandu oleh keperluan untuk mengekalkan satu hubungan berhemat antara modal tersedia dan risiko-risiko perniagaan asas; dan yang memenuhi jangkaan pihak berkepentingan utama, termasuk pelabur, pengawal selia dan agensi penarafan.
Di samping itu, dasar ini digunakan untuk tujuan memastikan sumber modal yang mencukupi dan struktur modal yang cekap bagi:

- Mengekalkan nisbah modal yang mencukupi pada setiap masa, melebihi tahap minimum kawal selia BNM;
- Menyokong penarafan kredit Kumpulan daripada agensi penarafan tempatan dan asing;
- Memperuntuk dan menggunakan modal secara efisien bagi menyokong objektif strategik Kumpulan dan seterusnya memaksimakan pulangan modal;
- Kekal fleksibel untuk menggunakan kesempatan daripada peluang masa depan; dan
- Membina dan melabur dalam perniagaan, walaupun dalam persekitaran yang agak menekan.

Rangka Kerja Pengurusan Modal

Pengurusan modal Kumpulan dipandu oleh Rangka Kerja Pengurusan Modal Kumpulan untuk memastikan pengurusan modal yang konsisten dan selaras di seluruh Kumpulan. Rangka kerja pengurusan modal digunakan di seluruh Kumpulan dan entiti-entitinya.

Rangka Kerja Pengurusan Modal Kumpulan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah, menyediakan pendekatan menyeluruh kepada pengurusan modal Kumpulan. Secara khususnya, rangka kerja ini bertujuan untuk mewujudkan:-

- Rangka tindakan yang mana dasar-dasar dan prosedur pengurusan modal akan dibangunkan;
- Prinsip dan strategi di mana modal akan diurus dan dioptimumkan;
- Tadbir urus dan peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan (“EXCO Kumpulan”), Jawatankuasa Pengurusan Aset dan Liabiliti Kumpulan (“ALCO”) dan perniagaan dan sokongan berhubung hal ehwal pengurusan modal; dan
- Garis panduan untuk menguruskan modal pada pendekatan bersepadu dan mematuhi semua keperluan dalaman dan kawal selia di seluruh Kumpulan.

Rangka kerja ini juga mengandungi prinsip-prinsip untuk pembangunan dan penggunaan Pengukuran Prestasi Risiko Diselaraskan (“RAPM”) untuk mengukur dan mengurus prestasi modal untuk semua entiti Kumpulan. RAPM dilaksanakan oleh Kumpulan untuk menggalakkan tahap modal optimum bagi sektor perniagaan, syarikat-syarikat subsidiari dan cawangan-cawangan untuk mengurangkan pembaziran, mengurangkan kos modal dan untuk mengoptimumkan pulangan ke atas modal.

Dasar bersesuaian diwujudkan bagi mengawal selia pemindahan modal dalam Kumpulan. Tujuannya adalah untuk memastikan bahawa modal diremitkan sebagaimana sesuai, tertakluk kepada keperluan pengawal selia tempatan dan sumber modal keseluruhan dioptimumkan di peringkat Kumpulan dan entiti. Tanggungjawab keseluruhan bagi pengurusan modal yang berkesan terletak pada Lembaga Pengarah manakala EXCO Kumpulan bertanggungjawab untuk memastikan keberkesanan dasar pengurusan modal secara berterusan dan untuk mengemas kini Rangka Kerja Pengurusan Modal Kumpulan bagi mencerminkan perubahan dan perkembangan-perkembangan baru.

Pelan Modal Kumpulan Tahunan

Rangka Kerja Pengurusan Modal Kumpulan juga disokong oleh Pelan Modal Kumpulan untuk memastikan pemantauan mantap terhadap kedudukan modal Kumpulan dan memastikan Kumpulan (termasuk syarikat-syarikat subsidiari, syarikat-syarikat bersekutu dan cawangan-cawangan luar negara) mempunyai tahap modal yang mencukupi dan campuran modal yang optimum untuk menyokong pelan perniagaan dan objektif strategik Kumpulan sepanjang tahun kewangan.

Pelan Modal Kumpulan dikemas kini pada asas tahunan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah untuk pelaksanaan pada setiap permulaan tahun kewangan. Pelan modal ini disediakan bagi menampung sekurang-kurangnya tiga tahun tempoh kewangan, juga mengambil kira, antara lainnya, objektif strategik dan rancangan perniagaan Kumpulan, keperluan modal kawal selia, pandangan pihak berkepentingan utama seperti pengawal selia, pelabur, agensi penarafan dan penganalisis, penanda aras modal berbanding pihak setara, pembangunan garis panduan modal untuk tempatan dan luar negara, bekalan modal sedia ada dan pilihan meningkatkan modal, prestasi sektor perniagaan, syarikat-syarikat subsidiari dan cawangan-cawangan luar negara berdasarkan pendekatan RAPM serta ICAAP Tunggak 2 dan keputusan ujian tekanan.

Pelan Modal Kumpulan disemak oleh Lembaga Pengarah setiap setengah tahun dalam usaha untuk mengikuti perkembangan terkini mengenai pengurusan modal dan juga untuk memastikan pelaksanaan yang berkesan dan tepat pada masanya bagi rancangan yang terkandung di dalamnya.

Pelan Luar Jangkaan Modal

Di samping Rangka Kerja Pengurusan Modal dan Pelan Modal Kumpulan, Kumpulan juga membangunkan Pelan Luar Jangkaan Modal Kumpulan untuk memastikan bahawa modal diuruskan dengan berkesan di seluruh Kumpulan jika berlaku krisis modal.

Pelan Luar Jangkaan Modal Kumpulan adalah lanjutan daripada Rangka Kerja Pengurusan Modal yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan dikemas kini dari semasa ke semasa. Pelan tersebut menyediakan pendekatan komprehensif kepada pengurusan dan pemulihan semula modal di seluruh Kumpulan dalam kejadian krisis modal dengan cara:

- Mewujudkan dasar dan prosedur bagi perancangan luar jangkaan modal;
- Mewujudkan tadbir urus bagi perancangan luar jangkaan modal;
- Menyediakan isyarat amaran awal dan mewujudkan proses pemantauan dan tindakan lanjut;
- Mewujudkan strategi dan pelan tindakan untuk memastikan modal diuruskan dengan segera; dan
- Menjadi panduan rujukan bagi syarikat-syarikat Kumpulan Maybank.

Untuk memastikan tahap modal yang kukuh pada setiap masa di seluruh Kumpulan, nisbah kecukupan modal Kumpulan termasuk syarikat-syarikat subsidiari dan cawangan-cawangan luar negaranya dipantau secara aktif oleh pengurusan kanan dan jawatankuasa-jawatankuasa berkenaan pada asas bulanan. Titik pencetus bersesuaian diwujudkan bedasarkan nisbah kecukupan modal yang dikira menurut garis panduan BNM dan pengawal selia asing lain (di mana berkenaan) untuk membantu pelaporan, pemantauan dan tindakan lanjut, membuat keputusan dan rancangan tindakan.

Keadaan yang boleh menjurus kepada kepincangan dalam kedudukan modal termasuk, antara lainnya, persekitaran ekonomi, keadaan pasaran dan keadaan kewangan. Dalam hal ini, strategi dan pelan tindakan bersesuaian telah dibangunkan agar, dalam keadaan krisis modal yang tidak dijangka sebegini, Kumpulan akan bersedia untuk menanganinya dengan segera dan memulihkan semula modal ke tahap yang kukuh.

Struktur Modal

Kualiti dan komposisi modal adalah faktor utama dalam penilaian oleh Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan terhadap kedudukan kecukupan modal Kumpulan. Kumpulan memberikan penekanan kepada kualiti modal dan, sejajar dengan itu memegang sejumlah besar modal dalam bentuk ekuiti biasa yang kekal dan mempunyai keupayaan penyerapan kerugian yang tertinggi secara berterusan.

Modal ekuiti biasa Kumpulan terdiri daripada modal saham terbitan dan berbayar, premium saham, rizab dan keuntungan terkumpul. Sepanjang tahun kewangan, modal saham terbitan dan berbayar Kumpulan meningkat sebanyak kira-kira RM422 juta yang datangnya, antara lain, daripada terbitan saham baru di bawah Skim Opsyen Saham Kakitangan sebanyak kira-kira RM90 juta serta daripada penyelesaian Pelan Pelaburan Semula Dividen (“DRP”) keenam dan ketujuh melalui terbitan dan peruntukan sebanyak lebih kurang 332 juta saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham, masing-masing 29 Mei 2013 dan 25 Oktober 2013.

Kumpulan mengumumkan skim DRP pada 25 Mac 2010 untuk membolehkan pemegang saham melabur semula dividen mereka ke dalam saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham di dalam Bank.

Kumpulan telah melaksanakan tujuh DRP sejak pelaksanaannya pada tahun 2010 sehingga kini, kesemuanya dengan kejayaan mencatatkan kadar pelaburan semula melebihi 85%. Dua DRP terkini (ke-6 dan ke-7) yang dilaksanakan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 adalah kejayaan dengan kadar pelaburan semula yang tinggi masing-masing sebanyak 85.65% dan 85.90%. Kadar pelaburan semula dicapai oleh Kumpulan bagi tujuh DRP lepas ditunjukkan di bawah:

PENGURUSAN MODAL

Pelan Pelaburan Semula Cadangan dividen	Pertama Dividen Tunai Akhir	Kedua Dividen Tunai Interim	Ketiga Dividen Tunai Akhir	Keempat Dividen Tunai Akhir	Kelima Dividen Tunai Interim	Keenam Dividen Tunai Akhir	Ketujuh Dividen Tunai Interim
Tahun kewangan berakhir	30 Jun 2010	30 Jun 2011	30 Jun 2011	31 Dis 2011	31 Dis 2012	31 Dis 2012	31 Dis 2013
Tarikh penyelesaian	21 Dis 2010	13 Mei 2011	29 Dis 2011	5 Jun 2012	29 Okt 2012	30 Mei 2013	28 Okt 2013
Dividen kasar sesaham	44 sen	28 sen	32 sen	36 sen	32 sen	33 sen*	22.5 sen**
Kadar pelaburan semula yang dicapai	88.59%	91.13%	86.10%	88.52%	88.19%	85.65%	85.90%

* *Mengandungi dividen peringkat tunggal 15 sen*
** *Dividen peringkat tunggal*

Berkuat kuasa 30 Jun 2013, jumlah dividen yang diumumkan dalam pengiraan Modal Ekuiti Biasa Tahap 1 ("CET1") di bawah DRP akan ditentukan menurut Garis Panduan Pelaksanaan atas Rangka Kerja Kecukupan Modal BNM (Komponen Modal) ("Garis Panduan Pelaksanaan") yang diterbitkan pada 8 Mei 2013. Di bawah Garis Panduan Pelaksanaan, di mana sebahagian dividen boleh dilabur semula di bawah DRP (bahagian boleh pilih), jumlah dividen diumumkan yang perlu ditolak dalam pengiraan Modal CET1, boleh dikurangkan seperti berikut:

- Di mana persetujuan tidak boleh ubah secara bertulis daripada pemegang saham telah diterima untuk melabur semula bahagian boleh pilih dividen; atau
- Di mana tiada persetujuan tidak boleh ubah diberikan, purata kadar penerimaan 3-tahun terdahulu tertakluk kepada jumlahnya tidak melebihi 50% daripada jumlah bahagian boleh pilih dividen.

Di samping itu, bahagian tunai daripada dividen yang diumumkan akan ditolak dalam pengiraan Modal CET1.

Bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2013, Lembaga Pengarah telah mencadangkan pembayaran dividen akhir peringkat tunggal sebanyak 31 sen sesaham biasa. Daripada jumlah ini, 4 sen sesaham biasa akan dibayar dalam tunai, manakala baki 27 sen sesaham biasa adalah bahagian yang boleh dipilih untuk dilabur semula oleh pemegang-pemegang saham dalam saham baru Maybank menurut DRP, tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa yang berkaitan dan juga kelulusan pemegang-pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan akan datang.

Di samping ekuiti biasa, Kumpulan juga mengekalkan instrumen modal jenis lain seperti Sekuriti Modal Tahap 1 Bukan Inovatif, Sekuriti Modal Tahap 1 Inovatif dan Bon/Sijil/Nota Subordinat untuk mengoptimumkan campuran modal dan kos modal.

Kumpulan mempunyai sejumlah kira-kira RM5.9 bilion instrumen modal Tahap 1 pada 31 Disember 2013, meliputi jenis Bukan Inovatif dan Inovatif, seperti berikut:

Instrumen Modal Tahap 1

Keterangan	Tarikh Diterbitkan	Terma Utama	Pada 31.12.13 RM'juta
Sekuriti Modal Tercantum ("NCPCS") (bukan inovatif) RM3,500 juta 6.85% matang pada 27 Jun 2038	27 Jun 2008	Boleh dipanggil pada 27 Jun 2018 dan matang pada 27 Jun 2038. Boleh dipanggil pada opsyen bank 10 tahun daripada tarikh diterbitkan atau mana-mana tarikh pengagihan NCPCS kemudiannya, tertakluk kepada syarat-syarat penebusan dipenuhi.	3,499
Sekuriti Modal Tahap 1 Inovatif 6.00% SGD600 juta matang pada 10 Ogos 2068	11 Ogos 2008	Boleh dipanggil pada 10 Ogos 2018 dan matang pada 10 Ogos 2068. Boleh dipanggil pada 25 September 2018 pada opsyen bank 10 tahun dari tarikh diterbitkan. Terdapat perubahan dalam kadar faedah kepada kadar terapung, ditetapkan semula setiap sukuan tahun pada tebaran tambahan 100 mata asas di atas Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur bagi deposit RM 3-bulan.	1,552
Sekuriti Modal Tahap 1 Inovatif 6.30% RM1,100 juta matang pada 25 September 2068	25 Sep 2008	Boleh dipanggil pada 25 September 2018 dan matang pada 25 September 2068. Boleh dipanggil pada 25 September 2018 pada opsyen bank 10 tahun dari tarikh diterbitkan. Terdapat perubahan dalam kadar faedah kepada kadar terapung, ditetapkan semula setiap sukuan tahun pada tebaran tambahan 100 mata asas di atas Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur bagi deposit RM 3-bulan.	1,099

Kumpulan juga mempunyai kira-kira RM11.54 billion jumlah bon/sijil/nota subordinat pada 31 Disember 2013, yang mana butirannya adalah seperti berikut:

Tanggungan Subordinat

Keterangan	Tarikh terbitan	Terma utama	Pada 31.12.12 RM'juta
Nota Subordinat SGD1.0 bilion 3.80% matang pada tahun 2021	28 Apr 2011	Boleh dipanggil pada 28 April 2016 dan matang pada 28 April 2021 (10 tak boleh panggil 5)	2,594
Nota Subordinat RM2.0 bilion 4.10% matang pada tahun 2021	15 Ogos 2011	Boleh dipanggil pada 15 Ogos 2016 dan matang pada 16 Ogos 2021 (10 tak boleh panggil 5)	1,999
Nota Subordinat RM750 juta 3.97% matang pada tahun 2021	28 Dis 2011	Boleh dipanggil pada 28 Disember 2016 dan matang pada 28 Disember 2021 (10 tak boleh panggil 5)	750
Nota Subordinat RM250 juta 4.12% matang pada tahun 2023	28 Dis 2011	Boleh dipanggil pada 28 Disember 2018 dan matang pada 28 Disember 2023 (12 tak boleh panggil 7)	250
Nota Subordinat RM2.1 bilion 4.25% matang pada tahun 2024	10 Mei 2012	Boleh dipanggil pada 10 Mei 2019 dan matang pada 10 Mei 2024 (12 tak boleh panggil 7)	2,100
Nota Subordinat AS$800 juta 3.25% matang pada tahun 2022	20 Sep 2012	Boleh dipanggil pada 20 September 2017 dan matang pada 20 September 2022 (10 tak boleh panggil 5)	2,626

Dalam tahun kewangan, Kumpulan telah menebus satu bon subordinat berjumlah RM1.5 bilion, yang telah diterbitkan pada bulan Mei 2006 pada asas 12 tak boleh panggil 7.

Instrumen modal Tahap 1 dan tanggungan subordinat di atas layak untuk peralihan keluar beransur-ansur menurut Rangka Kerja Kecukupan Modal BNM (Komponen Modal) yang diterbitkan pada 28 November 2012.

Pelaksanaan Basel III

Di bawah rangka kerja kecukupan modal BNM, institusi-institusi perbankan dikehendaki mengekalkan kuantiti dan kualiti modal minimum yang lebih tinggi tetapi keperluan itu tertakluk kepada peralihan secara beransur-ansur melibatkan satu tempoh masa mulai tahun 2013 dan akan berkuat kuasa sepenuhnya menjelang tahun 2019. BNM juga dijangka memperkenalkan keperluan penampan modal tambahan yang akan terdiri daripada Penampan Pengekalan Modal sebanyak 2.5% daripada jumlah Aset Berwajaran Risiko (RWA) dan Penampan Modal Menangani Kitaran di antara 0% – 2.5% daripada jumlah RWA. Panduan selanjutnya berkenaan pengiraan pendekatan dan operasi untuk keperluan penampan modal akan diumumkan oleh BNM sebelum tahun 2016.

Tatkala institusi-institusi perbankan di Malaysia berkembang menjadi pemain utama di rantau ini dan bertambah penting secara sistematik, BNM, pada tarikh kemudian, akan menilai keperluan bagi institusi-institusi perbankan besar memasukkan 1% - 3.5% penampan modal agar selaras dengan saiz serta tahap aktiviti silang sempadan dan kompleksiti operasi mereka.

Kumpulan yakin untuk terus kekal kukuh melebihi keperluan modal minimum menurut garis panduan BNM yang dikemas kini bagi Rangka Kerja Kecukupan Modal (Komponen Modal) yang diterbitkan pada 28 November 2012. Dengan kesinambungan pemuliharaan modal daripada DRP berserta pengurusan modal yang aktif di seluruh Kumpulan, Nisbah Modal CET1 akan dikekalkan dengan selesa di atas tahap minimum 7% (termasuk penampan pemuliharaan modal) seperti yang diperlukan menjelang 2019.

PROSES PENILAIAN KECUKUPAN MODAL DALAMAN ("ICAAP")

Di peringkat Kumpulan, kecukupan modal keseluruhan berkaitan dengan profil risiko dinilai melalui proses yang dijelaskan dalam Dasar dan Rangka Kerja ICAAP Kumpulan. Dasar dan Rangka Kerja ICAAP diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan diselarikan kepada garis panduan kawal selia yang diterbitkan oleh BNM. ICAAP telah dilaksanakan dalam Kumpulan bagi memastikan kesemua risiko ketara dikenal pasti, diukur dan dilaporkan, dan paras modal mencukupi dikekalkan agar selaras dengan profil risiko Kumpulan.

ICAAP Kumpulan secara teliti telah menyepadukan perancangan proses pengurusan risiko dan modal. Rangka kerja ICAAP direka bentuk untuk memastikan tahap-tahap yang mencukupi, termasuk penampan modal, dikekalkan untuk menyokong permintaan semasa dan juga unjurannya bagi modal di bawah keadaan sedia ada dan ketika di bawah tekanan. Laporan ICAAP diserahkan kepada Jawatankuasa Risiko Eksekutif ("ERC"), Jawatankuasa Pengurusan Risiko ("RMC") dan Lembaga Pengarah untuk mengkaji secara komprehensif kesemua risiko ketara yang dihadapi oleh Kumpulan dan penilaian kecukupan modal untuk menyokongnya.

Pada Mac 2013, Kumpulan mengemukakan dokumen ICAAP yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah kepada BNM untuk memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa. Dokumen tersebut mengandungi tinjauan ICAAP, kedudukan kewangan dan modal semasa dan unjuran, tadbir urus ICAAP, model dan proses penilaian risiko, kaedah pendekatan risiko dan pengurusan modal, ujian tekanan dan perancangan modal dan penggunaan ICAAP. Setiap tahun, Kumpulan akan menyerahkan semakan terkini kepada bank pusat.

Proses Semakan Kawal Selia ICAAP



Pelengkap kepada laporan ICAAP adalah Pelan Modal Kumpulan yang dikemaskini setiap tahun di mana sasaran modal dalaman ditetapkan dan disemak semula, antaranya sebagai sebahagian daripada pengurusan modal yang baik.

PENGURUSAN MODAL

Penilaian Risiko Komprehensif di bawah Rangka kerja ICAAP

Di bawah kaedah ICAAP Kumpulan, jenis-jenis risiko berikut dikenal pasti dan diukur:

- Risiko-risiko tertakluk di bawah Teras 1 (risiko kredit, risiko pasaran dan risiko operasi);
- Risiko bukan sepenuhnya di bawah Teras 1 (contohnya risiko model);
- Risiko-risiko yang tidak diambil kira oleh Teras 1 (contohnya risiko kadar faedah dalam buku perbankan, risiko kecairan, risiko perniagaan/strategik, risiko reputasi dan risiko tumpuan kredit); dan
- Faktor luaran, termasuk perubahan dalam persekitaran ekonomi, kawal selia, dan peraturan perakaunan.

Satu proses utama yang ditetapkan dalam Kumpulan Maybank bertujuan mengenal pasti risiko-risiko material yang boleh timbul melalui pengenalan produk baru dan perkhidmatan. Risiko material dijelaskan sebagai 'risiko-risiko yang secara material atau ketara memberikan kesan terhadap prestasi kewangan (keuntungan), kecukupan modal, kualiti aset dan/atau reputasi bank sekiranya risiko itu berlaku'.

Dalam Rangka Kerja ICAAP Kumpulan, proses Penilaian Risiko Material ("MRAP") direka untuk mengenal pasti risiko-risiko utama daripada persekitaran risiko Kumpulan, dan menyediakan proses kukuh untuk menangani risiko berdasarkan potensi kesan pemandu risiko ke atas pendapatan dan modal. Risiko-risiko material disemak dan dilaporkan dari semasa ke semasa dan dibentangkan kepada ERC dan RMC.

Penilaian Risiko Tunggak 1 dan Tunggak 2

Selaras dengan amalan terbaik industri, Kumpulan menentukan jumlah risikonya menggunakan kaedah-kaedah yang diuji dan diterima dalam industri itu.

Dalam keadaan di mana risiko-risiko tidak boleh dikira dengan mudah disebabkan kekurangan teknik-teknik ukuran risiko, pandangan pakar digunakan untuk menentukan saiz dan tahap risiko sebenarnya. ICAAP Kumpulan kemudiannya akan memberi tumpuan kepada kawalan kualitatif dalam menguruskan risiko yang tidak dapat ditentukan jumlahnya. Langkah-langkah kualitatif ini meliputi:

- Proses tadbir urus yang mencukupi;
- Sistem, prosedur dan kawalan dalaman yang mencukupi;
- Strategi pengurangan risiko yang berkesan; dan
- Pemantauan dan pelaporan tetap.

Ujian Tekanan Tetap dan Baik

Program ujian tekanan Kumpulan disertakan dalam proses pengurusan modal dan risiko, dan merupakan fungsi utama perancangan modal serta proses perancangan perniagaan. Program berkenaan menjadi unjuran risiko masa depan dan alat pengurusan modal untuk memahami profil risiko kami di bawah keadaan mendesak tetapi munasabah. Keadaan sedemikian mungkin timbul daripada faktor-faktor ekonomi, politik dan persekitaran.

Di bawah Rangka Kerja Ujian Tekanan ("GST") Kumpulan Maybank yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah, ia mengambil kira potensi kesan-kesan yang tidak menggalakkan sekiranya berlaku tekanan ke atas keuntungan, kualiti aset, aset berwajaran risiko ("RWA") kecukupan modal dan keupayaan mematuhi set kaedah selera risiko ditetapkan.

Secara khususnya, program ujian tekanan dirangka khususnya untuk:

- Menyerlahkan keadaan tekanan yang dinamik dan potensi kesannya kepada perdagangan Kumpulan, pendedahan buku perbankan, kedudukan kecairan dan kemungkinan kesan reputasi;
- Mengenal pasti strategi utama secara proaktif untuk mengurangkan kesan daripada peristiwa-peristiwa atau keadaan yang menekankan; dan
- Menjadikan hasil tekanan sebagai input dalam ICAAP Kumpulan dalam menentukan kecukupan modal dan penampan modal.

Terdapat tiga jenis ujian tekanan yang dikendalikan di seluruh Kumpulan:

- Ujian tekanan Kumpulan – Ujian tekanan di seluruh Kumpulan menggunakan scenario serupa yang diluluskan oleh RMC dan keputusan diserahkan kepada BNM.
- Ujian tekanan lokal – Ujian tekanan dengan skop terhad dibuat ke atas peringkat portfolio, cawangan/sektor atau entiti berdasarkan scenario yang relevan pada kawasan atau lokaliti tertentu.
- Ujian tekanan ad-hoc – Ujian tekanan bertempoh dilakukan sebagai tindak balas terhadap peristiwa risiko yang muncul.

Tema ujian tekanan dikaji semula oleh Kumpulan Kerja Ujian Tekanan pada masa lalu termasuk Pengurangan Kuantitatif Rizab Persekutuan (Federal Reserve Quantitative Easing), penurunan penarafan berdaulat, kelembapan ekonomi China, ulangan Krisis Kewangan Asia, kejatuhan nilai dolar AS, wabak selesema, kejatuhan harga aset, kenaikan kadar faedah, senario kemelesetan berganda global, malapetaka di Jepun, krisis hutang Zon Eropah dan AS.

Kumpulan Kerja Ujian Tekanan, yang terdiri daripada pasukan perniagaan dan pengurusan risiko Kumpulan, mengemukakan ujian tekanan kepada jawatankuasa-jawatankuasa Pengurusan Kanan dan Lembaga Pengarah dan berbincang tentang keputusan-keputusan dengan pengawal selia secara tetap.

NISBAH KECUKUPAN MODAL

Pada 29 Jun 2010, Bank dan syarikat subsidiarinya, MIB menerima kelulusan daripada BNM untuk beralih kepada penggunaan Pendekatan IRB bagi risiko kredit di bawah RWCAF Basel II mulai 1 Julai 2010. Pada 28 November 2012, BNM mengeluarkan "Rangka Kerja Kecukupan Modal (Aset Berwajaran Risiko dan Komponen Modal)" yang dikemas kini untuk pengiraan RWA, modal dan nisbah kecukupan modal bagi bank-bank konvensional dan bank-bank Islam, bermula 1 Januari 2013 dan tertakluk kepada peralihan seperti mana dinyatakan dalam jadual di bawah:

Tahun Kalendar	Ekuiti Biasa Tahap 1 ("CET1") Nisbah Modal	Nisbah Modal Tahap 1	Jumlah Nisbah Modal
2013	3.5%	4.5%	8.0%
2014	4.0%	5.5%	8.0%
2015 dan selanjutnya	4.5%	6.0%	8.0%

Jadual 1: Nisbah Kecukupan Modal bagi Kumpulan Maybank, Maybank dan Maybank Islamic Berhad ("MIB") pada 31 Disember 2013

Nisbah Kecukupan Modal	Kumpulan	Maybank	Maybank Islamic
Nisbah Modal CET1	11.253%	15.925%	11.761%
Nisbah Modal Tahap 1	13.059%	15.925%	11.761%
Jumlah Nisbah Modal*	15.664%	15.925%	13.711%

	Kumpulan RM'000	Maybank RM'000	Maybank Islamic RM'000
Jumlah Modal	48,355,132	35,946,061	6,729,876
RWA Kredit	269,973,994	200,989,428	45,946,252
RWA Kredit diserap oleh Maybank	-	-	(1,210,230)
RWA Pasaran	7,928,149	5,338,195	729,512
RWA Operasi	30,801,508	19,400,252	3,619,234
Jumlah RWA	308,703,651	225,727,875	49,084,768

Nota* : Jumlah Nisbah Modal dikira dengan membahagikan jumlah modal dengan jumlah Aset Berwajaran Risiko (RWA).

Jumlah Nisbah Modal Kumpulan pada 31 Disember 2013 berada pada 15.664%, yang merupakan pengurangan daripada nisbah tahun kewangan sebelumnya sebanyak 16.600%.

Jumlah Nisbah Modal pada 15.664% berbanding jumlah RWA Kumpulan adalah di atas keperluan minimum yang ditetapkan oleh BNM dan adalah satu bukti kekukuhan Kumpulan dalam memenuhi kewajipannya. Begitu juga pada peringkat entiti, jumlah Nisbah Modal Bank kekal kukuh pada 15.925% dan MIB mencatat nisbah yang kukuh sebanyak 13.711%.

Sila rujuk Nota 53 Penyata Kewangan untuk perbincangan terperinci berhubung Nisbah Kecukupan Modal.

Jadual 2: Pendedahan tentang Komponen Modal

	Kumpulan RM'000	Maybank RM'000	Maybank Islamic RM'000
Pada 31.12.2013			
Modal CET1			
Modal saham berbayar	**8,862,079**	**8,862,079**	**218,988**
Premium saham	**19,030,227**	**19,030,227**	**3,725,969**
Keuntungan terkumpul	**8,908,590**	**4,257,076**	**2,172,652**
Rizab-rizab lain	**6,382,362**	**9,268,717**	**317,946**
Kepentingan tidak dikawal layak	**112,628**	**-**	**-**
Ditolak: Saham dipegang dalam amanah	**(107,248)**	**(107,248)**	**-**
Modal CET1 sebelum pelarasan kawal selia	**43,188,638**	**41,310,851**	**6,435,555**
Ditolak: Pelarasan kawal selia dikenakan ke atas Modal CET1	**(8,449,692)**	**(5,364,790)**	**(662,524)**
Aset cukai tertunda	**(1,623,489)**	**(1,053,598)**	**(267,403)**
Muhibah	**(4,924,662)**	**(81,015)**	**-**
Tidak ketara lain	**(1,088,882)**	**(446,805)**	**-**
Rizab penyamaan keuntungan	**(34,456)**	**-**	**(34,456)**
Kekurangan dalam jumlah peruntukan layak berbanding jumlah kerugian dijangka	**(778,203)**	**(39,421)**	**(360,665)**
Pelarasan kawal selia disebabkan ketidakcukupan Modal Tambahan Tahap 1 dan Tahap 2	**-**	**(3,743,951)**	**-**
Jumlah Modal CET1	**34,738,946**	**35,946,061**	**5,773,031**
Modal Tambahan Tahap 1			
Sekuriti modal	**5,490,972**	**5,490,972**	**-**
Instrumen Modal CET1 dan Modal Tambahan Tahap 1 layak yang dipegang oleh pihak ketiga	**82,848**	**-**	**-**
Ditolak: Pelarasan kawal selia disebabkan ketidakcukupan Modal Tahap 2	**-**	**(5,490,972)**	**-**
Jumlah Modal Tahap 1	**40,312,766**	**35,946,061**	**5,773,031**
Modal Tahap 2			
Tanggungan subordinat	**10,319,618**	**10,319,618**	**900,000**
Instrumen Modal CET1, Modal Tambahan Tahap 1 dan Tahap 2 layak yang dipegang oleh pihak ketiga	**12,099**	**-**	**-**
Peruntukan kolektif	**535,331**	**247,746**	**56,845**
Ditolak: Pelarasan kawal selia tidak ditolak daripada Modal CET1 atau Modal Tambahan Tahap 1 disediakan di bawah penyusunan peralihan	**(2,824,682)**	**(10,567,364)**	**-**
Jumlah Modal Tahap 2	**8,042,366**	**-**	**956,845**
Jumlah Modal	**48,355,132**	**35,946,061**	**6,729,876**
Pada 31.12.2012			
Modal CET1			
Modal saham berbayar	8,440,046	8,440,046	132,720
Premium saham	15,639,646	15,639,646	2,687,480
Keuntungan terkumpul	8,582,794	4,795,401	1,510,406
Rizab-rizab lain	7,030,592	8,762,288	214,765
Kepentingan tidak dikawal layak	80,163	-	-
Ditolak: Saham dipegang dalam amanah	(102,405)	(102,405)	-
Modal CET1 sebelum pelarasan kawal selia	39,670,836	37,534,976	4,545,371
Ditolak: Pelarasan kawal selia dikenakan ke atas Modal CET1	(8,812,484)	(2,040,885)	(641,104)
Aset cukai tertunda	(1,281,136)	(810,015)	(199,000)
Muhibah	(5,588,553)	(81,015)	-
Tidak ketara lain	(908,730)	(616,553)	-
Keuntungan atas instrumen kewangan dikelaskan sebagai 'tersedia untuk dijual'	(335,318)	(230,117)	(17,201)
Rizab penyamaan keuntungan	(34,456)	-	(34,456)
Kekurangan dalam jumlah peruntukan layak berbanding jumlah kerugian dijangka	(664,291)	(267,032)	(390,447)
Pelarasan kawal selia disebabkan ketidakcukupan Modal Tambahan Tahap 1 dan Tahap 2	-	(36,153)	-
Jumlah Modal CET1	30,858,352	35,494,091	3,904,267
Modal Tambahan Tahap 1			
Sekuriti modal	6,093,421	6,093,421	-
Instrumen Modal CET1 dan Modal Tambahan Tahap 1 layak yang dipegang oleh pihak ketiga	160,545	-	-
Ditolak: Pelarasan kawal selia disebabkan ketidakcukupan Modal Tahap 2	-	(6,093,421)	-
Jumlah Modal Tahap 1	37,112,318	35,494,091	3,904,267
Modal Tahap 2			
Tanggungan subordinat	11,546,020	11,546,020	1,000,000
Instrumen Modal CET1, Modal Tambahan Tahap 1 dan Tahap 2 layak yang dipegang oleh pihak ketiga	22,777	-	-
Peruntukan kolektif	728,806	294,552	85,396
Ditolak: Pelarasan kawal selia tidak ditolak daripada Modal CET1 atau Modal Tambahan Tahap 1 disediakan di bawah penyusunan peralihan	(2,709,503)	(11,840,572)	-
Jumlah Modal Tahap 2	9,588,100	-	1,085,396
Jumlah Modal	46,700,418	35,494,091	4,989,663

PENGURUSAN RISIKO

PENGENALAN

Pengurusan risiko yang berkesan dalam Kumpulan penting untuk memastikan pertumbuhan mampan perniagaan dan keuntungan. Dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2013, Risiko Kumpulan terus memainkan peranan penting bersama dengan perniagaan untuk menguruskan risiko demi menjaga kepentingan pemegang saham dan pihak-pihak berkepentingan. Rangka kerja pengurusan risiko Kumpulan telah diperkukuhkan untuk membolehkan pengenalpastian risiko, pengukuran dan pemantauan semua risiko material yang berkenaan dengan baik dan dinamik pada asas kumpulan. Kecanggihan rangka kerja perngurusan risiko disokong oleh pelbagai sistem, alat dan kaedah pengurusan risiko agar seiring dengan pengembangan perniagaan dan persekitaran luaran.

TINJAUAN

Objektif rangka kerja pengurusan risiko, yang diamalkan secara konsisten di seluruh Kumpulan, adalah untuk menyokong strategi Kumpulan dalam memacu penciptaan nilai dan menyokong pengembangan serantau. Pengurusan risiko disepadukan dengan baik dalam cara bagaimana kami menjalankan perniagaan melalui:

- Struktur tadbir urus yang kukuh, dengan rangka kerja yang jelas berhubung pemilikan risiko, kebertanggungjawaban, piawaian dan dasar;
- Penjajaran strategi risiko dan objektif perniagaan, dan penyepaduan selera risiko dan ujian tekanan ke dalam perancangan perniagaan dan pengurusan modal;
- Menerapkan budaya risiko sebagai asas di mana rangka kerja pengurusan risiko seluruh perusahaan yang kukuh dibina; dan
- Fungsi risiko yang bebas dan bersepadu dan Pusat Kecemerlangan (Centres of Excellence (“COEs”)).

STRUKTUR TADBIR URUS RISIKO

Sejajar dengan struktur Kumpulan dan aspirasi pengembangan serantau, Kumpulan terus meningkatkan meningkatkan pendekatan pengurusan risiko bersepadunya ke arah pengurusan risiko di seluruh kumpulan yang cekap. Dalam tahun kewangan ini, fungsi-fungsi Risiko Kumpulan disusun semula untuk mewujudkan COE bagi meningkatkan lagi tadbir urus risiko dan menyelaraskan amalan pengurusan risiko di seluruh Kumpulan untuk menggalakkan kecekapan.

Carta yang memberi ilustrasi struktur tadbir urus risiko Kumpulan Maybank boleh didapati di halaman 167 tentang Pengurusan Risiko di bawah Tadbir Urus Korporat dalam Laporan Tahunan ini.

SELERA RISIKO

Kumpulan telah dengan jayanya menyertakan Rangka Kerja Selera Risiko di seluruh Bank, syarikat-syarikat subsidiari dan cawangan-cawangan utama kami. Rangka Kerja Selera Risiko menafsirkan keupayaan risiko kami, mewujudkan dan mengesahkan secara tetap selera risiko kami, menterjemahkan selera risiko ke dalam tahap dan toleransi risiko sebagai panduan, dan secara tetap, mengukur dan menilai profil risiko kami.

Elemen utama Rangka Kerja Selera Risiko adalah satu set Penyata Selera Risiko yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah (“RAS”) yang menafsirkan sempadan dan pemacu yang telah dipilih oleh Kumpulan untuk menghadkan atau sebaliknya mempengaruhi jumlah risiko yang sedia diambilnya. Rangka Kerja Selera Risiko dan RAS Kumpulan pertama kali diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 2011 dan sejak itu disemak dan dikemas kini setiap tahun.

Matlamat pengurusan risiko bukannya untuk menghapuskan risiko, tetapi untuk mengurusnya secara cekap untuk memberikan pulangan jangka panjang kepada pihak-pihak berkepentingan kami yang sejajar dengan risiko. Pada asasnya, RAS Kumpulan adalah kenyataan hasrat dan “bentuk” Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan tentang aktiviti pengambilan risiko serta pengurusannya.

Blok Tahap Kehendak Risiko



Mengimbangi Strategi Risiko dan Strategi Perniagaan

Daripada persepektif organisasi, Selera Risiko menghubungkan strategi risiko Kumpulan kepada strategi perniagaan melalui sasaran penarafan yang dimahukan (solvensi), kemeruapan pendapatan dan had risiko, antara factor lainnya. Proses membangunkan RAS telah disepadukan ke dalam bajet tahunan Kumpulan dan kitaran perancangan perniagaan sementara kami terus memastikan bahawa risiko, pulangan dan modal kami diuruskan secara bersepadu.

Proses Penetapan Selera Risiko juga telah menetapkan konsep 'Bentuk Risiko', yang merupakan penjelasan tentang kesediaan perniagaan untuk mengambil risiko dengan menimbangkan faktor-faktor dalaman dan luaran dan juga berpandangan hadapan. Bentuk Risiko akan ditentukan oleh strategi perniagaan, yang kemudiannya akan menggerakkan keupayaan pengambilan risiko Kumpulan dan akhirnya penetapan RAS.

BUDAYA RISIKO

Budaya Risiko ditakrifkan oleh Institut Kewangan Antarabangsa (IIF) sebagai "norma-norma dan tradisi tingkah laku individu dan kumpulan dalam sesebuah organisasi yang menentukan cara di mana mereka mengenal pasti, memahami, berbincang dan bertindak terhadap risiko yang dihadapi dan diambil oleh organisasi".

Kami melihat Budaya Risiko sebagai asas di mana rangka kerja pengurusan risiko perusahaan yang luas dibina dan adalah blok tahap utama bagi tadbir urus yang efektif. 'Indeks Budaya Risiko' disasarkan untuk mengukur keadaan semasa budaya risiko kami di seluruh Kumpulan telah dilancarkan dengan jaya dalam suku keempat 2012. Keputusan kaji selidik telah dibentangkan kepada Lembaga Pengarah, EXCO Kumpulan, Jawatankuasa Pengurusan, Unit Perniagaan Strategik dan entiti-entiti di seluruh Kumpulan pada 2013.

Pelan tindakan dan inisiatif khusus telah dibangunkan hasil keputusan kaji selidik tersebut, dan dilaksanakan di seluruh Kumpulan pada 2013. Di peringkat industri, sokongan kukuh dalam menerap 'Budaya Risiko Betul' dizahirkan melalui penyertaan aktif kami sebagai ahli utama dalam Kumpulan Penasihat Bimbingan Berkesan IIF berkaitan penerbitan Garis Panduan Lembaga Kestabilan Kewangan tentang Budaya Risiko. Kami berusaha agar 'Budaya Risiko Betul' terus diterapkan di seluruh Kumpulan sebagai melengkapi pertumbuhan mapan secara bertanggungjawab berserta kesedaran risiko.

FUNGSI RISIKO KUMPULAN BEBAS

Fungsi Risiko Kumpulan, diketuai oleh Ketua Pegawai Risiko Kumpulan ("GCRO"), memainkan peranan penting dengan tanggungjawab utama berikut:

- Menyokong pengembangan dan perniagaan serantau Kumpulan dalam membangun dan mencapai matlamat strategik;
- Bertindak sebagai rakan kongsi strategik dengan perniagaan dalam perancangan bajet dan penetapan dan pelaksanaan selera risiko;
- Menyediakan had kuasa untuk kelulusan pusat dan serantau, kawalan, sistem risiko dan kepimpinan seni bina, dan risiko perusahaan yang dilaporkan kepada Pengurusan;
- Meneruskan pembangunan fungsi risiko di seluruh rantau di mana Kumpulan mempunyai operasi dan menerapkan budaya risiko Kumpulan; dan
- Menjadi rakan strategik kepada perniagaan dalam menangani pihak luar yang berkepentingan termasuk pengawal selia dan penganalisis berkaitan dengan isu-isu risiko.

Sebagai tambahan kepada operasi harian, Risiko Kumpulan juga terlibat sepenuhnya dalam aktiviti pembangunan perniagaan seperti kelulusan produk baru, semakan selepas pelaksanaan dan latihan ketekunan wajar.

RISIKO KREDIT

DEFINISI RISIKO KREDIT

Risiko kredit wujud akibat kegagalan pelanggan atau rakan niaga untuk menunaikan kewajipan kewangan dan kontrak mereka apabila tiba masanya. Kewajipan itu timbul daripada aktiviti operasi pemberian pinjaman langsung, pembiayaan dan pendanaan perdagangan dan pelaburan yang dikendalikan oleh Kumpulan.

KEPERLUAN MODAL PENGAWAL SELIA

Daripada pelbagai jenis risiko yang dihadapi oleh Kumpulan, keperluan modal kawal selia adalah paling banyak untuk risiko kredit.

Jadual 3 hingga 5 membentangkan keperluan modal pengawal selia yang minimum bagi risiko kredit di bawah pendekatan IRB Kumpulan, Bank dan MIB. Jadual-jadual ini memberikan jumlah RWA mengikut pelbagai kelas pendedahan di bawah pendekatan IRB dan mematuhi keperluan modal minimum 8% yang ditetapkan oleh BNM untuk memastikan modal minimum yang diperlukan bagi setiap portfolio yang dinilai.

Jadual 3: Pendedahan Kecukupan Modal bagi Kumpulan Maybank

Perkara	Kelas Pendedahan Pada 31.12.2013	Pendedahan Kasar/ EAD sebelum CRM RM'000	Pendedahan Bersih/ EAD selepas CRM RM'000	Aset Berwajaran Risiko (RWA) RM'000	Keperluan Modal Minimum pada 8% RM'000
1.0	**Risiko Kredit**				
1.1	**Pendedahan Dikecualikan (Pendekatan Standard)**				
	Pendedahan Dalam Lembaran Imbangan				
	Kedaulatan/Bank-bank Pusat	80,567,433	80,567,433	2,786,940	222,955
	Entiti Sektor Awam	8,217,183	8,214,555	1,095,149	87,612
	Bank-bank, Institusi Kewangan Pembangunan dan MDB	1,399,546	1,346,082	1,002,014	80,161
	Syarikat insurans, Firma Sekuriti & Pengurus Dana	355,289	354,600	354,600	28,368
	Korporat	20,932,683	20,635,972	17,038,130	1,363,050
	Pengawal Selia Runcit	24,088,986	23,799,906	16,212,695	1,297,016
	Gadai Janji Kediaman	1,574,779	1,574,779	611,649	48,932
	Aset Risiko Tinggi	312,107	312,107	468,160	37,453
	Aset-aset lain	7,372,343	7,372,343	1,541,111	123,289
	Pendedahan Pensekuritian	262,117	262,117	52,423	4,194
	Pendedahan Ekuiti	202,943	202,943	207,987	16,639
	Pendedahan Kemungkiran	274,319	274,210	423,536	33,883
	Jumlah Pendedahan Dalam Lembaran Imbangan	145,559,728	144,917,047	41,794,394	3,343,552
	Pendedahan Luar Lembaran Imbangan				
	Derivatif OTC	474,171	474,171	289,956	23,196
	Pendedahan luar lembaran imbangan selain derivatif OTC atau derivatif kredit	2,022,620	2,022,620	1,749,744	139,980
	Pendedahan Kemungkiran	115	115	170	14
	Jumlah Pendedahan Luar Lembaran Imbangan	2,496,906	2,496,906	2,039,870	163,190
	Jumlah Pendedahan Dalam dan Luar Lembaran Imbangan	148,056,634	147,413,953	43,834,264	3,506,741
1.2	**Pendedahan di bawah Pendekatan IRB**				
	Pendedahan Dalam Lembaran Imbangan				
	Bank-bank, Institusi Kewangan Pembangunan & MDB	53,154,389	53,154,389	15,286,742	1,222,939
	Pendedahan Korporat	170,279,014	170,279,014	118,769,413	9,501,553
	a) Korporat (tidak termasuk Pinjaman Khusus dan pelarasan saiz firma)	93,844,128	93,844,128	66,127,979	5,290,238
	b) Korporat (dengan pelarasan saiz firma)	70,750,449	70,750,449	48,353,134	3,868,251
	c) Pemberian pinjaman khusus (Pendekatan Slotting)				
	- Pembiayaan Projek	5,684,437	5,684,437	4,288,300	343,064
	Pendedahan Runcit	141,519,177	141,519,177	43,710,797	3,496,864
	a) Gadai Janji Kediaman	42,948,898	42,948,898	14,581,949	1,166,556
	b) Pendedahan Pusingan Runcit Yang Layak	4,807,651	4,807,651	2,354,350	188,348
	c) Pendedahan Sewa Beli	37,260,503	37,260,503	12,367,396	989,392
	d) Pendedahan Runcit Lain	56,502,125	56,502,125	14,407,102	1,152,568
	Pendedahan Kemungkiran	4,385,617	4,385,617	411,049	32,884
	Jumlah Pendedahan Dalam Lembaran Imbangan	369,338,197	369,338,197	178,178,001	14,254,240
	Pendedahan Luar Lembaran Imbangan				
	Derivatif OTC	11,101,524	11,101,524	3,585,694	286,856
	Pendedahan luar lembaran imbangan selain derivatif OTC atau derivatif kredit	56,179,785	56,179,785	31,569,963	2,525,597
	Pendedahan Kemungkiran	15,055	15,055	5,710	457
	Jumlah Pendedahan Luar Lembaran Imbangan	67,296,364	67,296,364	35,161,367	2,812,909
Peminjaman sekuriti bank atau penggunaan sekuriti sebagai cagaran oleh bank, termasuk pada ketika di mana terjadi hasil transaksi repo (iaitu transaksi pembelian balik/pembelian berbalik dan peminjaman/pinjaman sekuriti) dan komitmen untuk membeli balik sekuriti Islam di bawah Jual dan Beli-Balik	**3,095,503**	**2,170**	**189**
Kontrak tukaran mata wang asing	**163,653,441**	**6,305,042**	**1,951,0076**
- Setahun atau kurang	**129,694,254**	**3,256,512**	**867,241**
- Lebih setahun hingga lima tahun	**33,850,860**	**3,033,341**	**1,072,652**
- Lebih lima tahun	**108,327**	**15,189**	**11,113**
Kontrak kadar faedah/keuntungan	**109,100,681**	**5,089,740**	**1,897,716**
- Setahun atau kurang	**28,986,158**	**735,818**	**277,530**
- Lebih setahun hingga lima tahun	**59,302,422**	**2,162,852**	**748,433**
- Lebih lima tahun	**20,812,101**	**2,191,070**	**871,753**
Kontrak berkaitan komoditi	**130,322**	**14,011**	**7,219**
- Setahun atau kurang	**-**	**-**	**-**
- Lebih setahun hingga lima tahun	**130,322**	**14,011**	**7,219**
- Lebih lima tahun	**-**	**-**	**-**
Komitmen lain, seperti kemudahan gantian formal dan barisan kredit, dengan tempoh matang asal lebih setahun	**37,301,547**	**22,230,898**	**9,877,562**
Komitmen lain, seperti kemudahan gantian formal dan barisan kredit, dengan tempoh matang asal sehingga setahun	**24,114,679**	**15,282,805**	**10,240,767**
Sebarang komitmen yang boleh dibatalkan tanpa syarat pada bila-bila masa oleh bank tanpa memberikan notis awal atau terbatal dengan sendirinya akibat kemerosotan keupayaan kredit peminjam	**23,584,827**	**261,807**	**80,664**
Penggunaan di bawah had kad kredit (bagi portfolio di bawah pendekatan Standard tertakluk kepada 20% CCF)	**870,374**	**174,075**	**131,025**
Jumlah	**392,908,209**	**69,545,223**	**37,145,881**
Pada 31.12.2012			
Gantian Kredit Langsung	9,630,321	9,330,230	5,923,432
Item luar jangka berkaitan urus niaga	12,507,481	6,086,424	4,548,217
Dagangan jangka pendek berkaitan perdagangan bubar sendiri luar jangkaan	4,866,380	968,455	702,003
NIF dan kewajipan di bawah perjanjian taja jamin yang sedang berlangsung	30,000	15,000	3,000
Peminjaman sekuriti bank atau penggunaan sekuriti sebagai cagaran oleh bank, termasuk pada ketika di mana terjadi hasil transaksi repo (iaitu transaksi pembelian balik/pembelian berbalik dan peminjaman/pinjaman sekuriti) dan komitmen untuk membeli balik sekuriti Islam di bawah Jual dan Beli-Balik	798,196	411,598	50,963
Kontrak tukaran mata wang asing	170,105,729	7,069,561	2,856,296
- Setahun atau kurang	88,143,896	1,897,261	520,511
- Lebih setahun hingga lima tahun	63,778,648	3,119,888	1,444,007
- Lebih lima tahun	18,183,185	2,052,412	891,778
Kontrak kadar faedah/keuntungan	41,079,672	2,385,332	770,938
- Setahun atau kurang	24,701,618	550,359	199,287
- Lebih setahun hingga lima tahun	16,104,820	1,824,999	569,365
- Lebih lima tahun	273,234	9,974	2,286
Kontrak berkaitan komoditi	-	-	-
- Setahun atau kurang	-	-	-
- Lebih setahun hingga lima tahun	-	-	-
- Lebih lima tahun	-	-	-
Komitmen lain, seperti kemudahan gantian formal dan barisan kredit, dengan tempoh matang asal lebih setahun	35,779,967	20,418,739	8,169,932
Komitmen lain, seperti kemudahan gantian formal dan barisan kredit, dengan tempoh matang asal sehingga setahun	23,567,299	15,352,562	9,652,404
Sebarang komitmen yang boleh dibatalkan tanpa syarat pada bila-bila masa oleh bank tanpa memberikan notis awal atau terbatal dengan sendirinya akibat kemerosotan keupayaan kredit peminjam	27,403,696	271,032	63,766
Penggunaan di bawah had kad kredit (bagi portfolio di bawah pendekatan Standard tertakluk kepada 20% CCF)	578,462	115,692	86,888
Jumlah	326,347,203	62,424,625	32,827,839

RISIKO KREDIT

Jadual 36: Pendedahan Luar Lembaran Imbangan dan Risiko Kredit Pihak Lain bagi Maybank

Jenis item	Jumlah Prinsipal/ Anggaran RM'000	Jumlah Bersamaan Kredit RM'000	RWA RM'000
Pada 31.12.2013			
Gantian Kredit Langsung	10,668,222	10,600,086	6,576,588
Item luar jangka berkaitan urus niaga	12,497,981	6,322,016	3,754,051
Dagangan jangka pendek berkaitan perdagangan bubar sendiri luar jangkaan	3,852,216	794,427	513,524
Peminjaman sekuriti bank atau penggunaan sekuriti sebagai cagaran oleh bank, termasuk pada ketika di mana terjadi hasil transaksi repo (iaitu transaksi pembelian balik/pembelian berbalik dan peminjaman/pinjaman sekuriti) dan komitmen untuk membeli balik sekuriti Islam di bawah Jual dan Beli-Balik	3,095,503	2,170	189
Kontrak tukaran mata wang asing	155,846,341	6,043,798	1,771,640
- Setahun atau kurang	123,525,298	3,154,266	792,147
- Lebih setahun hingga lima tahun	32,212,716	2,874,342	968,380
- Lebih lima tahun	108,327	15,190	11,113
Kontrak kadar faedah/keuntungan	100,478,037	4,846,139	1,793,634
- Setahun atau kurang	25,413,824	620,364	261,083
- Lebih setahun hingga lima tahun	54,252,112	2,034,705	660,798
- Lebih lima tahun	20,812,101	2,191,070	871,753
Kontrak berkaitan komoditi	130,322	14,011	7,219
- Setahun atau kurang	-	-	-
- Lebih setahun hingga lima tahun	130,322	14,011	7,219
- Lebih lima tahun	-	-	-
Urus niaga derivatif OTC dan kontrak derivatif kredit tertakluk kepada perjanjian penyelesaian bersih dua hala yang sah			
Komitmen lain, seperti kemudahan gantian formal dan barisan kredit, dengan tempoh matang asal lebih setahun	33,040,948	19,025,880	8,438,810
Komitmen lain, seperti kemudahan gantian formal dan barisan kredit, dengan tempoh matang asal sehingga setahun	20,619,711	13,225,704	8,840,899
Sebarang komitmen yang boleh dibatalkan tanpa syarat pada bila-bila masa oleh bank tanpa memberikan notis awal atau terbatal dengan sendirinya akibat kemerosotan keupayaan kredit peminjam	16,412,501	177,452	39,195
Penggunaan di bawah had kad kredit (bagi portfolio di bawah pendekatan Standard tertakluk kepada 20% CCF)	332,659	66,532	50,026
Jumlah	**356,974,441**	**61,118,215**	**31,785,775**
Pada 31.12.2012			
Gantian Kredit Langsung	8,455,342	8,168,415	5,193,382
Item luar jangka berkaitan urus niaga	10,620,361	5,156,128	3,749,803
Dagangan jangka pendek berkaitan perdagangan bubar sendiri luar jangkaan	4,130,112	821,410	574,337
Peminjaman sekuriti bank atau penggunaan sekuriti sebagai cagaran oleh bank, termasuk pada ketika di mana terjadi hasil transaksi repo (iaitu transaksi pembelian balik/pembelian berbalik dan peminjaman/pinjaman sekuriti) dan komitmen untuk membeli balik sekuriti Islam di bawah Jual dan Beli-Balik	650,330	263,732	21,390
Kontrak tukaran mata wang asing	167,946,656	6,918,110	2,750,638
- Setahun atau kurang	86,733,931	1,848,562	505,478
- Lebih setahun hingga lima tahun	63,050,929	3,019,275	1,354,451
- Lebih lima tahun	18,161,796	2,050,273	890,709
Kontrak kadar faedah/keuntungan	36,201,906	2,113,314	6,189,754
- Setahun atau kurang	24,065,323	513,495	2,057,781
- Lebih setahun hingga lima tahun	11,863,349	1,589,845	4,129,687
- Lebih lima tahun	273,234	9,974	2,286
Kontrak berkaitan komoditi	-	-	-
- Setahun atau kurang	-	-	-
- Lebih setahun hingga lima tahun	-	-	-
- Lebih lima tahun	-	-	-
Urus niaga derivatif OTC dan kontrak derivatif kredit tertakluk kepada perjanjian penyelesaian bersih dua hala yang sah	-	-	-
Komitmen lain, seperti kemudahan gantian formal dan barisan kredit, dengan tempoh matang asal lebih setahun	30,916,957	17,858,307	7,406,546
Komitmen lain, seperti kemudahan gantian formal dan barisan kredit, dengan tempoh matang asal sehingga setahun	20,229,080	13,300,347	8,313,711
Sebarang komitmen yang boleh dibatalkan tanpa syarat pada bila-bila masa oleh bank tanpa memberikan notis awal atau terbatal dengan sendirinya akibat kemerosotan keupayaan kredit peminjam	18,377,624	233,629	40,958
Penggunaan di bawah had kad kredit (bagi portfolio di bawah pendekatan Standard tertakluk kepada 20% CCF)	578,462	115,692	86,888
Jumlah	298,106,830	54,949,084	34,327,407

Jadual 37 : Pendedahan Luar Lembaran Imbangan dan Risiko Kredit Pihak Lain bagi Maybank Islamic

Jenis item	Jumlah Prinsipal/ Anggaran RM'000	Jumlah Bersamaan Kredit RM'000	RWA RM'000
Pada 31.12.2013			
Gantian Kredit Langsung	**735,485**	**735,053**	**396,118**
Item luar jangka berkaitan urus niaga	**1,150,736**	**591,715**	**480,062**
Dagangan jangka pendek berkaitan perdagangan bubar sendiri luar jangkaan	**171,434**	**36,422**	**23,044**
Kontrak tukaran mata wang asing	**5,516,346**	**269,519**	**96,501**
- Setahun atau kurang	**4,763,784**	**156,925**	**58,888**
- Lebih setahun hingga lima tahun	**752,562**	**112,594**	**37,613**
- Lebih lima tahun	**-**	**-**	**-**
Kontrak kadar faedah/keuntungan	**3,470,963**	**93,066**	**37,584**
- Setahun atau kurang	**850,000**	**1,000**	**215**
- Lebih setahun hingga lima tahun	**2,620,963**	**92,066**	**37,369**
- Lebih lima tahun	**-**	**-**	**-**
Komitmen lain, seperti kemudahan gantian formal dan barisan kredit, dengan tempoh matang asal lebih setahun	**3,595,915**	**2,874,563**	**1,096,736**
Komitmen lain, seperti kemudahan gantian formal dan barisan kredit, dengan tempoh matang asal sehingga setahun	**2,308,636**	**1,685,439**	**986,277**
Sebarang komitmen yang boleh dibatalkan tanpa syarat pada bila-bila masa oleh bank tanpa memberikan notis awal atau terbatal dengan sendirinya akibat kemerosotan keupayaan kredit peminjam	**2,356,007**	**84,354**	**41,470**
Jumlah	**19,305,522**	**6,370,131**	**3,157,792**
Pada 31.12.2012			
Gantian Kredit Langsung	786,803	773,639	519,972
Item luar jangka berkaitan urus niaga	1,083,954	528,713	506,466
Dagangan jangka pendek berkaitan perdagangan bubar sendiri luar jangkaan	127,152	25,222	16,097
Kontrak tukaran mata wang asing	1,003,290	33,499	8,169
- Setahun atau kurang	-	-	-
- Lebih setahun hingga lima tahun	-	-	-
- Lebih lima tahun	4,559,103	198,593	145,288
Kontrak kadar faedah/keuntungan	600,000	568	153
- Setahun atau kurang	3,959,103	198,025	145,135
- Lebih setahun hingga lima tahun	-	-	-
- Lebih lima tahun	4,773,179	3,414,552	958,692
Komitmen lain, seperti kemudahan gantian formal dan barisan kredit, dengan tempoh matang asal lebih setahun	2,552,943	1,800,273	1,028,067
Komitmen lain, seperti kemudahan gantian formal dan barisan kredit, dengan tempoh matang asal sehingga setahun	1,905,325	37,403	22,807
Sebarang komitmen yang boleh dibatalkan tanpa syarat pada bila-bila masa oleh bank tanpa memberikan notis awal atau terbatal dengan sendirinya akibat kemerosotan keupayaan kredit peminjam	16,791,749	6,811,894	3,205,558
Jumlah			

RISIKO PASARAN

Kumpulan menakrifkan risiko pasaran sebagai kesan buruk yang menjejaskan pendapatan dan modal akibat daripada perubahan dalam tahap kemeruapan kadar atau harga pasaran seperti kadar faedah/keuntungan, kadar tukaran asing, harga komoditi dan harga ekuiti.

Kumpulan menetapkan selera risiko untuk menyediakan hala tuju yang jelas bagi aktiviti perniagaan semasa dan akan datang dalam mengambil risiko pasaran. Peringkat perancangan strategi membenarkan dasar risiko pasaran didefinasikan secara jelas bagi menyokong strategi perniagaan. Struktur pengurusan risiko yang kukuh dan menyeluruh disediakan untuk menggerakkan prinsip panduan utama, amalan dan proses secara konsisten di seluruh Kumpulan, seperti ditunjukkan di bawah:



Jawatankuasa Pengurusan Risiko ("RMC") adalah badan penguat kuasa penyeliaan risiko secara keseluruhan. Pengurusan risiko pasaran dan kecairan diserahkan kepada ERC dan ALCO, di mana ERC menakrifkan standard kumpulan dan tahap penerimaan risiko manakala ALCO bertanggungjawab menggubal dan melaksanakan tindakan strategik serta taktikal untuk memenuhi objektif risiko dan ganjaran Kumpulan.

Sebagai satu daripada risiko utama yang berkait dalam penyata kedudukan kewangan Kumpulan ("lembaran imbangan"), risiko pasaran diuruskan khusus mengikut ciri-ciri unik sesuatu portfolio. Secara amnya, Kumpulan menguruskan risiko pasaran portfolio bagi aktiviti Dagangan dan Bukan Dagangan menggunakan pelbagai teknik pengukuran dan kawalan.

RISIKO PASARAN DINIAGAKAN

Risiko pasaran diniagakan timbul terutamanya daripada dagangan berdaftar, khidmat pelanggan dan penciptaan pasaran. Aktiviti-aktiviti ini dibuat bagi tujuan penjualan jangka pendek dan/atau dengan hasrat untuk mendapat manfaat daripada pergerakan harga sebenar atau yang dijangka atau untuk menetapkan keuntungan daripada perbezaan harga jual beli (arbitrage profits).

Peniaga dilarang daripada melanggar had henti kerugian (stop loss limits), had Nilai-pada-Risiko (Value-at-Risk ("VaR")) dan melakukan transaksi sebarang instrumen/aktiviti yang tidak dibenarkan dalam buku dasar dan had dagangan yang diluluskan.

Had VaR mengawal potensi kerugian nilai buku dagangan akibat daripada pergerakan pasaran untuk satu tempoh yang khusus dalam satu kebarangkalian ditentukan kejadian di bawah situasi perniagaan biasa. Model VaR kembali diuji pada asas harian dan tertakluk kepada pengesahan bebas secara berkala untuk memastikan ia memenuhi hasrat penggunaannya.

Kumpulan juga menggunakan pengukur risiko bukan-statistik lain seperti pendedahan kepada kenaikan satu mata asas dalam hasil ("PVO1) untuk menguruskan portfolio kepekaan kepada pergerakan mata wang asing, had Greek untuk mengawal risiko opsyen dan keuntungan/kerugian tertekan bagi kesan buruk kepada keuntungan dagangan akibat peristiwa buruk. Had anggaran seperti kedudukan terbuka bersih (net open position ("NOP")) menghadkan pendedahan matawang asing manakala had portfolio mengawal pendedahan tumpuan.

Pendedahan dagangan tertakluk kepada had antara-hari, had harian dan proses peningkatan yang mantap terhadap pihak berkuasa yang ditentukan untuk tindakan segera. Laporan bulanan diagihkan kepada Pengurusan Kanan/Jawatankuasa untuk perbincangan selanjutnya.

RISIKO PASARAN TIDAK DINIAGAKAN

Risiko pasaran tidak diniagakan adalah terutamanya risiko penting yang timbul daripada aktiviti-aktiviti buku perbankan. Kelas utama risiko ini adalah risiko kadar faedah atau risiko kadar pulangan dalam buku perbankan dan risiko tukaran asing.

Risiko Kadar Faedah/Risiko Kadar Pulangan dalam Buku Perbankan

Risiko kadar faedah ("IRR") atau risiko kadar pulangan ("RoR") dalam buku perbankan timbul daripada perubahan dalam kadar faedah pasaran yang menjejaskan keadaan kewangan Kumpulan dalam segi pendapatan atau nilai ekonomi, berdasarkan profil risiko penyata kedudukan kewangan. Sumber-sumber IRR/RoR termasuk penetapan semula harga, asas, kelok hasil dan risiko harga. Di samping itu, operasi perbankan Islam terdedah kepada risiko kehilangan komersil.

Pengurusan IRR/RoR dalam buku perbankan adalah penting memandangkan kebanyakan perkara dalam penyata kedudukan kewangan Kumpulan menghasilkan pendapatan kadar faedah dan perbelanjaan kadar faedah yang diindeks kepada kadar faedah/kadar keuntungan. Penggunaan IRR adalah perkara biasa dalam perbankan dan boleh menjadi sumber penting keuntungan dan nilai pemegang saham. Walau bagaimanapun, lebihan risiko ini boleh mengancam pendapatan, modal, kecairan dan kemampuan bayar (solvensi) Kumpulan.

Dengan pengawasan ALCO, barisan perniagaan dilindungi daripada IRR/RoR melalui penetapan harga pindahan dana di mana pasaran tidak diniagakan dan risiko-risiko kecairan dipusatkan pada unit perbendaharaan/pendanaan untuk menguruskan risiko secara aktif dan mengoptimumkan kedudukan kewangan. Unit perbendaharaan/pendanaan menyemak pendedahan risiko secara tetap dan mencadangkan strategi untuk mengurangkan pendedahan risiko yang tidak dimahukan mengikut penyata dasar buku tidak diniagakan.

Dengan menyelaraskan kepada kitaran bajet, Kumpulan menyemak dan menetapkan kesanggupan maksimum bagi pendapatan dan modal berdasarkan gabungan teknik seperti Pendapatan-pada-Risiko (Earnings-at-Risk ("EaR")), Nilai Ekonomi-pada-Risiko (Economic Value-at-Risk ("EVaR")) dan ukuran kepekaan untuk memastikan pendedahan risiko mengikut selera risiko yang diluluskan.

Analisis jurang penetapan semula harga kekal sebagai satu daripada blok untuk penilaian IRR/RoR bagi Kumpulan. Melalui pelan perniagaan, Kumpulan mengiktiraf penggerak pertumbuhan khusus yang rapuh kepada perubahan dalam pergerakan kadar pasaran semasa dan jangkaan. Portfolio tertentu seperti produk dengan ciri-ciri tidak ditentukan tertakluk kepada permodelan statistik berkala untuk memahami corak peri laku pelanggan/produk bagi kadar dan kitaran perniagaan yang berubah-ubah. Penilaian risiko dan ujian tekanan secara tetap dibuat bagi memastikan portfolio boleh menghadapi kesanggupan risiko dan scenario kadar yang terjejas.

Jadual 38 (a) - (b) menunjukkan kesan perubahan dalam IRR/RoR kepada pendapatan dan modal Kumpulan, Bank dan MIB.

Jadual 38(a): Risiko Kadar Faedah/Kadar Pulangan dalam Buku Perbankan bagi Kumpulan Maybank, Maybank dan Maybank Islamic (Kesan ke atas Pendapatan)

	31.12.2013			31.12.2012		
	Kumpulan	Bank	MIB	Kumpulan	Bank	MIB
	±200bps RM'000	±200bps RM'000	±200bps RM'000	±200bps RM'000	±200bps RM'000	±200bps RM'000
Kesan ke atas Pendapatan yang mana,	503,021	546,871	108,977	561,401	567,145	(122,564)
MYR	222,428	331,556	108,977	529,163	651,728	(122,564)
USD	(33,358)	(79,877)	-	38,537	(25,600)	-
SGD	267,917	267,916	-	89,806	89,806	-
IDR	16,280	-	-	49,736	-	-
LAIN-LAIN*	29,754	27,276	-	(145,841)	(148,789)	-

Jadual 38(b): Risiko Kadar Faedah/Kadar Pulangan dalam Buku Perbankan bagi Kumpulan Maybank, Maybank dan Maybank Islamic (Kesan ke atas Modal)

	31.12.2013			31.12.2012		
	Kumpulan	Bank	MIB	Kumpulan	Bank	MIB
	±200bps RM'000	±200bps RM'000	±200bps RM'000	±200bps RM'000	±200bps RM'000	±200bps RM'000
Kesan ke atas Pendapatan yang mana,	4,660,351	3,668,596	1,005,182	2,684,634	2,007,847	809,645
MYR	4,001,583	2,996,368	1,005,182	2,026,318	1,216,637	809,645
USD	456,655	459,253	-	52,228	77,973	-
SGD	264,400	264,400	-	531,994	531,994	-
IDR	(17,786)	-	-	(106,493)	-	-
LAIN-LAIN*	(44,501)	(51,425)	-	180,587	181,243	-

Nota-nota:

1. Analisis kepekaan di atas tidak dibandingkan secara langsung dengan analisis kepekaan dalam Nota 48(d) penyata kewangan yang disediakan menurut MFRS 7 disebabkan model dan andaian dalaman yang digunakan untuk pelaporan risiko.
2. * Termasuk GBP, HKD, BND, VND, CNY, EUR, PHP, PGK dan matawang lain.
3. Berbanding tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2012, analisis kepekaan mengambil kira beberapa peningkatan dan aktiviti utama, contohnya perubahan dalam kaedah Andaian Peri Laku, kematangan lindung nilai dan peralihan dalam portfolio perniagaan.
4. EaR adalah potensi keuntungan/kerugian berbanding jumlah pendapatan Bank manakala EVaR adalah potensi kesan nilai ekonomi penyata kedudukan kewangan ke atas modal.

Risiko Tukaran Asing dalam Buku Perbankan

Risiko tukaran asing ("FX") timbul daripada perubahan dalam kadar tukaran mata wang atau pergerakan/salah suai buruk dalam matawang di mana operasi perniagaan disebut harga dalam matawang selain daripada matawang fungsi Kumpulan.

Pendedahan risiko FX boleh disebabkan oleh kedudukan berstruktur dan bukan berstruktur. Kedudukan FX berstruktur adalah terutamanya pelaburan bersih dalam cawangan, syarikat subsidiari dan pelaburan strategik luar negara. Secara amnya, kedudukan FX berstruktur tidak perlu dilindung nilai kerana pelaburan-pelaburan ini secara takrifannya adalah "berterusan" (perpetual) dan kerugian penilaian semula tidak akan berlaku sekiranya ia tidak dijual. Kedudukan FV residual atau tidak dilindung nilai diuruskan menurut dasar pengurusan dan tahap risiko FX.

Sebagai prinsip dalam dasar risiko FX, semua aset matawang asing dalam buku perbankan perlu disuai-danakan mengikut matawang yang sama untuk mengurangkan FX NOP. Sementara itu, Kumpulan melaksanakan kawalan kualitatif seperti menyenaraikan matawang dalam/luar pesisir yang dibenarkan, produk yang diluluskan untuk lindung nilai risiko FX, dan sebagainya.

PENDEDAHAN EKUITI DALAM BUKU PERBANKAN

Objektif Pendedahan Ekuiti adalah untuk menentukan bentuk dan tahap pendedahan Kumpulan kepada risiko pelaburan yang timbul daripada kedudukan ekuiti dan instrumen yang dipegang dalam buku perbankan.

- **Diniagakan Secara Awam**

  Pegangan pelaburan ekuiti terdiri daripada saham-saham yang disebut harga diniagakan secara aktif dalam pasaran saham. Kesemua pendedahan ekuiti yang diniagakan secara awam dinyatakan pada harga saksama.

- **Dipegang Secara Persendirian**

  Ekuiti yang dipegang secara persendirian adalah pelaburan yang tidak disebut harga yang mana nilai saksama tidak boleh diukur secara tepat yang dibawa pada kos ditolak kerugian susut nilai, jika ada.

  Kumpulan memegang pelaburan dalam sekuriti ekuiti dengan tujuan mendapatkan kelebihan strategik serta kenaikan modal apabila dijual.

  Risiko Ekuiti adalah risiko penyusutan dalam pelaburan tertentu berpunca daripada pergerakan tidak menggalakkan dalam pasaran saham yang dinamik atau faktor spesifik yang lain.

RISIKO PASARAN

LAYANAN MODAL BAGI RISIKO PASARAN

Pada peringkat Kumpulan dan Global, Maybank mengira keperluan modal minimum berbanding risiko pasaran menurut garis panduan Rangka Kerja Kecukupan Modal BNM yang dikemaskini (Basel II – Aset Berwajaran Risiko) di bawah Pendekatan Standard dan bagi MIB, garis panduan Rangka Kerja Kecukupan Modal BNM bagi Bank Islam (Aset Berwajaran Risiko) digunakan. Ini adalah penting kerana modal menjadi penampan kewangan untuk menghadapi pergerakan risiko pasaran yang buruk. Risiko kadar faedah, risiko mata wang asing dan risiko opsyen adalah faktor risiko utama yang berlaku dalam kegiatan urus niaga (Trading) dan bukan urus niaga (Non Trading) Kumpulan. Faktor risiko lain seperti komoditi dan ekuiti secara amnya berkaitan produk berstruktur yang diniagakan secara berturutan.

Jadual 39: Risiko Pasaran RWA dan Caj Modal Minimum pada 8% bagi Kumpulan, Bank dan MIB

Kategori Risiko Pasaran Pada 31.12.2013	Kumpulan Maybank		Maybank		Maybank Islamic	
	RWA RM'000	Modal RM'000	RWA RM'000	Modal RM'000	RWA RM'000	Modal RM'000
Risiko Kadar Faedah/Penanda Aras	3,736,706	298,936	3,214,896	257,192	244,100	19,528
Risiko Matawang Asing	3,648,000	291,840	1,786,449	142,916	485,412	38,833
Risiko Ekuiti	128,455	10,276	-	-	-	-
Risiko Komoditi	-	-	-	-	-	-
Risiko Opsyen	414,988	33,199	336,850	26,948	-	-

PENGURUSAN RISIKO KECAIRAN

Kumpulan menafsirkan risiko kecairan sebagai kesan buruk kepada keadaan kewangan atau keseluruhan keselamatan dan kekukuhan firma yang boleh timbul daripada ketidakupayaannya (atau tanggapan ketidakupayaan) untuk memenuhi kewajipannya.

Risiko kecairan timbul daripada salah suai dalam penetapan masa airan tunai antara aset dan liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan. Ia juga dikenali sebagai risiko berbangkit, berpunca daripada masalah yang wujud yang mungkin secara dalam (endogenous), contohnya penyusutan kredit, penurunan penarafan, peristiwa risiko operasi, dan sebagainya; atau luaran (exogenous) seperti gangguan pasaran, kemungkiran dalam sistem pembayaran perbankan dan penurunan risiko berdaulat.

Walaupun RMC menetapkan tona untuk selera risiko kecairan, ERC dan ALCO adalah jawatankuasa pengurusan eksekutif yang bertanggungjawab bagi keseluruhan pelaksanaan dan kawalan operasi berpandukan rangka kerja dan dasar pengurusan risiko kecairan yang diluluskan.

Penyata kedudukan kewangan Kumpulan terutamanya digerakkan oleh deposit daripada deposit runcit, pelanggan institusi dan pinjaman bank. Lebihan deposit yang dijana daripada perniagaan deposit sama ada ditempatkan dalam penempatan jangka pendek dengan bank-bank pusat ataupun dipegang dalam aset cair berkualiti tinggi. Nisbah kecairan dikekalkan secara konservatif pada setiap masa.

Penyata langkah risiko kedudukan kewangan mengekalkan secara berstruktur asas pendanaan yang pelbagai dan stabil serta mencapai penyata portfolio kedudukan kewangan yang optimal. Langkah-langkah ini menggerakkan matlamat yang dimahukan bagi nisbah pinjaman kepada deposit, sumber dana melalui pinjaman berjangka, pinjaman pukal dan pasaran swap dan lain-lain untuk menyokong asas aset serantau yang semakin besar. Melalui langkah-langkah ini, Kumpulan membentuk profil aset dan liabilitinya untuk mencapai penyata kedudukan kewangan yang disasarkan.

Aliran tunai bersih yang tidak sepadan dengan, berserta ruang masa yang berbeza, juga dikenali sebagai analisis jurang, kecairan memberikan Pengurusan gambaran jelas akan keperluan pendanaan dalam tempoh terdekat serta penyata berstruktur tentang kedudukan kewangan bagi tempoh jangka sederhana dan jangka panjang. Kumpulan menyemak sumber-sumber penyedia dana untuk mengekalkan kepelbagaian meluas mengikut matawang, produk dan terma, oleh itu dapat mengurangkan tumpuan pendanaan berlebihan. Rangkaian alat seperti petunjuk amaran awal dan penanda risiko utama juga melengkapi penilaian risiko kecairan.

Kumpulan melaksanakan ujian-ujian tekanan ke atas kecairan bagi menilai kelemahan dan menentukan kapasiti pendanaan dan kecukupan bagi situasi normal dan tekanan. Kumpulan secara berterusan menyemak dan mengekalkan kesediaan aset cair berkualiti tinggi yang dijual atau dicagar sebagai sumber dana tersedia untuk tunai segera.

Kumpulan mengaktifkan Pelan Pendanaan Luar Jangka (Contingency Funding Plan ("CFP")) untuk menghalang sebarang potensi musibah kecairan yang menjejaskan kekukuhan kecairannya dan solvensi kewangan. CFP merangkumi strategi pendanaan yang dirancang dengan teliti, kuasa pembuat keputusan, saluran komunikasi dan proses dan tindakan bagi membolehkan pengurusan membuat keputusan segara. Pelan ini diuji setiap masa untuk memastikan keberkesanan dan keteguhannya dalam menghadapi scenario krisis kecairan yang berbeza-beza.

Sejajar dengan amalan pinjaman, Kumpulan sedang dalam persediaan untuk memenuhi pematuhan Nisbah Lindungan Kecairan Basel III ("LCR") menjelang 1 Januari 2015 sementara mempertimbangkan keperluan bagi Nisbah Pendanaan Strabil Bersih ("NSFR") yang hanya akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2018.

RISIKO OPERASI

Risiko operasi ditakrifkan sebagai risiko kerugian berpunca daripada ketidakcukupan atau kegagalan proses dalaman, manusia dan sistem atau akibat peristiwa luaran. Definisi ini meliputi risiko perundangan tetapi tidak termasuk risiko strategik dan reputasi.

PENGURUSAN RISIKO OPERASI

Risiko Operasi Kumpulan bertanggungjawab merumus dan melaksanakan rangka kerja risiko operasi dalam Kumpulan yang mencakupi strategi pengurusan risiko operasi dan struktur tadbir urus. Fungsi utama lain adalah pembangunan dan pelaksanaan alat-alat pengurusan risiko operasi dan kaedah untuk mengenal pasti, mengukur dan mengawal risiko operasi.

Unit pengambilan risiko (Unit Perniagaan Strategik ("SBU")) merupakan bahagian penting rangka kerja pengurusan risiko operasi dan bertanggungjawab terutamanya dalam pengurusan harian risiko operasi. Unit-unit ini bertanggungjawab mewujud dan mengekalkan manual operasi masing-masing dan memastikan kegiatan yang dilaksanakan mematuhi Rangka Kerja Pengurusan Risiko Operasi Kumpulan Maybank.

Pegawai-pegawai Risiko Operasi ("ORO") telah dilantik dalam pelbagai Unit Perniagaan Strategik ("SBU") Kumpulan Maybank dan bertanggungjawab untuk melaksana dan mengendalikan alat-alat dan proses pengurusan risiko operasi. Mereka juga bertanggungjawab menyiasat kerugian operasi.

Risiko Perniagaan telah diwujudkan dalam SBU utama Kumpulan Maybank dan bertanggungjawab untuk menjayakan pelaksanaan rangka kerja pengurusan, dasar, kaedah dan alat risiko operasi. Risiko Perniagaan juga mengekalkan peranan tinjauan terhadap SBU dengan menganalisis dan melaporkan pendedahan risiko operasi SBU pada masa dan ketika yang tepat kepada pihak-pihak berkepentingan serta menerapkan kesedaran dan budaya risiko di seluruh Kumpulan.



INFRASTRUKTUR PENGURUSAN RISIKO

RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO OPERASI

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Operasi Kumpulan Maybank menumpukan kepada empat faktor asas risiko operasi, iaitu manusia, proses, sistem dan peristiwa luaran. Ia menyediakan rangka kerja yang telus dan formal yang sejajar dengan objektif perniagaan yang mana Lembaga Pengarah, pasukan pengurusan, kakitangan dan kontraktor boleh melaksanakan pengurusan risiko operasi mereka.

METODOLOGI DAN ALAT-ALAT PENGURUSAN RISIKO OPERASI

Pelbagai metodologi dan inisiatif telah dilaksanakan secara berkesan untuk mengenal pasti, menilai, mengukur dan melaporkan pendedahan risiko operasi secara tepat pada masanya, sekaligus menjadi alat untuk memudahkan usaha membuat keputusan dan meningkatkan proses pengurusan risiko operasi.

Pengenalpastian dan Penilaian Risiko Operasi

- Pengenalpastian risiko adalah pengiktirafan senario risiko operasi yang mungkin menjurus kepada kerugian operasi. Contohnya, di bawah program kelulusan produk Kumpulan Maybank, semua risiko terkandung dalam produk/perkhidmatan yang baru/dipertingkatkan dikenalpasti sebelum pelancarannya, dengan langkah pengurangan risiko yang tersedia.

- Pemprofilan risiko dan penilaian sendiri juga dilakukan sebagai sebahagian proses pengurusan risiko operasi.

Amalan di atas membolehkan unit pengambilan risiko mengenalpasti risiko operasi yang terkandung secara spesifik dalam persekitaran dan membantu mereka menilai keberkesanan kawalan yang tersedia ada.

Pengukuran dan Pemantauan Risiko Operasi

Kaedah dan alat utama yang digunakan untuk mengukur dan memantau risiko operasi adalah seperti berikut:

- **Risiko dan Kawalan Penilaian Kendiri ("RCSA")**

  RCSA adalah proses penilaian berterusan dan kawalan terhadap risiko operasi yang ada untuk mengenal pasti jurang kawalan dan pelan tindakan dibangunkan untuk merapatkan jurang tersebut. Ia adalah alat profil risiko yang memudahkan pengurusan risiko operasi Kumpulan Maybank secara berkesan.

  SBU melaksanakan amalan RCSA dengan menumpukan kajian semula proses perniagaan untuk meningkatkan operasi dan kawalan kritikal terutamanya yang dinilai dalam kategori "Awas" dan "Amaran".

  Kegiatan pemprofilan tahap risiko di peringkat SBU bertujuan mewujudkan Profil Risiko Kumpulan Maybank setiap setengah tahun. Profil Risiko yang disatukan dikemukakan kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko Operasi Kumpulan ("GORMC") dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko ("RMC").

RISIKO OPERASI

- **Petunjuk Risiko Utama ("KRIs")**

  KRI disertakan ke dalam proses kritikal bagi menyediakan isyarat amaran awal tentang peningkatan risiko dan/atau kegagalan kawalan dengan menunjukkan kekerapan peristiwa tertentu sebagai satu mekanisme bagi penilaian/pemantauan risiko yang berterusan.

  SBU memantau pendedahan risiko mereka melalui KRI dan dikehendaki memajukan pelan tindakan khusus dan konkrit untuk petunjuk-petunjuk yang berada di bawah Kategori "Awas" dan "Amaran". ORM membantu SBU untuk membangun dan mengesahkan KRI untuk memastikan paras ambang yang bersesuaian disediakan.

  KRI dipantau di peringkat Kumpulan, Perniagaan dan Operasi. Sumber utama KRI adalah daripada proses berkala RCSA, Pengumpulan Insiden Pengurusan dan Data (IMDC), pengalaman SBU, penemuan audit dalaman dan luaran, dan penemuan pemeriksaan oleh BNM.

- **Pengurusan Insiden Pengumpulan Data ("IMDC")**

  IMDC menyediakan platform proses yang berstruktur dan sistematik bagi SBU mengenal pasti dan menumpukan perhatian kepada 'hotspot' operasi. Ini memudahkan penubuhan pangkalan data berpusat yang konsisten dan seragam di mana maklumat insiden risiko operasi tersedia untuk dianalisis kesilapan operasinya untuk mengurangkan kesan risiko kerugian operasi masa depan.

PENGURANGAN DAN PENGAWALAN RISIKO OPERASI

Alat dan teknik Pengurangan Risiko digunakan untuk meminimumkan risiko ke tahap yang boleh diterima dan ditumpukan kepada:

- Penerusan semula perniagaan pada kadar segera seandainya berlaku malapetaka; dan
- Pengurangan kesan terhadap perniagaan, sekiranya ia berlaku.

Inisiatif kawalan dan teknik untuk mengurangkan risiko operasi adalah seperti berikut:

- **Pengurusan Kesinambungan Perniagaan ("BCM")**

  BCM Kumpulan bertanggungjawab merumus dan melaksanakan sebuah Rangka Kerja BCM yang menggariskan satu pendekatan yang komprehensif dan bersepadu untuk memastikan kesinambungan perniagaan dan mengurangkan gangguan kepada operasi perniagaan kritikal Kumpulan Maybank dan keselamatan kakitangan sekiranya berlaku gangguan dan bencana. Rangka kerja BCM adalah berdasarkan garis panduan BCM Bank Negara Malaysia dan amalan-amalan BCM utama di peringkat antarabangsa.

  Sejajar dengan keperluan Rangka Kerja BCM, Pelan Kesinambungan Perniagaan ("BCP") telah dibangunkan untuk kesemua sektor kritikal termasuk untuk luar negara. Dokumen dan amalan-amalan BCP disemak setahun sekali. Lembaga Pengarah Kumpulan Maybank juga memperakui kesediaan dan prestasi BCM Kumpulan Maybank.

  Selain dari Latihan Simulasi Krisis ("CSE") bagi setiap sektor, Kumpulan Maybank telah menyempurnakan Latihan BCP untuk 16 negara. Di samping itu, Kumpulan Maybank telah menjalankan Pengaktifan 'Latihan Langsung' (Live Run) dengan jayanya yang bertujuan untuk menguji elemen-elemen BCM iaitu Orang (Kakitangan), Bangunan, Teknologi Maklumat (IT), Perkhidmatan dan Reputasi tanpa diberitahu terlebih dahulu.

  Kumpulan juga telah melaksanakan dengan jayanya latihan simulasi kejadian kecairan, iaitu ujian Pelan Pendanaan Luar Jangka ("CFP") pada Mei 2013, melibatkan Jawatankuasa Pengurusan Kejadian Kecairan Kumpulan ("LMEC") dan pelbagai sektor termasuk MIB. Latihan tersebut direka untuk membiasakan LMEC dan pengganti-pengganti mereka dengan peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam kejadian krisis kewangan, serta untuk mengukur keberkesanan operasi CFP. Latihan yang sama akan dijalankan di negara-negara lain.

  Satu lagi usaha untuk mempertingkatkan Program BCM Kumpulan adalah Automasi BCM. Automasi BCM akan menyediakan kelebihan kompetitif kepada Kumpulan Maybank sebagai bank pertama di Malaysia yang melaksanakan proses BCM yang diautomasikan sepenuhnya dan penyelesaian ini akan dilaksanakan di seluruh rantau.

  Dengan memiliki program BCM yang teguh, Kumpulan Maybank dapat bertindak balas dengan berkesan dalam cara yang teratur seandainya berlaku gangguan/bencana, sekali gus memastikan kesinambungan perniagaan Kumpulan Maybank.

- **Penyumberan Luar**

  Penyumberan luar digunakan oleh Kumpulan terutamanya bagi tujuan mengurangkan perbelanjaan tetap dan/atau semasa serta untuk memberikan tumpuan kepada perniagaan teras Kumpulan dengan matlamat meningkatkan kecekapan operasi.

  Bagi pengurusan risiko operasi yang berkesan, Dasar Penyumberan Luar Kumpulan digubal selaras dengan keperluan pengawal selia tempatan dan amalan utama antarabangsa. Semua perkhidmatan penyumberan luar tertakluk kepada kajian berhemat dan kajian risiko.

  Kajian yang berterusan, pengawasan dan pelaporan kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko Operasi Kumpulan (GORMC) dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC) dilaksanakan untuk memastikan integriti dan mutu perkhidmatan oleh pihak yang menyediakan perkhidmatan itu tidak diambil ringan.

- **Pengurusan Anti Penipuan**

  Kumpulan menyasarkan untuk memastikan bahawa semua risiko yang timbul daripada penipuan dikurangkan ke paras serendah mungkin dan membangunkan pendekatan pengurusan penipuan yang berkesan untuk menangani kejadian berkenaan dalam cara yang tekad dan sistematik, pada masa yang tepat.

  Dasar Anti Penipuan Kumpulan menyediakan program anti penipuan yang teguh dan komprehensif dan juga kawalan bagi Kumpulan. Ia menyediakan prinsip, strategi dan dasar menyeluruh untuk dilaksanakan oleh Kumpulan dalam menangani penipuan bagi mempromosi integriti di tahap tertinggi. Ia juga menggariskan peranan dan tanggungjawab pada setiap peringkat untuk mencegah dan bertindak balas terhadap penipuan.

LAYANAN BAGI CAJ MODAL RISIKO OPERASI ("OR")

Caj Modal Risiko Operasi (OR) dikira menggunakan Pendekatan Petunjuk Asas ("BIA") bagi setiap Rangka Kerja Kecukupan Modal BNM (Basel II – Aset Berwajaran Risiko).

Kumpulan Maybank berhasrat menggunakan Pendekatan Standard ("TSA") bagi pengiraan Caj Modal Risiko Operasi. Penggunaan TSA tertakluk kepada kelulusan BNM.

Bagi tujuan ini, Kumpulan telah melakar aktiviti-aktiviti perniagaannya kepada lapan barisan perniagaan seperti mana ditetapkan oleh Basel II dan Rangka Kerja Kecukupan Modal BNM (Basel II – Aset Berwajaran Risiko).

TADBIR URUS SYARIAH

Prinsip-prinsip Syariah adalah amalan asas kewangan Islam melalui pematuhan ajaran, keadaan dan prinsip ditetapkan oleh Syariah sebagaimana ditetapkan oleh BNM dan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti ("SAC") dan Jawatankuasa Syariah Kumpulan. Pematuhan menyeluruh terhadap Prinsip Syariah akan memastikan keyakinan pihak-pihak berkepentingan dalam aktiviti dan operasi perniagaan perbankan Islam.

Menurut keperluan kawal selia BNM, Kumpulan Maybank telah melaksanakan Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah ("SAF") untuk memastikan pengawasan yang cekap dan berkesan oleh Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga dan Jawatankuasa Syariah, terhadap kegiatan dan operasi yang dijalankan oleh perniagaan perbankan Islam Kumpulan.

PELAKSANAAN RANGKA KERJA TADBIR URUS SYARIAH ("SGF")

Pelaksanaan SGF melalui pendekatan berikut:

- Pengawasan, kebertanggungjawaban dan tanggungjawab yang menyeluruh Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Syariah Kumpulan dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah;
- Pengawasan, panduan dan pemerhatian oleh Jawatankuasa Eksekutif dan Jawatankuasa Kerja Syariah; dan
- Barisan pertahanan diperincikan dalam jadual di bawah:

Barisan Pertama	**Unit Pengurusan dan Perniagaan** • Menyediakan sumber mencukupi dan tenaga kerja yang berkebolehan. • Mengenal pasti dan menguruskan risiko penting dalam produk, perkhidmatan dan aktiviti yang berada di bawah tanggungjawab mereka. • Mewujud dan meningkatkan dasar dan aliran proses operasi berkaitan produk yang ditawarkan. Bertindak sebagai pihak penghubung kepada pelbagai pemilik proses.
Barisan Kedua	**Khidmat Nasihat Syariah dan Fungsi Penyelidikan** • Memastikan bahawa semua struktur, terma & syarat, dokumentasi undang-undang dan aliran & prosedur proses operasi mematuhi Syariah.
Barisan Ketiga	**Fungsi Risiko Syariah** • Mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal secara sistematik risiko bukan pematuhan terhdapa Syariah untuk mengurangkan sebarang kejadian tiada pematuhan yang mungkin berlaku.
Barisan Keempat	**Fungsi Audit Syariah dan Semakan Syariah** • Menyediakan penilaian bebas dan secara berkala untuk menambahbaikkan tahap pematuhan dalam memastikan sistem kawalan dalaman yang kukuh dan berkesan bagi pematuhan Syariah. • Memastikan semakan berterusan ke atas proses dan penyampaian, serta menentukan bahawa proses dan hasilnya memenuhi keperluan prinsip-prinsip Syariah.

Gambaran menyeluruh SGF Kumpulan Maybank ditunjukkan di bawah:

MODEL RANGKA KERJA TADBIR URUS SYARIAH BAGI KUMPULAN



TADBIR URUS SYARIAH

JAWATANKUASA SYARIAH KUMPULAN

Peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa Syariah Kumpulan adalah untuk memberikan nasihat berhubung keseluruhan aktiviti dan operasi perniagaan Perbankan Islam Kumpulan untuk memastikan pematuhannya terhadap prinsip-prinsip Syariah. Peranan Jawatankuasa Syariah Kumpulan termasuk:

- Menasihati Lembaga Pengarah tentang perkara-perkara berkaitan Syariah dalam operasi perniagaannya;
- Mengesahkan dasar dan prosedur pematuhan Syariah;
- Mengesahkan dan menentu sahkan dokumentasi berkaitan;
- Membantu pihak berkaitan tentang hal-hal Syariah apabila diperlukan;
- Menilai kerja yang dilakukan oleh Kajian Syariah, Pematuhan Syariah dan Audit Syariah;
- Menasihati mengenai perkara-perkara yang dirujukkan kepada Majlis Perunding Syariah (SAC);
- Menyediakan pendapat Syariah secara bertulis; dan
- Membantu SAC dalam rujukan untuk mendapatkan nasihat.

Nama Ahli	Jawatan
Tan Sri Dato' Seri Dr. Hj. Harussani Hj. Zakaria	Pengerusi
Dr. Mohammad Deen Mohd Napiah	Ahli
Dr. Ismail Mohd @ Abu Hassan	Ahli
Associate Professor Dr. Ahcene Lahsasna	Ahli
Encik Sarip Adul	Ahli
Dr. Marjan Muhammad	Ahli
Dr. Mohamed Fairooz Abdul Khir	Ahli

PROSES PEMBAIKAN PENDAPATAN TIDAK MEMATUHI SYARIAH

Struktur kawalan untuk mengendali dan melaporkan ketidakpatuhan dan potensi ketidakpatuhan Syariah telah diwujudkan dalam Kumpulan. Pada 31 Disember 2013, berdasarkan kajian semula yang berterusan ke atas aktiviti operasi Kumpulan, MIB melaporkan bahawa sejumlah RM51,863.43 perlu disucikan berikutan aktiviti ketidakpatuhan Syariah di mana jumlah tersebut telah disalurkan kesemuanya kepada badan amal.

KENYATAAN PANDANGAN MASA DEPAN

Dokumen ini boleh atau mungkin mengandungi kenyataan pandangan masa depan tertentu berdasarkan jangkaan dan kepercayaan semasa, serta tanggapan atau jangkaan peristiwa akan datang. Kenyataan tinjauan masa depan ini boleh dikenal pasti berdasarkan hakikat bahawa ia bukan sahaja berkaitan dengan fakta sejarah atau semasa. Kenyataan pandangan masa depan biasanya menggunakan perkataan seperti jangkaan, sasaran, ramalan, anggaran, merancang, matlamat, percaya, akan, mungkin, boleh, berpotensi, berhasrat atau perkataan-perkataan lain yang mempunyai ekspresi yang sama. Kebergantungan tidak harus diletakkan semata-mata terhadap kenyataan seperti ini kerana daripada segi sifatnya ia tertakluk kepada risiko yang diketahui dan juga sebaliknya dan ketidaktentuan serta boleh terjejas dengan faktor-faktor lain yang boleh menyebabkan hasil yang nyata dan pelan serta matlamat Kumpulan Maybank, untuk berbeza dari segi material daripada apa yang dinyatakan dan dimaksudkan dalam kenyataan pandangan masa depan.

Kenyataan pandangan masa depan cuma memperkatakan tentang apa yang berlaku pada tarikh penyediaannya dan tidak boleh dianggap sudah disemak atau dikemas kini berikutan berlakunya perubahan di peringkat global, politik, ekonomi, perniagaan, pasaran kompetitif, kuasa pengawal selia,tukaran asing, kadar faedah, perubahan dalam kadar cukai dan gabungan perniagaan dan kecenderungan perniagaan di masa depan.

Kumpulan tidak memikul tanggungjawab untuk menyemak dan mengemas kini mana-mana kenyataan pandangan masa depan dalam dokumen ini, tanpa mengira sama ada kenyataan berkenaan terjejas akibat daripada maklumat baru, peristiwa masa depan atau sebaliknya.

Muka surat ini sengaja dikosongkan.